

**POTENSI PELAKSANAAN BANK MAKANAN DI  
MALAYSIA SEBAGAI SATU BENTUK JAMINAN  
SEKURITI MAKANAN BAGI GOLONGAN MISKIN**

**NORZURAIDA BINTI HASAN**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2012**

**POTENSI PELAKSANAAN BANK MAKANAN DI  
MALAYSIA SEBAGAI SATU BENTUK JAMINAN  
SEKURITI MAKANAN BAGI GOLONGAN MISKIN**

**NORZURAIDA BINTI HASAN**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH  
(SECARA DISERTASI)**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2012**

## ABSTRAK

Bank makanan adalah organisasi kebajikan yang berfungsi sebagai tempat untuk mengumpulkan makanan yang didermakan oleh pihak industri makanan atau masyarakat awam untuk diagihkan kepada golongan miskin dan memerlukan secara percuma. Bank makanan dilaksanakan dengan meluas di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Kanada dan Australia. Penubuhan bank makanan merupakan salah satu strategi bagi membasmi masalah kelaparan dan ketiadaan sekuriti makanan. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat sejauhmana bank makanan berpotensi untuk dilaksanakan di Malaysia sebagai langkah untuk meningkatkan tahap sekuriti makanan bagi golongan miskin. Dalam kajian ini, penulis menggunakan kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kajian perpustakaan dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian daripada buku-buku, kertas-kertas kerja, jurnal dan data-data. Manakala kajian lapangan dilakukan dengan menggunakan metod observasi dan temubual. Metod observasi digunakan semasa menjalankan kajian di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN. Temubual pula telah dijalankan bersama lima pihak iaitu pihak pelaksana dasar, pelaksana program bantuan makanan, pakar akademik, penerima bantuan makanan dan masyarakat awam bagi mendapatkan pandangan dan cadangan tentang pelaksanaan bank makanan di Malaysia. Data dianalisis dengan menggunakan analisis kandungan yang berasaskan tema secara induktif, deduktif dan komparatif. Hasil kajian menunjukkan bahawa bank makanan mempunyai potensi untuk dilaksanakan di Malaysia berdasarkan pelbagai faktor.

## **ABSTRACT**

Food banks are charitable organizations that collect food donated by the food industry or the public to be distributed to the poor and needy. Food banks are widely implemented in developed countries like the United States, Canada and Australia. Establishing a food bank is one of the strategies to overcoming the problem of hunger and food insecurity within a community. This study was conducted to determine the potential of implementing food banks in Malaysia to ensure food security for the poor. In this study, the author used library research and field studies. Library research was used to obtain information from books, papers, journals and other data related to the research topic, while the field studies were carried out using the method of observation and interviews. The observation method was used while conducting research at the Free Food Centre BELAMISKIN. The interviews were conducted with five parties, namely, the policy implementer, implementer of food aid programmes, academic experts, food aid recipients and the public, to obtain their opinion and recommendations concerning the introduction of food banks in Malaysia. Data were analysed using content analysis based on themes in inductive, deductive and comparative methods. The results showed that based on various factors, food banks have the potential to be implemented in Malaysia.

## PENGHARGAAN



Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, tuhan sekalian alam, selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi di atas segala limpah rahmat dan izinNya, penulis berjaya menyiapkan kajian yang bertajuk “Potensi Pelaksanaan Bank Makanan di Malaysia Sebagai Satu Bentuk Jaminan Sekuriti Makanan Bagi Golongan Miskin”.

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr Asmak Ab Rahman, pensyarah kanan Jabatan Syariah dan Ekonomi selaku penyelia yang telah banyak memberikan sumbangan idea dan tidak pernah mengenal erti jemu dalam memberikan bimbingan, nasihat, tunjuk ajar dan dorongan kepada penulis sehingga berjaya menyiapkan kajian ini.

Jutaan terima kasih juga diberikan kepada semua pensyarah dan tenaga pengajar khususnya di Jabatan Syariah dan Ekonomi; Prof Joni Tamkin, Dr Ahmad Azam, Encik Azizi, Encik Taqiuddin, Puan Nor Aini dan pensyarah-pensyarah di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang turut memberikan sumbangan idea dan dorongan kepada penulis bagi menyempurnakan kajian ini. Terima kasih juga kepada Kak Shiela yang banyak membantu dalam memudahkan segala urusan yang berkaitan.

Penghargaan yang tidak terhingga juga diberikan buat insan-insan yang tersayang terutamanya ma (Zaiton binti Awang) dan ayah (Allahyarham Hasan bin Othman) di atas segala titipan doa, kasih sayang, pengorbanan, bantuan, sokongan, nasihat dan kata-kata semangat yang sentiasa mengiringi sepanjang perjalanan hidup penulis. Al-fatihah buat arwah ayah yang telah kembali ke Rahmatullah pada Disember 2011 iaitu semasa penulis masih lagi dalam proses menjalankan kajian ini. Semoga

Allah mencucuri rahmat ke atas rohnyanya dan ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman. Tidak lupa juga buat ahli keluarga yang lain terutamanya Kak Yah, Abe Sop, Abe Yie, Kak Ta, Kak Su, Cekdo, Ayahdo dan adik-adik yang turut memberikan pertolongan dan sokongan sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini. Sesungguhnya segala yang diberikan tidak mampu dibalas oleh penulis dan segala kejayaan ini untuk kalian jua.

Sekalung penghargaan juga diberikan kepada semua responden yang terlibat secara langsung dalam kajian ini iaitu pihak pelaksana program bantuan makanan daripada PERTIWI *Soup Kitchen* (Puan Munirah Abdul Hamid) dan Pusat Makan Percuma BELAMISKIN (Puan Khairunnisa Khirrudin dan Puan Khaliza Khaltom), pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (Puan Roziah Abudin), Yayasan Wakaf Malaysia (Encik Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman), pakar-pakar akademik (Prof Dato' Dr Muhammad Hj Alias, Prof Madya Dr Siti Hajar Abu Bakar Ah, Dr Luqman Abdullah dan Dr Fadila Grine), para penerima bantuan makanan (Encik Peter Lam Aming, Encik Raja Singham, Puan Intan, Puan Junaidah dan Puan Sarimah) serta masyarakat awam (Encik Ghani, Encik Yusni, Encik Zulkhairul, Puan Syahirah Saliha dan Puan Raja Razimah) yang memberikan kerjasama yang sangat baik dalam berkongsi maklumat dan pandangan berkenaan dengan isu yang dikaji.

Jutaan terima kasih juga buat Universiti Malaya yang telah memberikan sumber pembiayaan kewangan berbentuk Skim Biasiswazah Universiti Malaya (SBUM) dan Peruntukan Penyelidikan Pascasiswazah (PS024/2011A) yang sangat membantu penulis untuk menyiapkan kajian ini dengan lancar dan sempurna.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih buat kawan-kawan seperjuangan Afza, Fatimah, Syuhada, Hamdana, Najihah, Hamidah, Norizah, Hanani, Syakirah, Sue, One, warga rumah no.15 dan yang lain-lain yang telah banyak membantu memberi

sumbangan idea, tenaga, dorongan dan kata-kata semangat yang tidak pernah putus kepada penulis. Akhir sekali terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak bagi menyempurnakan kajian ini. Semoga segala sumbangan, bantuan, doa, motivasi, bimbingan dan seliaan kalian semua diberkati dan mendapat balasan daripada Allah SWT serta mendapat pahala yang berlipat ganda.

Harapan saya agar penulisan ini dapat memberi manfaat dan sumbangan kepada masyarakat sebagai usaha untuk membantu golongan miskin dan yang kurang berkemampuan melalui pelaksanaan bank makanan di Malaysia. Semoga niat dan usaha yang baik ini mendapat keredhaan daripada Allah S.W.T. Semoga ilmu yang diperolehi bermanfaat untuk dunia dan akhirat. Amin.

Norzuraida Hasan

Jabatan Syariah dan Ekonomi

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya

50603 Kuala Lumpur.

zuraida\_hasan@yahoo.com

No. 158,

Kg. Pengkalan Nyireh

22200 Besut

Terengganu.

6 September 2012

## DAFTAR ISI

<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
Abstrak	iv
Penghargaan	vi
Daftar Isi	ix
Senarai Jadual	xiii
Senarai Rajah	xiv
Senarai Kependekan	xv
Senarai Transliterasi	xvii

### **BAB SATU PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Permasalahan Kajian	5
1.4	Persoalan Kajian	10
1.5	Objektif Kajian	10
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Skop Kajian	11
1.8	Kajian-Kajian Lepas	13
1.8.1	Sekuriti Makanan	14
1.8.2	Bank Makanan	22
1.8.3	Prinsip Syariah	27
1.9	Metodologi Kajian	35
1.9.1	Metod Pengumpulan Data	36
1.9.2	Metod Analisis Data	43
1.10	Kesimpulan	45

### **BAB DUA KEMISKINAN DAN KETIADAAN SEKURITI MAKANAN**

2.1	Pendahuluan	47
2.2	Definisi Makanan	47
2.3	Konsep Sekuriti Makanan	49
2.4	Konsep Sekuriti Makanan Daripada Perspektif Islam	54
2.5	Ketiadaan Sekuriti Makanan	61
2.6	Definisi Kemiskinan	62
2.7	Kemiskinan di Malaysia	66
2.8	Kemiskinan dan Ketiadaan Sekuriti Makanan	70
2.9	Kesan Ketiadaan Sekuriti Makanan	73
2.10	Langkah Mengatasi Ketiadaan Sekuriti Makanan	74
2.11	Bantuan Makanan Sebagai Jaminan Sekuriti Makanan	77
2.12	Kesimpulan	78



**BAB TIGA**  
**SISTEM OPERASI DAN PERANAN BANK**  
**MAKANAN DALAM MENJAMIN SEKURITI**  
**MAKANAN**

3.1	Pendahuluan	80
3.2	Konsep Bank Makanan	81
3.3	Sejarah Bank Makanan	81
3.4	Sistem Operasi dan Peranan Bank Makanan	84
3.4.1	Pengumpulan Dana	85
3.4.2	Penyimpanan dan Pengurusan Bekalan Makanan	91
3.4.3	Pengagihan Bantuan Makanan	95
3.5	Program-Program Bank Makanan	98
3.5.1	Program Bantuan Makanan	99
3.5.2	Program Latihan Kemahiran	100
3.5.3	Program-Program Lain	101
3.6	Perbezaan Bank Makanan Dengan <i>Soup Kitchen</i>	102
3.7	Sumbangan Bank Makanan Kepada Masyarakat	102
3.8	Peranan Bank Makanan Bagi Menjamin Sekuriti Makanan	105
3.9	Kesimpulan	106

**BAB EMPAT**  
**PRINSIP-PRINSIP SYARIAH DAN**  
**PELAKSANAAN BANK MAKANAN**

4.1	Pendahuluan	107
4.2	Bank Makanan Daripada Sudut Kebajikan Sosial	107
4.3	Sumber Dana Bank Makanan	114
4.3.1	Zakat	116
4.3.2	Sedekah	120
4.3.3	Wakaf	125
4.3.4	Korban	137
4.3.5	Aqiqah	141
4.3.6	Kifarah	142
4.3.7	Fidyah	144
4.3.8	Dam Haji	147
4.4	Pengurusan Bank Makanan	149
4.4.1	Khidmat Sukarelawan	149
4.4.2	Prinsip <i>al-Wakālah</i>	150
4.5	Pengagihan Bantuan Makanan	152
4.6	Isu-Isu Syariah Dalam Pelaksanaan Bank Makanan	154
4.6.1	Kualiti Makanan	154
4.6.2	Status Halal	156
4.7	Bantuan Makanan Daripada Perspektif Sejarah Islam	157
4.7.1	Zaman Rasulullah SAW	157
4.7.2	Zaman Pertengahan	159
4.8	Kesimpulan	162

**BAB LIMA**  
**PROGRAM BANTUAN MAKANAN DI MALAYSIA:**  
**KAJIAN DI PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN**  
**(NGO) TERPILIH**

5.1	Pendahuluan	164
5.2	Pelaksana Program Bantuan Makanan Di Malaysia	165
5.2.1	Sejarah Penubuhan	165
5.2.2	Faktor Pendorong	167
5.2.3	Pihak yang Terlibat	170
5.2.4	Sumber Dana	172
5.2.5	Pengurusan dan Penyimpanan Sumbangan	175
5.2.6	Pengagihan Bantuan Makanan	176
5.2.7	Jenis Bantuan Makanan	177
5.2.8	Penerima Bantuan Makanan	181
5.2.9	Pemantauan	186
5.2.10	Bantuan-bantuan Lain	187
5.2.11	Pandangan Pelaksana Tentang Program Bantuan Makanan	190
5.3	Perspektif Penerima Bantuan Makanan	192
5.3.1	Profil Sosioekonomi Penerima Bantuan Makanan	192
5.3.2	Penggunaan Bantuan Makanan	194
5.3.3	Faktor Pergantungan Kepada Bantuan Makanan	196
5.3.4	Pandangan Penerima Bantuan Tentang Program Bantuan Makanan	198
5.4	Perspektif Masyarakat Awam Terhadap Program Bantuan Makanan	199
5.4.1	Profil Sosioekonomi Masyarakat Awam	199
5.4.2	Tahap Kesedaran Masyarakat Awam Terhadap Tanggungjawab Sosial	200
5.4.3	Faktor Pendorong	202
5.4.4	Pandangan Masyarakat Awam Tentang Program Bantuan Makanan	202
5.5	Kesimpulan	204

**BAB ENAM**  
**DAPATAN KAJIAN:**  
**POTENSI PELAKSANAAN BANK MAKANAN DI**  
**MALAYSIA**

6.1	Pendahuluan	205
6.2	Pandangan Responden Tentang Program Bantuan Makanan	205
6.3	Pandangan Responden Tentang Pelaksanaan Bank Makanan di Malaysia	216
6.4	Pandangan Responden Tentang Situasi Kemiskinan dan Kebajikan Sosial Di Malaysia	218
6.5	Tahap Kesedaran Masyarakat Terhadap Kebajikan Sosial	222
6.5.1	Penglibatan Kerja Sukarela	222
6.5.2	Pemberian Sumbangan	223

6.6	Analisis Potensi Pelaksanaan Bank Makanan di Malaysia	225
6.7	Aplikasi Prinsip Syariah Dalam Operasi Bank Makanan	231
6.7.1	Pengumpulan Dana Bank Makanan	232
6.7.2	Pengurusan Bank Makanan	236
6.7.3	Pengagihan Bantuan Makanan	237
6.8	Cadangan Model Bank Makanan	238
6.8.1	Pengumpulan Dana Bank Makanan	239
6.8.2	Pengurusan Bank Makanan	240
6.8.3	Pengagihan Bantuan Makanan	242
6.9	Cabaran dan Halangan Pelaksanaan Bank Makanan di Malaysia	243
6.10	Kesimpulan	245

## **BAB TUJUH KESIMPULAN DAN CADANGAN**

7.1	Pendahuluan	246
7.2	Rumusan	246
7.3	Cadangan dan Saranan	249
7.3.1	Pengumpulan Dana Bank Makanan	249
7.3.2	Logistik Bank Makanan	250
7.3.3	Pihak Pengurusan Bank Makanan	251
7.3.4	Golongan Sasaran Penerima Bantuan	252
7.3.5	Pengagihan Bantuan Makanan	253
7.4	Kesimpulan	255

<b>BIBLIOGRAFI</b>	257
<b>LAMPIRAN</b>	272

## SENARAI JADUAL

- Jadual 1.1: Kadar Kemiskinan Isi Rumah di Malaysia (1999-2009)
- Jadual 1.2: Indeks Harga Pengguna (2005=100) Bagi Kumpulan Makanan, 2005-2010
- Jadual 1.3: Rumusan Kajian-Kajian Lepas
- Jadual 1.4: Senarai Responden yang ditemubual
- Jadual 2.1: Komponen Sekuriti Makanan
- Jadual 2.2: Definisi Sekuriti Makanan Mengikut Tahap
- Jadual 2.3: Ciri-ciri Sosioekonomi Orang Miskin
- Jadual 2.4: Kategori Golongan Miskin
- Jadual 2.5: Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Mengikut Kawasan
- Jadual 2.6: Takrifan Isi Rumah Berpendapatan Rendah, Miskin dan Miskin Tegar Berdasarkan Pendapatan Bulanan
- Jadual 2.7: Kadar Kemiskinan Isi Rumah di Malaysia (1999-2009)
- Jadual 2.8: Bilangan Isi Rumah Miskin Tegar, Miskin dan Mudah Miskin Tahun 2010
- Jadual 3.1: Sejarah Bank Makanan
- Jadual 4.1: Urutan Kifarah Sumpah, Illa', Zihar dan Bersetubuh Siang Hari di Bulan Ramadhan
- Jadual 4.2: Sistem Operasi *Imaret* pada Zaman Kerajaan Uthmaniyyah
- Jadual 5.1: Sukarelawan
- Jadual 5.2: Sumber Dana
- Jadual 5.3: Proses Pengagihan Bantuan Makanan
- Jadual 5.4: Jenis Bantuan Makanan
- Jadual 5.5: Kriteria dan Golongan Penerima Bantuan Makanan
- Jadual 5.6: Bantuan-bantuan Lain
- Jadual 5.7: Profil Sosioekonomi Penerima Bantuan Makanan
- Jadual 5.8: Penggunaan Bantuan Makanan
- Jadual 5.9: Profil Sosioekonomi Masyarakat Awam
- Jadual 6.1: Jumlah Kutipan Dana Mengikut Tahun 2005-2010

## **SENARAI RAJAH**

- Rajah 1.1: Skop Kajian
- Rajah 1.2: Tema Kajian Lepas
- Rajah 1.3: Metodologi Kajian
- Rajah 3.1: Operasi Bank Makanan
- Rajah 3.2: Bentuk Pemberian Sumbangan Kepada Bank Makanan
- Rajah 4.1: Mekanisme Agihan Makanan Dalam Islam
- Rajah 4.2: Jenis Zakat
- Rajah 6.1: Cadangan Prinsip Syariah Dalam Operasi Bank Makanan
- Rajah 6.2: Model Bank Makanan

## SENARAI KEPENDEKAN

ABIM	: Angkatan Belia Islam Malaysia
AMBA	: <i>Asociación Mexicana de Bancos de Alimentos</i>
BIMB	: Bank Islam Malaysia Berhad
BELAMISKIN	: Pertubuhan Membela Miskin Tegar Malaysia
CSR	: <i>Corporate Social Responsibility</i>
DHRRA	: <i>Development of Human Resources in Rural Asia</i>
Ed.	: <i>Editor</i>
EFP	: Program Makanan Kecemasan
EPU	: Unit Perancang Ekonomi.
ERA	: <i>Education and Research Association</i>
<i>et al.</i>	: <i>et alii/ alia</i> (dan yang lain-lain yang melebihi dua)
FAO	: Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia
FEBA	: Persekutuan Bank-Bank Makanan Eropah
GFN	: <i>Global FoodBanking Network</i>
h./hh.	: Halaman/ halaman lebih daripada satu
HIV	: <i>Human Immunodeficiency Virus</i>
Hj.	: Haji
<i>Ibid.</i>	: <i>Ibidem</i> (pada tempat yang sama)
IHP	: Indeks Harga Pengguna
JAWHAR	: Jabatan Wakaf, Zakat, Haji dan Mal
JAWI	: Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
Jil.	: Jilid
JKM	: Jabatan Kebajikan Masyarakat
KDNK	: Keluaran Dalam Negeri Kasar
KFC	: <i>Kentucky Fried Chicken</i>
KPWKM	: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

KR1M	: Kedai Rakyat 1Malaysia
MAIN	: Majlis Agama Islam Negeri
MOA	: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia
NGO	: Pertubuhan Bukan Kerajaan
OKU	: Orang Kelainan Upaya
<i>op.cit.</i>	: <i>Opera citato</i> (dalam karya yang sama)
PBB	: Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PERTIWI	: Pertubuhan Tindakan Wanita Islam
PGK	: Pendapatan Garis Kemiskinan
PPRT	: Projek Perumahan Rakyat Termiskin
PTTDI	: Pinggir Taman Tun Dr Ismail
SAW	: Şallallahu ‘alaihi wasallam
SWT	: Subhanahu Wata‘alā
t.p	: Tiada Penerbit
t.t	: Tanpa tempat atau tiada tahun
terj.	: Terjemahan
Vol.	: <i>Volume</i>
YPEIM	: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia
YWM	: Yayasan Wakaf Malaysia

## SENARAI TRANSLITERASI

Huruf Arab	Transliterasi
ء, ا, ؤ	a, ‘ (Hamzah)
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	h



Vokal Pendek	Transliterasi
Fathah	a
Kasrah	i
Dammah	u

Vokal Panjang	Transliterasi
آ	ā
إِي	ī
أُو	ū

Diftong	Transliterasi
وَ	aw
يْ	ay
يِّ	iy/i
وَّ	Aww

**PENGENALAN**

**BAB**  
**SATU**

# BAB SATU

## PENGENALAN

### 1.1 PENDAHULUAN

Makanan adalah keperluan yang paling asas bagi setiap manusia<sup>1</sup> untuk hidup, membesar dan mendapatkan tenaga untuk melaksanakan aktiviti harian.<sup>2</sup> Semua manusia mempunyai hak kepada satu kehidupan yang menyenangkan untuk kesejahteraan seisi keluarga termasuklah hak untuk mendapatkan makanan.<sup>3</sup> Hak ke atas makanan merupakan hak asasi manusia sepertimana yang terdapat dalam undang-undang Antarabangsa. Ianya adalah hak setiap orang untuk mempunyai akses yang berterusan terhadap sumber yang diperlukan bagi menghasilkan, mendapatkan atau membeli makanan yang mencukupi, bukan sekadar untuk mencegah kelaparan tetapi juga untuk menjamin kesihatan dan kesejahteraan.<sup>4</sup>

Akses terhadap makanan merupakan asas yang utama dalam sekuriti makanan. Sekuriti makanan menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia (FAO) ditakrifkan sebagai keadaan di mana semua penduduk mempunyai akses terhadap makanan yang mencukupi untuk menjalani kehidupan yang sihat dan aktif. Akses terhadap makanan boleh diwujudkan dengan adanya bekalan makanan dan kemampuan untuk mendapatkannya. Walaubagaimanapun, tidak semua orang berkemampuan untuk mendapatkan bekalan makanan sama ada disebabkan oleh kemiskinan atau faktor-faktor

---

<sup>1</sup> John T.R. Nickerson & Louis J. Ronsivalli (1989), *Elementary Food Science*. Westport, Connecticut: AVI Publishing Co., h. 5.

<sup>2</sup> Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi (2000), *Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan: Pendekatan Islam dan Sains*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., h.14.

<sup>3</sup> Asbjorn Eide et.al., (1984), *Food As a Human Right*. Tokyo: The United Nations University, h.3.

<sup>4</sup> Food and Agriculture Organization of The United Nations (2009), *The State of Food Insecurity in The World: Economic Crises-Impacts and Lessons Learned*. Rome: FAO, h.44.

lain. Ketidakupayaan untuk mendapatkan makanan menunjukkan berlakunya ketiadaan sekuriti makanan iaitu kurangnya akses fizikal, sosial dan ekonomi untuk memperolehi makanan yang mencukupi.<sup>5</sup> Ketiadaan sekuriti makanan boleh menyebabkan berlakunya kelaparan dan diet yang tidak mencukupi untuk keperluan tubuh badan yang sihat.<sup>6</sup> Keadaan yang berterusan akan mengundang kepada masalah kebuluran.

Ketidakmampuan untuk mendapatkan bekalan makanan telah menyebabkan hampir satu bilion penduduk di dunia menderita akibat kelaparan. Oleh itu, bagi mengatasi masalah tersebut, perlunya kepada mekanisme lain bagi membantu golongan yang mudah terjejas. Maka, bantuan makanan telah muncul sebagai respon utama bagi masalah tersebut dan sebagai mekanisme untuk mewujudkan akses terhadap makanan bagi golongan miskin. Pelbagai program bantuan makanan telah dilaksanakan bagi mengatasi masalah kelaparan dalam kalangan masyarakat miskin dan kurang berkemampuan. Menurut Graham Riches<sup>7</sup>, bank makanan dilihat sebagai mekanisme yang lebih efektif berbanding dengan program-program bantuan makanan yang lain dalam mengurangkan kelaparan dan meningkatkan tahap sekuriti makanan.

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat sistem operasi dan peranan bank makanan dalam meningkatkan tahap sekuriti makanan golongan miskin serta potensinya untuk dilaksanakan di Malaysia.

---

<sup>5</sup> FAO (2009), *op.cit*, h.8.

<sup>6</sup> Hasan Fahmi Jumah (1988), "Food Security in Islamic Countries: Opportunities and Integration" dalam Subhi Qasem (ed.), *Food Security In The Muslim World*. Jordan: The Islamic Academy of Sciences, h.218.

<sup>7</sup> Riches G., (2002), "Food Bank and Food Security: Welfare Reforms, Human Rights and Social Policy. Lessons From Canada?", *Social Policy and Administration*, Vol. 36 No. 6, hh. 648-663.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Bantuan makanan merupakan salah satu strategi untuk menjamin sekuriti makanan. Ini kerana dengan adanya bantuan makanan, ia dapat mewujudkan salah satu komponen utama dalam sekuriti makanan iaitu akses terhadap makanan terutamanya bagi masyarakat yang tidak berkemampuan. Bantuan makanan diperlukan terutamanya apabila sesuatu negara menghadapi bencana alam atau ketiadaan bekalan dan sebagainya yang memerlukan keprihatinan masyarakat dunia untuk membantu golongan-golongan yang memerlukan ini.

Di negara-negara maju terdapat organisasi khusus yang menyediakan bantuan makanan secara percuma kepada masyarakat yang memerlukan, yang dikenali sebagai *food bank*. *Food bank* atau bank makanan merupakan organisasi kebajikan yang berfungsi sebagai tempat pengumpulan, penyimpanan dan pengagihan lebihan makanan yang diberikan melalui sumbangan derma untuk diagihkan secara percuma kepada agensi-agensi kebajikan seperti *soup kitchen*, *pantries*, rumah anak-anak yatim, rumah orang tua ataupun diagihkan secara terus kepada masyarakat yang memerlukannya.<sup>8</sup> Ia merupakan mekanisme bantuan makanan bagi mengatasi masalah kebuluran dan ketidakmampuan masyarakat untuk memperolehi makanan. Berdasarkan kepada *Global Food Banking Network (GFN)*<sup>9</sup>, terdapat lebih daripada 20 buah negara yang telah melaksanakan bank makanan. Kebanyakannya dilaksanakan di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat,<sup>10</sup> Australia,<sup>11</sup> Kanada,<sup>12</sup> Jepun, New Zealand dan United Kingdom.<sup>13</sup>

---

<sup>8</sup> Riches G., (1986), *Food Banks and The Welfare Crisis*. Ottawa: Canadian Council on Social Department, h.16.

<sup>9</sup> Global FoodBanking Network, [http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=foodbanking\\_find](http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=foodbanking_find), 24 November 2011.

<sup>10</sup> Feeding America, <http://feedingamerica.org/>, [http://www.americanfoodbank.us/Home\\_Page.php](http://www.americanfoodbank.us/Home_Page.php), 1 November 2010.

<sup>11</sup> Food Bank Australia, <http://www.foodbank.com.au/>, 1 November 2010.

Dalam konteks ini, Malaysia belum mempunyai organisasi bank makanan seperti yang telah dilaksanakan di kebanyakan negara maju. Namun jika dilihat dari segi amalan pemberian bantuan makanan, terdapat pelbagai program bantuan makanan yang turut disediakan bagi membantu golongan miskin dan yang memerlukan. Di Malaysia, program-program bantuan makanan disalurkan melalui saluran formal dan tidak formal yang dikendalikan oleh pihak kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) ataupun secara individu. Program-program bantuan makanan tersebut mempunyai matlamat yang sama dengan bank makanan namun ia dalam dilakukan dalam skala yang kecil. Antaranya seperti program bantuan makanan yang dikendalikan oleh NGO iaitu Pusat Makan Percuma Pertubuhan Membela Miskin Tegar Malaysia (BELAMISKIN),<sup>14</sup> *Kechara Soup Kitchen*<sup>15</sup> dan *PERTIWI Soup Kitchen*.<sup>16</sup>

Jika dilihat daripada perspektif sejarah Islam, pemberian bantuan makanan secara percuma ini sebenarnya telah wujud sejak dari dahulu lagi. Contohnya pada zaman kerajaan Uthmaniyyah, bantuan makanan telah disalurkan melalui Pusat Penyediaan Makanan (*Public Kitchen*) atau lebih dikenali sebagai *imaret*. Ia merupakan entiti institusi wakaf yang sangat terkenal dalam menyediakan makanan kepada orang-orang miskin dan mereka yang memerlukannya seperti pelawat dan pengembara. Menurut Singer, sehingga tahun 1530 terdapat tidak kurang daripada lapan puluh tiga buah *imaret* telah dibina di bawah kerajaan Uthmaniyyah yang menyediakan makanan percuma kepada penduduknya.<sup>17</sup>

---

<sup>12</sup> Food Banks Canada, <http://foodbankscanada.ca/main.cfm>, 1 November 2010.

<sup>13</sup> Global FoodBanking Network, [http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=foodbanking\\_find](http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=foodbanking_find), 1 Jun 2011.

<sup>14</sup> Pertubuhan Membela Miskin Tegar Malaysia, <http://www.belamiskin.org/index.html>, 8 Mei 2011.

<sup>15</sup> Kechara Soup Kitchen, <http://www.kechara.com/soup-kitchen/>, 8 Mei 2011.

<sup>16</sup> Pertubuhan Tindakan Wanita Islam, [http://www.pertiwi.org/index.php?option=com\\_frontpage&Itemid=1](http://www.pertiwi.org/index.php?option=com_frontpage&Itemid=1), 8 Mei 2011.

<sup>17</sup> Singer, A. (2004), "Serving Up Charity: The Ottoman Public Kitchen", *Journal of Interdisciplinary History*, Vol 35 No. 3, h. 494.

Manakala daripada perspektif ekonomi Islam pula, Islam telah menggariskan beberapa mekanisme agihan makanan bagi memastikan golongan yang tidak berkemampuan turut memperoleh bekalan makanan yang mencukupi. Agihan tersebut adalah melalui zakat pertanian, zakat ternakan, zakat fitrah, aqiqah, korban, denda haji, kifarat, fidyah dan sedekah sunat.<sup>18</sup> Ianya dilaksanakan oleh umat Islam bukan atas dasar tanggungjawab sosial semata-mata, sebaliknya atas rasa kesedaran bahawa ianya satu suruhan dan perintah dalam agama Islam.<sup>19</sup>

Dengan melihat kepada organisasi bank makanan yang telah dilaksanakan di beberapa negara terutamanya di negara maju sebagai strategi untuk menangani isu kelaparan dan ketiadaan sekuriti makanan, maka kajian ini dilakukan untuk mengkaji potensi penubuhan bank makanan di Malaysia dengan mengaplikasikan prinsip-prinsip syariah yang sesuai bagi memenuhi jaminan sekuriti makanan daripada perspektif Islam.

### **1.3 PERMASALAHAN KAJIAN**

Isu sekuriti makanan mempunyai perkaitan yang rapat dengan kelaparan, kekurangan zat pemakanan dan kemiskinan. Ia adalah salah satu masalah yang begitu serius bagi kebanyakan masyarakat di negara membangun dan miskin. Menurut FAO, terdapat makanan yang mencukupi untuk penduduk dunia tetapi terhalang hanya disebabkan oleh ketiadaan akses untuk mendapatkannya.<sup>20</sup> Keadaan ini menunjukkan bahawa bekalan makanan yang mencukupi di pasaran tidak semestinya membawa implikasi wujudnya akses kepada makanan untuk setiap individu atau isi rumah. Kebanyakan

---

<sup>18</sup> Asmak Ab Rahman (2009), "Sekuriti Makanan dari Perspektif Syariah". *Jurnal Syariah*, Jil. 17 Bil. 2, h. 300.

<sup>19</sup> Asmak Ab Rahman (2004), "Pemikiran Ekonomi Islam Dalam Bidang Pertanian dan Amalannya di Malaysia (Tesis Institut Pengajian Siswazah Universiti Malaya), h.161.

<sup>20</sup> Alan Boyd, "Asia is Winning the War Against Hunger", *Asia Times*.  
[http://www.atimes.com/atimes/Asian\\_Economy/EL05Dk01.html](http://www.atimes.com/atimes/Asian_Economy/EL05Dk01.html), 20 April 2011.

masalah ketiadaan sekuriti makanan adalah berpunca daripada akses kepada makanan tersebut dan bukannya disebabkan oleh ketiadaan makanan.<sup>21</sup> Hal ini kerana tidak semua orang mampu untuk membeli ataupun tidak boleh membeli dengan kadar yang mencukupi untuk memenuhi keperluan keluarga mereka yang disebabkan oleh perbezaan tahap pendapatan.<sup>22</sup>

Jumlah makanan seluruh dunia juga dianggarkan lebih daripada mencukupi pada tahun 2030 di mana pengeluaran makanan akan bertambah lebih 70 peratus lebih tinggi daripada yang dihasilkan pada 1990, namun masih terdapat mereka yang tidak dapat menikmatinya ekoran daripada masalah kemiskinan yang menyebabkan ketiadaan akses terhadap makanan tersebut. Ini menunjukkan kemiskinan merupakan penyebab kepada ketiadaan jaminan sekuriti makanan kerana ia berkait rapat dengan pendapatan individu atau isi rumah.<sup>23</sup> Kemiskinan juga adalah penyebab yang selalu dikaitkan dengan kelaparan yang menyebabkan masyarakat terpaksa berdepan dengan risiko kebuluran.<sup>24</sup> Kebuluran adalah ancaman yang paling asas yang boleh menyebabkan kematian di mana jumlah kematian yang disebabkan oleh kebuluran adalah melebihi angka kematian yang disebabkan oleh penyakit Aids, malaria dan tibi setiap tahun.<sup>25</sup> Menurut Agensi Makanan dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), terdapat 166 juta orang di 22 buah negara di dunia ini menghadapi kebuluran atau kesukaran untuk mendapatkan makanan yang mencukupi.<sup>26</sup> Statistik menunjukkan terdapat lebih kurang 24,000 orang mati pada setiap hari akibat daripada kebuluran atau punca-punca yang berkaitan

---

<sup>21</sup> Dayangku Norasyikin Awang Tejuddin (2005), “Keselamatan Makanan di Kawasan Tanduk Afrika” (Disertasi Jabatan Pengajian Strategik dan Pertahanan Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya), hh.33-34.

<sup>22</sup> Sophia Murphy & Kathy McAfee (2005), *U.S. Food Aid: Time to Get It Right*. United States: Institute For Agricultural and Trade Policy, h. 7.

<sup>23</sup> Asmak Ab Rahman (2009), *op.cit.*, h. 311.

<sup>24</sup> Global FoodBanking Network, [http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=about\\_hunger](http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=about_hunger), 1 April 2011.

<sup>25</sup> World Food Program, <http://www.wfp.org/>, 1 April 2011.

<sup>26</sup> Konsumer Kini, <http://www.konsumerkini.net.my/v1/index.php/berita-terkini/isu-makanan/474-22-negara-hadapi-masalah-kekurangan-makanan>, 8 Oktober 2010.



dengan kebuluran.<sup>27</sup> Kebuluran boleh menyebabkan perkembangan otak terbatas, produktiviti menjadi rendah yang seterusnya menjadi halangan utama kepada sesebuah negara untuk membangunkan ekonomi, sosial dan politik.<sup>28</sup>

Walaupun masyarakat di Malaysia tidak mengalami masalah kebuluran yang serius seperti di negara dunia ketiga namun Malaysia masih lagi terdedah kepada faktor ketiadaan sekuriti makanan seperti kemiskinan, bencana alam dan sebagainya. Keadaan kemiskinan di Malaysia digambarkan melalui Jadual 1.1:

Jadual 1.1: Kadar Kemiskinan Isi Rumah di Malaysia (1999-2009)

Jenis Kemiskinan/ Kawasan	Tahun (%)					
	1999	2002	2004	2007	2008	2009
Insiden kemiskinan						
Keseluruhan	8.5	6.0	5.7	3.6	3.8	3.8
Bandar	14.8	13.5	11.9	7.1	7.7	8.4
Luar Bandar	3.3	2.3	2.5	2.0	2.0	1.7
Insiden miskin tegar						
Keseluruhan	1.9	1.0	1.2	0.7	0.8	0.7
Bandar	3.6	2.6	2.9	1.4	1.8	1.8
Luar Bandar	0.5	0.3	0.4	0.3	0.3	0.2

Sumber: Unit Perancang Ekonomi.

Jadual 1.1 menunjukkan kadar kemiskinan isi rumah di Malaysia dalam tempoh sepuluh tahun iaitu dari tahun 1999 hingga 2009. Berdasarkan kepada jadual tersebut, secara keseluruhannya kadar kemiskinan menunjukkan penurunan daripada 8.5 peratus pada tahun 1999 kepada 3.8 peratus pada tahun 2009. Walaupun kadar kemiskinan

<sup>27</sup> The Hunger Site, [http://www.thehungersite.com/clickToGive/aboutthecause/translation.faces?siteId=1&link=ctg\\_ths\\_aboutthecause/translation\\_from\\_ourstory\\_maincolumn#malay](http://www.thehungersite.com/clickToGive/aboutthecause/translation.faces?siteId=1&link=ctg_ths_aboutthecause/translation_from_ourstory_maincolumn#malay), 1 Januari 2011.

<sup>28</sup> Asmak Ab Rahman (2009), *op.cit.*, h. 300.

keseluruhan semakin berkurangan namun keadaan ini jelas menunjukkan bahawa masalah kemiskinan masih lagi wujud di Malaysia. Kadar kemiskinan di bandar menunjukkan peratusan yang lebih tinggi berbanding kemiskinan di luar bandar. Masalah ini disebabkan oleh kos sara hidup yang tinggi, pendapatan yang rendah dan masalah tempat tinggal.<sup>29</sup> Peningkatan kos sara hidup berlaku disebabkan oleh fenomena kenaikan harga minyak dan barangan keperluan asas terutamanya bekalan makanan. Isu kenaikan harga makanan semakin membebankan pengguna terutamanya bagi golongan miskin dan berpendapatan rendah. Golongan ini paling mudah terjejas oleh sebarang kenaikan ke atas makanan memandangkan sebahagian besar pendapatan mereka diperuntukkan untuk menampung perbelanjaan makanan<sup>30</sup> dan seterusnya menyebabkan kuasa beli mereka semakin jatuh.<sup>31</sup> Kenaikan harga terutamanya bagi bekalan makanan digambarkan melalui Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi kumpulan makanan yang ditunjukkan dalam Jadual 1.2:

Jadual 1.2: Indeks Harga Pengguna (2005=100) Bagi Kumpulan Makanan, 2005-2010

Kumpulan	Tahun					
	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Makanan dan Minuman Bukan Alkohol	100	103.4	106.5	115.9	120.7	123.6
Minuman Alkohol dan Tembakau	100	106.9	115.2	123.6	131.2	136.3

Sumber: Laporan Ekonomi 2011/2012.

Jadual 1.2 menunjukkan peningkatan indeks harga pengguna bagi kumpulan makanan secara berterusan dari tahun 2005 hingga 2010 di mana peningkatan secara

<sup>29</sup> Portal Rasmi Kementerian Kewangan Malaysia, <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ub10.pdf>, 22 November 2010.

<sup>30</sup> Laporan Ekonomi 2010/2011, <http://www.treasury.gov.my/pdf/ekonomi/le/1112/bab3.pdf>, 11 April 2012.

<sup>31</sup> John W. Mellor (1987), *Food Aid for Food Security and Economic Development*. New York: The Macmillan Press Ltd, h. 177.

mendadak telah berlaku pada tahun 2008 ekoran berlakunya krisis makanan global. Harga makanan global juga dijangka akan meningkat pada masa hadapan berikutan penambahan penduduk dan kenaikan kos input pertanian.<sup>32</sup> Isu ketiadaan sekuriti makanan akan wujud selagimana adanya masalah kemiskinan kerana ia saling berkait rapat antara satu sama lain. Oleh itu, situasi ini menunjukkan bahawa masih lagi terdapat golongan yang terdedah kepada ketiadaan sekuriti makanan kerana tidak mampu untuk mendapatkan makanan yang mencukupi untuk keperluan diri dan keluarga.

Selain faktor kemiskinan, kita juga sering dikejutkan dengan kejadian bencana alam yang tidak dijangka seperti kejadian tanah runtuh, tsunami, gempa bumi, banjir besar dan lain-lain lagi. Bencana alam adalah salah satu ancaman kepada sekuriti makanan kerana bukan sahaja boleh memusnahkan tanaman yang membekalkan sumber makanan malah boleh menyebabkan ketidakupayaan untuk mendapatkan makanan terutamanya bagi mangsa-mangsa bencana.<sup>33</sup> Tambahan pula, keadaan iklim di Malaysia sering terdedah kepada kejadian bencana banjir yang mana sering berlaku saban tahun pada musim tengkujuh.<sup>34</sup>

Bagi masalah bencana khususnya banjir di Malaysia, terdapat cadangan untuk menubuhkan gudang bekalan bencana sebagai pusat penyimpanan makanan dan keperluan bantuan sepanjang tempoh kecemasan bagi menghadapi kemungkinan berlaku banjir besar.<sup>35</sup> Ini menunjukkan negara kita sememangnya memerlukan satu organisasi khusus sebagai pusat penyimpanan bekalan makanan untuk disalurkan kepada golongan yang memerlukan. Dengan adanya cadangan ini, penulis merasakan

---

<sup>32</sup> Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, [http://www.moa.gov.my/c/document\\_library/get\\_file?uuid=7b92b98e-7937-46b3-a8e7-ec05ddc60624&groupId=10136](http://www.moa.gov.my/c/document_library/get_file?uuid=7b92b98e-7937-46b3-a8e7-ec05ddc60624&groupId=10136), 4 April 2012.

<sup>33</sup> Asmak Ab Rahman (2009), *op.cit.*, h.312.

<sup>34</sup> Jabatan Kerja Raya Malaysia, <http://bencanaalam.jkr.gov.my/content.php?ida=INFO-20080102000821&type=INFO&page=content>, 1 Januari 2011.

<sup>35</sup> Berita Harian Online, [http://www.bharian.com.my/articles/Banjir\\_Perlisjadigudangbekalanbencana/Article/](http://www.bharian.com.my/articles/Banjir_Perlisjadigudangbekalanbencana/Article/), 1 April 2011.

sangat relevan untuk mengkaji potensi penubuhan bank makanan di Malaysia kerana ia bukan sahaja dapat memberi bantuan makanan kecemasan semasa bencana malah kepada golongan lain yang turut memerlukannya.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Terdapat beberapa persoalan yang mendorong penulis melakukan kajian ini. Antaranya ialah:

- a) Apakah konsep sekuriti makanan daripada pespektif Islam?;
- b) Bagaimanakah bank makanan beroperasi dan dapat memberi sumbangan dalam meningkatkan sekuriti makanan?;
- c) Adakah bank makanan sesuai dan berpotensi untuk dilaksanakan di Malaysia sebagai satu bentuk jaminan sekuriti makanan bagi golongan miskin?; dan
- d) Apakah prinsip-prinsip syariah yang sesuai untuk diaplikasikan dalam pelaksanaan bank makanan di Malaysia?.

#### **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif seperti berikut:

- a) Mengkaji konsep sekuriti makanan daripada perspektif Islam;
- b) Mengkaji sistem operasi bank makanan dan peranannya dalam meningkatkan sekuriti makanan;
- c) Menganalisis potensi pelaksanaan bank makanan di Malaysia; dan

- d) Mengemukakan prinsip-prinsip syariah yang berpotensi untuk diaplikasikan dalam pelaksanaan bank makanan di Malaysia.

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**


Antara kepentingan kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Dapat memahami konsep sekuriti makanan secara mendalam;
- b) Dapat mengetahui sistem operasi bank makanan dan hubungannya dengan sekuriti makanan;
- c) Dapat mengetahui sejauh mana potensi pelaksanaan bank makanan di Malaysia; dan
- d) Dapat memberi cadangan penubuhan bank makanan di Malaysia dengan mengaplikasikan prinsip-prinsip syariah yang sesuai sebagai jaminan sekuriti makanan bagi golongan miskin.

## **1.7 SKOP KAJIAN**

Skop kajian merupakan perkara yang amat penting semasa membuat penyelidikan kerana ia akan menyatakan ruang lingkup sesuatu penyelidikan. Kajian ini akan menumpukan perbincangan kepada potensi penubuhan bank makanan di Malaysia dengan melihat kepada empat elemen seperti yang terdapat dalam Rajah 1.1:

Rajah 1.1: Skop Kajian




Berdasarkan kepada Rajah 1.1, potensi pelaksanaan bank makanan di Malaysia akan dilihat melalui empat elemen iaitu perspektif bank makanan di negara maju, perspektif sejarah Islam, perspektif syariah dan perspektif Malaysia. Bagi perspektif negara maju, penulis akan melihat pelaksanaan bank makanan di negara maju seperti Australia, Kanada, Amerika Syarikat dan Jepun. Daripada perspektif sejarah Islam, penulis akan menumpukan kajian terhadap sejarah operasi dan sumbangan 'imaret' pada zaman Kerajaan Uthmaniyyah. Daripada perspektif syariah pula, penulis akan membincangkan prinsip-prinsip syariah yang sesuai untuk diaplikasikan dalam pelaksanaan bank makanan. Manakala bagi perspektif Malaysia pula, penulis mengkaji program bantuan makanan yang telah dilaksanakan oleh NGO di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada organisasi bantuan makanan yang dikendalikan oleh pihak yang beragama Islam. Dalam kajian ini penulis memilih Pusat Makan Percuma BELAMISKIN dan PERTIWI *Soup Kitchen*.

## 1.8 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Terdapat pelbagai penyelidikan yang berkaitan dengan kajian penulis sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Kajian-kajian tersebut dibahagikan mengikut beberapa tema iaitu sekuriti makanan, bank makanan dan prinsip syariah. Oleh kerana kajian ini menyentuh beberapa aspek lain berdasarkan tema tersebut, maka ia telah dipecahkan kepada beberapa subtema seperti yang digambarkan dalam Rajah 1.2:

Rajah 1.2: Tema Kajian Lepas



### 1.8.1 Sekuriti Makanan

#### i) Hubungan antara Kemiskinan, Kelaparan dan Sekuriti Makanan

Kemiskinan adalah faktor utama ketiadaan sekuriti makanan kerana ketidakmampuan untuk mendapatkan bekalan makanan boleh meyebabkan berlakunya kelaparan. Kelaparan dan ketiadaan makanan merupakan faktor penting yang boleh menjejaskan keadaan pemakanan seseorang individu. Menurut kajian Lena Normen *et al.*<sup>36</sup> yang mengkaji tahap ketiadaan sekuriti makanan dan kelaparan di kalangan masyarakat yang menghidapi *Human immunodeficiency virus* (HIV) positif di British Columbia menunjukkan 52 peratus daripada 1213 responden adalah berada pada tahap mempunyai sekuriti makanan, 27 peratus pada tahap ketiadaan sekuriti makanan tanpa kelaparan dan 21 peratus lagi atau 332 orang responden berada dalam keadaan ketiadaan sekuriti makanan dengan keadaan kelaparan. Berdasarkan kepada kajian beliau juga, antara faktor ketiadaan sekuriti makanan sama ada dengan kelaparan atau tanpa kelaparan di kalangan pesakit HIV positif adalah disebabkan pendapatan yang rendah dan tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan responden.

Kemiskinan pula berkait rapat dengan pendapatan individu atau isi rumah yang boleh mempengaruhi tahap sekuriti makanan di peringkat individu atau isi rumah tersebut. Maurice Schiff dan Alberto Valdes<sup>37</sup> mengkaji tentang hubungan antara pendapatan isi rumah, pengambilan makanan dan status pemakanan di negara-negara kurang membangun. Berdasarkan kajian, status kesihatan dan pengambilan makanan adalah dipengaruhi oleh tahap pendapatan isi rumah. Kenyataan ini disokong oleh

---

<sup>36</sup> Lena Norme' *et al.* (2005), "Food Insecurity and Hunger Are Prevalent among HIV-Positive Individuals in British Columbia, Canada", *Journal of Nutrition*, Vol. 135 No. 4, hh. 820-825.

<sup>37</sup> Maurice Schiff & Alberto Valdes (1990), "Poverty, Food Intake, and Malnutrition: Implications for Food Security in Developing Countries", *American Journal of Agricultural Economics*, Vol. 72, No. 5, hh.1318-1322.



Zalilah dan Ang<sup>38</sup>, di mana menurut pengkaji, pendapatan yang rendah adalah faktor utama berlakunya masalah ketiadaan sekuriti makanan. Pengkaji telah melakukan kajian terhadap ketiadaan sekuriti makanan dalam kalangan isi rumah yang berpendapatan rendah di Kuala Lumpur. Hasil kajian mendapati 34.3 peratus isi rumah berada dalam kategori mempunyai tahap makanan yang baik dan 65.7 peratus mengalami ketiadaan sekuriti makanan di mana 27.7 peratus sedang mengalami ketiadaan sekuriti makanan semasa.

Zalilah Mohd. Shariff dan Lin Khor Geok<sup>39</sup> menilai ketiadaan sekuriti makanan isi rumah dalam kalangan masyarakat luar bandar yang berpendapatan rendah dan mengkaji kaitannya dengan faktor sosioekonomi dan demografi. Temubual telah dijalankan terhadap 200 orang responden wanita yang terdiri daripada bangsa Melayu dan India. Hasil kajian menunjukkan sebanyak 84 isi rumah berada dalam kategori *food secure* dan 116 isi rumah *food insecure* dengan menggunakan *Radimel/Cornell Hunger* dan instrumen ketiadaan sekuriti makanan. Kebanyakan isi rumah yang dikategorikan sebagai tidak mencapai sekuriti makanan adalah berada di bawah garis kemiskinan, mempunyai ahli isi rumah yang ramai, anak-anak yang masih bersekolah dan isteri yang tidak bekerja. Bagi kebanyakan responden, perbelanjaan banyak digunakan untuk makanan, pendidikan anak-anak, bayaran semula pinjaman dan pengangkutan. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 42 peratus memperolehi makanan yang mencukupi, 14 peratus dalam keadaan ketiadaan sekuriti makanan dan 34.5 peratus kanak-kanak yang mengalami kelaparan.

---

<sup>38</sup> Zalilah Mohd Shariff & M. Ang (2001), "Assessment of Food Insecurity Among Low Income Households in Kuala Lumpur", *Malaysian Journal Nutrition*, Vol. 6, hh. 17-32.

<sup>39</sup> Zalilah Mohd. Shariff & Geok Lin Khor (2008), "Household Food Insecurity and Coping Strategies in a Poor Rural Community in Malaysia", *Nutrition Research and Practice*, Vol. 2 No. 1, hh. 26-34.

Melalui kajiannya yang lain, Zalilah Mohd Shariff dan Khor Geok Lin<sup>40</sup> mengkaji untuk menentukan indikator dan hasil pemakanan isi rumah yang ketiadaan sekuriti makanan dalam kalangan masyarakat miskin luar bandar di Malaysia. Pengkaji menggunakan sampel daripada masyarakat luar bandar yang melibatkan responden seramai 200 orang isi rumah yang terdiri daripada bangsa Melayu dan India. Hasil kajian menunjukkan terdapat lebih daripada 50 peratus isi rumah yang mengalami ketiadaan sekuriti makanan. Secara umumnya, ketiadaan sekuriti makanan bagi isi rumah adalah disebabkan oleh saiz isi rumah yang besar, anak-anak yang masih bersekolah dan isteri yang tidak bekerja. 59.5 peratus isi rumah yang dikenalpasti sebagai tidak mempunyai sekuriti makanan adalah berada di bawah garis kemiskinan di mana 7.8 peratus daripadanya dikategorikan sebagai isi rumah termiskin. Tambahan pula perbelanjaan bagi kebanyakan daripada isi rumah yang dikategorikan tidak mempunyai sekuriti makanan adalah melebihi daripada pendapatan bulanan mereka. Hal ini menyebabkan mereka terpaksa menggunakan simpanan dan membuat pinjaman untuk mendapatkan barangan makanan dan bukan makanan bagi menampung keperluan keluarga.

Manakala Kendall A, Olson CM dan Frongillo EA<sup>41</sup> pula mengkaji tentang hubungan antara kelaparan dan ketiadaan sekuriti makanan terhadap bekalan makanan isi rumah dan pengambilan makanan individu. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan pengambilan makanan bagi individu yang mencapai sekuriti makanan dan yang tidak mencapai tahap sekuriti makanan. Bagi melihat situasi sekuriti makanan semasa di Malaysia dan hubungannya dengan kemiskinan, Azmi Mat Akhir, Roziyah

---

<sup>40</sup> Zalilah Mohd Shariff & Khor Geok Lin (2004), "Indicators and Nutritional Outcomes of Household Food Insecurity Among a Sample of Rural Malaysia Women", *Pakistan Journal of Nutrition*, Vol. 3 No. 1, hh. 50-55.

<sup>41</sup> Kendall A, Olson CM, Frongillo EA (1996), "Relationship of Hunger and Food Insecurity to Food Availability and Consumption", *Journal of the American Dietetic Association*, Vol. 96 No. 10, hh. 1019-1024.

Omar dan Hamidin Abd Hamid<sup>42</sup> melalui kajiannya dapat menyimpulkan bahawa ketiadaan sekuriti makanan dan kemiskinan adalah saling berkait rapat. Kenaikan harga makanan juga turut menjadi penyebab ketiadaan sekuriti makanan kerana boleh mengurangkan aksesibiliti terhadap makanan.

Manakala bagi menggambarkan keadaan sekuriti makanan pada peringkat mikro di Malaysia, *ERA Consumer Malaysia* dengan kerjasama *DHRRRA Network Malaysia*<sup>43</sup> telah mengkaji tahap sekuriti makanan dengan memberi tumpuan kepada golongan petani sebagai pihak yang mengusahakan tanaman. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan soal selidik terhadap 632 isi rumah di 24 buah kampung di Malaysia yang terdiri daripada enam buah negeri iaitu negeri Perak, Kelantan, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor dan Sarawak. Kajian ini dilakukan adalah untuk menilai situasi sekuriti makanan di peringkat isi rumah dan masyarakat. Hasil kajian menunjukkan terdapat 25 peratus isi rumah terlibat dalam pertanian secara sepenuh masa. Hasil pendapatan purata bagi isi rumah yang bekerja sebagai petani sepenuh masa di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak RM10000 setahun. Manakala petani di Cameron Highlands pula mampu memperolehi purata pendapatan tahunan sebanyak RM25000. Namun, situasi yang berbeza di Sarawak di mana purata pendapatan tahunan adalah serendah RM5000 sahaja. Hasil juga menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada perbelanjaan isi rumah atau 50 peratus daripada jumlah pendapatan bulanan adalah diperuntukkan untuk makanan, 48 peratus lagi adalah dibelanjakan untuk perumahan, pakaian, kemudahan seperti air dan elektrik, kesihatan dan rekreasi. Manakala kira-kira 2 peratus lagi daripada pendapatan mereka diasingkan sebagai

---

<sup>42</sup> Azmi Mat Akhir, Roziah Omar dan Hamidin Abd Hamid (2009), "Food Security- A National Responsibility of Regional Concern: Malaysia's Case", (Conference on Food Security and Sustainable Development at Rome, 11-13 November 2009).

<sup>43</sup> Education and Research Association of Consumers Malaysia & DHRRRA Network Malaysia, "Assessing Food Security: A Micro-Study of 24 Villages in Malaysia", G.Umakanthan (ed.), <http://www.dhrramalaysia.org.my/dhrramalaysia/images/stories/pub/assessingfoodsecurity.pdf>, 25 Oktober 2011.

simpanan. Analisis bagi tahap sekuriti makanan menunjukkan tiada isi rumah yang berhadapan dengan masalah ketiadaan sekuriti makanan yang serius, di mana sekurang-kurangnya 65 peratus daripada isi rumah dianggap berada dalam status keselamatan makanan, 25 peratus pada tahap sekuriti makanan yang sederhana, namun 10 peratus lagi adalah berada pada tahap ketiadaan sekuriti makanan. Ini menunjukkan walaupun petani merupakan pengeluar pertama yang menghasilkan bekalan makanan namun masih ada juga yang terdedah kepada ketiadaan sekuriti makanan pada peringkat isi rumah.

## ii) Hubungan antara Bantuan Makanan dengan Sekuriti Makanan

Menurut John W. Mellor<sup>44</sup> bantuan makanan merupakan mekanisme mendapatkan bantuan kecemasan jangka pendek dan sebagai program bantuan makanan yang membantu masyarakat yang kekurangan bekalan makanan. Pengkaji berpendapat bantuan makanan dapat memberi sumbangan kepada sekuriti makanan dan pembangunan ekonomi di seluruh dunia ketiga. Ini kerana, dalam jangka pendek, bantuan makanan dapat melindungi rakyat yang kekurangan nutrisi makanan semasa berlaku pengeluaran yang defisit dalam sesebuah negara. Dalam jangka masa panjang pula, bantuan makanan dapat membantu negara untuk memperolehi strategi pembangunan yang berorientasikan pertanian bagi merangsang pengeluaran makanan domestik. Menurutnya, rakyat yang miskin akan menderita dalam dua cara iaitu pertama, apabila berlaku kenaikan harga makanan ia mengurangkan kuasa beli sebenar mereka. Kedua, apabila kenaikan harga makanan berlaku golongan kaya lebih cenderung untuk mengurangkan penggunaan barang dan perkhidmatan intensif buruh yang merupakan bidang kerja golongan miskin.

---

<sup>44</sup> John W. Mellor (1987), *op.cit.*

Bantuan makanan juga merupakan komponen utama strategi sekuriti makanan di negara membangun. Carlo del Ninno, Paul A. Dorosh dan Kalanidhi Subbarao<sup>45</sup> mengkaji pengalaman penerima bantuan makanan daripada empat buah negara iaitu India, Bangladesh, Ethiopia and Zambia mengenai pengeluaran makanan, perdagangan, pasaran, pengambilan dan jaringan keselamatan sebagai respon terhadap keadaan semasa kecemasan makanan. Berdasarkan pengalaman empat negara tersebut, ia menunjukkan bantuan makanan menyokong pembangunan pengeluaran dan meningkatkan infrastruktur pasaran serta memainkan peranan yang positif dalam meningkatkan sekuriti makanan isi rumah.

Sophia Murphy dan Kathy McAfee<sup>46</sup> turut menyokong bahawa bantuan makanan merupakan faktor yang dapat mewujudkan sekuriti makanan. Kajian ini mengupas berkaitan mekanisme-mekanisme bantuan makanan iaitu siapa yang memberi, menerima dan cara pemberian tersebut terutamanya di Amerika Syarikat dan turut melihat kepada negara-negara lain untuk membuat perbandingan. Pengkaji menumpukan kajian di sub-Saharan Afrika di mana berlakunya defisit makanan dan krisis makanan untuk memahami bagaimana bantuan makanan bertindakbalas dengan konteks sekuriti makanan yang lebih luas. Daripada kajian ini, kebanyakan daripada program-program bantuan makanan berjaya menggalakkan pelajar menghadiri sesi persekolahan dan dapat memberi pemahaman bahawa makanan adalah salah satu elemen bagi menghapuskan kelaparan dalam jangka masa panjang.

Kajian oleh Takashi Yamano, Harold Alderman dan Luc Christiaensen<sup>47</sup> menunjukkan bahawa bantuan makanan turut berkesan dalam melindungi pertumbuhan awal kanak-kanak daripada kejutan seperti kemarau atau ketidakpastian pendapatan.

---

<sup>45</sup> Carlo del Ninno, Paul A. Dorosh & Kalanidhi Subbarao (2007), "Food Aid, Domestic Policy and Food Security: Contrasting Experiences From South Asia and Sub-Saharan Africa", *Food Policy* 32, hh. 413–435.

<sup>46</sup> Sophia Murphy & Kathy McAfee (2005), *op.cit.*

<sup>47</sup> Takashi Yamano, Harold Alderman & Luc Christiaensen (2005), "Child Growth, Shocks, and Food Aid in Rural Ethiopia", *American Journal of Agricultural Economics*, Vol. 87, No. 2, hh. 273-288.

Oleh itu, bagi memastikan golongan yang kurang berkeupayaan turut mendapat bekalan makanan, Christopher B. Barrett<sup>48</sup> telah menggariskan strategi yang sesuai dalam penggunaan bantuan makanan bagi menangani masalah ketiadaan sekuriti makanan. Bantuan makanan memainkan peranan penting terutamanya semasa kecemasan bagi memastikan sekuriti makanan golongan tersebut terjamin.

### iii) Polisi Jaminan Sekuriti Makanan

Nur Annizah Ishak dan Pazim @ Fadzim Othman<sup>49</sup> membincangkan tentang isu-isu keselamatan makanan dari perspektif Islam dan senario keselamatan makanan di Malaysia. Pengkaji turut mengutarakan beberapa polisi khususnya di peringkat nasional bagi mengatasi masalah keselamatan makanan di Malaysia. Menurut pengkaji, daripada perspektif Islam, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan bagi memastikan setiap individu di dalam negara mendapat makanan yang mencukupi. Kerajaan bertanggungjawab bagi menjamin setiap orang memperolehi makanan yang mencukupi dan bermutu. Mohd Effendi Norwawi<sup>50</sup> pula telah mengutarakan beberapa cadangan untuk memantapkan tahap sekuriti makanan, namun lebih menumpukan kepada aspek bekalan. Antaranya ialah dengan memberi tumpuan dalam meningkatkan pengeluaran makanan tempatan dan pada masa yang sama memastikan penawaran makanan yang berkualiti tinggi, selamat dan berkhasiat untuk menjadi negara yang mampu berdikari dari segi pengeluaran dan penawaran makanan.

---

<sup>48</sup> Christopher B. Barrett (2006), "Food Aid as Part of a Coherent Strategy to Advance Food Security Objectives". ESA Working Paper No. 06-09, <ftp://ftp.fao.org/es/esa/esawp/ESAWP-06-09.pdf>.

<sup>49</sup> Nur Annizah Ishak & Pazim @ Fadzim Othman (2005), "Food Security in Malaysia From Islamic Perspective", *Jurnal Syariah*, Jil. 13, Bil. 2, hh. 1-15.

<sup>50</sup> Mohd Effendi Norwawi (2001), "Food Security from The Malaysian Perspective" (Proceeding of Seminar Food Security From The Islamic Perspective at Kuala Lumpur, 29-30 May 2001).

Bagi memantapkan lagi tahap sekuriti makanan di Malaysia, Fatimah Mohd Arshad *et al.*<sup>51</sup> melalui kajiannya telah mencadangkan beberapa agenda tambahan kepada sekuriti makanan di Malaysia sebagai persediaan dalam menangani perubahan global yang kian mencabar pada masa hadapan. Agenda yang dicadangkan adalah dengan mewujudkan revolusi Hijau II untuk meningkatkan produktiviti padi, agenda pembangunan industri makanan strategik, agenda meningkatkan pelaburan ke atas sektor makanan, agenda penggunaan lestari bahan makanan dan agenda penstrukturan institusi iaitu dengan memperkasakan petani atau pengeluar dan mewujudkan jaringan keselamatan yang komprehensif. Kesemua agenda tersebut adalah agenda tambahan kepada pelbagai polisi yang telah digubal oleh kerajaan bagi meningkatkan jaminan bekalan makanan kepada masyarakat.

Bagi melihat polisi sekuriti makanan di Indonesia pula, Siti Mardiah<sup>52</sup> telah mengkaji keberkesanan pelaksanaan polisi sekuriti makanan yang dilakukan BULOG iaitu melalui pengawalan kestabilan harga yang meliputi pengawalan harga pada peringkat pengeluar dan peringkat pengguna, mengelola stok beras nasional dan pengagihan beras murah pada golongan miskin. Hasil kajian mendapati BULOG memainkan peranan yang penting dalam menjamin sekuriti makanan di Indonesia.

Nik Mustapha Nik Hassan<sup>53</sup> pula membincangkan tentang konsep sekuriti makanan daripada pelbagai cabang dan pandangan Islam terhadap sekuriti makanan serta cara-cara untuk mencapai sekuriti makanan. Pemenuhan keperluan asas manusia termasuk makanan merupakan kewajipan secara peribadi dan sosial. Menurut pengkaji, negara memiliki kewajipan utama bagi melakukan perancangan dalam memenuhi

---

<sup>51</sup> Fatimah Mohamed Arshad *et al.* (2010), "Agenda Polisi Sekuriti Makanan Malaysia" (Kertas kerja yang dibentangkan dalam Bengkel Mengarusperdana Pertanian dalam Model Baru Ekonomi Malaysia di Bangi, 9-10 November 2010).

<sup>52</sup> Siti Mardiah (2009), "Polisi Sekuriti Makanan Di Indonesia Dari Perspektif Islam: Kajian pada *PERUM BULOG*" (Disertasi Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

<sup>53</sup> Nik Mustapha Nik Hassan (2001), "The Concept of Food Security in Islam" (Proceeding of Seminar Food Security From The Islamic Perspective at Kuala Lumpur, 29-30 May 2001).

keperluan makanan. Antara cara untuk mencapai sekuriti makanan pada peringkat makro adalah melalui pengawalan terhadap harga makanan bagi meningkatkan kuasa beli pengguna terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah.

Manakala Asmak Ab Rahman<sup>54</sup> pula telah membincangkan polisi yang telah digariskan oleh Islam bagi mencapai sekuriti makanan. Antara polisi Islam yang diutarakan untuk mencapai sekuriti makanan adalah melalui galakan pertanian, larangan penyorokan barangan dan mekanisme agihan makanan. Antara bentuk agihan makanan kepada yang golongan yang tidak berkemampuan khususnya fakir miskin adalah melalui mekanisme wakaf, zakat, aqiqah, korban, sedekah serta denda seperti kifarat, fidyah dan dam. Selain itu, menurut pengkaji elemen halal dan *tayyibah* juga perlu dimasukkan dalam konsep sekuriti makanan daripada perspektif syariah.

### **1.8.2 Bank Makanan (*Food Bank*)**

Kebanyakan kajian-kajian lepas tentang bank makanan diperolehi daripada negara Kanada dan Amerika Syarikat di mana bank makanan mempunyai profil yang tinggi dan isu ketiadaan sekuriti makanan telah didokumenkan dengan meluas. Terdapat pelbagai kajian yang berkaitan dengan bank makanan sepertimana subtema berikut:

#### **i) Peranan dan Sumbangan Bank Makanan**

Adrienne C. Teron dan Valerie S. Tarasuk<sup>55</sup> mendapati bank makanan memainkan peranan penting dalam perkembangan masyarakat kerana membantu membekalkan

---

<sup>54</sup> Asmak Ab Rahman (2009), *op.cit*, hh. 299-326.

<sup>55</sup> Adrienne C. Teron & Valerie S. Tarasuk (1999), "Charitable Food Assistance: What are Food Bank Users Receiving?". *Canadian Journal of Public Health*, Vol. 90, No. 6, hh. 382-384.



makanan yang tidak mampu mereka perolehi. Hasil kajian menunjukkan majoriti sanggup menerima bantuan tersebut selagimana ia selamat. Namun, terdapat lebih daripada separuh menerima makanan yang dipercayai tidak selamat untuk dimakan. Walaupun bank makanan menjadi respon utama bagi masalah kelaparan di kalangan masyarakat Kanada, hasil penemuan menunjukkan jumlah dan kualiti bantuan makanan yang diberikan kepada penerima dipandang ringan oleh pihak bank makanan.

Graham Riches<sup>56</sup> mengkaji tentang konsep dan model bank makanan dengan memberi tumpuan kepada perkembangan bank makanan di Kanada yang mengupas mengenai sejarah penubuhan bank makanan, pihak yang terlibat serta faktor penubuhannya. Manakala melalui penulisannya yang lain, Graham Riches<sup>57</sup> mengkaji tentang perkembangan bank makanan di Kanada dan menganalisis peranannya dalam memberikan hak asasi manusia terhadap makanan dan keberkesanannya dalam mencapai sekuriti makanan. Selain itu, beliau turut mengkaji sejauh manakah sumbangannya kepada masyarakat di Kanada. Menurut pengkaji, bank makanan adalah lebih efektif berbanding dengan program bantuan makanan yang lain dalam membantu masyarakat yang kelaparan. Selain itu, beliau mendapati bank makanan juga berupaya untuk meningkatkan tahap sekuriti makanan di Kanada.

Katrina McPherson<sup>58</sup> mengkaji perkembangan industri bank makanan dan peranannya dalam sektor kebajikan serta membincangkan implikasi-implikasi penggunaan bank makanan dan bagaimana pergantungan kepada bank makanan dapat dikurangkan. Antara faktor yang menyumbang kepada ketiadaan sekuriti makanan dan faktor penggunaan bank makanan ialah kerana kekurangan pendapatan, bilangan isi rumah yang ramai dan ketidakmampuan memiliki rumah. Kebanyakan pengguna bank

---

<sup>56</sup> Riches G., (1986), *op.cit.*

<sup>57</sup> Riches G., (2002), *op.cit.*

<sup>58</sup> Katrina McPherson (2006), "Food Insecurity and The Food Bank Industry: A Geographical Analysis of Food Bank Use in Christchurch". (A thesis for the Degree of Master of Arts in Geography in the University of Canterbury).

makanan terdiri daripada isi rumah yang ketiadaan sekuriti makanan dan tidak mempunyai kedudukan kewangan yang stabil.

Menurut kajian Jennifer D. Irwin *et al.*<sup>59</sup> sebanyak 15 peratus daripada rakyat Kanada yang terdedah dengan ketiadaan sekuriti makanan menjadikan bank makanan sebagai sumber pemakanan yang penting bagi masyarakat yang berpendapatan rendah. Penggunaan bank makanan berkembang secara mendadak sejak tahun 1980-an dan menjadi sumber penting dalam pemakanan bagi banyak keluarga. Kajian ini mendapati bahawa jumlah tenaga dan nutrien yang tidak mencukupi boleh didapati melalui hamper bank makanan untuk menyokong pertumbuhan badan terutamanya bagi masalah kelaparan dan pemakanan yang tidak mencukupi bagi sebahagian besar rakyat Kanada.

## ii) Sistem Operasi Bank Makanan

Valerie Terasuk dan Joan. M. Ekin<sup>60</sup> mengkaji bagaimana struktur dan fungsi bank makanan serta operasi pengagihan makanan yang tidak dipasarkan melalui sistem runcit. Hasil kajian mendapati pengendalian produk-produk yang tidak dijual yang disumbangkan oleh industri dilakukan oleh sukarelawan di bank makanan. Dengan adanya tenaga kerja sukarela ia dianggap sebagai situasi yang memberi kebaikan kepada kedua-dua pihak kerana lebih makanan daripada industri tersebut dapat diberikan kepada mereka yang kelaparan dan memerlukan makanan, dan dalam masa yang sama dapat mengurangkan jumlah sampah serta kos untuk menguruskan sampah tersebut. Selain itu, hubungan yang terjalin antara bank makanan dan industri adalah sebagai

---

<sup>59</sup> Jennifer D. Irwin *et al.* (2007), "Can Food Banks Sustain Nutrient Requirements?: A Case Study in Southwestern Ontario", *Canadian Journal of Public Health*, Vol. 98 No. 1, hh. 17-20.

<sup>60</sup> Valerie Terasuk & Joan. M. Ekin (2005), "Food Assistant Through "Surplus" Food: Insights From an Ethnographic Study of Food Bank Work", *Journal of Agricultural and Human Values*, Vol. 22, hh. 177-186.

inisiatif dalam menangani masalah kelaparan serta ketiadaan sekuriti makanan dalam masyarakat.

### iii) Pengguna Bank Makanan

Linda Jacobs Starkey, Harriet V. Kuhnlein dan Katherine Gray-Donald<sup>61</sup> mengkaji tentang ciri-ciri demografi dan corak pemakanan pengguna bank makanan di Kanada dengan menggunakan persampelan rawak terhadap 490 pengguna bank makanan di 57 bank makanan di bandar Montreal. Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji mendapati penerima terdiri daripada orang tua, masyarakat yang berpendapatan rendah dan penerima bantuan sosial yang lain. Bagi pengguna bank makanan, anggaran perbelanjaan bagi makanan dapat dikurangkan antara \$43 hingga \$46. Mereka lebih cenderung menggunakan bank makanan kerana sumber pendapatan yang tidak mencukupi untuk menampung jumlah perbelanjaan.

Valerie S. Tarasuk dan George H. Beaton<sup>62</sup> juga mengkaji tentang penerima bantuan bank makanan di Kanada. Berdasarkan kajian yang dilakukan didapati 90 peratus daripada isi rumah memperolehi pendapatan kurang 2/3 daripada garis kemiskinan. Manakala 94 peratus dilaporkan tidak mempunyai sekuriti makanan bagi 12 bulan sebelumnya dan 70 peratus berada di beberapa peringkat kekurangan makanan walaupun menggunakan bank makanan. Hasil kajian menunjukkan keupayaan yang terhad bagi program-program bantuan makanan dalam mengatasi masalah ketiadaan sekuriti makanan isi rumah yang miskin. Penggunaan bank makanan juga menunjukkan wujudnya ketiadaan sekuriti makanan dalam kalangan isi rumah.

---

<sup>61</sup> Linda Jacobs Starkey, Harriet V. Kuhnlein & Katherine Gray-Donald (1998), "Food Bank Users: Sociodemographic and Nutritional Characteristics", *Canadian Medical Association Journal*, Vol. 158 No. 9, hh. 1143-1149.

<sup>62</sup> Valerie S. Tarasuk & George H. Beaton (1999), "Household Food Insecurity and Hunger Among Families Using Food Banks", *Canadian Journal Of Public Health*, Vol. 90 No.2, hh. 109-113.

Michalski J.H.<sup>63</sup> mengkaji trend dalam sosial dan ekonomi serta kaitannya dengan penggunaan bank makanan di Greater Toronto Area melalui temubual tahunan dengan pengguna bank makanan antara tahun 1990 hingga 2000. Melalui analisis kajian tersebut, ia menunjukkan bahawa kesan pengurangan kadar bantuan sosial dan kos perumahan menjejaskan keadaan ekonomi bagi keluarga dan isi rumah yang telah dipinggirkan. Hasil kajian mengesahkan kepentingan pengurangan kadar bantuan sosial dan masalah kemampuan memiliki rumah sebagai faktor yang menyumbang kepada penurunan pendapatan pengguna bank makanan.

Sharon I. Kirkpatrick dan Valerie Tarasuk<sup>64</sup> mengkaji keadaan sekuriti makanan, penyertaan masyarakat dalam program makanan dan strategi yang diambil sebagai tindak balas terhadap masalah kekurangan makanan dengan menggunakan sampel keluarga yang berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan kejiranan miskin di Toronto. Hasil kajian menunjukkan dua pertiga daripada 484 keluarga adalah berada dalam keadaan ketiadaan sekuriti makanan untuk 12 bulan yang lepas dan ¼ adalah berada dalam keadaan ketiadaan sekuriti makanan yang teruk. Hanya satu dalam lima keluarga yang menggunakan bank makanan dalam tempoh 12 bulan yang lalu dan penggunaan bank makanan adalah tinggi di kalangan keluarga yang ketiadaan sekuriti makanan.

---

<sup>63</sup> Joseph H. Michalski (2003), "Housing Affordability, Social Policy and Economic Conditions: Food Bank Users in Greater Toronto Area, 1990-2000", *The Canadian Review of Sociology and Anthropology*, Vol. 40 No. 1, hh. 66-92.

<sup>64</sup> Sharon I. Kirkpatrick & Valerie Tarasuk (2009), "Food Insecurity and Participation in Community Food Programs Among Low-income Toronto Families", *Canadian Journal Public Health*, Vol. 100 No. 2, hh. 135-39.

### 1.8.3 Prinsip Syariah

Bagi tema prinsip syariah, ia dilihat daripada aspek pengumpulan dana dan pengurusan dalam pelaksanaan bank makanan. Antara prinsip syariah yang dilihat paling berpotensi untuk diaplikasikan dalam bank makanan daripada aspek pengumpulan dana adalah melalui instrumen wakaf dan sedekah. Manakala dari sudut pengurusan pula adalah melalui prinsip *al-wakālah*. Oleh itu, melalui tema ini penulis akan melihat kajian-kajian yang telah dilakukan mengenai wakaf dan sedekah serta prinsip *al-wakālah*.

#### i) Pengumpulan Dana

Terdapat beberapa mekanisme agihan dalam Islam bagi membantu orang miskin dan golongan yang memerlukan. Mohd Radzi Othman dan Ghafarullahuddin Din<sup>65</sup> telah membincangkan aktiviti pengagihan dalam ekonomi Islam melalui zakat, *ṣadaqah*, wakaf dan infaq menurut perspektif al-Quran dan as-Sunnah.

Institusi wakaf mempunyai potensi yang besar dalam membangunkan ekonomi sesebuah negara. Institusi wakaf juga telah berabad lamanya memainkan peranan yang sangat penting di dalam masyarakat Islam dan ia adalah bersifat “berdikari dan menyara diri sendiri” dan tidak bergantung kepada mana-mana pihak untuk dibantu daripada aspek ekonomi dan sosial.<sup>66</sup> Nik Mustapha Nik Hassan<sup>67</sup> menekankan bahawa wakaf mempunyai potensi ekonomi yang besar untuk dijana dan dibangunkan demi kepentingan umat Islam dengan melihat kepada sumbangan dan kepentingan institusi

---

<sup>65</sup> Mohd Radzi Othman & Ghafarullahuddin Din (2005), *Ekonomi Dalam Perspektif al-Quran dan as-Sunnah*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

<sup>66</sup> Safiah Mohamed, et.al (2006), “Ke Arah Pelaksanaan Sistem Perakaunan Wakaf yang Piawai” (Kertas Kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Kuala Lumpur, 14-16 September 2006), h. 3.

<sup>67</sup> Nik Mustapha Nik Hassan (1999), “Sumbangan Institusi Wakaf kepada Pembangunan Ekonomi: Satu Analisis” dalam Nik Mustapha Nik Hassan, *Konsep dan Perlaksanaan Wakaf di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.

wakaf kepada pembangunan ekonomi di Malaysia. Menurut AbulHasan M. Sadeq<sup>68</sup> wakaf merupakan institusi yang dapat membantu mengatasi masalah orang miskin daripada dimensi kekurangan bukan pendapatan, iaitu dengan menyediakan kemudahan yang diperlukan oleh masyarakat seperti membina institusi pendidikan, pusat kesihatan dan kemudahan fizikal yang lain sehingga taraf pendidikan dan kesihatan masyarakat dapat dipertingkatkan.

Asmak Ab Rahman<sup>69</sup> membincangkan tentang peranan wakaf dalam membangunkan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. Antara peranan wakaf yang diuraikan oleh pengkaji adalah dalam membasmi kemiskinan. Wakaf dapat menangani kemiskinan dengan pembinaan hospital untuk golongan miskin, pembinaan sekolah, pembinaan universiti, pembinaan pusat-pusat latihan dan kemahiran serta pembinaan perumahan untuk golongan miskin. Oleh itu dengan mewujudkan sekolah, universiti, institusi pengajian tinggi serta pusat latihan dan kemahiran, wakaf akan membantu golongan miskin mendapat pendidikan percuma atau pada kos yang rendah. Kenyataan ini disokong oleh Razali Othman dan Rohayu Abdul Ghani<sup>70</sup> di mana menurut mereka sumbangan institusi wakaf dalam memberi akses kepada infrastruktur asas seperti modal, tanah dan bangunan, kemudahan kesihatan dan kemudahan pendidikan boleh membawa ke arah pembasmian kemiskinan.

Murtadho Ridwan<sup>71</sup> pula mengkaji tentang sumbangan wakaf dalam mengurangkan beban kemiskinan di Jawa Tengah, Indonesia melalui penyediaan kemudahan awam yang menjadi keperluan harian mereka seperti tempat peribadatan,

---

<sup>68</sup> AbulHasan M. Sadeq (2002), 'Waqf, Perpetual Charity and Poverty Alleviation', *International Journal of Social Economics*, Vol. 29 No. 1, hh. 135-151.

<sup>69</sup> Asmak Ab Rahman (2009), "Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil. 17 No.1, hh.113-152.

<sup>70</sup> Razali Othman & Rohayu Abdul Ghani (2007), "Penggunaan Institusi Wakaf Sebagai Mekanisme Untuk Membasmi Masalah Kemiskinan" (Prosiding Seminar Kebangsaan Sains Sosial: Sains Sosial Teras Pembangunan Modal Insan di Universiti Putra Malaysia Serdang), Jil 2.

<sup>71</sup> Murtadho Ridwan (2006), "Peranan Wakaf dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan: Kajian di Jawa Tengah Indonesia" (Disertasi Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur).

institusi pendidikan dan pusat kesihatan. Hasil kajian menunjukkan wakaf memberi sumbangan positif dalam mengurangkan beban kemiskinan pada orang miskin di Jawa Tengah dengan adanya kemudahan-kemudahan tersebut. Manakala Dedy Rachmad<sup>72</sup> mengkaji tentang potensi dan manfaat wakaf produktif dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat Muslim di Jakarta Selatan, Indonesia. Hasil kajian menunjukkan wakaf produktif dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat melalui sumbangan wang tunai untuk kemudahan pendidikan, perubatan serta dapat membantu dalam penyediaan peluang pekerjaan.

Daripada aspek sumbangan wakaf dalam bentuk bantuan makanan, Amy Singer<sup>73</sup> mengkaji tentang bantuan makanan yang disalurkan melalui *public kitchen* yang menggunakan sumber dana wakaf pada zaman kerajaan Uthmaniyyah yang telah dibina dari kurun ke-14 hingga ke-19. *Public kitchen* merupakan salah satu unit daripada kompleks wakaf (*kulliye*). *Public kitchen* berfungsi untuk memberikan makanan secara percuma kepada penerima agihan makanan yang terdiri daripada pekerja-pekerja, ahli sufi dan masyarakat yang miskin. Pengkaji juga turut menghuraikan tentang operasi penyediaan makanan termasuklah jenis hidangan yang diberikan pada hari biasa dan hari-hari istimewa seperti malam Jumaat, bulan Ramadhan dan pada setiap perayaan Islam. Melalui kajian ini, ternyata wakaf telah memberikan sumbangan yang besar kepada masyarakat pada masa tersebut dengan adanya penyediaan makanan secara percuma melalui *public kitchen*.

---

<sup>72</sup> Dedy Rachmad (2008), "Peranan Wakaf Produktif Dalam Meningkatkan Taraf Hidup Masyarakat Muslim Di Jakarta Selatan, Indonesia" (Disertasi Sarjana Syariah Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

<sup>73</sup> Amy Singer (2005), "Serving up Charity: The Ottoman Public Kitchen", *Journal of Interdisciplinary History*, Vol. 35 No. 3, hh. 481-500; Amy Singer (2002), *Constructing Ottoman Beneficence: An Imperial Soup Kitchen in Jerusalem*. State: University of New York Press.

Oded Peri<sup>74</sup> juga turut mengkaji peranan dapur wakaf pada zaman kerajaan Uthmaniyyah tetapi dengan menfokuskan kepada *Hasseki Sultan Imaret* iaitu salah satu dapur wakaf yang dibina di Jerusalem pada kurun ke-18 oleh Sultan Hurrem, isteri kepada Sultan Suleyman. Pembinaan *imaret* adalah bertujuan untuk memberi makanan kepada golongan miskin dan memerlukan. Pengkaji turut menghuraikan dengan lebih lanjut berkenaan operasi pengagihan makanan yang merangkumi jenis hidangan, waktu hidangan makanan diagihkan serta pihak yang berhak untuk menerimanya. Sumbangan wakaf melalui pembinaan *imaret* bukan sahaja dapat membantu memberi makanan secara percuma malah mampu membangunkan tamadun semasa empayar Uthmaniyyah.

Abdul Halim Ramli dan Kamarulzaman Sulaiman<sup>75</sup> telah mengkaji bagaimana harta wakaf berjaya dibangunkan dan dapat memberikan sumbangan yang penting kepada umat Islam di beberapa negara Islam terpilih supaya dapat dijadikan contoh untuk dikembangkan di Malaysia. Hasil kajian membuktikan harta wakaf mampu berperanan dalam masyarakat Islam sama ada sebagai masyarakat majoriti atau minoriti. Antaranya melalui projek-projek yang dijalankan oleh badan wakaf seperti Kuwait Awqaf Public Foundation (KAPF) yang memberi bantuan penyediaan minuman secara percuma di tempat awam, memberi bantuan makanan kepada orang susah, menyediakan makanan di bulan Ramadan untuk keluarga yang susah dan memerlukan serta lain-lain lagi.

Dalam konteks Malaysia, menurut Syahnaz Sulaiman<sup>76</sup>, pembangunan harta wakaf di Malaysia dilihat agak ketinggalan jika dibandingkan dengan negara lain. Dengan mengambil contoh jiran terdekat iaitu Singapura, walaupun bukan sebuah

---

<sup>74</sup> Oded Peri (1992), "Waqf and Ottoman Welfare Policy: The Poor Kitchen of Hasseki Sultan in Eighteenth-Century Jerusalem", *Journal of the Economic and Social History of the Orient*, Vol. 35 No. 2, hh. 167-186.

<sup>75</sup> Abdul Halim Ramli & Kamarulzaman Sulaiman (2006), "Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Negara-negara Islam" (Kertas Kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Kuala Lumpur, 14-16 September 2006).

<sup>76</sup> Syahnaz Sulaiman (2008), "Hukum Pembangunan Tanah Wakaf Khas Menurut Perspektif Syarak" *Jurnal Muamalat*, Bil.1, hh. 45-64.



negara Islam, namun pembangunan harta wakafnya begitu berdaya maju yang digerakkan oleh penduduk minoriti beragama Islam. Di Kuwait pula, projek-projek yang melibatkan pembangunan harta wakaf telah memberi faedah yang besar kepada penduduk negara tersebut. Pengkaji berpendapat, pembangunan tanah wakaf sewajarnya dilaksanakan secara profesional dan efisien kerana pulangan hasilnya akan memberikan impak yang besar terhadap kemajuan ekonomi umat Islam khususnya serta negara amnya.

Kenyataan ini disokong oleh Mohamad Salleh Abdullah<sup>77</sup> di mana menurut beliau institusi wakaf masa kini termasuk di Malaysia masih lagi lemah kerana belum dibangunkan secara optimum berbanding dengan zaman pertengahan dunia Islam di mana fungsi dan peranan wakaf telah dikembangkan dengan sepenuhnya dan berjaya memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat pada masa tersebut. Razali Othman<sup>78</sup> mencadangkan supaya usaha yang menyeluruh harus dilakukan terhadap program-program wakaf bagi memastikan peranan dan sumbangannya dapat dilaksanakan dengan berkesan. Program-program yang dirancang harus menitikberatkan peranan wakaf dalam mengatasi masalah kemiskinan dan kebuluran, buta huruf, penyakit, perawatan dan juga sebagai mekanisme pengagihan semula kekayaan dalam ekonomi.

Selain wakaf, sedekah juga menjadi salah satu jaminan kewangan kepada golongan tertentu. Menurut Ariffin Omar<sup>79</sup>, sedekah bukan sahaja dapat membantu golongan yang memerlukan bahkan Allah SWT memberi ganjaran yang besar kepada pemberi. Amalan sedekah dapat memupuk sifat murni dalam diri masyarakat di mana

---

<sup>77</sup> Mohamad Salleh Abdullah (2009), "Pengkopratan Institusi Wakaf di Malaysia: Satu Cadangan Awal" (Kertas Kerja Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan 2009 di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 10 dan 11 Februari 2009).

<sup>78</sup> Razali Othman (2005), "Pembasmian Kemiskinan : Peranan dan Sumbangan Institusi Wakaf", (Persidangan Siswazah ISDEV I 2005 anjuran Projek Pengurusan Pembangunan Islam, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan dan Institut Pengajian Siswazah, 29-30 Ogos 2005).

<sup>79</sup> Ariffin Omar (2006), *Jaminan Keharmonian Umat Menurut Sunah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

dapat menghapuskan sifat bakhil, tamak haloba dan dapat mengeratkan hubungan silaturahim. Selain itu, dengan adanya sedekah, ia dapat menangani pelbagai gejala sosial yang berbahaya ke atas ketamadunan masyarakat.

## ii) Pengurusan: Prinsip *al-Wakālah*

Penulisan dan perbincangan tentang konsep *al-wakālah* dari perspektif perundangan Islam telah dikembangkan oleh fuqaha silam dalam penulisan buku fiqh mereka. Antaranya seperti *Kitāb Badāi al-Ṣanā'i fī Tartīb al-Syarā'i* yang ditulis oleh al-Kāsānī, 'Alā al-Dīn Abū Bakr bin Mas'ūd,<sup>80</sup> *Kitāb Faṭḥ al-Barī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Abū 'Abd. Allāh Muḥammad Ibn Ismā'il al-Bukhārī* oleh Ibn Ḥajar al-'Asqalānī<sup>81</sup> dan kitab *Mughnī al-Muḥtāj* yang ditulis oleh al-Sharbīnī, Muḥammad bin Aḥmad al-Sharbīnī al-Khaṭīb.<sup>82</sup> Kesemua penulisan ini menyatakan bahawa kontrak perwakilan dibenarkan oleh syarak di mana ia merupakan penyerahan sesuatu kerja kepada orang lain supaya beliau dapat menguruskannya dengan menggunakan lafaz tertentu dengan syarat-syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Antara perkara yang dibenarkan untuk diwakilkan adalah urusan jual beli, sewaan dan sedekah.

Noor Hasyimah Sulaiman<sup>83</sup> telah mengkaji tentang pengaplikasian prinsip *al-wakālah* dalam urusan dagangan saham yang dijalankan di syarikat BIMB Securities Sdn. Bhd. dan AmSecurities Sdn. Bhd. Syarikat-syarikat ini menawarkan perkhidmatan pembrokeran saham secara Islam yang bertindak sebagai wakil atau agensi dengan

---

<sup>80</sup> al-Kāsānī, Abū Bakr ibn Mas'ūd (t.t), *Badā'i al-Ṣanā'i fī Tartīb al-Syarā'i*, j.7., Kaherah: Zakariyya Alī Yūsuf.

<sup>81</sup> Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (1959), *Faṭḥ al-Barī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Abū 'Abd. Allāh Muḥammad Ibn Ismā'il al-Bukhārī*, j.4. Maṭba'ah al-Salafīyyah.

<sup>82</sup> al-Sharbīnī, Muḥammad bin Aḥmad al-Sharbīnī al-Khaṭīb (1958), *Mughnī al-Muḥtāj*, j.2. Miṣr: Syarikah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.

<sup>83</sup> Noor Hashimah Sulaiman (2006), "Aplikasi Prinsip al-Wakālah dalam Sistem Pembrokeran Saham Islam di Malaysia: Kajian Terhadap Operasi BIMB Securities Sdn. Bhd. dan AmSecurities Sdn. Bhd" (Disertasi Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

menggunakan prinsip *al-wakālah* yang telah digariskan dalam perundangan Islam dalam menjalankan operasi mereka. Hasil kajian menunjukkan prinsip *al-wakālah* telah diaplikasikan secara sempurna dalam lanskap pembrokeran saham secara Islam di Malaysia.

Prinsip *al-wakālah* juga banyak diaplikasikan dalam modus operandi takaful seperti kajian yang telah dilakukan oleh Mohd. Isa bin Mohd. Deni.<sup>84</sup> Dalam konteks ini, peserta bersetuju melantik syarikat sebagai wakil mereka untuk menguruskan dan melaburkan dana. Melalui prinsip ini juga para peserta memberi kebenaran mutlak kepada syarikat mengenakan apa-apa yuran yang berkaitan dengan pentadbiran termasuklah melantik wakil bagi pihak mereka. Ini juga bermaksud syarikat takaful bebas untuk menguruskan perlindungan kewangan mereka mengikut sistem mereka sendiri di samping melaburkannya pada tempat-tempat yang difikirkan sesuai.

Secara kesimpulannya, berdasarkan kepada kajian-kajian lepas, penulis dapat menyimpulkan bahawa penyelidikan yang berkaitan dengan bidang kajian penulis iaitu sekuriti makanan, bantuan makanan, bank makanan dan sumbangan wakaf telah banyak dilakukan. Walaubagaimanapun belum ada kajian yang menggabungkan kombinasi aspek-aspek tersebut. Berdasarkan kajian tersebut, ketiadaan sekuriti makanan dilihat mempunyai perkaitan yang rapat dengan kemiskinan. Program-program bantuan makanan ternyata dapat menyumbang kepada peningkatan sekuriti makanan, namun kajian mengenai bank makanan banyak dilakukan di negara maju yang telah melaksanakan bank makanan. Sumbangan seperti wakaf dan sedekah pula ternyata memberi sumbangan yang besar dalam mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kebajikan masyarakat serta pembangunan ekonomi sesebuah negara. Oleh itu, kajian ini akan menggabungkan semua aspek tersebut untuk melihat potensi penubuhan bank

---

<sup>84</sup> Mohd. Isa Mohd. Deni (2009), "Perkembangan Sistem Takaful di Malaysia: Keprihatinan di Kalangan Siswazah" (Tesis Program Sarjana Sains Pengurusan, Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia).

makanan di Malaysia dengan mengaplikasikan prinsip syariah yang sesuai dalam pelaksanaannya sebagai jaminan sekuriti makanan Islam.

Jadual 1.3: Rumusan Kajian-kajian Lepas

Tema	Nama Penulis, Tahun
Sekuriti Makanan	Lena Normen <i>et al.</i> (2005), Maurice Schiff & Alberto Valdes (1990), Zalilah & Ang (2001), Zalilah Mohd Shariff & Khor Geok Lin (2004), Kendall A, Olson CM & Frongillo EA (1996), Azmi Mat Akhir, Roziah Omar & Hamidin Abd Hamid (2009), G.Umakanthan (t.t), John W. Mellor (1987), Carlo del Ninno, Paul A. Dorosh & Kalanidhi Subbarao (2007), Sophia Murphy & Kathy McAfee (2005), Takashi Yamano, Harold Alderman & Luc Christiaensen (2005), Christopher B. Barrett (2006), Nur Annizah Ishak & Pazim @ Fadzim Othman (2005), Mohd Effendi Norwawi (2001), Fatimah Mohd Arshad <i>et al.</i> (2010), Nik Mustapha Nik Hassan (2001), Asmak Ab Rahman (2009), Adrienne C. Teron & Valerie S. Tarasuk (1999), Valerie Terasuk & Joan. M. Ekin (2005), Graham Riches (1986), Valerie S. Tarasuk & George H. Beaton (1999), Katrina McPherson (2006) dan Sharon I. Kirkpatrick & Valerie Tarasuk (2009).
Kemiskinan dan kelaparan	Lena Normen <i>et al.</i> (2005), Maurice Schiff & Alberto Valdes (1990), Zalilah & Ang (2001), Zalilah Mohd Shariff & Khor Geok Lin (2004), Kendall A, Olson CM & Frongillo EA (1996), Azmi Mat Akhir, Roziah Omar & Hamidin Abd Hamid (2009), ERA Consumer Malaysia, John W. Mellor (1987), Christopher B. Barrett (2006), Nur Annizah Ishak & Pazim @ Fadzim Othman (2005), Valerie S. Tarasuk & George H. Beaton (1999), Michalski J.H (2003), Asmak Ab Rahman (2009), Murtadho Ridwan (2006), Razali Othman & Rohayu Abdul Ghani (2007), Razali Othman (2005), AbulHasan M. Sadeq (2002), Dedy Rachmad (2008), Mohamad Salleh Abdullah (2009), Sharon I. Kirkpatrick & Valerie Tarasuk (2009) dan Jennifer D. Irwin <i>et al.</i> (2007).
Bantuan Makanan	John W. Mellor (1987), Carlo del Ninno, Paul A. Dorosh & Kalanidhi Subbarao (2007), Sophia Murphy & Kathy McAfee (2005), Takashi Yamano, Harold Alderman & Luc Christiaensen (2005), Christopher B. Barrett (2006), Asmak Ab Rahman (2009), Graham Riches (2002), Valerie S. Tarasuk & George H. Beaton (1999), Mahmood Zuhdi Abd Majid (1999), Shahnaz Sulaiman (2008), Amy Singer (2005), Oded Peri (1992), Mohamad Salleh Abdullah (2009) dan Sharon I. Kirkpatrick & Valerie Tarasuk (2009).


Bank Makanan	Adrienne C. Teron & Valerie S. Tarasuk (1999), Valerie S. Terasuk & Joan. M. Ekin (2005), Graham Riches (2002), Linda J. S., Harriet V. K. & Katherine Gray-Donald (1998), Valerie S. Tarasuk & George H. Beaton (1999), Katrina McPherson (2006), Michalski J.H (2003), Sharon I. Kirkpatrick & Valerie Tarasuk (2009) dan Jennifer D. Irwin <i>et al.</i> (2007).
Wakaf dan Sedekah	Asmak Ab Rahman (2009), Abdul Halim Ramli & Kamarulzaman Sulaiman (2006), Shahnaz Sulaiman (2008), Amy Singer (2005), Oded Peri (1992), Murtadho Ridwan (2006), Razali Othman & Rohayu Abdul Ghani (2007), Razali Othman (2005), AbulHasan M. Sadeq (2002), Safiah Mohamed <i>et al.</i> (2006), Nik Mustapha Nik Hassan (1999), Dedy Rachmad (2008), Mohamad Salleh Abdullah (2009), Ariffin Omar (2006) dan Holger Weiss (2002).
Prinsip <i>al-wakālah</i>	al-Kāsānī, 'Alā al-Dīn Abū Bakr bin Mas'ūd (t.t), Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (1959), al-Sharbīnī, Muḥammad bin Aḥmad al-Sharbīnī al-Khaṭīb (1958), Noor Hashimah Sulaiman (2006) dan Mohd. Isa bin Mohd.Deni (2009).

Sumber: Pelbagai rujukan

## 1.9 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah satu aspek terpenting dalam sesebuah kajian. Metodologi kajian yang baik menghasilkan sebuah hasil kajian yang boleh dipercayai dan bermutu. Dalam kajian ini, penulis telah menggunakan beberapa metod utama sebagai panduan untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih bermutu. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ditunjukkan melalui Rajah 1.3:

Rajah 1.3: Metodologi Kajian



Sumber: Diubahsuai daripada Sabitha Marican (2005)<sup>85</sup>

### 1.9.1 Metod Pengumpulan Data

Metod pengumpulan data bermaksud proses pengumpulan data dan segala maklumat yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji.<sup>86</sup> Pengumpulan data-data merupakan satu proses yang berkaitan dengan perancangan dan pelaksanaan kutipan data dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu demi memperolehi data serta maklumat yang berkaitan dengan masalah yang dikaji. Data-data tersebut selalunya mempunyai maklumat dalam bentuk perangkaan, fakta, persepsi dan sebagainya yang telah dikumpul untuk dianalisis.<sup>87</sup> Metod ini digunakan bagi mengumpulkan data-data yang berkaitan dengan penyelidikan untuk setiap bab dalam penulisan ini. Melalui metod ini,

<sup>85</sup> Sabitha Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

<sup>86</sup> Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 75.

<sup>87</sup> *Ibid.*

penulis menggunakan dua kaedah utama iaitu menggunakan data primer (kajian lapangan) dan data sekunder (kajian perpustakaan). Dalam kajian ini, data primer diperolehi melalui metod temubual dan metod observasi. Manakala data sekunder pula diperolehi melalui metod dokumentasi dan metod historis.

#### i- Metod Temubual

Temubual merupakan kaedah di mana subjek dan penyelidik hadir sama di dalam proses memperolehi maklumat. Maklumat penyelidikan diperolehi secara langsung oleh penyelidik daripada subjek.<sup>88</sup> Melalui metod ini, maklumat yang berkaitan dapat diperolehi daripada pihak yang berautoriti. Dalam kajian ini penulis telah melakukan temubual bersama lima pihak yang berkaitan iaitu pihak pelaksana dasar, pelaksana program bantuan makanan, pakar akademik, penerima bantuan makanan dan masyarakat awam. Ia ditunjukkan dalam Jadual 1.4:

Jadual 1.4: Senarai Responden yang ditemubual

<b>Pihak</b>	<b>Individu Yang Ditemubual</b>	<b>Jawatan</b>
Pelaksana Dasar	Puan Roziah Abudin	Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia.
	Encik Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman	Eksekutif Bahagian Penyelidikan dan Produk Wakaf, Yayasan Wakaf Malaysia.
Pelaksana Program Bantuan Makanan	Puan Munirah Abdul Hamid	Pengasas dan Pengurus PERTIWI <i>Soup Kitchen</i> .
	Puan Khaliza Khaltom	Penasihat Pertubuhan Membela Miskin Tegar Malaysia (BELAMISKIN).

<sup>88</sup> Mohd Majid Konting (1998), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 237.

	Puan Khairunnisa Khiruddin	Pengurus Pusat Makan Percuma, Pertubuhan Membela Miskin Tegar Malaysia (BELAMISKIN).
	Datuk Hj. Hassanuddin Ali	Pengerusi Masjid Al-Ghufran Pinggir Taman Tun Dr Ismail
	Encik Kamal Amir Osman	Imam Masjid Al-Ghufran Pinggir Taman Tun Dr Ismail
Pakar Akademik	Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah	Professor Madya di Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
	Dr. Luqman Hj. Abdullah	Pensyarah Kanan di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
	Prof. Dato' Dr. Hj. Mohammad Hj. Alias	Timbalan Pengarah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia.
	Dr. Fadila Grine	Pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
Penerima Bantuan	Puan Intan	Tukang sapu
	Puan Junaidah	Tukang sapu
	Encik Peter Lam Aming	Tidak bekerja
	Encik Raja Singham	Pesara
	Puan Sarimah Arshad	Berniaga
Masyarakat Awam	Encik Abdul Ghani Abdullah	Penolong Pengarah Kastam
	Encik Yusni Abd Rahman	Pengajar IKBN
	Encik Zulkhairul Omar	Pengajar IKBN
	Puan Raja Razimah Raja Semail	Penolong Pegawai Farmasi
	Puan Shahirah Saliha Aipin	Eksekutif Bank

Sumber: Temubual daripada pelbagai pihak<sup>89</sup>

<sup>89</sup> Puan Roziah Abudin, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA). Temubual pada 15 Mac 2012; Encik



Jadual 1.4 menunjukkan pihak-pihak yang ditemubual bagi mendapatkan maklumat dan pandangan tentang isu yang dikaji. Pihak pelaksana dasar dipilih daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA) dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). Pada awal kajian, penulis telah memilih Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk ditemubual kerana dilihat bersesuaian dengan fungsi dan peranannya dalam menjaga dan meningkatkan kebajikan sosial masyarakat. Walaubagaimanapun, temubual tersebut tidak dapat dilakukan kerana berdasarkan maklum balas daripada pihak KPWKM,<sup>90</sup> temubual tersebut lebih sesuai dijalankan di MOA kerana ia adalah organisasi yang bertanggungjawab dalam memastikan hal ehwal berkaitan sekuriti makanan negara. Oleh itu, temubual telah dijalankan dengan pihak MOA untuk mendapatkan maklumat tentang situasi sekuriti makanan semasa serta pandangan mereka terhadap cadangan pelaksanaan bank makanan di Malaysia. Yayasan Wakaf Malaysia pula dipilih kerana salah satu instrumen yang dilihat mempunyai potensi untuk diaplikasikan dalam bank makanan adalah melalui instrumen wakaf. Oleh itu temubual dilakukan untuk melihat

---

Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman, Pegawai Bahagian Penyelidikan dan Produk Wakaf, Yayasan Wakaf Malaysia. Temubual melalui telefon pada 15 Februari 2012; Puan Munirah Abdul Hamid, Pengasas dan Pengurus PERTIWI Soup Kitchen. Temubual pada 20 September 2011; Puan Khaliza Khaltom, Penasihat Pertubuhan Membela Miskin Tegar Malaysia. Temubual pada 13 Januari 2012; Puan Khairunnisa Khirrudin, Pengurus Pertubuhan Membela Miskin Tegar Malaysia. Temubual pada 27 Disember 2011; Datuk Hj. Hassanuddin Ali, Pengerusi Masjid Al-Ghufran PTTDI. Temubual pada 27 Mac 2012; Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah, Profesor Madya di Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Universiti Malaya. Temubual pada 16 November 2011; Dr. Luqman Hj. Abdullah, Pensyarah Kanan di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Temubual pada 21 Disember 2011; Prof. Dato' Dr. Hj. Mohammad Hj. Alias, Timbalan Pengarah Institut Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD). Temubual pada 16 Mac 2012; Dr. Fadila Grine, Pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya. Temubual pada 21 Februari 2011; Puan Intan, penerima bantuan makanan di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN. Temubual pada 13 Januari 2012; Puan Junaidah, penerima bantuan makanan di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN. Temubual pada 13 Januari 2012; Encik Peter Lam Aming, penerima bantuan makanan di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN. Temubual pada 27 Disember 2011; Encik Raja Singham, penerima bantuan makanan di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN. Temubual pada 13 Januari 2012; Puan Sarimah Arshad, penerima bantuan makanan di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN. Temubual pada 13 Januari 2012; Ghani Abdullah, Penolong Pengarah Kastam Diraja Malaysia. Temubual pada 11 Februari 2012; Puan Raja Razimah Raja Semail, Penolong Pegawai Farmasi. Temubual pada 2 Februari 2012; Puan Shahirah Saliha Aipin, Eksekutif Bank. Temubual pada 15 Februari 2012; Encik Yusni Abd Rahman, Pengajar Institut Kemahiran Belia Negara. Temubual pada 2 Februari 2012; Encik Zulkhairul Omar, Pengajar Institut Kemahiran Belia Negara. Temubual pada 2 Februari 2012.

<sup>90</sup> Maklum balas melalui perbualan telefon bersama Puan Hidayah, wakil KPWKM pada 1 Disember 2011.

sejauhmana sambutan masyarakat terhadap produk-produk wakaf yang telah dilaksanakan dan pandangan daripada pihak mereka berhubung dengan isu yang dikaji.

Pihak pelaksana program bantuan makanan pula daripada Pertiwi *Soup Kitchen* dan BELAMISKIN. Temubual dijalankan dengan pelaksana program bantuan makanan untuk melihat operasi bantuan makanan yang telah dilaksanakan di Malaysia, mendapatkan maklumat tentang kriteria dan golongan yang menerima bantuan makanan serta pandangan mereka tentang cadangan pelaksanaan bank makanan di Malaysia. Selain itu, temubual juga dilakukan dengan pihak Masjid Al-Ghufran iaitu masjid yang mempunyai pelbagai fungsi dan program yang bukan sekadar sebagai tempat ibadat malah berperanan lebih daripada itu. Pihak masjid tersebut turut menyediakan bantuan makanan kepada golongan gelandangan dan masyarakat miskin. Tujuan temubual ini dilakukan lebih kepada untuk melihat aspek pengurusan yang telah berjaya membangunkan masjid dan mendapatkan pandangan daripada aspek pengurusan yang mungkin boleh diaplikasikan dalam pelaksanaan bank makanan. Selain itu, penulis ingin mendapatkan maklumat sejauhmana sambutan, penyertaan dan tahap kesedaran masyarakat melalui program-program yang telah dijalankan dan sumbangan derma yang diberikan oleh masyarakat kepada pihak masjid.

Manakala pakar akademik yang ditemubual terdiri daripada pakar dalam empat bidang iaitu kebajikan sosial, ekonomi Islam, syariah dan sejarah Islam. Temubual tersebut dilakukan untuk mendapatkan pandangan daripada pelbagai sudut berhubung potensi pelaksanaan bank makanan di Malaysia. Antaranya mendapatkan pandangan tentang kepentingan bantuan makanan kepada kebajikan sosial dan kepentingannya kepada ekonomi. Selain itu, mendapatkan maklumat tentang kekurangan makanan dan program bantuan makanan yang telah dilakukan dari perspektif sejarah Islam serta mendapatkan pandangan tentang prinsip-prinsip syariah yang sesuai untuk diaplikasikan dalam pelaksanaan bank makanan di Malaysia.

Pihak penerima bantuan makanan pula dipilih daripada penerima bantuan makanan Pusat Makan Percuma BELAMISKIN. Temubual ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat sosioekonomi penerima supaya dapat mengetahui keadaan sebenar kehidupan mereka dengan melihat kepada taraf hidup dan sebab pergantungan mereka kepada bantuan makanan. Selain itu, temubual ini dijalankan juga bagi mendapatkan pandangan tentang pelaksanaan bank makanan di Malaysia daripada perspektif mereka sebagai penerima bantuan makanan.

Pandangan masyarakat awam juga turut diambil kira di mana temubual telah dijalankan bersama golongan yang berkemampuan dengan mengambil kira kriteria mereka sebagai pembayar zakat. Temubual ini dilakukan untuk melihat sejauh mana penerimaan masyarakat terhadap penubuhan bank makanan di Malaysia dan kesanggupan mereka untuk menyumbang kepada bank makanan. Metod temubual akan digunakan dalam bab empat, lima dan enam kajian penulis.

## ii- Metod Observasi

Metod observasi atau kaedah pemerhatian ialah satu cara mengumpul data tanpa melibatkan komunikasi secara langsung dengan responden. Responden diperhatikan dalam persekitaran semula jadi dan kemudian aktiviti atau tingkah laku mereka direkodkan.<sup>91</sup> Metod ini digunakan semasa melakukan kajian di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN di Seksyen 16, Shah Alam untuk melihat sendiri operasi bantuan makanan dan golongan yang menerima bantuan makanan di tempat tersebut.

---

<sup>91</sup> Sabitha Marican (2005), *Kaedah penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., h. 135.

### iii- Metod dokumentasi

Metod ini merupakan salah satu daripada proses mengumpul maklumat dan fakta melalui penyelidikan terhadap dokumen yang mempunyai kaitan dengan masalah kajian. Dokumen ini terdiri daripada bahan bertulis seperti buku, kertas kerja seminar, artikel dalam jurnal, tesis, laporan, akhbar, majalah, risalah, buletin, internet dan sebagainya yang berkaitan dengan kajian penulis. Penggunaan metod ini amat penting memandangkan melaluinya data dan fakta yang terkini dan tepat dapat diperolehi. Metod ini digunakan dalam hampir kesemua bab bagi mendapatkan data-data mengenai sekuriti makanan, bantuan makanan, bank makanan, kebajikan sosial dan konsep-konsep asas prinsip syariah yang digunakan.

### iv- Metod Historis

Metod historis bermaksud penyelidikan ke atas perkara-perkara yang mengandungi perspektif sejarah. Ia adalah proses yang meliputi pengumpulan dan penafsiran segala fakta-fakta yang lalu untuk membuat generalisasi bagi memahami situasi sekarang atau akan datang. Segala catatan peristiwa daripada masa lampau berdasarkan data yang diperolehi dengan menempuh suatu proses disebut sebagai pensejarahan (*historiografi*). Penulis menggunakan metod ini dalam mengumpul data-data yang berkaitan dengan sejarah bantuan makanan dan sumbangan dapur umum (*public kitchen*) pada zaman kerajaan Uthmaniyyah yang menggunakan sumber daripada dana wakaf sebagai saluran bantuan makanan kepada mereka yang memerlukan. Metod ini digunakan dalam bab empat kajian penulis.

## 1.9.2 Metod Analisis Data

Setelah memperolehi data dan maklumat yang diperlukan, beberapa metod digunakan bagi menjalankan penganalisaan terhadap data dan maklumat tersebut. Data yang telah diproses telah dianalisis untuk membolehkan keputusan bagi masalah yang dikaji dapat diperolehi.<sup>92</sup> Bagi data temubual, ia telah diproses dengan membuat transkripsi di mana perbualan tersebut didengarkan semula kemudian ia ditulis satu persatu dalam bentuk dialog. Kemudian ia dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*). Analisis kandungan merupakan satu kaedah menganalisis bahan-bahan bertulis, lisan atau mesej komunikasi visual. Dalam kajian ini, analisis kandungan digunakan dalam kedua-dua jenis kaedah pengumpulan data sama ada dalam bentuk dokumen atau lisan. Melalui kaedah ini, penulis akan mengkodkan petikan temubual dan kemudian ia dipecahkan mengikut tema yang bersesuaian dengan kerangka konsep kajian. Maklumat tersebut akan dipamerkan dalam bentuk jadual mengikut tema persoalan kajian untuk dianalisis. Kaedah analisis kandungan digunakan dalam tiga metod analisis data iaitu:

### i- Metod Induktif.

Metod ini merupakan suatu proses menganalisis maklumat dengan menggunakan kaedah berfikir dan mencari bukti dari perkara yang lebih khusus kepada perkara yang umum.<sup>93</sup> Metod ini diaplikasikan di dalam kebanyakan penulisan terutama apabila terdapat pelbagai pendapat dan pandangan yang memerlukan satu kesimpulan yang jitu. Metod ini banyak diaplikasikan dalam bab enam untuk menganalisis data-data dan

---

<sup>92</sup> Mohd Sheffie Abu Bakar (1987), *Metodologi Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.66.

<sup>93</sup> *Ibid.*

seterusnya membuat kesimpulan daripada fakta-fakta lain yang diberikan secara umum. Metod ini juga digunakan dalam bab tiga di mana penulis menggabungkan sistem dan operasi bank makanan yang didapati secara khusus mengikut negara masing-masing untuk menggambarkan konsep bank makanan secara umum. Antaranya sistem operasi bank makanan yang melibatkan sumber dana, cara pengurusan dan proses pengagihan makanan.

#### ii- Metod Deduktif

Metod ini merupakan kaedah menganalisis dan mengolah penulisan berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian berdasarkan bukti-bukti umum kepada yang khusus.<sup>94</sup> Metod ini merupakan cara menjelaskan sesuatu persoalan yang timbul dengan lebih terperinci. Penulis telah menggunakan metod ini dalam bab empat di mana penulis akan menggunakan prinsip-prinsip syariah secara umum untuk diaplikasikan dalam pelaksanaan bank makanan. Antaranya aplikasi prinsip *al-wakālah* dalam pengurusan bank makanan dan mekanisme wakaf, sedekah, zakat, kifarah, aqiqah dan korban dalam mengumpulkan dana.

#### iii- Metod Komparatif.

Metod ini bermaksud proses untuk membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan dan penelitian kepada data dan fakta-fakta yang diperolehi.<sup>95</sup> Metod ini digunakan bagi membuat kesimpulan terhadap data, maklumat dan pandangan yang diperolehi semasa kajian dilaksanakan. Maklumat yang dibandingkan akan

---

<sup>94</sup> Mohd Azhar Abd. Hamid *et al.* (2001), *Pengenalan Kepada Penulisan Ilmiah*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia, h.194.

<sup>95</sup> Micheal Armer & D. Ghirmgham (t.t), *Comparative Social Research: Methodological Problem and Strategies*. New York: John Willen and Son.

menghasilkan perbezaan atau persamaan antara kedua-dua maklumat. Metod ini diaplikasikan dalam bab lima dan enam di mana penulis membuat perbandingan di antara operasi bantuan makanan PERTIWI *Soup kitchen* dan Pusat Makan Percuma BELAMISKIN, perbandingan maklumat dan pandangan daripada ahli akademik, penerima bantuan dan pemberi sumbangan. Antara tema perbandingan yang dikemukakan adalah sistem operasi bantuan makanan, penerima bantuan dan pandangan-pandangan responden tentang potensi pelaksanaan bank makanan di Malaysia.

## **1.10 KESIMPULAN**

Sekuriti makanan merupakan senjata penting dalam sesebuah negara kerana makanan merupakan sumber utama bagi manusia untuk membolehkan mereka meneruskan kehidupan. Ketidakupayaan untuk mendapatkan makanan bukan sahaja boleh mengundang masalah kepada individu atau isi rumah tersebut malah boleh memberi kesan kepada pembangunan ekonomi negara. Sekiranya sekuriti makanan tidak ditangani dengan bijaksana, isu tersebut boleh mengakibatkan ketidakstabilan sosioekonomi negara.

Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak dalam memastikan sekuriti makanan negara berada pada tahap yang selamat. Oleh itu, bagi mewujudkan sekuriti makanan, maka perlunya kepada perancangan dan pelaksanaan terutamanya sebelum berlaku krisis makanan kronik seperti yang dijangka pada tahun 2030.<sup>96</sup> Walaupun terdapat usaha dan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam menangani isu sekuriti makanan, namun ia perlu diperkemaskan dan diteliti dari semasa ke semasa dengan melihat daripada sudut mikro dan makro berdasarkan keadaan ekonomi semasa.

---

<sup>96</sup> Berita Harian Online, [http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Krisismakanan2030\\_/Article](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Krisismakanan2030_/Article), 22 November 2010.

Mekanisme bantuan makanan dalam Islam dilihat mampu memberi sumbangan yang besar dalam meningkatkan tahap sosioekonomi masyarakat dalam sesebuah negara. Oleh itu melalui kajian ini, penulis mencadangkan supaya mewujudkan bank makanan di Malaysia dengan menggabungkan mekanisme yang digariskan oleh Islam iaitu dengan mengaplikasikan prinsip-prinsip syariah yang sesuai serta berdasarkan kepada sistem dan operasi bank makanan yang telah dilaksanakan di negara-negara luar.



**KEMISKINAN DAN  
KETIADAAN SEKURITI MAKANAN**

**BAB  
DUA**

## BAB DUA

### KEMISKINAN DAN KETIADAAN SEKURITI MAKANAN

#### 2.1 PENDAHULUAN

Sekuriti makanan adalah satu konsep yang luas yang meliputi isu-isu berkaitan kualiti, alam, keselamatan bekalan makanan dan akses kepada makanan.<sup>1</sup> Konsep sekuriti makanan telah menjadi isu yang begitu penting dan berjaya menarik tumpuan sesetengah masyarakat dunia<sup>2</sup> kerana ia melibatkan semua lapisan masyarakat daripada peringkat individu hingga ke peringkat negara. Akses kepada makanan merupakan asas yang paling penting dalam sekuriti makanan kerana bekalan makanan yang mencukupi sahaja tidak menjamin bahawa semua penduduk boleh mendapatkan makanan. Kemiskinan merupakan faktor utama yang menyebabkan berlakunya ketiadaan sekuriti makanan sama ada di peringkat individu atau isi rumah.

#### 2.2 DEFINISI MAKANAN

Makanan boleh didefinisikan sebagai apa sahaja yang boleh dimakan seperti nasi, roti dan lain-lain.<sup>3</sup> Makanan berasal daripada lafaz *aṭ'imah*. *Al-aṭ'imah* adalah bentuk jama' daripada kata *ṭa'ām*. Kata *ṭa'ām* diungkapkan untuk segala perkara yang dapat dimakan.<sup>4</sup> Menurut Sayyid Sābiq dalam kitabnya *Fiqh al-Sunnah*, makanan ialah sesuatu yang boleh dimakan oleh manusia dengan tujuan menjaga kesihatan,

---

<sup>1</sup> Uzma Iram & Muhammad S. Butt (2004), "Determinants of Household Food Security: An Empirical Analysis for Pakistan", *International Journal of Social Economics*, Vol. 31 No. 8, h. 753.

<sup>2</sup> S. Maxwell & T. Frankenberger (1992), *Household Food Security Concepts, Indicators and Measurement*. New York: UNICEF, hh.2-10.

<sup>3</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), *Kamus Dewan*, Ed. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 981.

<sup>4</sup> Zulkifli Mohd Yusoff *et al.* (2009), *Kamus Al-Quran*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd., h. 342.

mendapatkan tenaga, kekuatan dan sebagainya. Makanan terdiri daripada dua sumber yang halal sama ada haiwan atau benda-benda lain yang tidak bernyawa seperti buah-buahan dan sayur-sayuran.<sup>5</sup> Terdapat beberapa ayat dalam al-Quran yang merujuk kepada pelbagai makanan yang penting bagi manusia. Antaranya:

كُلُوا وَارْزُقُوا أَنْعَمَكُمْ ۖ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأُلْبَانِ ﴿٥٤﴾

Maksudnya: “Makanlah kamu daripadanya dan berilah makan binatang-binatang ternak kamu; Sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda yang membuktikan kemurahan Allah, bagi orang-orang yang berakal fikiran”.

Surah Tāha (20): 54

أَنَا صَبَبْنَا الْمَاءَ صَبًّا ﴿٢٥﴾ ثُمَّ شَقَقْنَا الْأَرْضَ شَقًّا ﴿٢٦﴾ فَأَنْبَتْنَا فِيهَا حَبًّا ﴿٢٧﴾ وَعِنَبًا وَقَضْبًا ﴿٢٨﴾ وَزَيْتُونًا وَنَخْلًا ﴿٢٩﴾ وَحَدَائِقَ غُلْبًا ﴿٣٠﴾ وَفَيْكِهَةً ﴿٣١﴾ وَأَبًّا ﴿٣٢﴾ مَّتَعًا لَّكُمْ وَلَا تَعْمَلُوا كَمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٣٣﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah mencurahkan hujan dengan curahan yang menakjubkan. Kemudian Kami belah-belahkan bumi dengan belahan yang sesuai dengan tumbuh-tumbuhan. Lalu Kami tumbuhkan pada bumi biji-bijian, dan buah anggur serta sayur-sayuran, dan zaitun serta pohon-pohon kurma, dan taman-taman yang menghijau subur, dan berbagai buah-buahan serta bermacam-macam rumput, untuk kegunaan kamu dan binatang-binatang ternak kamu”.

Surah ‘Abasa (80): 25-32

Makanan adalah keperluan asasi yang paling penting bagi setiap manusia untuk meneruskan kehidupan. Oleh sebab itulah Islam melihat makanan sebagai keperluan *darūriyyah* iaitu barangan mesti bagi memenuhi keperluan kehidupan. Tanpa makanan

<sup>5</sup> Al-Sayyid Sābiq (1985), *Fiqh al-Sunnah*, Jil.2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabī, h.268.

manusia tidak dapat menjalani kehidupan dengan sempurna dan mungkin tidak boleh terus hidup yang akan membawa kepada kematian.<sup>6</sup>

### 2.3 KONSEP SEKURITI MAKANAN

Sekuriti makanan merupakan konsep yang fleksibel yang mempunyai pelbagai interpretasi dan takrifan yang sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman dan persekitaran semasa. Menurut Maxwell,<sup>7</sup> terdapat sebanyak 200 definisi sekuriti makanan yang telah dibincangkan dalam penulisan-penulisan yang berkaitan makanan dalam tempoh sedekad yang lepas.

Konsep sekuriti makanan bermula pada pertengahan tahun 1970-an dalam perbincangan masalah makanan antarabangsa semasa berlakunya krisis makanan global. Fokus awal adalah dengan memberi tumpuan kepada masalah bekalan makanan iaitu bagi memastikan kesediaan bekalan makanan dan kestabilan barangan makanan asas pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Keadaan ini telah membawa kepada satu rundingan iaitu Persidangan Makanan Sedunia pada tahun 1974 dan membawa kepada penyusunan satu institusi baru yang berperanan menyediakan maklumat, sumber-sumber sekuriti makanan dan forum dialog mengenai isu-isu polisi bagi sekuriti makanan.<sup>8</sup> Isu-isu kelaparan, kebuluran dan krisis makanan juga telah dikaji dengan meluas ekoran peristiwa yang berlaku pada pertengahan tahun 1970-an.<sup>9</sup>

---

<sup>6</sup> Sarimah Hanim Aman Shah (2005), *Ekonomi Dari Perspektif Islam*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 52.

<sup>7</sup> Maxwell, S. & Smith, M. (1992), "Household Food Security; A Conceptual Review", in S. Maxwell & T.R. Frankenberger (eds.), *Household Food Security: Concepts, Indicators, Measurements: A Technical Review*. New York and Rome: UNICEF and IFAD, <http://www.fao.org/docrep/005/y4671e/y4671e06.htm#TopOfPage>, 26 Jun 2011.

<sup>8</sup> Overseas Development Institute (1997), "Global Hunger and Food Security After The World Food Summit", *ODI Briefing Paper* 1997 (1). London: Overseas Development Institute, <http://www.fao.org/docrep/005/y4671e/y4671e06.htm#TopOfPage>

<sup>9</sup> Food Agricultural Organization, <http://www.fao.org/docrep/005/y4671e/y4671e06.htm#TopOfPage>, 15 Jun 2011.

Bagi menunjukkan keprihatinan global ekoran situasi tersebut, tumpuan awal telah diberikan terhadap kestabilan bekalan makanan di mana sekuriti makanan telah didefinisikan semasa Sidang Kemuncak Makanan Sedunia 1974 (*1974 World Food Summit*) sebagai:

*“Availability at all times of adequate world food supplies of basic foodstuffs to sustain a steady expansion of food consumption and to offset fluctuations in production and prices”<sup>10</sup>*

Berdasarkan definisi tersebut, pada tahun 1970-an sekuriti makanan dilihat daripada sudut bekalan makanan di peringkat nasional dan global. Namun, pada tahun 1980-an fokus sekuriti makanan telah berubah kepada bagaimana untuk mengakses makanan pada peringkat individu dan isi rumah.<sup>11</sup> Ini kerana persoalan bagi isu sekuriti makanan bukan hanya melibatkan kesediaan makanan tetapi juga melibatkan kemampuan masyarakat untuk mengakses terhadap makanan yang mana berkait dengan sistem pengagihan, kemampuan untuk membeli dan sebagainya.<sup>12</sup> Walaupun terdapat banyak bekalan makanan, ia tidak semestinya menjamin keselamatan makanan kepada semua negara atau individu kerana apa yang ada di pasaran dunia tidak dapat diperolehi oleh penduduk di sesetengah kawasan.<sup>13</sup> Oleh itu, pada tahun 1983, Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia (FAO) telah mengembangkan konsep sekuriti makanan di mana ia bukan sahaja mengambilkira aspek bekalan makanan malah akses untuk mendapatkan makanan bagi golongan yang mudah terjejas dengan bekalan yang sedia ada. Untuk menunjukkan tumpuan yang diberikan seimbang antara permintaan dan bekalan dalam konsep sekuriti makanan, ia dikembangkan seperti berikut:

---

<sup>10</sup> United Nations (1975), *Report of the World Food Conference, Rome 5-16 November 1974*. New York.

<sup>11</sup> Maxwell, S. & Smith, M. (1992), *op.cit.*

<sup>12</sup> Halal journal, <http://www.halaljournal.com/article/3099/food-security-and-the-paradox-of-muslim-countries>, 18 Disember 2011.

<sup>13</sup> Ayalew M. (1998), *Famine Early Warning System: Ethiopia*. Addis Ababa: Mimeo, hh.3-4.

*“ensuring that all people at all times have both physical and economic access to the basic food that they need”<sup>14</sup>*

Pada tahun 1986, laporan Bank Dunia mengenai *“Poverty and Hunger”*<sup>15</sup> memberi tumpuan kepada ketiadaan sekuriti makanan. Ia membincangkan perbezaan antara ketiadaan sekuriti makanan kronik yang dikaitkan dengan masalah kemiskinan berstruktur atau berterusan dan pendapatan yang rendah, dengan ketiadaan sekuriti makanan sementara yang berlaku dalam tempoh tertentu sahaja seperti disebabkan oleh bencana alam, kejatuhan ekonomi atau konflik. Oleh itu, konsep sekuriti makanan telah diperjelaskan dengan lebih lanjut lagi dengan mengambilkira aspek keselamatan:

*“access of all people at all times to enough food for an active, healthy life”.*

Terbaru, definisi sekuriti makanan telah ditakrifkan oleh FAO sebagai:

*“Food security exists when all people, at all times, have physical, social and economic access to sufficient, safe and nutritious food which meets their dietary needs and food preferences for an active and healthy life.”*

Berdasarkan definisi yang diberikan, sekuriti makanan dapat disimpulkan sebagai keadaan di mana semua penduduk mempunyai akses fizikal, sosial dan ekonomi terhadap makanan yang mencukupi, selamat dan makanan berkhasiat yang memenuhi keperluan pemakanan mereka untuk menjalani kehidupan yang sihat dan aktif.<sup>16</sup> Berdasarkan kepada takrifan tersebut, terdapat empat komponen dalam sekuriti makanan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.1:

---

<sup>14</sup> FAO (1983), *World Food Security: a Reappraisal of the Concepts and Approaches*. Director General's Report. Rome.

<sup>15</sup> World Bank (1986), *Poverty and Hunger: Issues and Options for Food Security in Developing Countries*. Washington: World Bank.

<sup>16</sup> FAO (2009), *The State of Food Insecurity in the World: Economic Crises- Impacts and Lessons Learned*, Rome: FAO, h.8.

Jadual 2.1: Komponen Sekuriti Makanan

<b>Komponen</b>	<b>Keterangan</b>
Kesediaan makanan ( <i>food availability</i> )	Keupayaan isi rumah untuk mendapat makanan yang mencukupi dengan kuantiti yang sesuai. Keperluan makanan ini dilaksanakan melalui pengeluaran domestik, import, dan bantuan makanan. Pencapaian makanan dikatakan mencukupi apabila setiap individu berupaya memperoleh makanan secara konsisten.
Akses makanan ( <i>food access</i> )	Akses makanan merujuk kepada kemampuan individu memperoleh sumber dan hak untuk mendapat makanan yang sesuai bagi menampung keperluan diet. Rakyat mesti mampu mendapatkan kuantiti makanan yang mencukupi sama ada melalui kombinasi pengeluaran dan stok dalam isi rumah, pembelian, hadiah, meminjam atau melalui bantuan makanan.
Penggunaan makanan ( <i>food utilization</i> )	Penggunaan makanan ditentukan melalui kecukupan makanan dan keupayaan individu untuk mendapatkan nutrien yang mencukupi melalui jumlah makanan yang diambil, keupayaan mendapat air yang bersih dan penjagaan kesihatan bagi mencapai keadaan pemakanan yang baik dalam memenuhi keperluan fisiologi.
Kestabilan makanan ( <i>food stability</i> )	Konsep kestabilan merujuk kepada kedua-dua dimensi sekuriti makanan iaitu kesediaadaan dan akses. Kestabilan makanan dicapai apabila isi rumah dan individu berupaya memenuhi makanan yang mencukupi dan keperluan kalori yang diperlukan pada setiap masa. Mereka tidak perlu menanggung risiko kehilangan mendapat akses akibat kejutan secara tiba-tiba seperti krisis ekonomi atau bencana alam.

Sumber: FAO, [ftp://ftp.fao.org/es/ESA/policybriefs/pb\\_02.pdf](ftp://ftp.fao.org/es/ESA/policybriefs/pb_02.pdf)

Keempat-empat komponen tersebut penting dan saling melengkapi untuk mewujudkan sekuriti makanan. Sekiranya keempat-empat komponen tersebut dapat dipenuhi maka wujudlah sekuriti makanan. Sekuriti makanan adalah suatu proses yang bermula daripada isi rumah ke sebuah negara.<sup>17</sup> Oleh itu, definisi sekuriti makanan mula dilihat mengikut tahap masing-masing seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.2:

<sup>17</sup> Chisholm, Anthony H & Rodney Tyers (1982), *Food Security: Theory, Policy, and Perspective From Asia and The Pacific Rim*. Toronto: Lexington Books, h.6.

Jadual 2.2: Definisi Sekuriti Makanan Mengikut Tahap

Peringkat	Definisi Sekuriti Makanan
Individu	Setiap orang perseorangan mempunyai bekalan makanan yang mencukupi dan memenuhi keperluan pemakanan yang dianggap standart.
Isi Rumah	Keupayaan isi rumah untuk membekalkan makanan secukupnya bagi memastikan pengambilan diet yang cukup untuk semua anggota keluarganya.
Komuniti	Semua penduduk mendapat makanan yang selamat dan secara peribadi menerima makanan berkenaan dengan diet yang berkhasiat melalui sistem pemakanan lestari yang dapat memaksimumkan pilihan makanan yang menyihatkan, komuniti yang berdikari dan akses yang sama bagi setiap orang.
Negara	Keupayaan untuk memastikan penawaran makanan yang stabil dalam pasaran domestik.
Antarabangsa	Tanggungjawab semua negara untuk memastikan pasaran dan harga makanan stabil.

Sumber: Fatimah Mohd Arshad (1997)<sup>18</sup>

Menurut FAO, untuk melihat sekuriti makanan, definisi yang paling relevan adalah melihat kepada isi rumah. Hal ini kerana adanya kemampuan isi rumah secara perseorangan, khususnya yang berpendapatan rendah bagi mendapatkan tingkat kalori, protein dan nutrisi penting yang mencukupi.<sup>19</sup> Ini menunjukkan sekuriti makanan bukan hanya dilihat pada peringkat negara, tetapi lebih kepada individu dan isi rumah.<sup>20</sup>

Berdasarkan kepada takrifan mengikut tahap-tahap tersebut, ia dapat dikelaskan kepada dua peringkat iaitu peringkat mikro dan makro. Pada peringkat mikro, sekuriti makanan adalah sekuriti nutrisi yang bermaksud seseorang individu dapat mengakses dan menggunakan makanan dan mempunyai diet yang mencukupi untuk perkembangan tubuh badan, perlindungan diri daripada penyakit serta untuk melakukan pelbagai

<sup>18</sup> Fatimah Mohd Arshad (1997), "Sekuriti Makanan dan Isu Tanah Pertanian", (Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan tentang Land, Emerging Issues and Challenges di Pulau Pinang, 12-15 Disember 1997), h.1.

<sup>19</sup> Mazhar Farhad (1999), "Popular Strategies of Food Security in the Context of Globalisation" dalam *Food Security The New Millenium*. Penang: Consumers International, h.29.

<sup>20</sup> Braun *et al.* (1992), *Improving Food security of The Poor Concept, Policy and Programme International Food Policy*. Washington: Research Institute.



pekerjaan fizikal. Manakala pada peringkat makro, sekuriti makanan adalah bekalan makanan secara global dan nasional.<sup>21</sup>

## 2.4 KONSEP SEKURITI MAKANAN DARIPADA PERSPEKTIF ISLAM

Makan dan minum merupakan ibadah yang penting dalam Islam. Maka, Islam telah menggariskan dua ciri utama yang perlu dinilai dalam memilih makanan iaitu halal dan baik (*ṭayyib*). Oleh itu, bagi sekuriti makanan dalam Islam, wujudnya satu lagi elemen jaminan keselamatan makanan iaitu aspek *ḥalālan ṭayyiban* sebagai tambahan kepada elemen-llemen yang sedia ada dalam definisi sekuriti makanan yang telah diutarakan oleh FAO. Asmak Ab Rahman<sup>22</sup> telah mendefinisikan sekuriti makanan Islam sebagai akses bagi semua penduduk terhadap makanan halal dan *ṭayyib* yang mencukupi untuk kehidupan yang sihat dan aktif. Konsep halal yang ditekankan dalam sekuriti makanan ialah makanan yang tidak diharamkan seperti khinzir, bangkai, darah dan sebagainya. Manakala *ṭayyib* pula ialah makanan yang baik untuk kesihatan dan tidak mengandungi bahan-bahan yang membahayakan kesihatan.<sup>23</sup>

Islam sangat mementingkan corak pemakanan yang seimbang menerusi pengambilan makanan yang halal dan *ṭayyib* kerana kedua-dua sumber inilah yang akan membentuk darah daging seseorang. Kenyataan ini ditekankan oleh Allah SWT menerusi firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 168, surah al-Māidah ayat 88 dan surah al-Nahl ayat 114:

---

<sup>21</sup> L.C. Smith *et al.* (2000), "The Geography and Causes of Food Insecurity in Developing Countries". *Agriculture Economic*, Vol.22, hh. 201-202.

<sup>22</sup> Asmak Ab Rahman (2009), "Sekuriti Makanan dari Perspektif Syariah", *Jurnal Syariah*, Jil.17 Bil.2, h. 315.

<sup>23</sup> Asmak Ab Rahman (2004), "Pemikiran Ekonomi Islam Dalam Bidang Pertanian dan Amalannya di Malaysia (Tesis Institut Pengajian Siswazah Universiti Malaya), h. 182.

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوتَ  
الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ ﴿١٦٨﴾

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu”.

Surah al-Baqarah (2): 168

وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِء مُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾

Maksudnya: “Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertaqwalah kepada Allah yang kepadanya sahaja kamu beriman”.

Surah al-Māidah (5): 88

فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَأَشْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ إِيَّاهُ  
تَعْبُدُونَ ﴿١١٤﴾

Maksudnya: “Oleh itu, makanlah (Wahai orang-orang yang beriman) dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembahNya semata-mata”.

Surah al-Nahl (16): 114

Di Malaysia, konsep makanan halal diambil daripada definisi makanan halal di dalam MS1500: 2004 bermaksud makanan dan minuman dan/atau bahan yang dibenarkan d bawah undang-undang syariah serta memenuhi keperluan sebagaimana berikut:<sup>24</sup>

- a) Tidak mengandungi bahagian atau produk dari binatang yang tidak halal oleh undang-undang syariah atau bahagian atau produk dari binatang yang tidak disembelih mengikut undang-undang syariah;
- b) Tidak mengandungi *najs* (kotoran) mengikut undang-undang syariah;

<sup>24</sup> Jabatan Standart Malaysia (DSM) (2009), *Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan- Garis Panduan Umum (Standart Revision)*.

- c) Selamat untuk digunakan, tidak beracun, tidak memabukkan atau tidak berbahaya bagi kesihatan;
- d) Tidak disediakan, diproses atau dihasilkan dengan menggunakan peralatan yang tercemar dengan *najs* mengikut undang-undang syariah;
- e) Tidak mengandungi mana-mana bahagian manusia atau hasil daripadanya yang tidak dibenarkan oleh undang-undang syariah; dan
- f) Semasa penyediaan, pemprosesan, pengendalian, pembungkusan, simpanan dan pengedaran, makanan tersebut diasingkan secara fizikal dari makanan lain yang tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di dalam huruf a), b), c), d) atau e) atau hal-hal lain yang telah ditetapkan sebagai *najs* oleh undang-undang syariah.

Berdasarkan definisi yang telah digariskan oleh Malaysia, dapat disimpulkan bahawa konsep makanan halal di Malaysia bukan sahaja tidak mengandungi barang yang dilarang tetapi juga baik, selamat dan berkualiti. Konsep halal bukan sahaja memastikan sumber bahan makanan tersebut datang daripada sumber yang dibenarkan oleh syarak, bahkan ianya turut merangkumi kebersihan, keselamatan dan jaminan kualiti yang tinggi daripada permulaan proses sehinggalah kepada pengguna.

Kepentingan dalam pengambilan makanan halal juga turut ditekankan oleh Rasulullah SAW kerana makanan haram boleh mengganggu hubungan seorang manusia dengan Tuhannya yang akan menyebabkannya dihumban ke neraka. Kenyataan ini ditegaskan menerusi sabdanya kepada Ka'ab b. 'Ujrah:<sup>25</sup>

يا كعب بن عجرة ! إنه لا يدخل الجنة لحم ودم نبتا على سحت، النار أولى به

---

<sup>25</sup> Muḥammad b. Ḥibbān (1987), *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, “Kitab al-Ḥazar wa al-Ibāḥah”, no. Hadith 5541. j.7. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h.436.

Maksudnya: “Wahai Ka’ab b. Ujrah! Sesungguhnya daging dan darah (setiap manusia) yang tumbuh (membesar) daripada makanan haram tidak akan dapat memasuki syurga, (maka) nerakalah yang lebih layak baginya (sebagai balasan)”.

Allah SWT juga mengharamkan makanan yang memabukkan kerana ia boleh membahayakan kesihatan. Antara dalil tentang pengharamannya ialah:

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْحَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ  
عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٦٦﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya”.

Surah al-Māidah (5): 90

Walaupun Islam mementingkan pemakanan yang halal, namun ia memberi kemudahan kepada umatnya dalam keadaan terpaksa dan darurat. Ini kerana dalam keadaan darurat makanan haram pun dihalalkan untuk menjaga kemaslahatan. Namun, seseorang itu boleh memakan makanan yang haram dalam keadaan yang terdesak dalam kadar yang tidak melebihi had dan sekadar melepasi tahap bahaya yang dihadapi. Contohnya, memakan bangkai untuk mengelak daripada mati kelaparan dan bukannya untuk mengenyangkan. Ia berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 172-173.

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِن  
كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١٧٢﴾ إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالْدَّمَ وَلَحْمَ  
الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ ۖ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ  
﴿١٧٣﴾ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٧٣﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadaNya. Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah, maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

Surah al-Baqarah (2): 172-173

Ini menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang menjaga kemaslahatan umatnya daripada menerima kemudharatan yang lebih besar. Setiap pengharaman yang dibuat itu mempunyai hikmah yang tersembunyi dibaliknya. Sebagai contoh hikmah dilarang memakan bangkai adalah kerana jika binatang yang mati itu berpunca daripada sesuatu sebab sama ada terkena penyakit, terjatuh dari tempat yang tinggi, memakan tumbuhan yang beracun atau sebagainya, maka punca kematian binatang itu tidak menjamin keselamatan manusia kerana zat-zatnya yang berbahaya mungkin masih tertinggal di dalam badannya. Jika dilihat daripada kajian sains pula, binatang yang mati dengan sendirinya boleh menghasilkan beberapa jenis penyakit. Antaranya ialah ‘*brucellosis*’ yang boleh menyebabkan demam yang teruk, ‘*species heptospirosis*’ boleh menyebabkan demam, demam kuning, sakit kepala dan lain-lain lagi.<sup>26</sup> Jelaslah di sini bahawa pengharaman yang dibuat oleh Islam bukan bertujuan hendak menyusahkan umatnya tetapi sebaliknya ingin menjaga umatnya daripada keburukan dan kemudharatan.

Konsep *tayyibah* pula menitikberatkan aspek makanan yang dimakan itu adalah makanan yang berkualiti, elok dan selamat dimakan. Lafaz *tayyib* disebut tiga belas kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah al-Baqarah ayat 168, al-Imran ayat 179, al-Nisā’ ayat 2,43, al-Māidah ayat 6, 88 dan 100, surah al-A’rāf ayat 58, surah al-Anfāl ayat 37,

---

<sup>26</sup> Kazim (1971), *Medical Aspects of Forbidden Food in Islam*, Al-Ittihad, Vol.8, hh.4-6.

69, al-Nahl ayat 114, al-Haj ayat 24 dan Fāṭir ayat 10.<sup>27</sup> Makanan tersebut mestilah baik, suci, bersih dan menyihatkan badan serta membolehkan seseorang Muslim itu melaksanakan ibadah kepada Allah SWT.<sup>28</sup> Memakan makanan yang elok dan berkualiti ditekankan dalam Islam kerana makanan yang sebegini dapat menjamin supaya makanan ini dapat membentuk pertumbuhan fizikal seseorang itu sihat dan cerdas. Oleh itu, Islam melarang memakan makanan yang mengandungi bahan yang membahayakan, racun atau sebarang unsur yang boleh membahayakan kesihatan kerana syariah amat menitikberatkan penjagaan nyawa dan akal seseorang.<sup>29</sup>

Kepentingan makanan halal dan *tayyib* telah disebut oleh Allah di dalam Al-Quran lebih 1400 tahun lalu menunjukkan betapa pentingnya konsep pemakanan halal yang sempurna. Ini kerana makanan yang dimakan mempunyai hubungan yang begitu rapat dengan akhlak yang terzahir pada setiap individu kerana sumber tersebutlah yang akan menjadi darah dan daging seseorang. Pengambilan makanan haram akan memberikan kesan buruk kepada akhlaknya<sup>30</sup> sebagaimana yang diterangkan oleh Allah SWT dengan mengambil contoh yang mengaitkan perangai jahat bangsa Yahudi dengan kesukaan mereka memakan bahan yang haram:

وَتَرَى كَثِيرًا مِّنْهُمْ يُسْرِعُونَ فِي الْآثِمِ وَالْعُدْوَانِ وَأَكَلِهِمُ الشُّحْتِ لَبِئْسَ  
 مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٦٢﴾

Maksudnya: “Dan Engkau lihat kebanyakan dari mereka berlumba-lumba pada melakukan dosa dan pencerobohan serta memakan yang haram. Demi sesungguhnya amatlah buruk apa yang mereka telah lakukan”.

Surah al-Māidah (5): 62

<sup>27</sup> Zulkifli Mohd Yusoff (2009), *op.cit.*, h. 360.

<sup>28</sup> Minah Dibok, Noraini Ismail, *op.cit.*, hh.19-20.

<sup>29</sup> Asmak Ab Rahman (2009), *op.cit.*, h.318.

<sup>30</sup> Fakhr al-Din Muḥammad b. ‘Umar b. Ḥusayn b. Ḥasan b. ‘Ali al-Tamimi al-Bakri al-Razi (t.t), *Al-Tafsir al-Kabir*, juz, 11, c.2. Tehran: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h.132.

Cara pemilihan makanan dan minuman juga membuktikan nilai iman seseorang.<sup>31</sup> Melalui pemakanan, ia dapat membina akhlak yang terpuji dan membangun akal insan yang soleh. Pengambilan makanan yang haram, tidak diberkati dan tidak berkualiti mendatangkan kesan buruk kepada akal, fizikal dan rohani yang menyebabkan berlakunya gejala sosial dalam keluarga, masyarakat dan negara.<sup>32</sup>

Berdasarkan definisi sekuriti makanan yang telah diberikan oleh FAO, ia menitikberatkan adanya bekalan dan keupayaan rakyat untuk memperoleh makanan pada setiap masa. Jika dilihat definisi ini daripada perspektif sistem ekonomi Islam, wujudnya satu sistem untuk memenuhi tujuan tersebut. Bagi menjamin sekuriti makanan wujud dalam masyarakat, Islam menggariskan mekanisme tertentu bagi memastikan semua orang mendapat bekalan makanan yang mencukupi dan mengelakkan kelaparan dalam kalangan masyarakat. Mekanisme ini bersifat agihan kekayaan melalui mekanisme-mekanisme seperti agihan tahunan dan juga agihan berkala.<sup>33</sup>

Berdasarkan perbincangan tersebut dapat disimpulkan bahawa Islam bukan sahaja melihat isu bekalan atau keupayaan untuk mendapatkan makanan semata-mata sebagai jaminan sekuriti makanan, malah konsep makanan yang halal dan tidak membahayakan untuk kehidupan yang sihat juga amat dititiberatkan serta dengan adanya mekanisme agihan kekayaan bagi membantu golongan miskin.<sup>34</sup>

---

<sup>31</sup> Che Muhammad Rafizi *et al.* (2006), "Makanan dan Produk Halal: Apa Pentingnya". (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Produk Halal Makanan dan Barang Gunaan Islam di USM, 13-14 Julai 2006), h.1.

<sup>32</sup> Minah Dibok & Noraini Ismail (2010), "Konsep Halalan Tayyiban Dalam Pemakanan dan Kesannya kepada Pembinaan Peribadi Muslim", (Prosiding Seminar Pengurusan Perhotelan & Pelancongan Islam 2010), h.18.

<sup>33</sup> *Ibid.*, h.161.

<sup>34</sup> *Ibid.*, h.183.

## 2.5 KETIADAAN SEKURITI MAKANAN

Ketiadaan sekuriti makanan bermaksud ketidakdapatan makanan yang seimbang, makanan yang tidak selamat dan ketidakupayaan untuk mendapatkan makanan disebabkan oleh faktor sosial dan budaya yang diterima pakai oleh sesuatu masyarakat.<sup>35</sup> Ia boleh dikatakan sebagai kurangnya akses untuk memperolehi makanan yang mencukupi sepanjang masa untuk menjalani kehidupan yang sihat dan aktif.

Dimensi dan penyebab ketiadaan sekuriti makanan biasanya kompleks dan boleh berlaku di pelbagai tempat. Ia mungkin berbeza dari negara ke negara, dari satu kumpulan lokasi atau kepada masyarakat yang lain, bahkan berbeza di dalam negara itu sendiri.<sup>36</sup> Secara umumnya masalah ketiadaan sekuriti makanan boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu ketiadaan sekuriti makanan sementara (*temporary food insecurity*) dan ketiadaan sekuriti makanan kronik (*chronic food insecurity*). Perbezaan di antara ketiadaan sekuriti makanan kronik dan sementara adalah; ketiadaan sekuriti makanan sementara adalah sesuatu yang tidak kekal, iaitu ketiadaan akses sementara kepada jumlah makanan yang diperlukan oleh isi rumah dan akan pulih jika masalah semasa yang berlaku dapat ditangani. Manakala ketiadaan sekuriti makanan kronik adalah ketiadaan sekuriti makanan yang kritikal. Masalah ketiadaan sekuriti makanan kronik boleh berubah menjadi kelaparan dan kebuluran dengan lebih cepat. Malah keadaan ini boleh menjadi bertambah serius di mana jika terdapat walaupun sedikit gangguan dalam pengeluaran, pengagihan dan penggunaan makanan maka dengan begitu mudah akan terjadinya masalah kebuluran.<sup>37</sup>

---

<sup>35</sup> FAO (2009), *op.cit.*, h.8.

<sup>36</sup> Uzma Iram & Muhammad S. Butt (2004), *op.cit.*, h. 753.

<sup>37</sup> Dayangku Norasyikin Awang Tejuddin (2005), "Keselamatan MAkanan di Kawasan Tanduk Afrika". (Disertasi Jabatan Pengajian Strategik dan Pertahanan Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya), h.31.



Ketiadaan sekuriti makanan sementara boleh berlaku disebabkan oleh kecemasan semulajadi seperti kemarau atau kemusnahan tanaman, konflik awam dan kejatuhan ekonomi yang boleh membataskan atau mengecilkan sumber asas bagi menghasilkan bekalan makanan.<sup>38</sup> Manakala ketiadaan sekuriti makanan kronik pula dikaitkan dengan kemiskinan dan pendapatan yang rendah. Walaupun dalam situasi normal yang tiada krisis seperti peperangan dan konflik, namun kejutan-kejutan seperti kejatuhan atau kenaikan harga juga boleh mempengaruhi kelancaran diet keluarga ataupun individu.<sup>39</sup>

## 2.6 DEFINISI KEMISKINAN

Secara umumnya, kemiskinan ialah suatu keadaan di mana individu atau keluarga tidak mempunyai sumber yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas hidup seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya untuk diri sendiri dan isi rumah.<sup>40</sup> Terdapat dua pendekatan utama yang digunakan untuk mengukur kemiskinan iaitu ukuran kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif.

Menurut Frankenberger, kemiskinan mutlak adalah di mana isi rumah atau individu tidak dapat memenuhi semua keperluan asas hidup mereka.<sup>41</sup> Jika dilihat daripada sudut yang lebih ekstrem, kemiskinan mutlak merujuk kepada keadaan kebuluran, kelaparan, kekurangan zat makanan, penganguran, pengemisan dan kekurangan keperluan asas.<sup>42</sup> Pendekatan ini menyatakan bahawa seseorang itu miskin jika pendapatan yang diperolehinya kurang daripada piawai semasa iaitu garis kemiskinan yang diandaikan pendapatan yang munasabah untuk memenuhi keperluan hidup pada

---

<sup>38</sup> Uzma Iram & Muhammad S. Butt (2004), *op.cit.*

<sup>39</sup> Dayangku Norasyikin (2005), *op.cit.*, h.34

<sup>40</sup> Laily Paim & Sharifah Azizah Haron (2010), "Konsep dan Pendekatan Mengukur Kemiskinan" dalam Laily Paim, *Kemiskinan Di Malaysia: Isu Fundamental Dan Paparan Realiti*. Serdang, Selangor: Penerbit UPM, h.2.

<sup>41</sup> Frankenberger (1996), "Measuring Household Livelihood Security: An Approach for Reducing Absolute Poverty". *Food Forum*, Vol. 34, hh.1-6.

<sup>42</sup> Chamhuri Siwar (1995), "Latar Belakang Kajian" dalam *Daerah-daerah Kemiskinan*, H. Osman Rani (ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.8.

kadar yang paling minima. Garis kemiskinan ini boleh berubah dari masa ke semasa berdasarkan perubahan indeks harga pengguna (IHP). Selain menggunakan indeks pendapatan untuk melihat kemiskinan mutlak, indeks pemakanan dan sosio budaya juga digunakan. Kajian-kajian pemakanan telah mendapati bahawa masalah kekurangan nutrien dalam tubuh seseorang adalah berkait rapat dengan kedudukan ekonominya.

Konsep kemiskinan relatif pula ialah konsep kemiskinan yang dilakukan dengan membandingkan purata pendapatan dan bahagian pendapatan daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) antara berbagai-bagai kumpulan penduduk sama ada mengikut purata pendapatan, etnik, kawasan kediaman dan sebagainya. Melalui cara ini mereka yang dianggap miskin ialah golongan yang menerima pendapatan paling rendah dari segi agihan pendapatan negara. Mengikut Bank Dunia, mereka berkisar pada 40 peratus penduduk yang termiskin dalam sesebuah masyarakat. Kebajikan yang diterima oleh kumpulan ini pada teorinya juga adalah rendah jika dibandingkan dengan kumpulan-kumpulan lain.<sup>43</sup>

Terdapat beberapa ciri sosioekonomi orang miskin seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.3 dan kategori golongan miskin pula ditunjukkan dalam Jadual 2.4:

Jadual 2.3: Ciri-ciri Sosioekonomi Orang Miskin

<b>Perkara</b>	<b>Keterangan</b>
Jantina	Wanita yang menjadi ketua isi rumah
Etnik	Kumpulan minoriti
Umur	Orang tua dan kanak-kanak
Saiz Keluarga	Bilangan keluarga yang besar
Jenis Pekerjaan	Tiada kemahiran dan buruh berkemahiran rendah
Pendapatan	Pendapatan rendah
Pendidikan	Tahap pendidikan rendah
Lain-lain	Kurang upaya dan tidak mempunyai tanah

Sumber: Field (1980)<sup>44</sup>

<sup>43</sup> World Bank, <http://www.worldbank.org/>, 5 Januari 2012

<sup>44</sup> Field G.S. (1980), *Poverty, Inequality and Development*. Cambridge: Cambridge University Press, hh. 160-161.

Jadual 2.4: Kategori Golongan Miskin

<b>Kategori</b>	<b>Keterangan</b>
Golongan yang daif	Tidak mempunyai sumber pendapatan kerana tidak mampu bekerja. Antaranya ialah orang tua yang tidak dapat bekerja kerana keuzuran atau usia lanjut, orang yang cacat anggotanya dan orang dewasa tanpa sesuatu kemahiran yang dapat menghasilkan pendapatan.
Golongan yang mempunyai tanggungan anak di bawah umur (belum bekerja) yang ramai	Tidak memiliki harta atau harta tidak mencukupi. Antaranya ialah kaum ibu yang kematian atau berpisah dengan suami dan tidak mempunyai pekerjaan tetap.
Golongan yang tidak berupaya menghasilkan pendapatan lain	Mengeluarkan unit pengeluaran tidak ekonomi. Antaranya ialah pengusaha dan pemilik saiz tanah sawah tidak ekonomi dengan sebahagian besar tanaman adalah cukup untuk hidup atau kegiatan ekonomi diusahakan tidak mempunyai keupayaan komersial yang baik.
Golongan yang tidak memiliki sumber atau harta berdaya keluaran	Tidak mempunyai tanah, peralatan, anak dan lain-lain yang dapat membantu sumber pendapatan. Antaranya ialah penyewa dan buruh upah yang terpaksa bergantung kepada golongan lain untuk memperolehi pendapatan.
Golongan yang dapat dimajukan tetapi tidak berusaha meningkatkan taraf hidup	Tidak mempunyai peluang (atau peluang tidak sampai), tidak berminat atau tidak berani mengambil risiko.

Sumber: Chamhuri (1995)<sup>45</sup>

Berdasarkan kepada ciri-ciri sosioekonomi orang miskin dan golongan-golongan yang telah digariskan tersebut, ia dapat diringkaskan kepada golongan-golongan berikut:

i. Ibu Tunggal

Kumpulan ibu tunggal adalah terdiri daripada para ibu yang tidak mempunyai suami akibat daripada kematian atau perceraian. Akibatnya, golongan ini terpaksa memikul beban mencari nafkah bersendirian bagi membesarkan anak-anak. Kebanyakan ibu tunggal mengalami kesempitan hidup kerana tiada tempat bergantung dan terpaksa mengharapkan sokongan keluarga dan masyarakat sekeliling. Para ibu tunggal sering menghadapi berbagai cabaran untuk memberikan komitmen yang tinggi terhadap

<sup>45</sup> Chamhuri Siwar (1995), *op.cit.*, hh. 21-22.

kerjaya. Ini kerana mereka terpaksa memikul tanggungjawab lain termasuk memenuhi keperluan asasi keluarga, kesihatan, kebajikan, pendidikan anak-anak dan pelbagai keperluan lain. Di samping itu, para wanita yang kehilangan suami juga sering mengalami tekanan perasaan dan gangguan emosi. Keadaan ini adalah lebih berat bagi mereka yang sebelum ini menjadi suri rumah tangga sepenuh masa dan bergantung sepenuhnya kepada suami. Kekurangan kemahiran, keyakinan dan sumber-sumber lain serta persaingan yang tinggi menjadikan sektor pekerjaan sebagai satu cabaran yang besar bagi golongan ini.<sup>46</sup>

## ii. Orang Kelainan Upaya (OKU)

Orang Kelainan Upaya (OKU) sebelum ini dikenali sebagai Orang Kurang Upaya (OKU). Mengikut Akta Orang Kurang Upaya 2008, 'Orang Kurang Upaya' termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual, atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Kebanyakan warga OKU hidup di dalam keadaan yang serba kekurangan akibat daripada kekurangan dari segi mental ataupun fizikal yang mereka miliki. Meskipun terdapat golongan OKU yang mampu bekerja, tetapi pada umumnya, komuniti OKU menghadapi masalah mencari pekerjaan yang sesuai dan terpaksa bergantung hidup dengan ahli keluarga dan masyarakat sekeliling bagi menjalani kehidupan seharian.<sup>47</sup>

---

<sup>46</sup> Islamic Aid Malaysia, <http://www.iam.org.my/kumpulan-sasar/ibu-tunggal.html>, 28 April 2012.

<sup>47</sup> Jabatan Kebajikan Masyarakat, [http://www.jkm.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&catid=46%3Aorang-kurang-upaya&id=363%3Aa-pendaftaran-orang-kurang-upaya&Itemid=81&lang=ms](http://www.jkm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&catid=46%3Aorang-kurang-upaya&id=363%3Aa-pendaftaran-orang-kurang-upaya&Itemid=81&lang=ms), 28 April 2012.

### iii. Warga Emas

Warga emas ditakrifkan sebagai golongan warga tua yang berusia 60 tahun ke atas. Usia yang lanjut menyebabkan ramai warga emas mengalami masalah kesihatan dan memerlukan kos yang tinggi bagi pembiayaan kesihatan. Terdapat juga warga emas yang tidak memiliki tempat bergantung, yang tinggal di rumah-rumah kebajikan dan juga warga emas yang tinggal bersendirian di dalam keadaan yang daif. Di kalangan masyarakat tempatan, masih terdapat sebilangan warga emas yang hidup di dalam serba kekurangan dan sangat-sangat memerlukan.<sup>48</sup>

### iv- Gelandangan (*Homeless*)

Gelandangan ialah orang yang tidak mempunyai pekerjaan dan tempat tinggal yang tetap.<sup>49</sup> Kebanyakan gelandangan ini menjadikan perhentian bas, kawasan di bawah jambatan dan kaki lima bangunan sebagai tempat untuk mereka tidur pada waktu malam. Keadaan ini dikaitkan dengan faktor kemiskinan dan kos hidup yang tinggi yang menyebabkan mereka tidak mampu untuk mendapatkan tempat tinggal.

## 2.7 KEMISKINAN DI MALAYSIA

Di Malaysia, lazimnya konsep kemiskinan dilihat sebagai kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Kemiskinan mutlak diukur dengan menggunakan perbandingan antara jumlah pendapatan isi rumah dengan tahap pendapatan garis kemiskinan (PGK). PGK merupakan satu jumlah pendapatan minimum bagi membolehkan sesebuah isi rumah menampung keperluan asasi seperti makanan, pakaian, sewa rumah,

---

<sup>48</sup> Utusan Malaysia Online, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1001&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1001&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm), 28 April 2012; Islamic Aid Malaysia, <http://www.iam.org.my/kumpulan-sasar/warga-emas.html>, 28 April 2012.

<sup>49</sup>DBP, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=gelandangan>, 28 April 2012.

pengangkutan, kesihatan dan keperluan-keperluan isi rumah yang lain. PGK ini ditentukan berasaskan kepada taraf hidup penduduk negara ini yang menjadi ukuran mutlak yang memisahkan antara golongan miskin dengan bukan miskin.<sup>50</sup> Golongan yang memiliki pendapatan di bawah daripada PGK dikategorikan sebagai miskin manakala golongan yang berpendapatan kurang separuh daripada PGK dikategorikan sebagai golongan termiskin atau miskin tegar. PGK mengikut kawasan di Malaysia ditunjukkan dalam Jadual 2.5:

Jadual 2.5: Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Mengikut Kawasan

Kawasan	Kemiskinan Keseluruhan		Kemiskinan Tegar	
	PGK Kasar (RM)	PGK Per Kapita (RM)	PGK Makanan (RM)	PGK Per Kapita (RM)
<b>Semenanjung Malaysia</b>				
Keseluruhan	720	180	430	100
Bandar	740	185	420	100
Luar Bandar	700	160	440	100
<b>Sabah dan Labuan</b>				
Keseluruhan	960	200	540	110
Bandar	970	200	540	110
Luar Bandar	940	190	540	110
<b>Sarawak</b>				
Keseluruhan	830	190	520	115
Bandar	860	190	530	120
Luar Bandar	810	190	500	110

Sumber: Unit Perancang Ekonomi<sup>51</sup>

PGK terdiri daripada dua komponen iaitu PGK Makanan dan PGK Bukan Makanan. PGK ditentukan secara berasingan bagi setiap isi rumah dalam Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah mengikut saiz isi rumah, komposisi demografi dan lokasi (negeri dan strata). Sesebuah isi rumah dianggap miskin jika pendapatan bulanan isi rumah tersebut kurang daripada PGKnya, bermakna isi rumah tersebut kekurangan sumber bagi memenuhi keperluan asas setiap ahlinya. Manakala isi rumah dianggap sebagai miskin tegar sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut kurang daripada PGK

<sup>50</sup> Chamhuri Siwar (1995), *op.cit.*, h. 8.

<sup>51</sup> Unit Perancang Ekonomi [http://www.kpkt.gov.my/kpkt/fileupload/PENDAPATAN\\_GARIS\\_KEMISKINAN2007.pdf](http://www.kpkt.gov.my/kpkt/fileupload/PENDAPATAN_GARIS_KEMISKINAN2007.pdf), 22 Oktober 2011.

makanan. PGK makanan adalah berdasarkan keperluan harian kilokalori setiap individu berdasarkan metodologi PGK makanan 2005.<sup>52</sup> Golongan yang dikategorikan miskin berdasarkan kepada jumlah pendapatan bulanan digambarkan melalui Jadual 2.6:

Jadual 2.6: Takrifan Isi Rumah Berpendapatan Rendah, Miskin dan Miskin Tegar Berdasarkan Pendapatan Bulanan

<b>Kategori</b>	<b>Semenanjung Malaysia</b>	<b>Sabah</b>	<b>Sarawak</b>
Miskin tegar	RM430 sebulan ke bawah	RM540 sebulan ke bawah	RM520 sebulan ke bawah
Miskin	RM720 sebulan ke bawah	RM960 sebulan ke bawah	RM830 sebulan ke bawah
Mudah Miskin	RM1500 sebulan ke bawah (bandar)	RM1500 sebulan ke bawah (bandar)	RM1500 sebulan ke bawah (bandar)
	RM1000 sebulan ke bawah (luar bandar)	RM1000 sebulan ke bawah (luar bandar)	RM1000 sebulan ke bawah (luar bandar)

Sumber: Sistem e-kasih, Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri.<sup>53</sup>

Manakala situasi kemiskinan di Malaysia pula digambarkan melalui kadar kemiskinan isi rumah yang ditunjukkan dalam Jadual 2.7 dan Jadual 2.8:

Jadual 2.7: Kadar Kemiskinan Isi Rumah (1999-2009)

	<b>Tahun (%)</b>					
	<b>1999</b>	<b>2002</b>	<b>2004</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>
<b>Insiden kemiskinan</b>						
Keseluruhan	8.5	6.0	5.7	3.6	3.8	3.8
Bandar	14.8	13.5	11.9	7.1	7.7	8.4
Luar Bandar	3.3	2.3	2.5	2.0	2.0	1.7
<b>Insiden miskin tegar</b>						
Keseluruhan	1.9	1.0	1.2	0.7	0.8	0.7
Bandar	3.6	2.6	2.9	1.4	1.8	1.8
Luar Bandar	0.5	0.3	0.4	0.3	0.3	0.2

Sumber: Unit Perancang Ekonomi.<sup>54</sup>

<sup>52</sup> Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, <http://www.icu.gov.my/v10/pg/main.php?pg=sokong&type=faq&list=fekasih>, 22 Oktober 2011.

<sup>53</sup> Sistem e-kasih, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, [http://www.icu.gov.my/v10/pdf/artikel/kenyataan\\_media\\_ekasih.pdf](http://www.icu.gov.my/v10/pdf/artikel/kenyataan_media_ekasih.pdf), 22 September 2011.

<sup>54</sup> Unit Perancang Ekonomi. [http://www.epu.gov.my/html/themes/epu/images/common/pdf/MEIF2011\\_11.pdf](http://www.epu.gov.my/html/themes/epu/images/common/pdf/MEIF2011_11.pdf), 20 September 2011.

Jadual 2.8: Bilangan Isi Rumah Miskin Tegar, Miskin dan Mudah Miskin Tahun 2010

<b>Kategori</b>	<b>Produktif</b>	<b>Tidak Produktif</b>
Miskin tegar	30,898	7,122
Miskin	32,770	11,460
Mudah miskin	41,102	25,894
Jumlah	104,770	44,476

Sumber: Sistem e-kasih, Unit Penyelaran Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri

Golongan miskin terdiri daripada golongan miskin di bandar dan di luar bandar. Data tersebut menunjukkan bahawa kemiskinan di bandar adalah lebih tinggi berbanding kemiskinan di luar bandar. Ini berikutan daripada pelbagai perbezaan daripada sudut sumber ekonomi serta perbezaan isu-isu sosial bagi golongan tersebut. Bagi kemiskinan di bandar, meskipun mereka mempunyai pendapatan tetapi mereka masih tidak mampu untuk menampung kos sara hidup yang tinggi. Kemiskinan di desa pula lebih terjurus kepada kekurangan pendapatan bagi menampung hidup di samping kekurangan kemudahan sosial yang lain. Meskipun berada di dalam suasana yang berbeza, golongan ini berada di dalam keadaan yang serba kekurangan serta menikmati kualiti hidup yang rendah.

Berdasarkan kepada statistik tersebut, jelas menunjukkan bahawa kemiskinan masih lagi wujud di Malaysia walaupun kemiskinan keseluruhan telah berkurangan dengan ketara daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 2.8 peratus pada tahun 2010. Oleh kerana kemiskinan mempunyai perkaitan yang rapat dengan ketiadaan sekuriti makanan, maka situasi ini menggambarkan bahawa masih lagi terdapat golongan yang terdedah kepada ketiadaan sekuriti makanan. Kemiskinan boleh menjadi kronik apabila tiada jaminan untuk mendapat keperluan asas yang seterusnya akan memberi kesan kepada kehidupan seseorang.<sup>55</sup>

Konsep kemiskinan relatif pula mempunyai hubungkait dalam agihan pendapatan di mana penilaian terhadap kebajikan seseorang adalah bergantung kepada

<sup>55</sup> *Ibid*, h.3.



perbandingan tahap kebajikan orang lain di dalam masyarakat. Secara tidak langsung, konsep kemiskinan relatif berpunca daripada ketidaksamaan ekonomi dan sosial dalam masyarakat tersebut. Secara ringkasnya, kemiskinan mutlak mempunyai hubungan dengan konsep keperluan asasi, manakala kemiskinan relatif mempunyai hubungan dengan agihan pendapatan.

## **2.8 KEMISKINAN DAN KETIADAAN SEKURITI MAKANAN**

Kemiskinan dan ketiadaan sekuriti makanan adalah saling berkait rapat antara satu sama lain.<sup>56</sup> Menurut Amartya Sen, kemiskinan merupakan faktor utama yang membawa kepada masalah kebuluran dan tiada jaminan sekuriti makanan. Ini kerana orang miskin tidak mempunyai atau tidak berupaya melindungi akses mereka kepada makanan walaupun makanan boleh didapati di pasaran tempatan.<sup>57</sup> Ketidakupayaan untuk mendapatkan makanan sama ada untuk jangka masa yang panjang atau pada masa yang tertentu berkait rapat dengan pendapatan individu atau isi rumah tersebut.<sup>58</sup> Pendapatan yang mencukupi menjadi faktor kemampuan untuk membeli makanan walaupun pada harga yang tinggi. Kekurangan pendapatan atau kemiskinan akan menyebabkan ketidakupayaan untuk mendapatkan makanan yang seimbang untuk tubuh badan manusia.<sup>59</sup>

Faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi keupayaan untuk memperolehi makanan adalah faktor demografi isi rumah (kehadiran anak-anak kecil atau orang tua), tahap pendidikan ahli isi rumah dan lokasi (perbezaan antara kawasan seperti kawasan

---

<sup>56</sup> Azmi Mat Akhir, Roziah Omar & Hamidin Abd Hamid (2009), "Food Security - A National Responsibility Of Regional Concern: Malaysia's Case", (Persidangan Sekuriti Makanan dan Pembangunan Berterusan , 11-13 November 2009 di Rome), h.4.

<sup>57</sup> Amartya Sen (1981), *Poverty and Famines: An Essay on Entitlement and Desperation*. Oxford: Clarendon Press, h.96.

<sup>58</sup> Asmak Ab Rahman (2009), *op.cit*, h.312.

<sup>59</sup> Asmak Abd Rahman (2005), "Ekonomi Pertanian Dari Perspektif Al-Quran dan Amalannya di Malaysia" (International Seminar on Al-Quran di Kuala Lumpur pada 19-20 Sep 2005) h. 8.

bandar dan luar bandar).<sup>60</sup> Kenaikan harga barang-barang terutamanya bekalan makanan juga boleh meningkatkan ketiadaan sekuriti makanan dengan mengurangkan akses ekonomi terhadap makanan.<sup>61</sup> Hal ini kerana ia boleh mengurangkan kuasa beli pengguna dengan tingkat pendapatan yang sama. Secara tidak langsung ia meningkatkan insiden kemiskinan relatif di kalangan masyarakat yang mudah terjejas dan seterusnya boleh menyebabkan jatuh ke dalam kemiskinan mutlak.

Di peringkat isi rumah, kebanyakan ketiadaan sekuriti makanan berpunca daripada status sosioekonomi yang rendah, ketidakstabilan pengambilan diet dan status pemakanan yang rendah. Status sosioekonomi yang rendah sering berpunca daripada pendapatan bulanan yang rendah, pendapatan per kapita yang rendah, status pendidikan yang rendah, tidak mempunyai pekerjaan tetap di kalangan ahli keluarga dewasa dan ibu tunggal.<sup>62</sup> Ketidakseimbangan pengambilan makanan pula bermaksud penggunaan makanan yang terhad sama ada daripada segi kualiti mahupun kuantiti yang boleh menyebabkan kekurangan pada nutrien penting yang diperlukan oleh tubuh badan manusia.<sup>63</sup> Ketidakseimbangan pengambilan makanan dari segi kualiti atau kuantiti dan status pertumbuhan yang rendah sering berlaku di kalangan kanak-kanak daripada golongan isi rumah yang berpendapatan rendah yang akan mengakibatkan ketiadaan sekuriti makanan isi rumah sama ada secara langsung atau tidak.<sup>64</sup>

Terdapat beberapa kajian yang dilakukan di negara maju menunjukkan perkaitan antara ketiadaan sekuriti makanan dengan kemiskinan. Antaranya kajian yang dilakukan

---

<sup>60</sup> Uzma Iram & Muhammad S. Butt (2004), *op.cit.*, h.754.

<sup>61</sup> Azmi Mat Akhir, Roziah Omar dan Hamidin Abd Hamid (2009), *op.cit.*

<sup>62</sup> Olson CM, BS Raustschenbach, EA Frongillo dan A. Kendall (1997), "Factors Contributing to Household Food Insecurity in a Rural Upsate New York Country", *Family Economic and Nutrition Review*, Vol. 1 No.2, hh.2-17.

<sup>63</sup> Kendall A., CM Olson & EA Fronggilo (1996), "Relationship of Hunger and Food Insecurity to Food Availability and Consumption", *Journal of American Dietetic Association*, Vol. 96, hh. 1019-1024.

<sup>64</sup> Bear RD & L. Madrigal (1993), "Intrahousehold Allocation of Resources in Larger and Smaller Mexican Household". *Social Sciences and Medicine*, Vol. 36, No.3, hh.305-310.

oleh Valerie S. Tarasuk dan George H. Beaton<sup>65</sup> yang menunjukkan bahawa 90 peratus daripada isi rumah di Kanada memperolehi pendapatan kurang dua pertiga daripada garis kemiskinan di mana 94 peratus dilaporkan tidak mempunyai sekuriti makanan dan 70 peratus berada di beberapa peringkat kekurangan makanan walaupun menggunakan bantuan makanan. Manakala kajian yang dilakukan oleh Sharon Kirkpatrick dan Valerie S. Tarasuk<sup>66</sup> di Toronto menunjukkan dua pertiga daripada 484 keluarga adalah berada dalam keadaan ketiadaan sekuriti makanan dan satu perempat adalah berada dalam keadaan ketiadaan sekuriti makanan yang teruk.

Kajian di negara membangun pula menunjukkan bahawa ketiadaan sekuriti makanan adalah tinggi di kalangan isi rumah seperti 55.8 peratus di bandar Bangkok, Thailand,<sup>67</sup> 94.2 peratus di timur Jawa, Indonesia,<sup>68</sup> 58 peratus dan 44.4 peratus dalam kalangan isi rumah yang mempunyai anak dan tidak mempunyai anak di India.<sup>69</sup> Kajian di Malaysia pula menunjukkan kira-kira 67 peratus dan 58 peratus yang tiada jaminan kedapatan makanan berlaku dalam kalangan komuniti isi rumah yang berpendapatan rendah bagi kawasan bandar dan luar bandar.<sup>70</sup> Manakala kajian Chong mendapati bahawa terdapat 43 peratus kanak-kanak pra sekolah terbantut tubuh badan akibat kekurangan zat protein dan kalori yang berpanjangan dan 37 peratus kanak-kanak didapati mempunyai berat badan yang terencat. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh

---

<sup>65</sup> Valerie S. Tarasuk & George H. Beaton (1999), "Household Food Insecurity and Hunger Among Families Using Food Banks", *Canadian Journal of Public Health*, Vol. 90 No.2, hh. 109-113.

<sup>66</sup> Sharon I. Kirkpatrick & Valerie S. Tarasuk (2009), "Food Insecurity and Participation in Community Food Programs Among Low-income Toronto Families", *Canadian Journal Public Health*, Vol. 100 No. 2, hh.135-39.

<sup>67</sup> Piaseu, N. & P. Mitchell (2004), "Household Food Insecurity Among Urban Poor in Thailand", *Journal of Nursing Scholarship*, Vol. 36 No. 2, hh. 115-121.

<sup>68</sup> Studdert L.J., E.A Fronggilo & P. Valois (2001), "Household Food Insecurity Was Prevalent in Java During Indonesia's Economic Crisis", *Journal Of Nutrition*, Vol. 131, hh. 2685-2691.

<sup>69</sup> Nnakwe, N. & C. Yegamia (2002), "Prevalence of Food Insecurity Among Households With Children in Coimbatore India". *Nutrition Research* 22, hh.1009-1016.

<sup>70</sup> Zalilah Mohd. Shariff & Geok Lin Khor (2008), "Household Food Insecurity and Coping Strategies in a Poor Rural Community in Malaysia", *Nutrition Research and Practice*, Vol. 2 No.1, hh.26-34; Zalilah Mohd Shariff & M. Ang (2001), "Assessment of Food Insecurity Among Low Income Households in Kuala Lumpur", *Malaysian Journal Nutrition*, Vol. 6, hh.17-32.

kekurangan zat besi dalam makanan harian mereka kerana pendapatan yang tidak mencukupi.<sup>71</sup>

Menurut kajian yang dilakukan oleh Hamilton *et al.*, kira-kira 17 peratus isi rumah yang mempunyai pendapatan kurang daripada 50 peratus daripada paras kemiskinan menunjukkan simpton kebuluran. Ia menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan isi rumah dengan kebuluran dan perkaitan antara kemiskinan dengan ketidakcukupan makanan.<sup>72</sup>

Selain kemiskinan, antara golongan yang terdedah kepada ketiadaan sekuriti makanan ialah golongan yang tidak mempunyai tempat kediaman (*homeless*), ibu tunggal yang mempunyai anak, orang dewasa dan remaja yang lari daripada rumah mempunyai potensi mengalami ketiadaan sekuriti makanan yang tinggi.<sup>73</sup>

## **2.9 KESAN KETIADAAN SEKURITI MAKANAN**

Ketiadaan sekuriti makanan boleh menyebabkan berlaku pelbagai kesan kepada negara sama ada daripada segi ekonomi, sosial, politik dan lain-lain lagi. Tanpa jaminan terhadap sekuriti makanan bererti terdedahnya rakyat kepada penyakit dan kelaparan. Penyakit dan kelaparan bukan sahaja boleh menimbulkan ketidakstabilan sosial dan ekonomi, malah ia boleh menggugat kestabilan politik dan pemerintahan keseluruhannya.

---

<sup>71</sup> Chong Y.H. (1984), *Status of Community Nutrition in Poverty Kampongs*. Kuala Lumpur: Institute for Medical Research.

<sup>72</sup> Hamilton W., J. Cook & W. Thompson (1997), *Household Food Security In The United States in 1995: Technical Report on Food Security Measurement Project*. Alexandria VA: United States Department of Agriculture.

<sup>73</sup> Norhasmah Sulaiman (2010), "Food Security: Concepts and Definition", *Journal of Community Health* 2010, Vol. 16 No. 2, hh. 119-120. [http://www.communityhealthjournal.org/pdf/Vol16\(2\)-Norhasmah.pdf](http://www.communityhealthjournal.org/pdf/Vol16(2)-Norhasmah.pdf), 1 Februari 2011.

Kekurangan daripada segi pemakanan boleh mengakibatkan perkembangan kognitif dan pencapaian akademik yang lemah di kalangan kanak-kanak dan juga menyebabkan tahap keupayaan bekerja dan produktiviti yang rendah di kalangan orang dewasa.<sup>74</sup> Bayi atau anak-anak yang sangat kurang makan mempunyai ketahanan yang rendah dan seringkali meninggal walaupun disebabkan oleh penyakit yang biasa sahaja. Menurut FAO, kekurangan zat pemakanan itu merupakan faktor terbesar kepada tingginya angka kematian kanak-kanak di negara-negara yang membangun. Kenyataan itu disokong oleh kajian-kajian di Amerika Latin yang menunjukkan bahawa kekurangan zat pemakanan menjadi faktor penyumbang utama iaitu 50 hingga 75 peratus kepada kematian anak-anak yang berumur antara satu hingga empat tahun.<sup>75</sup>

Kelaparan dan ketiadaan sekuriti makanan boleh menyebabkan manusia menderita dan mati dalam jumlah yang besar dan memaksa seseorang individu melakukan aktiviti yang berisiko seperti aktiviti jenayah mencuri, merompak, membunuh, pelacuran dan sebagainya oleh kerana diancam mati kelaparan.<sup>76</sup>

## **2.10 LANGKAH MENGATASI KETIADAAN SEKURITI MAKANAN**

Ketiadaan sekuriti makanan merupakan masalah yang kompleks. Bagi mengatasi masalah ini, ia perlu dilihat secara menyeluruh. Oleh itu, perlunya kepada peranan pemerintah dan masyarakat dalam menangani isu tersebut.<sup>77</sup> Melalui pelan tindakan yang dibuat semasa Deklarasi Rom mengenai pengawalan makanan dunia dan Persidangan Kemuncak Makanan Dunia telah merangka pelbagai tindakan untuk tujuan bersama iaitu pengawalan makanan di peringkat individu, keluarga, negara, rantau dan

---

<sup>74</sup>Kementerian Kesihatan Malaysia, <http://www.nutrition.moh.gov.my/nutrition/pdf/Panduan%20Pemakanan/dasar%20pemakanan.pdf>, 21 Mac 2011.

<sup>75</sup> Lister R. Brown & Eric P. Eckholm (1985), *Krisis Makanan*. Abdul Wahid Ghazali (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 32.

<sup>76</sup> Dayanku Norasyikin Awang Tejuddin (2005), *op.cit.*, h.5.

<sup>77</sup> FAO, [http://www.fao.org/es/ess/faostat/foodsecurity/Files?PolicyBrief\\_en.xls](http://www.fao.org/es/ess/faostat/foodsecurity/Files?PolicyBrief_en.xls), 22 April 2011.

global. Pengawasan makanan wujud untuk semua masyarakat pada setiap masa di mana mereka mempunyai kemampuan ekonomi dan fizikal yang mencukupi, makanan yang selamat dan berkhasiat untuk memenuhi keseimbangan makanan mereka untuk kehidupan yang sihat dan selamat. Dalam hal ini, satu tindakan bersama diperlukan pada semua peringkat. Setiap negara perlu merangka satu strategi yang konsisten dengan sumber dan keupayaannya untuk mencapai matlamat peribadi dan pada masa yang sama perlulah bersatu dan bekerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa untuk membentuk penyelesaian kolektif terhadap isu-isu global mengenai pengawasan makanan. Pertambahan institusi, masyarakat dan ekonomi yang berhubungkait memerlukan usaha dan tanggungjawab bersama.<sup>78</sup>

Penyelesaian bagi masalah sekuriti makanan merangkumi penyelesaian untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Dalam jangka masa pendek, cara menanganinya adalah dengan mencipta situasi agar semua orang dapat memperoleh makanan. Manakala dalam jangka masa panjang pula adalah dengan menaikkan pendapatan perkapita golongan miskin.<sup>79</sup> Laporan *State of Food Insecurity* 2000 juga menegaskan bahawa program jangka pendek dan panjang perlu disatukan yang mana akan membawa kepada beberapa rancangan penyelesaian masalah kelaparan. Antaranya dengan mencari jalan penyelesaian kepada konflik-konflik yang sering menjadi penyebab kepada masalah ketiadaan sekuriti makanan.<sup>80</sup>

Menurut James Roumasset, penyelesaian bagi masalah sekuriti makanan dalam jangka masa panjang pada dasarnya adalah melalui pengurangan kemiskinan.<sup>81</sup> Oleh kerana itu, polisi-polisi yang harus dilakukan adalah difokuskan kepada pengurangan

---

<sup>78</sup> T. Indrani (1998), "Majlis Rundingan Kebangsaan Mengenai Jaminan Makanan Di Malaysia" (Majlis Rundingan Kebangsaan di Hotel Furama, Kompleks Selangor, Kuala Lumpur, 24 – 26 Julai 1998).

<sup>79</sup> Schuh G. Edward (2003), "The Role of the Public Sector in Achieving Food Security", dalam *Food Security and Environmental Quality in Developing World*. Boca Raton: Lewis Publishers, h.394.

<sup>80</sup> Dayangku Norasyikin Awang Tejuddin (2005), *op.cit.*, h.24; FAO, <http://www.fao.org/FOCUS/E/SOFI00/img/sofirep-e.pdf>, 20 April 2011.

<sup>81</sup> James Roumasset (1982), *op.cit.*, h.133.

kemiskinan.<sup>82</sup> Pembasmian kemiskinan adalah perlu untuk meningkatkan keupayaan untuk mendapatkan makanan. Kebanyakan mereka yang tidak berupaya mendapatkan makanan berkhasiat disebabkan tidak mampu mengeluarkan atau membeli makanan yang secukupnya. Mereka tidak mempunyai saluran yang secukupnya untuk mendapatkan unsur-unsur pengeluaran seperti tanah, air, input, baka biji benih dan anak pokok yang bermutu, teknologi yang sesuai dan pinjaman pertanian. Tambahan pula peperangan, perang saudara, bencana semulajadi, perubahan ekologi yang berkaitan dengan pengaruh iklim dan pencemaran alam sekitar telah memberi kesan kepada berjuta-juta penduduk.<sup>83</sup>

Bantuan makanan pula dilihat sebagai langkah jangka pendek bagi menangani masalah ketiadaan sekuriti makanan. Langkah pertama bantuan jangka pendek untuk ketiadaan sekuriti makanan adalah melalui bank makanan, *public kitchen*, program bantuan makanan kecemasan dan lain-lain. Langkah kedua adalah dengan memberi tumpuan kepada pembangunan masyarakat, contohnya melalui pendidikan tentang keselamatan makanan. Manakala langkah ketiga pula dengan melakukan perubahan struktur dalam makanan dan bidang pertanian, contohnya perubahan dalam dasar-dasar sosial dan program-program awam.<sup>84</sup> Melalui tindakan yang kolektif, penderitaan akibat ketiadaan sekuriti makanan dapat dihapuskan dalam kehidupan individu dan masyarakat. Strategi jangka pendek adalah penting untuk memenuhi keperluan segera bagi memantapkan strategi jangka panjang yang bertujuan untuk mewujudkan sekuriti makanan pada masa depan.

---

<sup>82</sup> L.C. Smith *et al.* (2000), *op.cit*, h.208.

<sup>83</sup> T. Indrani (1998), *op.cit*.

<sup>84</sup> Food For Thought Online. (2008), <http://www.foodthoughtful.ca/intro.htm>, 23 Mei 2011.

## 2.11 BANTUAN MAKANAN SEBAGAI JAMINAN SEKURITI MAKANAN

Kebanyakan golongan miskin yang terdedah kepada ketiadaan sekuriti makanan disebabkan tidak mempunyai keupayaan mendapatkan makanan sama ada dalam tempoh masa sementara atau berpanjangan. Keadaan ini menggambarkan bahawa ia bukan disebabkan oleh tiada bekalan makanan namun disebabkan ketiadaan akses untuk mendapatkan makanan. Ketidakupayaan mendapatkan makanan menyebabkan ketidakcukupan makanan yang boleh membawa kepada masalah kebuluran dan kematian. Oleh itu, punca-punca yang mengancam keselamatan nyawa hendaklah dihapuskan kerana menjaga nyawa merupakan salah satu daripada *maqāsid syarīah*. Maka, bantuan makanan diperlukan untuk membantu golongan tersebut kerana ia bukan sahaja cara untuk mencapai *maqāsid syarīah* malah merupakan salah satu strategi untuk mencapai sekuriti makanan.

Bantuan makanan merupakan satu sumber yang sangat berguna kepada masyarakat. Antara contoh program-program bantuan makanan adalah seperti program bantuan makanan kecemasan, *soup kitchen*, *food stamp*, *food bank*, program bantuan makanan selepas sekolah dan pelbagai lagi. Walaupun mempunyai nama yang berbeza namun ia mempunyai matlamat yang sama iaitu bagi membantu masyarakat yang kelaparan dengan pemberian bantuan makanan. Berdasarkan kepada program-program bantuan makanan tersebut, bank makanan dilihat sebagai program bantuan makanan yang lebih efektif berbanding dengan program-program bantuan makanan yang lain.

Sekuriti makanan dan penggunaan program bantuan makanan menunjukkan hubungan yang sangat kompleks. Terdapat laporan yang berdasarkan kepada tinjauan menunjukkan isi rumah yang menggunakan program bantuan makanan boleh meningkatkan sekuriti makanan berbanding isi rumah berpendapatan rendah yang tidak menggunakan program bantuan tersebut. Oleh kerana program penyediaan makanan



adalah bertujuan untuk membantu mengurangkan ketiadaan sekuriti makanan, isi rumah dijangka dapat makanan yang lebih selamat dan mencukupi setelah mendapat bantuan daripada program tersebut berbanding sebelumnya.<sup>85</sup>

Walaupun beberapa pengkaji seperti James Roumasset melihat bantuan makanan lebih kepada langkah jangka pendek, namun ianya penting untuk mengekalkan keupayaan yang secukupnya dalam membekalkan bantuan makanan terhadap masyarakat apabila ia diperlukan, terutamanya sewaktu kecemasan seperti semasa kejadian bencana alam.<sup>86</sup> Bantuan makanan bukan sahaja boleh digunakan sebagai satu usaha untuk meningkatkan sekuriti makanan kesan daripada agihan makanan segera yang diberikan kepada golongan yang memerlukan malah dapat mengimbangkan pembayaran dan sokongan perbelanjaan kerajaan untuk pembangunan ekonomi negara.<sup>87</sup>

## **2.12 KESIMPULAN**

Sekuriti makanan bukan hanya melibatkan pengeluaran yang mencukupi malahan perlu memastikan semua orang mampu untuk mendapatkannya sama ada melalui pembelian ataupun bantuan makanan. Walaupun negara Malaysia tidak mempunyai masalah kebuluran atau masalah sekuriti makanan yang serius namun masih terdapat rakyat yang terdedah kepada faktor utama ketiadaan sekuriti makanan iaitu kemiskinan.

---

<sup>85</sup> Mark Nord, Margaret Andrews & Steven Carlson (2009), "Measuring Food Security in the United States: Household Food Security in the United States, 2008". *Economic Research Report*, No. 83, h. 30; Wilde, Parke, & Mark Nord. (2005), "The Effect of Food Stamps on Food Security: A Panel Data Approach", *Review of Agricultural Economics*, Vol. 27 No. 3, hh. 425-432; Gundersen, Craig & Victor Oliveira (2001), "The Food Stamp Program and Food Insufficiency," *American Journal of Agricultural Economics* Vol. 83 No. 4, hh. 875-87.

<sup>86</sup> T. Indrani (1998), "Majlis Rundingan Kebangsaan Mengenai Jaminan Makanan Di Malaysia" (Majlis Rundingan Kebangsaan di Hotel Furama, Kompleks Selangor, Kuala Lumpur, 24 – 26 Julai 1998).

<sup>87</sup> Dayanku Norasyikin Awang Tejuddin (2005), *op.cit.*, h.135.

Oleh itu, jaminan untuk mencapai sekuriti makanan menjadi tanggungjawab bersama bagi setiap individu, pengeluar, pengagih dan pengguna itu sendiri. Kerajaan pula bertanggungjawab bagi memastikan setiap individu di dalam negara mendapat makanan yang mencukupi dan bermutu.

**SISTEM OPERASI DAN PERANAN  
BANK MAKANAN DALAM MENJAMIN  
SEKURITI MAKANAN**

**BAB  
TIGA**

## **BAB TIGA**

# **SISTEM OPERASI DAN PERANAN BANK MAKANAN DALAM MENJAMIN SEKURITI MAKANAN**

### **3.1 PENDAHULUAN**

Kelaparan merupakan salah satu simptom kemiskinan yang boleh menyebabkan terdedah kepada ketiadaan sekuriti makanan yang akhirnya boleh menjejaskan kesihatan dan boleh membawa kepada kematian.<sup>1</sup> Sektor kebajikan secara sekarela telah memberi respon kepada masalah kelaparan dan ketiadaan sekuriti makanan dalam masyarakat dan memainkan peranan yang penting dalam memenuhi keperluan makanan kepada golongan yang terdedah kepada risiko tersebut.<sup>2</sup> Antara tindak balas tersebut adalah dalam bentuk program bantuan makanan bagi membantu menyediakan makanan secara percuma kepada golongan yang tidak berkemampuan.

Bank makanan adalah antara organisasi kebajikan yang menyediakan bantuan makanan kepada golongan miskin dan yang memerlukan secara percuma. Bank makanan dilihat sebagai salah satu mekanisme bantuan makanan yang efektif berbanding dengan program-program bantuan makanan yang lain. Oleh itu, dalam bab ini penulis akan mengkaji sistem operasi bank makanan dan bagaimana ia memainkan peranan dalam meningkatkan sekuriti makanan khususnya pada peringkat mikro.

---

<sup>1</sup> Kate McPherson (2006), "Food Insecurity and the Food Bank Industry: Political, Individual and Environmental Factors Contributing to Food Bank Use in Christchurch: A Research Summary" (Geography Department, University of Canterbury), h. 36.

<sup>2</sup> *Ibid.*, h.2.

### 3.2 KONSEP BANK MAKANAN

Secara umumnya, bank makanan merupakan gudang yang berdaftar sebagai organisasi kebajikan yang berfungsi sebagai tempat pengumpulan, penyimpanan dan pengagihan makanan yang diperolehi melalui derma atau perkongsian yang akan diagihkan secara percuma kepada agensi-agensi yang menyediakan makanan kepada masyarakat yang kelaparan dan memerlukan.<sup>3</sup> Ia mengumpul lebihan, barangan runcit dan produk makanan yang tidak boleh dijual, makanan yang didermakan atau yang dibeli untuk diagihkan kepada golongan miskin atau kepada badan-badan kebajikan yang menyalurkan bantuan tersebut kepada golongan yang memerlukan.<sup>4</sup> Bantuan makanan yang disediakan oleh bank makanan mempunyai rangkaian yang meluas melalui kerajaan, masyarakat dan program-program kebajikan.<sup>5</sup> Ia menunjukkan satu gabungan unik daripada tiga wakil utama dalam sektor masyarakat iaitu sektor awam (pihak kerajaan di semua peringkat), sektor swasta (komuniti peniaga termasuk pihak industri makanan dan pihak media) dan sektor sukarela (komuniti NGO) untuk sama-sama bertindak dalam menangani masalah kelaparan.<sup>6</sup>

### 3.3 SEJARAH BANK MAKANAN

Sejarah bank makanan bermula dengan penubuhan bank makanan pertama dunia iaitu St. Mary Food Bank yang telah diasaskan oleh John Van Hengel iaitu pemaju konsep bank makanan pada tahun 1967. Pada tahun 1965, John Van Hengel telah menawarkan diri secara sukarela bagi mengumpul sumbangan derma untuk bilik makan masyarakat

---

<sup>3</sup> Riches G., (1986), *Food Banks and The Welfare Crisis*. Ottawa: Canadian Council on Social Department, h.16.

<sup>4</sup> GFN, "How To Build A Food Bank: A Tool Kit for Establishing New Food Banks", [http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=resources\\_started](http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=resources_started).

<sup>5</sup> Valerie Tarasuk & Joan M. Eakin (2005), "Food Assistance Through "Surplus" Food: Insights From An Ethnographic Study of Food Bank Work", *Agriculture and Human Values*, Vol. 22, h.176.

<sup>6</sup> GFN, "How To Build A Food Bank: A Tool Kit for Establishing New Food Banks".

di St. Vincent de Paul. Van Hengel menyadari bahawa kedai-kedai runcit akan melupuskan lebih makanan yang tidak boleh dijual yang disebabkan oleh pembungkusannya yang rosak atau menghampiri tarikh luput. Sehubungan itu, Van Hengel telah berjumpa dengan pengurus-pengurus kedai runcit di kawasan tersebut untuk menyakinkan mereka supaya mendermakan lebih makanan yang masih elok dan yang boleh dimakan kepada St. Vincent de Paul. Ekoran itu, Van Hengel telah menerima sumbangan makanan daripada kedai-kedai runcit sehingga melebihi ruang bilik makan tersebut.<sup>7</sup> Melalui pengalaman tersebut, maka lahirnya konsep bank makanan.

Berdasarkan kepada idea 'bank', individu dan syarikat yang mempunyai sumber-sumber boleh membuat 'deposit' makanan dan dana melalui sumbangan derma, manakala agensi-agensi kebajikan pula boleh membuat 'pengeluaran' makanan. Van Hengel telah memberikan idea mewujudkan lokasi pusat di mana agensi-agensi perkhidmatan sosial dapat menerima makanan yang diperlukan oleh pengguna mereka tanpa sebarang kos.<sup>8</sup>

Pada tahun pertama, ahli bank makanan terdiri daripada Van Hengel dan beberapa sukarelawan telah mengumpul dan mengagihkan lebih daripada 250,000 paun makanan kepada 36 agensi-agensi tempatan. Diilhamkan melalui konsep tersebut, bandar-bandar di seluruh negara mula membuka bank makanan mereka sendiri di mana Van Hengel memberikan khidmat sebagai perunding.<sup>9</sup>

Pada tahun 1976 pula, John Van Hengel telah menubuhkan *Feeding Amerika* yang dahulunya dikenali sebagai *Second Harvest*, iaitu sebuah organisasi perunding bagi mereka yang berminat untuk memulakan bank makanan. Organisasi ini mempunyai

---

<sup>7</sup> St. Mary FoodBank, <http://www.firstfoodbank.org/history.html>, 1 Ogos 2011.

<sup>8</sup> *Ibid.*

<sup>9</sup> *Ibid.*

rangkaian lebih daripada 200 buah bank makanan di seluruh negara dan sebagai organisasi yang berperanan untuk menangani masalah kelaparan terbesar di Amerika Syarikat.

Seterusnya Van Hengel telah menubuhkan *Food Banking*, yang berfungsi sebagai perunding kepada bank-bank makanan di negara seluruh dunia. Organisasi ini telah menukar namanya kepada *Global Food Banking Network (GFN)*, yang membantu menubuhkan bank makanan di seluruh Afrika, Eropah Timur, Asia, Amerika Selatan, Kanada dan Australia.<sup>10</sup> Selepas itu, bank makanan telah berkembang ke seluruh dunia.<sup>11</sup> Sejarah penubuhan dan perkembangan bank makanan diringkaskan melalui Jadual 3.1 di bawah:

Jadual 3.1: Sejarah Bank Makanan

<b>Tahun</b>	<b>Sejarah Penubuhan</b>
1967	Bank makanan pertama ditubuhkan oleh John Van Hengel di Phoenix, Arizona di Amerika Syarikat.
1976	<i>America's Second Harvest</i> yang kemudian dikenali sebagai <i>Feeding America</i> bertapak sebagai rangkaian nasional bank-bank makanan di Amerika Syarikat.
1984	Bank makanan pertama Europe ditubuhkan di Perancis
1985	<i>Food Banks Canada</i> , rangkaian bank makanan untuk rakyat Kanada telah ditubuhkan.
1986	Persekutuan Bank-Bank Makanan Eropah (FEBA) telah diasaskan.
1995	<i>Asociación Mexicana de Bancos de Alimentos</i> (AMBA), iaitu Persatuan Bank Makanan Mexico telah ditubuhkan.
2004	<i>Red Argentina de Bancos de Alimentos</i> , Rangkaian Bank Makanan Argentina telah ditubuhkan.
2006	Rangkaian bank makanan di Argentina, Kanada, Mexico, Amerika Syarikat serta bank makanan di Porte Alegre, Brazil bersama-sama mencipta <i>Global Food Banking Network (GFN)</i> .
2007	<i>Global Food Banking Network</i> dan rangkaian kedai runcit H-E-B menubuhkan <i>Food Bank Leadership Institute</i> .

Sumber: The Global Food Banking Network<sup>12</sup>

<sup>10</sup> *Ibid.*

<sup>11</sup> Global Food Banking Network, [http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=foodbanking\\_history](http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=foodbanking_history), 1 Ogos 2011.

<sup>12</sup> *Ibid.*

Berdasarkan kepada GFN,<sup>13</sup> terdapat lebih daripada 20 buah negara yang telah melaksanakan bank makanan di seluruh dunia. Ia telah muncul sebagai tindak balas utama sektor kebajikan secara sukarela kepada isi rumah yang ketiadaan sekuriti makanan di kebanyakan negara maju termasuklah di Amerika Syarikat, Kanada dan New Zealand.<sup>14</sup> Kini, bank makanan telah dianggap sebagai satu sumber keperluan bagi masyarakat.<sup>15</sup>

### **3.4 SISTEM OPERASI DAN PERANAN BANK MAKANAN**

Pada asalnya, sistem bank makanan diwujudkan kerana terdapat berbilion-bilion pound makanan yang telah dibazirkan pada setiap tahun di mana pada masa yang sama terdapat hampir satu bilion penduduk yang tidak mempunyai makanan yang mencukupi. Oleh itu, bank makanan diwujudkan bagi mengumpul lebihan makanan untuk diagihkan kepada kumpulan masyarakat yang memerlukannya melalui agensi-agensi kebajikan. Proses ini melibatkan semua sektor masyarakat sama ada agensi kerajaan, perniagaan dan masyarakat awam.<sup>16</sup> Proses operasi bank makanan digambarkan melalui Rajah 3.1:

---

<sup>13</sup> Global Food Banking Network, [http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=foodbanking\\_find](http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=foodbanking_find), 24 November 2011.


<sup>14</sup> *Ibid.*, h. 47.

<sup>15</sup> Jacobs Starkey L, Kuhnlein H, Gray-Donald K (1998), "Food Bank Users: Sociodemographic and Nutritional Characteristics", *Canadian Medical Association Journal*, Vol. 158 No. 9, hh. 1143-1149.

<sup>16</sup> Global Food Banking Network, [http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=foodbanking\\_how](http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=foodbanking_how), 1 Ogos 2010.



Rajah 3.1: Operasi Bank Makanan



Sumber: The Global Food Banking Network<sup>17</sup>

Rajah 3.1 menunjukkan operasi bank makanan secara menyeluruh dengan melihat kepada tiga fungsi utama bank makanan iaitu sebagai tempat pengumpulan, penyimpanan dan pengagihan makanan kepada golongan miskin dan memerlukan. Operasi bank makanan adalah seperti pengedar makanan yang bertujuan untuk mendapatkan keuntungan tetapi dalam kes ini agihan makanan dilakukan untuk kebajikan semata-mata, bukannya untuk mendapatkan keuntungan. Operasi bank makanan dipecahkan mengikut peranannya seperti berikut:

### 3.4.1 Pengumpulan Dana

#### i- Sumber Dana

Secara kebiasaannya, bank makanan beroperasi tanpa dana kewangan daripada pihak kerajaan, namun operasi bank makanan bergantung kepada khidmat sukarela,

<sup>17</sup> Global Food Banking Network, [http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=foodbanking\\_how](http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=foodbanking_how), 1 Ogos 2011.

sumbangan derma makanan dan sumbangan derma peralatan dan kemudahan-kemudahan lain.<sup>18</sup> Bank makanan bergantung kepada sumbangan derma bagi sebahagian besar barangan makanan mereka.<sup>19</sup> Kebanyakan makanan diperolehi daripada pihak pengeluar, pemproses, pengedar dan peruncit makanan atau dikumpulkan melalui permintaan daripada orang ramai.<sup>20</sup> Bahagian terbesar dalam sumbangan makanan ini adalah terdiri daripada lebih makanan daripada proses biasa bagi keuntungan syarikat. Ia terdiri daripada rangkaian makanan seperti daripada petani yang menghasilkan terlalu banyak pengeluaran atau pengeluar makanan yang mengeluarkan lebih produk, ataupun daripada peruncit yang terlebih membuat tempahan. Maka, lebih tersebut akan disumbangkan kepada bank makanan bagi mengelakkan pembaziran. Selain itu, terdapat juga lebih makanan diberikan disebabkan tidak boleh dijual di pasaran<sup>21</sup> kerana terdapat kesilapan pembuatan, kerosakan semasa penghantaran, pengurusan dan penyimpanan atau disebabkan oleh produk yang mudah rosak atau hampir kepada tarikh luput.<sup>22</sup> Walaubagaimanapun, terdapat sesetengah daripada sumbangan industri tersebut mempunyai kualiti dalam pasaran.

Selain sumbangan dalam bentuk makanan, bank makanan juga memperoleh dana kewangan daripada sumbangan masyarakat awam. Sumber kewangan tersebut akan digunakan untuk membeli makanan bagi menampung kekurangan bekalan. Ini kerana terdapat sesetengah bank makanan yang membeli makanan apabila bekalan makanan semakin berkurang sementara sesetengah yang lain bergantung sepenuhnya kepada

---

<sup>18</sup> Whitney Borowko (2008), "Food Insecurity Among Working- Age Canadians With Disabilities". (Masters Thesis of Public Policy in the Faculty of Arts and Social Sciences at Simon Fraser University, Vancouver), h. 78.

<sup>19</sup> Donna Rae Paulhamus & Nancy Cotugna (1998), "A Computerized Method for Determining Outcomes in a Food Bank Distribution System", *Journal of The American Dietetic Association*, Vol. 98 No. 9, h.1029.

<sup>20</sup> Valerie Tarasuk & Joan M. Eakin (2005), *op.cit.*, h.176.

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> Adrienne C. Teron & Valerie S. Tarasuk (1999), *op.cit.*, h.382.

sumbangan makanan.<sup>23</sup> Bank makanan akan membeli makanan apabila mempunyai dana yang mencukupi untuk menambah bekalan dan kualiti pemakanan<sup>24</sup> sama ada melalui penjana modal atau sumbangan derma daripada penduduk dalam masyarakat.<sup>25</sup> Oleh kerana sesetengah makanan dibeli bergantung kepada sumbangan kewangan maka pengagihannya adalah terhad.<sup>26</sup> Terdapat juga beberapa bank makanan seperti di Greater Vancouver, Edmonton dan Calgary yang membeli makanan dengan harga diskaun.<sup>27</sup> Di Edmonton pula, membeli makanan adalah cara terakhir untuk menyediakan makanan yang seimbang. Manakala di Vancouver, membeli makanan merupakan sebahagian besar daripada operasinya.<sup>28</sup>

Secara ringkasnya, bank makanan mendapat bekalan makanan daripada barangan yang tidak boleh dijual daripada pasaraya atau sumbangan daripada syarikat makanan serta menambah bekalan melalui pembelian daripada penjana modal atau sumbangan derma daripada penduduk dalam masyarakat dan makanan yang dikumpul tersebut akan diberikan kepada orang yang memerlukan.<sup>29</sup>

## ii- Pihak Penyumbang

Pihak yang menyumbang kepada bank makanan terdiri daripada pelbagai rangkaian sistem pasaran seperti pegeluar, pengedar, pemborong, peruncit serta masyarakat awam. Bank makanan mendapat sokongan dan kerjasama daripada industri makanan dan barangan runcit. Di Kanada, terdapat lebih daripada 700 buah syarikat di sekitar Kanada

---

<sup>23</sup> Riches G. (2002), *op.cit.*, h.651.

<sup>24</sup> Adrienne C. Teron & Valerie S. Tarasuk (1999), *op.cit.*, h.382.

<sup>25</sup> Linda Jacobs Starkey, Katherine Gray-Donald & Harriet V. Kuhnlein (1999). "Nutrient Intake of Food Bank Users Is Related to Frequency of Food Bank Use, Household Size, Smoking, Education and Country of Birth", *Journal of Nutrition*, Vol 129, hh. 883–889.

<sup>26</sup> Valerie Tarasuk & Joan M. Eakin, *op.cit.*, h. 180.

<sup>27</sup> Graham Riches (1986). *op.cit.*, h.17.

<sup>28</sup> *Ibid.*


<sup>29</sup> Linda Jacobs Starkey, Katherine Gray-Donald & Harriet V. Kuhnlein (1999), *op.cit.*

yang menderma makanan dan barang-barang runcit kepada bank makanan.<sup>30</sup> Manakala di Australia pula, terdapat lebih kurang 650 syarikat di sekitarnya yang memberi sumbangan makanan dan barangan runcit kepada bank makanan.<sup>31</sup> Antara syarikat-syarikat yang menyumbangkan makanan dan barangan runcit kepada bank makanan ialah Cadbury, Campbell Arnott's, Coco-cola Amatil, Danone, Dairy Farmers, Feerero, *Kentucky Fried Chicken* (KFC), McDonald's, Nestle, Pizza Hut dan SunRice.<sup>32</sup>

### iii- Bentuk Pemberian Sumbangan

Berdasarkan kepada pelaksanaan bank makanan di negara-negara maju, pemberian sumbangan disalurkan dalam beberapa bentuk seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.2:

Rajah 3.2: Bentuk Pemberian Sumbangan Kepada Bank Makanan



Sumber: Pelbagai<sup>33</sup>

<sup>30</sup> Food Bank Australia, <http://www.foodbank.com.au/default.asp?id=1,2,,128>, 5 Julai 2011.

<sup>31</sup> Food Bank Australia, <http://www.foodbank.com.au/default.asp?id=1,4,,31>, 5 Julai 2011.

<sup>32</sup> Food Bank Australia, <http://www.foodbank.com.au/default.asp?id=1,2,,128>, 5 Julai 2011.

<sup>33</sup> Food Bank Australia, <http://www.foodbank.com.au/default.asp?id=1,6,,33>, 17 September 2011.

Berdasarkan Rajah 3.2, terdapat empat cara untuk masyarakat memberi sumbangan kepada bank makanan. Sumbangan kepada bank makanan bukan sahaja boleh dilakukan dengan pemberian bekalan makanan dan kewangan, malah masyarakat juga boleh memberikan sumbangan melalui perkhidmatan dan masa. Kebanyakan sumbangan yang diberikan kepada bank makanan adalah dalam bentuk makanan. Kebanyakannya didermakan oleh pihak industri yang mempunyai lebih makanan yang tidak boleh dipasarkan bagi mengelakkan pembaziran.

Sebagai jaminan kepada penderma daripada industri makanan dan barangan runcit, bank makanan akan memberi jaminan bahawa mereka akan melindungi jenama dan integriti produk yang didermakan serta memberikan standart yang sama bagi keselamatan makanan sepertimana yang digunakan oleh industri tersebut. Selain itu, akan memberikan amalan terbaik dari segi pergudangan, pengendalian, stok kawalan, simpanan dan prosedur pengagihan. Bank makanan juga memberi jaminan bahawa makanan dan barangan runcit yang didermakan tidak akan dijual atau ditukarkan. Bank makanan juga akan membuat pemantauan dan pengawasan kepada agensi kebajikan yang berperanan mengagihkan sumbangan tersebut bagi memastikan perlindungan jenama yang diberikan kepada penerima bantuan<sup>34</sup>.

Selain itu, syarikat-syarikat yang menyumbangkan makanan mendapat insentif termasuklah dapat menaikkan nama syarikat, dapat meningkatkan kesetiaan pelanggan, memberi pendedahan tentang produk dan dapat mengurangkan kos yang ditanggung untuk melupuskan produk yang tidak dapat dijual.<sup>35</sup> Di Kanada, sumbangan korporat tidak mendapat faedah cukai khas bagi yang mendermakan makanan kepada bank makanan. Walaubagaimanapun mereka dapat menjimatkan yuran tapak pelupusan dan

---

<sup>34</sup> Food Bank Australia, <http://www.foodbank.com.au/default.asp?id=1,5,,15>, 23 Ogos 2011.

<sup>35</sup> Adrienne C. Teron & Valerie S. Tarasuk (1999), "Charitable Food Assistance: What Are Food Bank Users Receiving?", *Canadian Journal of Public Health*, Vol. 90 No. 6, h. 382.

kos pembuangan.<sup>36</sup> Manakala di Amerika Syarikat pula, setiap sumbangan yang diberikan boleh mendapat pelepasan cukai.<sup>37</sup>

Bagi sumbangan kewangan,<sup>38</sup> ia terbahagi kepada sumbangan bulanan atau sumbangan terbuka yang boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja. Sumbangan tersebut boleh dilakukan secara *online* atau pemindahan elektronik sama ada melalui cek, simpanan atau kredit kad. Namun, sekiranya penderma tidak mahu meneruskan pemberian sumbangan bulanan, mereka boleh menghentikan pemberian sumbangan tersebut pada bila-bila masa sahaja.<sup>39</sup> Di Amerika Syarikat, setiap dolar yang disumbangkan mampu menyediakan tujuh hidangan kepada golongan yang memerlukan.

Daripada segi sumbangan perkhidmatan pula ia boleh diberikan dengan memberi perkhidmatan professional seperti penyelenggaraan internet, sokongan dalam perakaunan dan perundangan, percetakan, pengangkutan, penyimpanan makanan, trak, perkakasan, peralatan dan perabot pejabat.<sup>40</sup> Manakala daripada segi sumbangan masa, ianya boleh dilakukan dengan menjadi salah seorang sukarelawan kepada bank makanan. Bank makanan tidak dapat beroperasi dengan baik tanpa adanya sokongan dan bantuan harian daripada sukarelawan. Ini kerana kesemua bank makanan di dunia adalah bergantung kepada dedikasi, komitmen dan sifat bermurah hati sukarelawan untuk menghantar makanan kepada berjuta-juta orang yang memerlukan pada setiap hari.<sup>41</sup> Bidang tugas sukarelawan bermula daripada membungkus dan menyusun produk di dalam gudang bank makanan sehinggalah kepada membantu menyediakan makanan

---

<sup>36</sup> Valerie Tarasuk & Joan M. Eakin, *op.cit.*, h.178.

<sup>37</sup> St Mary Food Bank, <http://www.firstfoodbank.org/give.html>, 23 Ogos 2011

<sup>38</sup> St Mary Food Bank, <http://www.firstfoodbank.org/give.html>, 15 Julai 2011.

<sup>39</sup> Feeding America, <http://feedingamerica.org/get-involved/donate/give-monthly.aspx>, 20 Ogos 2011.

<sup>40</sup> Food Bank Australia, <http://www.foodbank.com.au/default.asp?id=1,6,,33>, 17 September 2011.

<sup>41</sup> Global Food Banking Network, [http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=support\\_volunteer](http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=support_volunteer), 18 September 2011.

serta mengagihkan makanan.<sup>42</sup> Menjadi sukarelawan bank makanan bermakna mereka telah membuat sumbangan yang begitu bermakna yang mungkin dapat memberi pengalaman, kemahiran baru, dapat berjumpa dengan orang baru serta dapat mengagihkan makanan kepada masyarakat yang memerlukan pada setiap hari.<sup>43</sup>

### **3.4.2 Penyimpanan dan Pengurusan Bekalan Makanan**

Bank makanan dijadikan sebagai pusat penyimpatan sumbangan makanan yang didermakan oleh masyarakat. Bank makanan perlu menguruskan sumbangan makanan tersebut sebelum diagihkan kepada badan-badan kebajikan atau individu yang memerlukan.

#### **i- Stok Makanan**

Bank makanan perlulah mempunyai stok makanan bagi memastikan operasinya berjalan dengan lancar dan makanan sentiasa mencukupi untuk diagihkan kepada masyarakat miskin dan golongan lain yang memerlukan. Biasanya, gudang bank makanan mempunyai pelbagai stok makanan segar dan ruji seperti roti, tenusu, buah-buahan, sayur-sayuran, pasta, makanan dingin dan sejuk beku, barangan kering, minuman, makanan ringan, makanan bayi serta barangan penjagaan peribadi dan banyak lagi.<sup>44</sup> Sekiranya bekalan makanan berkurang, maka bank makanan akan membeli makanan bagi menambahkan bekalan tersebut. Kebanyakan bank makanan akan membeli makanan pada harga diskaun bagi mendapatkan makanan pada harga yang lebih murah.

---

<sup>42</sup> *Ibid.*

<sup>43</sup> Food Bank Australia, <http://www.foodbank.com.au/default.asp?id=1,124,,107>, 17 September 2011.

<sup>44</sup> Food Bank Australia, <http://www.foodbank.com.au/default.asp?id=1,107,,76>, 13 Julai 2011.

## ii- Pengendalian Sumbangan Makanan

Bagi proses pengendalian di bank makanan ianya dilakukan oleh pekerja berbayar dan sukarelawan. Pekerja yang berbayar berfungsi sebagai penyelaras di sesetengah bank makanan, tetapi kebanyakan bank makanan bergantung sepenuhnya kepada khidmat sukarelawan dalam semua aktiviti operasi mereka.<sup>45</sup> Sukarelawan ini biasanya terdiri daripada penganggur dan di beberapa agensi, mereka ini termasuklah pengguna bank makanan semasa dan yang terdahulu. Di sesetengah bank makanan, sukarelawan ini terdiri daripada orang yang bekerja untuk memenuhi khidmat masyarakat (orang yang dikehendaki oleh undang-undang untuk melakukan kerja-kerja kebajikan dalam masyarakat sebagai hukuman bagi salahlaku yang dilakukan), kerja untuk memenuhi kebajikan atau penempatan latihan untuk pelajar. Secara jelasnya, bekalan tenaga kerja melalui pekerja tidak berbayar adalah aset yang sangat penting bagi membolehkan bank makanan menguruskan kerja intensif buruh iaitu menyusun dan mengagihkan makanan runcit yang tidak berkualiti.<sup>46</sup>

Penghantaran makanan adalah bergantung kepada sumber sumbangan tersebut. Apabila sumbangan makanan dihantar kepada bank-bank makanan, pekerja akan menyusun makanan tersebut mengikut kategori kegunaan bagi struktur pengagihan makanan. Dalam mengendalikan sumbangan makanan, pekerja akan mengasingkan item-item yang tidak sesuai mengikut kategori piawai, oleh itu ia memerlukan proses pengagihan yang berbeza. Mereka juga turut mengasingkan makanan yang jelas kelihatan rosak, busuk atau selainnya yang dipercayai tidak selamat dan makanan yang diberi dalam kuantiti yang banyak yang memerlukan kepada 'rawatan khas'. Kebiasaannya, pekerja di organisasi penyelaras pusat akan memeriksa sumbangan

---

<sup>45</sup> Food Banks Canada, <http://www.foodbankscanada.ca/Learn-About-Hunger/Food-Banking-in-Canada.aspx>, 13 Julai 2011.

<sup>46</sup> Valerie Tarasuk & Joan M. Eakin (2005), *op.cit.*, h.182.



derma tersebut dan produk yang tidak selamat akan dikeluarkan sebelum makanan tersebut dihantar kepada agensi-agensi kebajikan.<sup>47</sup>

Selain sumbangan makanan yang diterima kerana mudah rosak, sumbangan lain yang tidak diterima adalah makanan yang dianggap tidak selamat untuk kegunaan manusia. Dalam sesetengah bank makanan, pekerja akan memeriksa secara sistematik tarikh luput bagi produk-produk dan memeriksa pembungkusan makanan sebagai bukti bagi keselamatan produk. Kebanyakan bank makanan mempunyai polisi atau garis panduan yang mengawal keputusan tentang keselamatan makanan bagi produk yang telah luput atau rosak.

Kerja-kerja pengendalian sumbangan makanan mungkin tidak menyenangkan bagi pekerja terutamanya ketika menerima makanan yang rosak dan busuk. Ia mungkin kerana pekerja itu sendiri adalah antara yang menerima bantuan daripada bank makanan, malah sebagai penerima tetap bank makanan. Oleh itu, campur tangan mereka bukan sahaja memberi kesan kerja yang mereka lakukan malah juga terhadap kualiti makanan yang dibawa pulang oleh mereka sendiri. Mengendalikan makanan yang kurang berkualiti untuk diagihkan kepada penerima adalah sebahagian daripada kerja harian pekerja bank makanan. Bagi kebanyakan bank makanan, kerja-kerja menguruskan sumbangan yang busuk dan rosak teruk dilakukan oleh sesiapa sahaja yang ada pada masa makanan tersebut dihantar. Bagi sesetengah bank makanan lain pula, kerja ini dilakukan oleh pekerja yang bekerja di bank makanan sebagai memenuhi keperluan tempoh masa khidmat masyarakat.<sup>48</sup>

Pekerja juga biasanya akan membungkus semula makanan apabila bungkusan asal telah rosak atau makanan yang datang daripada kontena perindustrian bersaiz besar dan

---

<sup>47</sup> *Ibid.*

<sup>48</sup> *Ibid.*, h.182.

memerlukan ia dipecahkan kepada unit-unit yang lebih kecil sebelum ia diedarkan.<sup>49</sup> Kadang-kadang apabila bank makanan kekurangan bekalan yang perlu untuk membungkus makanan dalam jumlah yang besar, pekerja akan membawa makanan tersebut ke pusat tempatan atau pusat bandar di mana ia boleh digunakan dalam penyediaan hidangan. Bagi sesetengah bank makanan, pekerja lebih menumpukan masa dan tenaga mereka membuat makanan supaya dapat dipersembahkan dalam keadaan sebaik mungkin sebelum diagihkan kepada pengguna.<sup>50</sup>

Penerimaan sumbangan makanan yang disebabkan oleh tidak boleh dijual bukan sahaja memberi implikasi kepada pengasingan dan pengendalian makanan, malah turut kepada pengagihan makanan. Pekerja-pekerja melihatnya sebagai kerja mereka untuk mengagihkan semua makanan yang boleh dimakan termasuklah bahan-bahan yang berada dalam keadaan yang tidak elok, barang lama, mempunyai sedikit atau tiada langsung khasiat pemakanan atau barangan yang tidak dikenali oleh pengguna.

Secara ringkasnya, pengendalian barangan makanan yang didermakan oleh masyarakat disebabkan tidak boleh dijual merupakan kerja yang agak mencabar bagi pekerja di bank makanan. Pekerja berusaha untuk menawarkan makanan yang selamat dan dalam keadaan sebaik mungkin kepada pengguna tetapi mereka juga berusaha untuk menyelamatkan sebanyak mungkin makanan yang telah disumbangkan oleh masyarakat untuk diagihkan kepada pengguna.<sup>51</sup>

---

<sup>49</sup> *Ibid.*, h.180.

<sup>50</sup> *Ibid.*

<sup>51</sup> *Ibid.*, h.182.

### 3.4.3 Pengagihan Bantuan Makanan

#### i- Pihak Penerima Bantuan Makanan

Proses pengagihan makanan boleh dilakukan melalui beberapa cara sama ada diberikan secara terus kepada golongan yang memerlukan bantuan makanan tersebut ataupun melalui institusi-institusi kebajikan yang menyediakan bantuan makanan. Kebanyakan bank makanan akan mengagihkan makanan tersebut kepada rangkaian institusi kemasyarakatan yang mempunyai beberapa jenis program bantuan makanan sama ada badan-badan kerajaan atau bukan kerajaan bagi memudahkan ia diperolehi oleh masyarakat yang memerlukan. Antara institusi-institusi kebajikan yang menerima bantuan makanan daripada bank makanan ialah *food pantries*, *soup kitchens*, pusat perlindungan gelandangan, pusat jagaan kanak-kanak, pusat jagaan orang tua, rumah anak yatim, sekolah-sekolah, pusat-pusat pemulihan penyalahgunaan dadah, program selepas sekolah dan pelbagai program bukan keuntungan lain yang berfungsi menyediakan makanan kepada masyarakat yang kelaparan.<sup>52</sup> Agensi-agensi kebajikan tersebut sangat mengharapkan dan bergantung kepada bank makanan untuk menyediakan sumber makanan dan barangan runcit bagi membantu mengawal belanjawan mereka pada masa hadapan.

Manakala terdapat juga sesetengah bank makanan yang lain mengagihkan makanan terus kepada masyarakat yang memerlukannya tanpa melalui agensi-agensi kebajikan.<sup>53</sup> Ia diagihkan melalui program-program perkhidmatan langsung di mana mereka akan mengambil makanan dalam kuantiti yang banyak untuk memudahkan pengagihan kepada penduduk dalam masyarakat atau dengan membenarkan penerima

---

<sup>52</sup> Global Food Banking Network, [http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=foodbanking\\_how](http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=foodbanking_how), 1 Ogos 2011.

<sup>53</sup> *Ibid.*

datang ke bank makanan untuk menerima bungkus makanan. Terdapat juga beberapa bank makanan menggunakan kedua-dua cara tersebut iaitu mengagihkan makanan melalui agensi-agensi kebajikan dan diberikan secara langsung kepada penerima.<sup>54</sup>

Sumber-sumber yang disediakan oleh bank makanan kepada pelbagai agensi kebajikan tidak seharusnya dipandang rendah. Meskipun agensi-agensi kebajikan telah mempunyai hubungan yang baik dengan penderma makanan dalam masyarakat, namun kebiasaannya mereka tidak menerima sumbangan makanan dalam skala yang besar di mana sumbangan yang diterima adalah terhad berbanding dengan keperluan mereka. Oleh itu, mereka terpaksa membeli di pasaran bagi mencukupkan bekalan mereka. Manakala bank makanan pula mempunyai kemampuan untuk memperoleh dan mengendalikan sumbangan dalam skala yang besar dan keupayaan untuk membeli dalam skala yang besar, dengan itu membolehkan pihak agensi kebajikan mempunyai akses kepada kuantiti makanan dan pelbagai produk makanan dengan lebih luas daripada bank makanan dengan kos yang lebih rendah.<sup>55</sup>

Bagi pengguna bantuan di bank makanan, kebanyakannya terdiri daripada pelbagai golongan dengan pelbagai jenis masalah. Namun faktor biasa bagi pengguna bank makanan adalah mereka yang mengalami masalah ketiadaan sekuriti makanan dan kewangan yang tidak kukuh.<sup>56</sup> Antara golongan yang menerima bantuan makanan ialah:<sup>57</sup>

- a) Kanak-kanak di rumah anak yatim;
- b) Golongan yang kehilangan rumah disebabkan oleh diberhentikan kerja;
- c) Wanita yang tidak mempunyai kemampuan untuk menyara diri sendiri;

---

<sup>54</sup> The Global FoodBanking Network, "How to Build a Food Bank, a Tool Kit for Establishing New Food Banks".

<sup>55</sup> *Ibid.*

<sup>56</sup> Kate McPherson (2006), "Food Insecurity and the Food Bank Industry: Political, Individual and Environmental Factors Contributing to Food Bank Use in Christchurch", Geography Department, University of Canterbury, h. 37.

<sup>57</sup> Second Harvest Japan, [http://www.2hj.org/index.php/what\\_is/activities](http://www.2hj.org/index.php/what_is/activities), 15 Ogos 2011.

- d) Pekerja asing yang tinggal di pusat perlindungan;
- e) Ibu tunggal yang terpaksa menyara keluarganya; dan
- f) Warga tua yang tidak mempunyai ahli keluarga.

## ii- Jenis Bantuan Makanan

Walaupun bank makanan memperoleh sumbangan makanan yang akan dibazirkan, iaitu lebihan makanan yang tidak dapat dipasarkan daripada pengeluar, pengilang, pengedar dan sumber-sumber lain, ini tidak bermakna bank makanan akan mengagihkan 'sisa makanan' atau 'sampah' kepada golongan yang kelaparan. Sebaliknya bank makanan mengagihkan makanan yang baik sahaja kepada penerima untuk menjadikan ia mudah diperolehi bagi masyarakat yang tidak mempunyai kuasa beli melalui rangkaian institusi kemasyarakatan. Jika terdapat ancaman daripada mana-mana produk yang disumbangkan, bank makanan akan menolak pemberian tersebut atau melupuskannya.<sup>58</sup>

Apabila ahli masyarakat datang untuk mendapatkan bantuan, mereka akan ditemubual untuk menentukan kelayakan mereka. Mereka yang layak untuk mendapatkan bantuan, kemudiannya akan diberikan satu atau lebih beg yang berisi barangan runcit. Pengguna boleh meminta lebih banyak makanan atau membuat pilihan makanan yang berbeza, namun ia bergantung kepada budi bicara pekerja. Walaupun pekerja boleh menunaikan permintaan tersebut, namun jumlah dan pilihan makanan yang ada untuk diagihkan adalah terhad. Dalam bank makanan, pengguna hanya mempunyai peluang yang kecil atau tiada langsung untuk membuat pilihan ke atas makanan yang diterima. Di sesetengah bank makanan, barangan dalam beg telah disediakan oleh pekerja dan di sesetengah yang lain pula, penerima dibenarkan memilih

---

<sup>58</sup> Global Food Banking Network, "How To Build A Food Bank: A Tool Kit for Establishing New Food Banks".

apa yang mereka akan terima. Walaubagaimanapun, bagi semua kes tersebut jumlah dan pemilihan makanan yang diberikan adalah dikawal secara ketat. Dengan bergantung kepada bekalan yang ada, biasanya pekerja akan cuba untuk memberi campuran beberapa jenis makanan yang mencukupi untuk menjadikannya satu hidangan atau lebih.<sup>59</sup> Antara bentuk-bentuk agihan yang disediakan oleh bank makanan kepada pengguna ialah dalam bentuk hidangan<sup>60</sup> dan barangan runcit. Antara jenis hidangan yang disediakan ialah roti bakar untuk sarapan pagi, sandwich untuk makan tengahari dan roti dengan sup untuk makan malam.<sup>61</sup>

### iii- Waktu Agihan Makanan

Kebanyakan bank makanan mengagihkan makanan pada setiap hari dan terdapat juga yang mengagihkan makanan sebanyak 2 hingga 3 kali dalam seminggu, dan kebiasaannya beroperasi selama dua hingga empat jam pada tiap-tiap masa. Bank makanan juga memberi bantuan makanan kecemasan semasa berlaku bencana seperti banjir, tsunami, kemarau, tanah runtuh dan lain-lain lagi.

## **3.5 PROGRAM-PROGRAM BANK MAKANAN**

Dengan hanya memberi bantuan makanan kepada masyarakat yang berdepan dengan kelaparan tidak akan dapat menyelesaikan masalah kemiskinan. Oleh sebab itu, organisasi bank makanan bukan sekadar menyediakan bantuan makanan malah lebih daripada itu. Terdapat pelbagai program yang turut disediakan oleh bank makanan di

---

<sup>59</sup> Valerie S. Tarasuk & Joan M. Eakin (2005), *op.cit.*, h.180.

<sup>60</sup> Annual Report, Foodbank An Australia Without Hunger, <http://www.foodbank.com.au/files/upload/Foodbank%20Annual%20Report%202010.pdf>, h. 4, 11 Ogos 2011.

<sup>61</sup> Food Bank Australia, <http://www.foodbank.com.au/default.asp?id=1,107,,76>, 11 Ogos 2011.

samping pemberian bantuan makanan. Antaranya ialah memberi sokongan penyediaan latihan pekerjaan, penyelidikan dan mendidik orang ramai mengenai isu-isu kemiskinan dan bergerak ke hadapan dengan penyelesaian yang inovatif dan realistik bagi membantu masyarakat terhindar daripada belenggu kemiskinan. Kebanyakan kursus yang dianjurkan juga adalah bertujuan untuk mengurangkan pergantungan terhadap bank makanan.<sup>62</sup>

Kebanyakan bank makanan mempunyai program yang tersendiri. Program-program tersebut mempunyai istilah atau nama yang berbeza mengikut bank makanan masing-masing, namun pengisiannya adalah hampir sama. Antara program-program yang terdapat dalam bank makanan ialah.<sup>63</sup>

### **3.5.1 Program Bantuan Makanan**

Bagi program bantuan makanan untuk kanak-kanak, antaranya adalah melalui Kids Café. Misi Kids Café adalah untuk membantu menghapuskan kelaparan dalam kalangan kanak-kanak dengan menyediakan makanan yang berkhasiat dan selamat melalui sarapan pagi dan hidangan petang. Sarapan pagi merupakan sajian yang penting bagi pertumbuhan fizikal dan minda mereka kerana dapat membantu mereka untuk lebih fokus semasa proses pembelajaran di sekolah. Manakala semasa hidangan makanan petang, mereka juga turut diberikan bantuan pembelajaran oleh sukarelawan bagi membantu mereka membuat kerja rumah. Selain itu, mereka juga turut diberikan peluang untuk meningkatkan kemahiran dalam penggunaan komputer serta pendidikan tentang pemakanan yang baik.<sup>64</sup>

---

<sup>62</sup> Katrina McPherson (2006), *op.cit.*, h.151

<sup>63</sup> Los Angeles Regional Food Bank, <http://www.lafoodbank.org/programs/programs-for-kids/kids-cafe.aspx>, 18 September 2011.

<sup>64</sup> St. Mary Food Bank, <http://www.firstfoodbank.org/kidscafe.html>, 16 Oktober 2011.

Selain itu, melalui program ‘*Emergency Food Boxes*’ pula, ia memberikan bantuan bekalan makanan selama tiga hari. Bantuan makanan ini diberikan kepada keluarga dan individu-individu yang menghadapi krisis. Kebanyakan penerima bantuan makanan ini adalah daripada warga tua atau keluarga yang berpendapatan rendah yang mempunyai anak-anak kecil.<sup>65</sup>

### **3.5.2 Program Latihan Kemahiran**

Menurut James Rammosout, bantuan makanan merupakan langkah jangka pendek bagi membantu golongan tersebut. Bagi mengurangkan pergantungan kepada bantuan makanan, maka memerlukan kepada langkah jangka panjang. Menurut beliau, langkah jangka panjang adalah dengan membasmi masalah yang menyebabkan pergantungan kepada bantuan tersebut, antaranya adalah kemiskinan. Oleh itu, misi bank makanan adalah untuk memenuhi keperluan jangka masa pendek melalui bantuan makanan dan untuk mencari penyelesaian jangka panjang bagi masalah kelaparan.<sup>66</sup>

Sehubungan itu, selain program melalui penyediaan bantuan makanan, bank makanan juga turut menyediakan pelbagai program sampingan untuk memberikan bantuan latihan serta penempatan pekerjaan kepada pengguna bank makanan. Antaranya melalui program ‘*Community Kitchen*’ yang menyediakan latihan penyediaan makanan selama 16 minggu. Tujuan adanya program ini adalah untuk memberikan latihan dan penempatan pekerjaan dalam industri perkhidmatan makanan bagi golongan yang berpendapatan rendah, sementara makanan tersebut pula akan diagihkan kepada orang yang kelaparan. Dapur masyarakat adalah bertujuan untuk membantu masyarakat yang

---

<sup>65</sup> St. Mary Food Bank, <http://www.firstfoodbank.org/efb.html>, 15 Ogos 2011.

<sup>66</sup> Food Banks Canada, <http://www.foodbankscanada.ca/getmedia/ced785ed-a6da-4dc5-b182-82351ca3e193/food-banks-canada-2011-annual-report-en.pdf.aspx?ext=.pdf>, 12 April 2012.



berhadapan dengan masalah pengangguran dan kemiskinan dengan memberi kemahiran yang diperlukan untuk mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian bagi memperbaiki taraf hidup mereka. Manakala bagi pelajar pula, mereka diberikan latihan dalam perkhidmatan makanan melalui kelas masakan dengan menggunakan bahan makanan yang didermakan kepada bank makanan. Seterusnya makanan yang digunakan dalam kelas masakan tersebut akan diagihkan kepada masyarakat yang kelaparan dengan keadaan yang lebih menarik. Penempatan pekerjaan turut diberikan kepada mereka serta sokongan yang berterusan selama 12 bulan selepas tamat pengajian.<sup>67</sup>

Bank makanan mengendalikan program latihan kemahiran dengan kerjasama daripada pihak kolej atau pihak kerajaan untuk memberi persediaan kepada golongan yang berpendapatan rendah bagi mendapatkan pekerjaan, sekaligus menggerakkan mereka kepada keadaan ekonomi yang lebih baik.

### **3.5.3 Program-Program Lain**

Antara program-program lain adalah melalui '*Hunger Awareness Day*' iaitu hari di mana bank-bank makanan memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang peranan dan fungsi bank makanan dan cara untuk mengurangkan kelaparan melalui sumbangan yang diberikan oleh masyarakat untuk diagihkan pula kepada masyarakat yang memerlukan.<sup>68</sup> Selain bantuan makanan, bank makanan juga mengagihkan bantuan pakaian kepada golongan miskin dan memerlukan.

---

<sup>67</sup> St. Mary Food Bank, <http://www.firstfoodbank.org/communitykitchen.html>, 15 Ogos 2011.

<sup>68</sup> Food Banks Canada, <http://foodbankscanada.ca/programs.htm>, 15 Ogos 2011.

### **3.6 PEBEZAAN BANK MAKANAN DENGAN *SOUP KITCHEN***

Bank makanan adalah berbeza dengan *soup kitchen* walaupun kedua-duanya merupakan organisasi kebajikan yang menyediakan bantuan makanan. Bank makanan merupakan organisasi yang mempunyai peranan yang lebih besar berbanding *soup kitchen*. Bank makanan merupakan gudang yang berfungsi sebagai tempat mengumpulkan makanan, menyimpan dan mengagihkan makanan. Kebiasaannya, bank makanan yang mengagihkan makanan kepada *soup kitchen* dan agensi-agensi kebajikan yang lain untuk diagihkan kepada masyarakat yang memerlukan. *Soup kitchen* adalah salah satu organisasi kebajikan yang menerima sumbangan bekalan makanan daripada bank makanan yang hanya mengagihkan makanan terus kepada masyarakat yang memerlukan.

Bagi *soup kitchen*, bantuan yang disalurkan hanya dalam bentuk makanan sahaja sama ada barangan runcit ataupun hidangan yang telah dimasak. Berbeza dengan bank makanan yang turut menyediakan keperluan lain selain daripada keperluan makanan seperti kertas tandas, pampers bayi, sabun serta serbuk pencuci.<sup>69</sup> Selain itu, bank makanan juga turut menyediakan program-program latihan kemahiran dan seterusnya memberikan penempatan pekerjaan bagi mengurangkan pergantungan pengguna terhadap bank makanan.

### **3.7 SUMBANGAN BANK MAKANAN KEPADA MASYARAKAT**

Bank makanan memberi sumbangan yang sangat besar kepada masyarakat khususnya kepada golongan miskin dan yang kurang berkemampuan. Bank makanan mengagihkan lebihan makanan kepada Program Makanan Kecemasan (EFP), agensi-agensi kebajikan

---

<sup>69</sup> Kate McPherson (2006), *op.cit.*, h. 47.

yang seterusnya akan mengagihkan makanan kepada pengguna mereka. Antara agensi kebajikan ini ialah *food pantries* yang mengagihkan makanan percuma dan barangan runcit atau *soup kitchen* yang menyediakan makanan yang telah disediakan di lokasi tersebut. Agensi-agensi ini dikendalikan oleh badan kebajikan agama dan bukan agama. Agensi ini mengharapkan dan bergantung kepada bank makanan untuk menyediakan sumber makanan dan barangan runcit yang boleh dipercayai bagi membantu mengawal belanjawan mereka pada masa hadapan. Pembiayaan dan makanan adalah diperolehi daripada sumbangan derma secara langsung dan sokongan daripada pihak kerajaan.<sup>70</sup>

Di Kanada, bank makanan membantu memberi makanan lebih daripada 70000 orang setiap hari.<sup>71</sup> Bank makanan akan mengagihkan makanan tersebut kepada 100 hingga 1000 badan-badan kerajaan atau bukan kerajaan. Sehingga tahun 2005, terdapat 550 bank makanan di Kanada yang telah dimanfaatkan oleh 841,640 masyarakat Kanada.<sup>72</sup> Bank makanan terbesar di Kanada iaitu *Daily Bread Food Bank* menyediakan dan mengagihkan 73000 bungkusan makanan kepada individu dan keluarga yang sedang berdepan dengan kelaparan dalam masyarakat pada setiap bulan. *Daily Bread Food Bank* memberikan makanan melalui program makanan dan bank makanan melalui 170 agensi di sekitar Toronto. Di Amerika pula, bank makanan telah memberi makan kepada lebih 23 juta orang pada setiap tahun.<sup>73</sup>

Manakala di Australia pula, terdapat lebih 2,200 agensi kebajikan yang bergantung kepada bank makanan bagi membantu memberi makanan kepada hampir dua juta rakyat Australia yang mudah terjejas setiap tahun. Sejuta daripadanya adalah terdiri daripada kanak-kanak. Walaupun ianya merupakan sebuah negara yang maju dan

---

<sup>70</sup> Maureen Berner & Kelley O'Brien (2004), "The Shifting Pattern of Food Security Support: Food Stamp and Food Bank Usage in North Carolina", *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, Vol 33 No. 4, h. 656.

<sup>71</sup> Food Bank Australia. <http://www.foodbank.com.au/default.asp?id=1,109,77>, 1 Julai 2011.

<sup>72</sup> Valerie S. Tarasuk (2005), "Household Food Insecurity In Canada", *Topics in Clinical Nutrition*, Vol. 20 No.4, h.300.

<sup>73</sup> Feeding America, <http://feedingamerica.org/get-involved/donate/planned-giving.aspx>, 12 Julai 2011.

mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh, masyarakat yang kebuluran ini wujud dalam setiap negeri, kawasan-kawasan bandar serta komuniti luar bandar dan di semua kumpulan peringkat umur, keluarga yang besar dan keluarga yang kecil. Oleh itu, bank makanan Australia menyasarkan untuk mengagihkan lebih 50 juta kilogram makanan pada tahun 2013 bagi mencapai matlamat penubuhannya iaitu memastikan rakyatnya hidup tanpa kebuluran dan kelaparan.<sup>74</sup> Bank makanan, para penderma, penyokong, rakan-rakan kongsi, agensi-agensi kebajikan, sukarelawan dan para pekerja bekerjasama dalam menyelesaikan masalah kebuluran yang tersembunyi di Australia.<sup>75</sup>

Bank makanan bukan sahaja memainkan peranan penting dalam memberi makanan kepada golongan miskin, tetapi ia juga boleh memainkan peranan pencegahan dalam meningkatkan tahap kesihatan fizikal dan mental pengguna mereka. Tindakan ini boleh mengurangkan berlakunya penyakit atau keuzuran pada masa hadapan dan dapat mencegah masalah kronik serta kos yang tinggi pada tahun-tahun akan datang.<sup>76</sup>

Peranan bank makanan sebagai mekanisme bagi pelupusan produk-produk makanan yang tidak dijual mempunyai implikasi langsung kepada sifat bantuan makanan yang mereka sediakan.<sup>77</sup> Dengan mobilisasi sumber-sumber yang diperolehi daripada masyarakat dan mengagihkan semula 'lebihan' makanan kepada golongan yang kelaparan merupakan strategi yang menarik daripada beberapa perspektif. Dalam konteks kelaparan dan ketiadaan sekuriti makanan, pengagihan semula makanan daripada membazirkannya dilihat sebagai satu akhlak yang terpuji.<sup>78</sup>

Program agihan semula makanan boleh menyumbang kepada ekonomi dan mesra alam sekitar iaitu bagi syarikat makanan untuk melupuskan produk yang tidak dijual di samping menunjukkan kewarganegaraan korporat yang baik. Skim ini menyediakan

---

<sup>74</sup> Food Bank Australia, <http://www.foodbank.com.au/default.asp?id=1,4,,31>, 12 Julai 2011.

<sup>75</sup> *Ibid.*

<sup>76</sup> *Ibid.*

<sup>77</sup> Valerie S. Tarasuk & Joan M. Eakin (2005), *op.cit.*, h.183.

<sup>78</sup> Valerie S. Tarasuk & Joan M. Eakin (2003), *Social Science & Medicine* Vol. 56, h. 1506.

satu mekanisme yang baik di mana kerajaan boleh menguruskan lebih pertanian. Setakat ini, program yang diuruskan oleh sektor sukarela, hampir semua kos adalah percuma. Di samping itu, ianya merupakan respon terhadap masalah kelaparan dan ketiadaan sekuriti makanan yang selaras dengan penekanan semasa bagi sektor swasta dan berasaskan pasaran sebagai penyelesaian kepada masalah sosial dalam konteks pembaharuan kebajikan (*welfare reforms*).<sup>79</sup>

### **3.8 PERANAN BANK MAKANAN BAGI MENJAMIN SEKURITI MAKANAN**

Sekuriti makanan adalah salah satu agenda penting dalam sesebuah negara bagi memastikan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi berjalan dengan lancar. Sekuriti makanan boleh dilihat bermula daripada peringkat individu hingga ke sebuah negara. Pada peringkat individu sekuriti makanan dapat dicapai sekiranya seseorang itu memperolehi bekalan makanan yang mencukupi serta memenuhi keperluan pemakanan yang dianggap standard untuk menjalani kehidupan yang sihat dan aktif. Ia merujuk kepada kewujudan bekalan makanan dan kemampuan untuk memperolehinya. Bantuan makanan adalah antara strategi untuk mewujudkan akses atau keupayaan mendapatkan makanan bagi mereka yang tidak mampu memperolehinya melalui pembelian. Bank makanan pula merupakan salah satu saluran yang menyediakan bantuan makanan kepada golongan tersebut. Oleh itu, dengan adanya bantuan daripada bank makanan, ia bukan saja membantu mereka meneruskan kelangsungan hidup dan mengatasi masalah kelaparan malah secara tidak langsung dapat memperbaiki tahap sekuriti makanan ke tahap yang lebih baik khususnya pada peringkat individu dan isi rumah. Ini menunjukkan bank makanan mempunyai hubungan secara langsung dengan sekuriti makanan.

---

<sup>79</sup> *Ibid.*, h.1506.

Bank makanan dapat membantu memenuhi salah satu komponen sekuriti makanan iaitu mewujudkan akses terhadap makanan. Akses terhadap makanan pula merupakan komponen utama untuk mendapatkan makanan bagi golongan yang kurang berkemampuan. Dengan adanya akses tersebut, bank makanan telah membantu mewujudkan sekuriti makanan bagi golongan tersebut. Ini kerana apabila masyarakat mempunyai akses terhadap makanan, ia memudahkan mereka untuk mendapatkan makanan yang mencukupi bagi keperluan tubuh badan, dan seterusnya dapat meningkatkan tahap sekuriti makanan. Oleh itu, operasi dan peranan bank makanan yang telah dilaksanakan di negara maju telah memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat dan dilihat mampu memenuhi jaminan sekuriti makanan dengan adanya penyediaan bantuan makanan secara percuma bagi golongan yang kurang berkemampuan.

### **3.9 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, bank makanan dilihat sebagai mekanisme penting dalam membantu masyarakat mendapatkan bekalan makanan yang tidak mampu mereka perolehi. Melalui peranan dan fungsi yang dimainkan oleh bank makanan, ia ternyata mampu membantu meningkatkan sekuriti makanan khususnya pada peringkat mikro iaitu bagi golongan individu miskin. Ini kerana ia telah mewujudkan salah satu komponen utama dalam sekuriti makanan iaitu akses terhadap makanan yang membantu masyarakat miskin untuk mendapatkan makanan secara percuma. Ia bukan sahaja digunakan sebagai alat untuk menghilangkan kelaparan tetapi juga memberi kuasa kepada rakyat untuk mengawal keadaan mereka. Ini menunjukkan peranan penting yang dimainkan oleh sektor kebajikan sukarela dengan memberi tumpuan yang lebih luas kepada isu kemiskinan dan kesusahan dengan menawarkan bantuan dalam pelbagai cara.

**PRINSIP-PRINSIP SYARIAH DAN  
PELAKSANAAN BANK MAKANAN**

**BAB  
EMPAT**

# **BAB EMPAT**

## **PRINSIP-PRINSIP SYARIAH DAN PELAKSANAAN BANK**

### **MAKANAN**

#### **4.1 PENDAHULUAN**

Bank makanan dilaksanakan dengan meluas di negara-negara Barat seperti di Amerika Syarikat, Kanada, Australia dan United Kingdom. Oleh itu, pelaksanaannya hanya berlandaskan kepada teori barat semata-mata. Dalam bab ini, penulis akan menganalisis pelaksanaan bank makanan daripada perspektif Islam dan melihat apakah prinsip-prinsip syariah yang berpotensi untuk diaplikasikan dalam pelaksanaan bank makanan menurut Islam.

#### **4.2 BANK MAKANAN DARIPADA SUDUT KEBAJIKAN SOSIAL**

Bank makanan merupakan organisasi kebajikan yang menyediakan bantuan makanan secara percuma kepada golongan miskin dan masyarakat yang memerlukan. Bantuan makanan dikategorikan sebagai perkhidmatan sosial iaitu bantuan secara langsung yang bukan berunsurkan kewangan yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan individu untuk berfungsi dalam masyarakat.<sup>1</sup> Berdasarkan kepada konsep bank makanan, ia dilihat sebagai salah satu amalan kebajikan sosial yang dituntut dalam agama Islam. Hal ini disebabkan amalan kerja sosial yang dilakukan termasuk dalam *al-'amal al-soleh* atau amalan soleh iaitu amalan terpuji seperti tolong-menolong, khidmat nasihat,

---

<sup>1</sup> Sabitha Marican *et al.* (2008), *Pentadbiran dan Amalan Kerja Sosial*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd., h.23.



sedekah dan sebagainya dalam mewujudkan sikap *ḥablum minannās* atau kasih mengasihani sesama manusia.<sup>2</sup> Dalam konteks Islam, apa sahaja aktiviti atau amal kebajikan yang dilakukan bagi menjaga kebajikan dan keharmonian merupakan *al-‘amal ijtimā’i*. Islam mengiktiraf amalan kebajikan sesama manusia dan ia tergolong dalam kategori ibadah umum. Umat Islam digalakkan melakukan ibadah umum bagi mempertingkatkan lagi ketaqwaan dan keimanan kepada Allah SWT. Sesungguhnya umat Islam dititikberatkan untuk melakukan amal soleh kepada makhluk di dunia dan tidak terhad pada ibadah-ibadah khusus sahaja sebagaimana firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 177:

﴿ لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُولُوا وَجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّنَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَالْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴾

Maksudnya: “Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala kitab, dan sekalian Nabi; dan dia memberikan harta yang dikasihinya kepada kaum keluarganya, dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang-orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. orang-orang yang demikian sifatnya, mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang-orang yang bertaqwa”.

Surah al-Baqarah (2): 177

<sup>2</sup> *Ibid.*, hh.255-256.

Dalam ayat tersebut, Allah SWT telah menerangkan bahawa yang dinamakan kebajikan itu termasuklah menghulurkan derma atau sumbangan atau sedekah kepada enam golongan iaitu keluarga yang hampir, anak-anak yatim, orang-orang miskin, orang yang terlantar dalam perjalanan, orang yang meminta dan hamba sahaya yang berusaha untuk merdeka. Antara dalil-dalil lain yang menyeru umat Islam agar sentiasa melakukan amal kebajikan ialah melalui surah al-Māi'dah:

... فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ...

Maksudnya: “Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh)”.

Surah al-Māi'dah (5): 48

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ..

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan”.

Surah al-Mā'idah (5): 2

Dalam melakukan amal kebajikan, umat Islam perlu tahu matlamat syariah (*maqāsid syarīah*). *Maqāsid syarīah* terbahagi kepada tiga komponen iaitu kepentingan asasi (*al-ḍarūriyyah*), keperluan (*al-ḥajīyyat*) dan kemewahan (*al-tahsiniyyat*).<sup>3</sup> Oleh itu, bagi umat Islam apabila melakukan amal kebajikan atau menjalani kehidupan seharian sebagai hamba perlulah mengetahui matlamat syariah. Melaluinya umat Islam dapat mengetahui mana yang wajib didahulukan dan dikemudiankan. Bagi ketiga-tiga matlamat tersebut, kepentingan asasi perlulah diutamakan daripada keperluan dan kemewahan. Menurut al-Syatibi, kepentingan asasi ialah hal-hal yang menentukan daya hidup manusia itu sendiri seperti menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga keturunan,

<sup>3</sup> Paizah Ismail (2003), “Keperluan Memahami Maqāsid al-Syarīah dalam Membina Fiqh Semasa”, (Prosiding Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003, Bangi, UKM).; al-Syāṭibī, Abū Ishāq Ibrāhīm (1996), *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syarī'ah*, j. 2. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h.326.

menjaga harta dan menjaga akal.<sup>4</sup> Kelima-lima unsur ini ialah *maqāsid al-syarīah* yang bertujuan untuk menjaga kemaslahatan dan kebahagiaan manusia sejagat. Pemberian bantuan makanan merupakan salah satu amal kebajikan yang digalakkan oleh Islam terutamanya bagi membantu golongan fakir miskin dan golongan lain yang memerlukan. Makanan dikategorikan dalam kepentingan asasi iaitu barangan *ḍarūriyyah* yang perlu diutamakan bagi memelihara *maqāsid syarīah* daripada segi penjagaan nyawa. Dengan adanya pemberian bantuan makanan ia dapat mengelakkan kemudaratan yang lebih besar. Ia dilakukan atas dasar kaedah fiqh *al-ḍarar yuzāl* (الضرر يزال) iaitu kemudaratan mestilah dihilangkan.<sup>5</sup> Memberi makanan merupakan sebaik-baik amal kebajikan dalam Islam sebagaimana yang diterangkan dalam hadith daripada Abdullah bin Amru bin al-As di mana seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah SAW tentang yang manakah sebaik-baik amal dalam Islam, Baginda menjawab:

Maksudnya: “Hendaklah engkau memberi makan (kepada fakir miskin) dan memberi salam kepada orang yang engkau kenal dan orang yang engkau tidak kenal”.

(Riwayat Bukhārī, Muslim dan Nasa’i)

Dalam Islam, setiap amal kebajikan yang dilakukan telah dijanjikan ganjaran pahala oleh Allah SWT sebagaimana firmanNya Allah dalam surah al-Baqarah ayat 274 dan surah al-‘Imran ayat 115:

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ سِرًّا وَعَلَانِيَةً فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٤﴾

Maksudnya: “Orang yang menafkahkan harta mereka pada waktu malam dan siang, dengan cara sulit atau terang-terangan, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka dan tidak ada kebimbangan (daripada

<sup>4</sup> al-Syātibī, Abū Ishāq Ibrāhīm (2006), *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syarī‘ah*, j. 2. Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, h.266; al-Zarqā, Aḥmad b. Muḥammad (1993), *Syarḥ al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah*, c.3. Damsyik: Dār al-Qalam, h.179.

<sup>5</sup> Ibn Nujaym, Zayn al-Dīn b. Ibrāhīm, (1980), *al-Ashbāh wa al-Nazā‘ir*, j.1. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h.85.

berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka serta mereka pula tidak akan berdukacita.”

Surah al-Baqarah (2): 274

وَمَا يَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَنْ يُكْفَرُوهُ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْمُتَّقِينَ ﴿١١٥﴾

Maksudnya: “Dan apa sahaja kebajikan yang mereka kerjakan, maka mereka tidak sekali-kali akan diingkari (atau disekat dari mendapat pahalanya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui akan keadaan orang-orang yang bertaqwa”.

Surah al-Imran (3):115

Malah, terdapat juga amaran daripada Allah S.W.T terhadap orang yang bakhil supaya ia dapat memotivasikan umat Islam untuk bersedekah. Antaranya melalui firman Allah dalam surah al-Muddaththir ayat 42-44:

مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرٍ ﴿٤٢﴾ قَالُوا لَمْ نَكُ مِنَ الْمَصْلِينَ ﴿٤٣﴾ وَلَمْ نَكُ  
نُطْعِمُ الْمَسْكِينِ ﴿٤٤﴾

Maksudnya: “Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu mereka berkata apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam neraka saqar. Orang-orang yang bersalah itu menjawab kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang. Dan kami tidak pernah memberi makan orang-orang miskin.”

Surah al-Muddaththir (74): 42-44

Seseorang dikatakan bakhil apabila tidak membelanjakan kekayaan untuk diri dan keluarga mengikut sumber pencariannya dan seseorang yang tidak membelanjakan apa-apa untuk tujuan kebajikan atau kebaikan.<sup>6</sup> Allah melarang sifat bakhil sepertimana dalam firmannya:

<sup>6</sup> Afzal ur Rahman (1982), *Muhammad Encyclopedia of Seerah*, Jil II, The Muslim Trust Scolls Trust, h.474.

... إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٣٦﴾ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ وَيَأْمُرُونَ  
النَّاسَ بِالْبُخْلِ وَيَكْتُمُونَ مَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَأَعْتَدْنَا  
لِلْكَافِرِينَ عَذَابًا مُهِينًا ﴿٣٧﴾

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri; iaitu orang-orang yang bakhil dan menyuruh manusia supaya bakhil serta menyembunyikan apa-apa jua yang Allah berikan kepada mereka dari limpah kurniaNya. dan (sebenarnya) Kami telah sediakan bagi orang-orang kafir itu azab seksa yang amat menghina”.

Surah an-Nisā’ (4): 36-37

Penggunaan yang berlebihan juga dilarang dalam Islam kerana perbuatan ini merupakan *israf* (boros) dan *tabzir*. *Israf* ialah perbelanjaan secara berlebihan ke atas perkara-perkara halal manakala *tabzir* ialah perbelanjaan yang salah atau yang haram atau perbelanjaan yang membazir. Allah SWT mencela perbuatan membazir sebagaimana firmanNya:

وَلَا تُسْرِفُوا ۚ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿١٥١﴾

Maksudnya: “...dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan), Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau.”

Surah al-An‘ām (6): 141

Dalam Islam kita digalakkan supaya bersederhana bagi mendapatkan keredhaan daripada Allah. Prinsip kesederhanaan dalam Islam adalah apabila tidak boros dan membazir sebagaimana firmanNya:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ﴿٦٧﴾

Maksudnya: “Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu”.

Surah al-Furqān (25): 67

Imam al-Ghazāli menganjurkan penggunaan secara sederhana atau pada tingkat yang minimum supaya dapat mengawal dan menahan kehendak hawa nafsu. Penggunaan yang berlebihan merupakan amalan yang keji kerana perbuatan ini merupakan *ishraf*/ boros.<sup>7</sup> Pertambahan pendapatan tidak seharusnya digunakan untuk peningkatan penggunaan. Lebih pendapatan selepas memenuhi keperluan minimum perlu dibelanjakan untuk jalan Allah iaitu dengan membantu keluarga, jiran, orang miskin, anak yatim, musafir dan orang-orang yang dalam kesusahan yang memerlukan pertolongan.<sup>8</sup> Selaras dengan ciri kesederhanaan dalam Islam, diwujudkan aturan perbelanjaan terhadap lebih harta untuk dibelanjakan kepada golongan yang memerlukan.

Melalui galakan-galakan yang dianjurkan dalam Islam supaya memberi bantuan terutamanya bekalan makanan kepada golongan yang memerlukannya menunjukkan bahawa Islam turut memandang serius isu kelaparan dan kebuluran. Situasi masyarakat yang berada dalam kelaparan menunjukkan bahawa berlakunya ketiadaan sekuriti makanan. Bank makanan dilihat sebagai saluran alternatif yang menyediakan makanan yang merupakan barangan *darūriyyah* untuk mencapai *maqāsid syarīah* demi menjaga kemaslahatan umum.


<sup>7</sup> Sarimah Hanim Aman Shah (2005), *Ekonomi Dari Perspektif Islam*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 57.

<sup>8</sup> *Ibid.*

### 4.3 SUMBER DANA BANK MAKANAN

Jika dilihat daripada sudut sumber dana yang diperolehi oleh bank makanan, kebanyakan bank makanan bergantung kepada sumbangan derma daripada pihak industri makanan dan masyarakat awam untuk menggerakkannya bagi membantu golongan miskin yang kelaparan. Dalam konteks ini, sumbangan dana tersebut menggunakan konsep derma untuk tujuan kebajikan sosial semata-mata. Mekanisme derma yang digunakan oleh pihak bank makanan dikenali juga sebagai *sadaqah* (sedekah) dalam Islam. Amalan sedekah sangat dituntut dalam Islam yang merupakan ibadat umum yang bukan sahaja untuk membantu masyarakat miskin dan golongan yang memerlukan malah untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Jika dilihat daripada pespektif Islam, selain sedekah terdapat beberapa mekanisme agihan makanan yang lain yang telah digariskan dalam Islam bagi memastikan golongan yang tidak berkemampuan turut memperoleh bekalan makanan yang mencukupi. Islam telah menggariskan mekanisme agihan makanan tersebut sama ada melalui suruhan wajib atau sunat bagi memastikan golongan tersebut turut memperolehi bekalan makanan bagi meneruskan kelangsungan hidup. Mekanisme agihan yang tersebut adalah seperti dalam Rajah 4.1:

Rajah 4.1: Mekanisme Agihan Makanan Menurut Islam



Sumber: Diubahsuai daripada Asmak Ab Rahman (2009)<sup>9</sup>

Terdapat beberapa jenis makanan yang telah ditetapkan melalui mekanisme tersebut. Antaranya makanan asasi seperti beras boleh diperolehi melalui pembayaran zakat fitrah, zakat pertanian, fidyah dan kifarah sumpah. Makanan dalam bentuk daging pula ditetapkan melalui ibadah korban, aqiqah dan dam haji. Manakala makanan-makanan lain yang tidak ditentukan boleh diperolehi melalui sedekah sunat dan wakaf.<sup>10</sup> Melalui mekanisme agihan makanan yang disediakan dalam Islam, ia dapat membantu mewujudkan salah satu komponen dalam sekuriti makanan iaitu akses kepada makanan bagi golongan miskin. Berdasarkan kepada mekanisme tersebut, terdapat beberapa mekanisme yang juga boleh disalurkan dalam bentuk kewangan seperti melalui sedekah, wakaf dan zakat. Pada masa kini, pemberian dalam bentuk wang tunai dilihat lebih fleksibel kerana ia digunakan sebagai medium pertukaran dalam urusan jual beli dan urusaniaga yang lain termasuklah untuk urusan pembelian makanan. Mekanisme agihan makanan dan kekayaan dalam Islam yang berpotensi untuk dijadikan sebagai sumber dana dalam bank makanan adalah seperti berikut:

<sup>9</sup> Asmak Ab Rahman (2009), "Sekuriti Makanan dari Perspektif Syariah", *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil 2, h. 322.

<sup>10</sup> *Ibid.*



### 4.3.1 Zakat

#### i) Definisi Zakat

Zakat adalah kata nama daripada perkataan *zaka* (زكى) dalam bahasa Arab yang mempunyai beberapa makna iaitu suci, tumbuh dan berkembang.<sup>11</sup> Manakala daripada segi istilah syarak pula ialah mengeluarkan kadar tertentu daripada harta yang tertentu bagi faedah golongan yang berhak menerimanya sebagaimana yang ditentukan oleh Allah SWT.<sup>12</sup>

#### ii) Hukum dan Dalil Zakat

Zakat merupakan satu daripada rukun Islam yang lima. Ia diwajibkan ke atas setiap individu Muslim yang telah cukup syarat-syaratnya. Antara dalil yang menunjukkan kewajipan berzakat ialah:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya: “Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.”

Surah al-Baqarah (2): 43

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya: “Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya Engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui”.

Surah at-Taubah (9): 103

<sup>11</sup> Yūsuf al-Qaraḏāwī (1973), *Fiqh al-Zakah*, jil.1. Beirut: Muassasah al-Risālah, h.1.


<sup>12</sup> Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003), *Pengurusan Zakat*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd., h. 3.

Tujuan ibadah zakat adalah untuk menyucikan harta pengeluar zakat daripada hak orang lain yang ada di dalamnya dan menyucikan diri pengeluar daripada sifat tamak dan terlalu kasihkan harta.<sup>13</sup>

iii) Jenis Harta yang Wajib dikeluarkan Zakat

Secara umumnya zakat terbahagi kepada dua jenis seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.2:

Rajah 4.2: Jenis Zakat



Sumber: Mahmood Zuhdi (2003)<sup>14</sup>

Berdasarkan Rajah 4.2, zakat terbahagi kepada dua iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Zakat harta pula terbahagi kepada tujuh jenis iaitu zakat ternakan, zakat tanaman, zakat emas dan perak, zakat harta rikaz (harta karun), zakat simpanan, zakat perniagaan dan zakat pendapatan. Namun, zakat yang dikeluarkan dalam bentuk makanan hanya

<sup>13</sup> Sofian Ahmad & Amir Husni Mohd Nor (2002), *Zakat Membangun Ummah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 24.

<sup>14</sup> Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003), *op.cit.*

dalam tiga jenis iaitu zakat fitrah, zakat pertanian dan zakat ternakan. Ia dikeluarkan setelah mencukupi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Zakat fitrah ialah sedekah wajib menjelang hari raya aidilfitri dengan beberapa ketentuan dan syaratnya. Zakat fitrah juga diertikan sebagai zakat badan. Setiap orang mukhallaf diwajibkan mengeluarkan zakat ini bagi diri sendiri dan bagi isi rumah yang di bawah tanggungannya. Kadarnya adalah satu gantang daripada makanan yang boleh mengenyangkan.<sup>15</sup> Zakat fitrah juga boleh digantikan dengan nilai wang bagi harga makanan tersebut. Zakat fitrah boleh dibayar dengan wang kerana tujuan utama zakat dikeluarkan adalah untuk membantu orang fakir dan miskin.<sup>16</sup>

Zakat pertanian ialah zakat yang dikenakan ke atas makanan asasi yang mengenyangkan ke atas sebuah negeri yang telah cukup nisab dan haulnya. Hasil tanaman yang wajib dizakatkan adalah bijirin-bijirin dari jenis makanan asasi yang mengenyangkan dan tahan lama jika disimpan seperti padi, kurma, jagung, gandum dan sebagainya. Bagi negara Malaysia, tanaman utama yang menjadi makanan asasi penduduknya ialah padi. Oleh itu, zakat pertanian yang dikenakan ke atas penduduk di Malaysia adalah tanaman padi.<sup>17</sup>

Zakat ternakan ialah zakat yang wajib dikeluarkan apabila sempurna syarat-syaratnya iaitu cukup haul dan sampai kadar nisab. Binatang ternakan yang dikenakan zakat ialah lembu, kerbau, kambing, unta, biri dan lain-lain binatang ternakan yang seumpamanya. Ciri utama binatang ternakan yang dikenakan zakat ialah binatang yang dipelihara untuk dijadikan binatang ternakan dan bukan digunakan untuk membuat kerja-kerja perladangan, tunggangan dan sebagainya. Binatang yang hendak dizakatkan

---

<sup>15</sup> Abdullah (2009), *Panduan Menyempurnakan Zakat*. Johor: Perniagaan Jahabersa, h. 35.

<sup>16</sup> Asmak Ab Rahman (2011), *Pertanian Dari Perspektif Ekonomi Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 124

<sup>17</sup> Pusat Pungutan Zakat MAIWP, [http://www.zakat.com.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=102&Itemid=95&lang=ms](http://www.zakat.com.my/index.php?option=com_content&view=article&id=102&Itemid=95&lang=ms), 12 Mei 2012.

hendaklah yang sempurna dan tidak cacat seperti hilang kaki atau tangan dan sebagainya.<sup>18</sup>

#### iv) Penerima Zakat (Asnaf Zakat)

Allah SWT telah menetapkan golongan yang layak menerima zakat boleh diagihkan kepada lapan golongan asnaf sahaja iaitu fakir, miskin, amil, mu'allaf, *riqab* (hamba), *gharimin* (orang yang berhutang), *fi sabilillah* (berjuang pada jalan Allah) dan *ibn sabil* (musafir). Ini berdasarkan kepada firman Allah SWT.

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبِهِمْ  
وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ  
وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.

At-Taubah (9): 60

#### v) Aplikasi Zakat Dalam Pelaksanaan Bank Makanan

Zakat memainkan peranan penting dalam masyarakat sebagai ejen jaminan sosial (*ḍoman al-ijtima'i*) yang menjamin setiap anggota masyarakat untuk mendapat keperluan asasi (*ḍarūriyyah*). Ia adalah satu bentuk kebajikan untuk membantu asnaf-asnaf tersebut mendapatkan keperluan asasi. Bagi menjadikan zakat sebagai salah satu sumber dalam bank makanan, maka individu yang ingin membayar zakat boleh

<sup>18</sup> Asmak Ab Rahman (2011), *op.cit.*, h.122.

menyalurkan kepada bank makanan. Pemberian zakat dalam bentuk makanan boleh diberikan melalui zakat fitrah, zakat pertanian dan zakat ternakan. Namun, selain sumbangan makanan, bank makanan turut memerlukan sumber kewangan bagi menampung kekurangan bekalan. Oleh itu, pembayaran zakat tidak hanya terhad melalui makanan sahaja malah pembayaran zakat turut boleh diberikan dalam bentuk kewangan melalui sumber-sumber zakat yang lain.

Bagi pembayaran zakat dalam bentuk kewangan, pihak bank makanan bertanggungjawab untuk menukarkan wang zakat tersebut kepada makanan melalui pembelian. Kemudian pihak bank makanan akan mengenalpasti individu yang layak bagi menerima bantuan zakat tersebut melalui data penerima bantuan bank makanan. Namun pemberian bantuan melalui sumber zakat adalah terhad kepada lapan asnaf yang telah ditetapkan. Oleh itu, pihak bank makanan perlu mewujudkan satu bahagian yang khusus untuk mengendalikan sumber zakat bagi memastikan golongan yang menerima bantuan betul-betul terdiri daripada lapan golongan tersebut. Dengan tertunainya keperluan asasi tersebut dalam sesebuah masyarakat akan menyumbang kepada aspek-aspek positif seperti keseimbangan, kemajuan dan keberkatan.<sup>19</sup>

#### **4.3.2 Sedekah**

##### **i) Definisi Sedekah**

Sedekah adalah perkataan yang berasal daripada bahasa Arab, iaitu *sadaqah* yang turut diguna pakai dalam bahasa Malaysia. Maksud yang sama ialah menderma,

---

<sup>19</sup> Sofian Ahmad & Amir Husni Mohd Nor (2002), *op.cit.*, h, 25.

membelanjakan wang atau memberikan sesuatu kepada pihak lain dengan hati yang ikhlas, tanpa mengharapkan sebarang balasan.<sup>20</sup>

## ii) Dalil Sedekah

Terdapat banyak dalil-dalil yang memperkatakan tentang amalan sedekah, sama ada di dalam al-Quran mahupun as-Sunnah. Di antara dalil-dalil al-Quran yang menerangkan tentang sedekah adalah:

وَأَنْفِقُوا مِنْ مَّا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ  
لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadaNya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: “Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku - ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh”.

Surah al-Munāfiqūn (63):10

قُلْ لِّلْعِبَادِیَ الَّذِیْنَ ءَامَنُوا یُقِیْمُوا الصَّلَاةَ وَیُنْفِقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا  
وَعَلَانِیَةً مِّنْ قَبْلِ أَنْ یَأْتِیَ یَوْمٌ لَا بَیْعُ فِیْهِ وَلَا خِیْلٌ ﴿٣١﴾

Maksudnya: “Katakanlah kepada hamba-hambaKu yang beriman hendaklah mereka mendirikan sembahyang dan mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, sama ada dengan merahsiakan pemberianNya itu atau dengan terbuka; sebelum datangnya hari yang tidak ada jual beli padanya, dan tidak ada sahabat handai (yang dapat memberikan pertolongan)”.

Surah Ibrahīm (14): 31

<sup>20</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=sedekah>, 20 Mei 2012.

إِنْ تَبَدُّوا الصَّدَقَاتِ فَنِعِمَّا هِيَ <sup>ط</sup> وَإِنْ تُخْفُوهَا وَتُوتُّوهَا الْفُقَرَاءَ فَهُوَ خَيْرٌ  
لَكُمْ <sup>ج</sup> وَيُكَفِّرُ عَنْكُمْ مِّنْ سَيِّئَاتِكُمْ <sup>ط</sup> وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٢٧١﴾

Maksudnya: “Kalau kamu zahirkan sedekah-sedekah itu (secara terang), maka yang demikian adalah baik (kerana menjadi contoh yang baik). dan kalau pula kamu sembunyikan sedekah-sedekah itu serta kamu berikan kepada orang-orang fakir miskin, maka itu adalah baik bagi kamu; dan Allah akan menghapuskan dari kamu sebahagian dari kesalahan-kesalahan kamu. dan (ingatlah), Allah Maha mengetahui secara mendalam akan apa yang kamu lakukan”.

Surah al-Baqarah (2): 271

### iii) Hukum Sedekah

Hukum sedekah adalah sunat dan boleh dilakukan pada bila-bila masa. Ini adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT:

مَنْ ذَا الَّذِي يُقرضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضْعِفُهُ لَهُ أضعافًا كَثِيرَةً وَاللَّهُ  
يَقْبِضُ وَيَبْصِطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٤٥﴾

Maksudnya: “Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipatgandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya? dan (ingatlah), Allah jualah yang menyempit dan yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepadaNya lah kamu semua dikembalikan”.

Surah al-Baqarah (2): 245

Rasulullah SAW juga telah bersabda:

من أطعم جائعاً أطعمه الله من ثمار الجنة، ومن سقى مؤمناً على ظمأ سقاه الله عز وجل  
يوم القيامة من الرحيق المختوم، ومن كسا مؤمناً عارياً كساه الله من خضر الجنة

Maksudnya: “Sesiapa yang memberi makan seorang yang lapar, Allah akan memberinya makan buahan syurga. Sesiapa yang memberi minum seorang mukmin yang dahaga, Allah akan memberinya minuman syurga ‘Rahiq al-

*Mukhtum'* pada hari akhirat. Sesiapa yang memberi pakaian seorang mukmin bertelanjang, Allah akan memberi pakaian hijau di syurga".<sup>21</sup>

(Riwayat Abū Dawūd dan Tirmidzī)

#### iv) Jenis Sedekah

Terdapat pelbagai jenis sedekah yang boleh diberikan tanpa mengira barangan seperti dalam bentuk kewangan, makanan, pakaian, peralatan dan sebagainya. Namun, adalah lebih afdhal dan digalakkan memberi bekalan makanan kepada golongan yang memerlukan. Pemberian tersebut haruslah disertai dengan niat yang ikhlas hanya kerana Allah SWT.

Terdapat banyak kelebihan dalam memberi sedekah makanan sebagaimana sabda Rasulullah SAW daripada Amru bin Aus yang menjawab pertanyaan seorang lelaki yang telah bertanya kepada Rasulullah tentang sebaik-baik amalan di dalam Islam:

Maksudnya: "Hendaklah engkau memberi makan (kepada fakir miskin) dan memberi salam kepada orang yang engkau kenal dan orang yang engkau tidak kenal".

(Riwayat Bukhārī, Muslim dan Nasa'i)

Ia juga telah dikuatkan dengan hadith-hadith yang lain iaitu:

Maksudnya: "Sedekah yang paling utama iaitu engkau boleh memberikan makanan yang mengenyangkan kepada hati (perut) yang sedang kelaparan".

(Riwayat Baihaki)

Maksudnya: "Tidak beriman kepadaKu sesiapa yang tidur dalam keadaan kenyang sedangkan dia mengetahui jirannya kelaparan".

(Riwayat Al-Bazzar)

---

<sup>21</sup> Al-Zuhaylī, Wahbah (1994), *Fiqh Perundangan Islam*, Jil 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.199.



Memberi makan kepada mereka yang memerlukan adalah lebih utama kerana dapat menghilangkan kelaparan yang dirasakan mereka. Selain bersedekah kepada fakir miskin, umat Islam juga digalakkan untuk memberi sedekah kepada anak-anak yatim, orang-orang pelarian dan jiran tetangga.

#### v) Aplikasi Sedekah Dalam Pelaksanaan Bank Makanan

Mekanisme sedekah adalah mekanisme yang dilihat paling sesuai untuk diaplikasi bagi mendapatkan sumber pembiayaan bank makanan. Ini kerana sedekah tidak terikat kepada syarat-syarat tertentu seperti jenis barangan, jumlah sumbangan atau masa untuk melaksanakannya. Ia memudahkan masyarakat dan pihak industri untuk memberi sumbangan tanpa mengira bentuk dan jumlah sumbangan tersebut. Bagi tujuan pengaplikasian mekanisme sedekah dalam bank makanan, satu akaun khas perlu diwujudkan bagi memudahkan orang ramai menderma. Pihak yang menguruskan bank makanan mestilah memaklumkan kepada masyarakat tujuan tabung tersebut diwujudkan supaya masyarakat jelas dengan fungsi bank makanan. Dengan adanya akaun tersebut, ia memudahkan orang ramai untuk menderma tanpa mengira jarak dan lokasi. Daripada dana tersebut, maka pihak bank makanan akan menguruskan pembelian makanan yang bersesuaian dengan keperluan untuk diagihkan kepada golongan yang betul-betul memerlukan. Manakala sumbangan dalam bentuk makanan pula boleh didermakan terus kepada bank makanan. Contohnya sekiranya sesebuah pasaraya atau kedai runcit mempunyai lebihan makanan yang tidak boleh dijual namun ianya masih elok dan berkualiti, maka mereka boleh mendermakan lebihan tersebut kepada bank makanan. Kemudian bank makanan boleh mengagihkan makanan tersebut kepada penerima-penerima bantuan makanan yang telah dikenalpasti.

## c) Wakaf

### i) Definisi Wakaf

Wakaf dari segi bahasa berasal daripada perkataan Arab “*waqf*” yang diambil daripada kata kerja *waqafa* yang bermaksud tahan (*al-ḥabs*) dan menegah (*al-manʿ*).<sup>22</sup> Mengikut Muhammad Farid Wajdi<sup>23</sup> ia dinamakan *ḥabs* kerana hanya manfaatnya sahaja yang boleh dimiliki oleh individu sedangkan milik sebenar harta tersebut ialah Allah SWT. Ibn Manzur dalam *Lisan al-ʿArab* mentakrifkan wakaf dari sudut bahasa ialah berdiri atau berhenti. Wakaf jika dikaitkan dengan harta membawa maksud penahanan hak milik bagi faedah tertentu.<sup>24</sup> Ulama-ulama fiqh sepakat mentakrifkan wakaf menurut istilah bahasa dengan *al-ḥabs* iaitu menahan kerana perkataan tersebut lebih hampir kepada pengertian syaraʿ. Ini berdasarkan ucapan Rasulullah SAW dalam hadithnya:<sup>25</sup>

حبس الأصل وسبل الثمرة

Maksudnya: “Tahanlah (wakafkanlah) pokoknya dan berilah pada jalan Allah akan buahnya (hasilnya).”

(Riwayat ‘Abdullah bin ‘Umar)

Manakala daripada segi istilah dalam syariah Islam, wakaf diertikan sebagai pembekuan hak milik atas mata benda (*al-ʿayn*) bagi tujuan meyedekahkan kegunaan atau faedahnya (*al-manfaʿah*) untuk kebajikan atau kepentingan umum.

<sup>22</sup> Al-Sharbīnī, Syams al-Dīn Muḥammad bin al-Khaṭīb al-Sharbīnī (2001), *Mughnī al-Muḥtāj*, j.2. Beirūt: Dār al-Fikr, h. 510; Al-Sarakshi, Syams al-Dīn (1986), *al-Mabsut*, j.2. Beirūt: Dār al-Maʿrifah, h.27.

<sup>23</sup> Muḥammad Farid Wajdi (1971), *Daʿrah Maʿarif al-Quran al-Isyrīn*, j.10, Beirūt: Dār al-Maʿrifah, h.793.

<sup>24</sup> Ibn Manzūr, Muḥammad Ibn Mukarram (1990), *Lisān Al-ʿArab*, j.9. Beirūt: Dār al-Fikr, h. 359.

<sup>25</sup> Al-Shāfiʿī, Abu ʿAbdullāh Muḥammad bin Idris (1968), *Al-Umm*, j.3, Qāhirah: Kitāb al-Syaʿb.

## ii) Pensyariatan Wakaf

Di dalam al-Quran, tidak ada nas yang khusus dalam mentasyrikan wakaf. Al-Quran hanya menyuruh mereka yang mempunyai harta yang melebihi daripada keperluan supaya membelanjakan sebahagiannya kepada pihak yang memerlukan sebagai amalan khairat kebajikan.<sup>26</sup> Majoriti ulama menyebutkan bahawa wakaf merupakan amalan ibadah yang disyariatkan. Hal ini disimpulkan daripada pengertian-pengertian umum daripada ayat-ayat al-Quran yang menerangkan tentang sedekah dan juga disimpulkan daripada hadith yang secara khusus menceritakan tentang wakaf pada zaman Rasulullah SAW.<sup>27</sup>

Kewujudan wakaf dalam sistem perundangan Islam adalah berdasarkan kepada dalil-dalil Al-Quran dan As-Sunnah. Terdapat banyak dalil yang memaparkan amalan ini. Walaupun wakaf tidak diwajibkan terhadap umat Islam, namun ia digalakkan dan merupakan satu ibadat yang memberi pahala berterusan untuk mereka walaupun sudah meninggal dunia. Antara asas hukum dan dalil syarak tentang wakaf ialah:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ

عَلِيمٌ ﴿١١٥﴾

Maksudnya: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi, dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka Sesungguhnya Allah mengetahuinya”

Surah al-Imran (3) : 92

Di samping ayat tersebut, terdapat ayat mengenai pensyariatan wakaf dalam surah al-Imran ayat 115 dan surah al-Baqarah ayat 261.

<sup>26</sup> Abdul Monir Yaacob (2004), “Pengurusan Wakaf: Prinsip dan Amalan Menurut Perspektif Islam” (Kertas Kerja Konvensyen Sistem Ekonomi Islam 2004 di Kuala Lumpur pada 3 Ogos 2004), h. 3.

<sup>27</sup> Al-Zuhayli, Wahbah (1989), *Fiqh al-Islāmī wa Adillātuhu*, j.8, c.3. Damaskus: Dār al-Fikr, h.157.

وَمَا يَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَنْ يُكْفَرُوهُ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْمُتَّقِينَ ﴿١١٥﴾

Maksudnya: “Dan apa sahaja kebajikan yang mereka kerjakan, maka mereka tidak sekali-kali akan diingkari (atau disekat dari mendapat pahalanya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui akan keadaan orang-orang yang bertaqwa”.

Surah al-Imran (3): 115

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أُنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي

كُلِّ سُنْبَلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ ۗ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

Maksudnya: “Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.”

Surah al-Baqarah (2): 261

Ayat tersebut dengan jelas memerintahkan mereka yang mempunyai kekayaan supaya menginfakkan sebahagian daripada harta mereka pada jalan Allah dan ditegah daripada bersifat kedekut atau bakhil. Allah SWT tidak memberi kebebasan sepenuhnya kepada manusia untuk membelanjakan kekayaan dengan sewenang-wenangnya.

Di antara hadith yang menjadi dasar wakaf adalah hadith ‘Abd Allah Ibn ‘Umar yang menceritakan tentang kisah ‘Umar bin al-Khattab ketika mendapatkan tanah di bumi Khaybar dan beliau meminta petunjuk daripada Nabi tentang tanah tersebut. Nabi menganjurkan untuk menahan asal tanah harta tersebut dan menyedekahkan hasilnya. Hadith ini sebagaimana berikut:<sup>28</sup>

<sup>28</sup> Al-Nawāwī, Abū Zakariā Yahya bin Syaraf (1994), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Imām al-Muḥyī al-Dīn al-Nawāwī*, j.11. Kitāb al-Waiyyah, Bāb al-Waqf, no hadith 4200. Beirut: Dār al-Ma’rifah, h.88.

أصاب عمر أرضاً بخير فأتى النبي يستأمره فيها فقال يا رسول الله إني أصبت أرضاً بخير لم أصب مالا قط هو أنفسي عندي منه، فما تأمرني به؟ قال إن شئت حبست أصلها وتصدق بها، قال فتصدق بها عمر أنه لا يباع أصلها ولا يتاع ولا يورث ولا يوهب، قال فتصدق عمر في الفقراء وفي القربى وفي الرقاب وفي سبيل الله وابن السبيل والضيف، لا جناح على من وليها أن يأكل منها بالمعروف أو يطعم صديقاً غير متمول فيه.

Maksudnya: “Umar telah memperolehi tanah di bumi Khaybar, lalu dia bertanya kepada Nabi dengan berkata: Wahai Rasulullah, saya telah memperolehi tanah di bumi Khaybar yang nilainya tinggi dan tidak pernah saya perolehi yang lebih tinggi nilai daripadanya. Apa yang perlu saya lakukan? Sabda Rasulullah; “Kalau kamu mahu, bekukan sumbernya dan bersedekah dengan hasilnya”. Lalu Umar menyedekahkannya, ia tidak boleh dijual, diberi dengan percuma atau dijadikan pusaka. Umar menyedekahkan kepada fakir miskin, kaum keluarga, memerdekakan hamba, untuk orang berperang, orang musafir dan para tetamu. Walaubagaimanapun ia boleh digunakan dengan cara munasabah oleh pihak yang mengurusnya seperti memakan atau memberi rakan makan tanpa menjadikannya sebagai sumber harta.”

Hadith lain yang menjelaskan wakaf adalah hadith yang diceritakan oleh Abū Dāwūd daripada Abū Hurayrah. Hadith ini menerangkan bahawa terdapat tiga perkara yang memberi pahala yang berterusan, antaranya ialah sedekah jariah. Para ulama ahli hadith mentafsirkan sedekah jariah dengan wakaf,<sup>29</sup> ini kerana pahala wakaf adalah berterusan dan merupakan sedekah yang bersifat abadi. Nas hadith tersebut adalah seperti berikut:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ أَشْيَاءَ: مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

Maksudnya: “Apabila seseorang manusia itu meninggal dunia maka terputuslah segala amalannya melainkan tiga perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu pengetahuan yang diambil manfaatnya dan anak soleh yang akan mendoakan untuknya.”<sup>30</sup>

(Riwayat Abū Dāwūd)

<sup>29</sup> Al-Shawkānī, Muḥammad ‘Alī Muḥammad (t.t), *Nayl al-Awtār*, j.6. Qāhīrah: Maṭba‘ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih, h.24.

<sup>30</sup> Abū Dāwūd Sulaymān Ibn al-Asy‘āth (257H), *Sunan Abī Dāwūd*. Kitāb al-Waṣāyā, Bāb Mā Ja’a fi al-Ṣadaqah ‘an al-Mayyit, no. hadith 2880. Beirūt: Bayt al-Afkār al-Dauliyyah, h.326.

Selain dasar daripada al-Quran dan Hadith, para ulama' bersepakat (*ijma'*) menerima wakaf sebagai satu amal jariah yang disyariatkan dalam Islam. Ulama telah berijma' dengan menyatakan pelaksanaan wakaf adalah bertujuan '*qurba*' kepada Allah SWT, iaitu demi mengharapkan keredhaan dan pahala daripadanya.<sup>31</sup> Tiada sesiapa yang dapat menafikan dan menolak tuntutan amalan wakaf dalam Islam, kerana wakaf telah menjadi amalan yang sentiasa diutamakan oleh para sahabat Nabi, ahli-ahli ibadah yang suka bersedekah atau membuat amal kebajikan serta ahli-ahli ilmu yang suka mendekati diri kepada Allah. Hal tersebut seperti yang diungkapkan oleh sahabat Jabir<sup>32</sup> dalam perkataan yang bererti: "Tiada seorang pun dari sahabat Nabi yang berkemampuan melainkan mereka memberi wakaf. Amalan ini telah menjadi kesepakatan (*ijma'*) di antara mereka, maka sesungguhnya orang yang mampu telah melakukannya dan masyhurlah yang demikian itu. Oleh kerana itu tiada seorang pun yang membantahnya, sehingga jadilah sebagai kesepakatan (*ijma'*) di antara mereka."

### iii) Rukun dan Syarat Wakaf

Secara umumnya, wakaf mengandungi empat rukun iaitu:

#### 1. Pewakaf (*wāqif*)

Pewakaf atau *wāqif* merujuk kepada mana-mana individu yang memberi sesuatu dari harta miliknya untuk diwakafkan untuk tujuan kebajikan sama ada berbentuk umum atau khusus di mana manfaatnya sahaja digunakan dan fizikal hartanya ditahan. Syarat pewakaf adalah ia merupakan pemilik harta secara sah, berakal, baligh dan dengan kerelaan sendiri.<sup>33</sup> Harta yang hendak diwakafkan itu mestilah dimiliki dengan cara

---

<sup>31</sup> Abdul Monir Yaacob (2004), *op.cit.*, hh.1-11.

<sup>32</sup> Ibn Qudāmah (1972), *op.cit.*, h.187.

<sup>33</sup> Al-Kāsānī, Abī Bakr Ibn Mas'ūd (1971), *Badā'i al-Ṣanā'i fi Tartīb al-Sharā'i*, j.8. Qāhirah: Maṭba'ah al-Imām, h.3911.

yang halal iaitu dengan cara yang diharuskan oleh syara' sama ada diperolehi daripada harta pusaka, dibeli atau dimiliki melalui hadiah dan sedekah.<sup>34</sup> Di samping itu ia semestinya mempunyai hak untuk memindahkan hartanya kepada orang lain walaupun dilakukan oleh seseorang yang bukan Islam.

Berdasarkan syarat yang dikemukakan, beragama Islam bukan menjadi syarat kepada pewakaf. Walaubagaimanapun ulama fiqh berselisih pendapat mengenai wakaf orang bukan Islam. Muhammad Syarbini dalam kitabnya *al-Iqna'* mengatakan sah wakaf orang kafir walaupun wakaf untuk masjid.<sup>35</sup> Imam Hanafi berpendapat bahawa hal tersebut tidak sah,<sup>36</sup> kecuali amalan wakaf dilakukan untuk sesuatu yang dapat mendekatkan diri (*qurbah*) menurut keyakinan mereka dan juga menurut keyakinan orang Islam.<sup>37</sup> Manakala Imam Syafi'i mengatakan amalan tersebut adalah sah sekiranya amalan wakaf bukan ditujukan untuk maksiat dan mengandungi erti mendekatkan diri (*qurbah*) menurut orang Islam.<sup>38</sup>

## 2. Penerima Wakaf (*mawqūf 'alayh*)

Penerima wakaf ataupun *mawqūf 'alayh* adalah seseorang yang diberikan kepadanya harta wakaf. Penerima wakaf boleh terdiri daripada pihak yang ditentukan atau pihak umum yang tidak ditentukan.<sup>39</sup> Pihak-pihak yang termasuk dalam golongan ini ialah seperti salah seorang daripada keluarga pewakaf sendiri, sekumpulan keluarga terdiri daripada anak-anak, isteri, suami, ibu bapa atau saudara mara. Selain itu, penerima wakaf termasuk juga orang yang bukan dari kerabat pewakaf seperti orang

<sup>34</sup> Al-Barri, 'Uthmān (t.t), *Siraj al-Salik*, j.2. Qāhirah: Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī, h.187.

<sup>35</sup> Al-Sharbīnī, Syams al-Dīn Muḥammad bin al-Khaṭīb al-Sharbīnī (2001), *Mughnī al-Muḥtāj*, j.2. Beirut: Dār al-Fikr, h.81.

<sup>36</sup> Ibn Taymiyyah, Abū al-'Abbas Taqī al-Dīn Aḥmad bin 'Abd Halīm (t.t), *Al-Siasah al-Shar'iyah*, j.4. Qāhirah: Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī, h.187.

<sup>37</sup> Ibn 'Ābidīn, Muḥammad Amīn (1966), *Hāsiyah Rad al-Muḥtār*, j.8, c.2. Qāhirah: Maṭba'ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih, h.341.

<sup>38</sup> Al-Sharbīnī, Syams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Sharbīnī al-Khaṭīb (t.t), *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, j.4. Beirut: Dār al-Fikr, h.377.

<sup>39</sup> Al-Zuhaylī, Wahbah (1989), *op.cit.*, h.189.

perseorangan, kumpulan sekeluarga atau kumpulan bukan sekeluarga. Badan-badan tertentu juga boleh dikategorikan sebagai penerima wakaf seperti Baitulmal, masjid atau surau, sekolah atau pusat pengajian tinggi, pusat dakwah, perpustakaan, badan kebajikan anak-anak yatim, hospital dan badan-badan lain yang tidak menjalankan aktiviti yang bertentangan dengan ajaran Islam.<sup>40</sup>

Sekiranya pewakaf (*wāqif*) telah menentukan penerimanya seperti yang berlaku pada wakaf keluarga (*wakaf al-ahlī*), maka penerima tersebut adalah terhad kepada orang yang telah ditetapkan. Namun, penerima ke atas wakaf kebajikan (*waqf al-khairī*) biasanya tidak ditetapkan. Imam Syafi'i berpendapat bahawa wakaf kebajikan tidak memerlukan penerima yang tertentu.<sup>41</sup> Begitu juga imam Hanafi berpendapat bahawa penerima wakaf kebajikan tidak perlu ditentukan. Apabila seseorang mewakafkan rumah tanpa menyebut penerima wakaf maka manfaat daripada rumah yang diwakafkan diberikan kepada fakir miskin secara umum.

### 3. Harta yang diwakafkan (*mawqūf*)

Harta yang diwakafkan mestilah mempunyai kriteria dan syarat berikut:

a) Harta yang ditentukan

Ulama' Syafi'iyah berpendapat bahawa harta yang hendak diwakafkan itu mestilah ditentukan terlebih dahulu sebelum diwakafkan walaupun harta tersebut tidak dapat dilihat. Harta benda yang hendak diwakafkan itu mestilah terdiri daripada aset harta yang fizikalnya wujud sepenuhnya.<sup>42</sup>

---

<sup>40</sup> Osman Sabran (1991), "Wakaf: Konsep dan Pengerusannya, Satu Kajian Kes di Negeri Selangor" (Tesis Sarjana Fakulti Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur), h.59.

<sup>41</sup> Al-Shīrāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm Ibn 'Alī (1976), *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'ī*, j.2. Qāhirah: Maṭba'ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih, h.579.

<sup>42</sup> Osman Sabran (2002), *op.cit*, h.38.



b) Milik pewakaf yang sah

Harta wakaf mestilah harta yang dimiliki sendiri oleh si pewakaf secara sah dan tetap. Dalam mazhab Syafi’I, Hanafi, Hanbali dan Maliki kedudukan harta wakaf mestilah milik yang tetap bagi si pewakaf, bukan milik sementara.<sup>43</sup>

c) Ada manfaat yang diharuskan oleh syara’

Harta wakaf itu juga mestilah daripada jenis harta yang mempunyai faedah atau manfaat yang diharuskan oleh hukum syara’. Manfaat itu tidaklah disyaratkan boleh diambil pada waktu ia diwakafkan. Ulama Syafi’iyyah mengharuskan wakaf pokok-pokok yang belum ada buah, binatang yang belum diambil susunya atau tanah yang belum mengeluarkan hasilnya.<sup>44</sup>

d) Kekal lama

Syarat barang yang hendak dijadikan harta wakaf itu juga mestilah daripada sesuatu barang atau harta yang zat fizikalnya kekal lama, iaitu tidak mudah rosak, tidak cepat habis dan musnah. Sebaliknya, harta benda atau barang yang tidak kekal lama tidak boleh diwakafkan seperti barang-barang makanan, minuman, buah-buahan yang zat fizikalnya mudah rosak dan cepat habis.<sup>45</sup> Ini menunjukkan makanan tidak boleh dijadikan harta wakaf disebabkan sifatnya yang tidak kekal lama dan cepat habis. Ibn Rushd juga berpendapat bahawa wakaf makanan dan mata benda adalah makruh. Walaubagaimanapun, pendapat beliau dianggap pendapat yang lemah atau dhaif.<sup>46</sup> Manakala para ulama dalam mazhab Maliki pula berpendapat bahawa barang-barang makanan seperti yang tersebut itu harus diwakafkan

---

<sup>43</sup> *Ibid.*

<sup>44</sup> *Ibid.*

<sup>45</sup> Al-Maqdīsī, *op.cit.*, j.6, h.190.

<sup>46</sup> Al-Dusūqī, Shams al-Dīn al-Sheikh Muḥammad ‘Arfaḥ (t.t), *Ḥāshiyah a-Dusūqī ‘alā al-Sharḥ al-Kabīr*, Jil.4. Miṣr: ‘Isa al-Bābī al-Ḥalabī, h.77.

kerana bagi Imam Maliki yang penting ialah manfaat harta itu.<sup>47</sup> Manakala, menurut pendapat Ibnu Taimiyyah dibolehkan mewakafkan sesuatu yang dapat diambil manfaatnya dengan hilang atau habisnya barang yang diwakafkan tersebut.<sup>48</sup> Begitu juga pandangan daripada Sheikh Khalil<sup>49</sup> dan Sayyid Ahmad al-Dardir<sup>50</sup> yang membenarkan wakaf makanan seperti mana dibenarkan wakaf tunai dan dirham.

#### 4) Lafaz Wakaf (*Sighah*)

Lafaz wakaf mestilah mengadungi erti kekal, dilakukan secara langsung, menjelaskan tempat pemberian wakaf dan mesti mengikat kukuh akad wakaf.<sup>51</sup> Sekiranya pewakaf tidak menentukan pihak yang menerima wakaf atau wakaf ditujukan kepada pihak umum, ia tidak memerlukan kepada lafaz penerimaan (*qabūl*). Tetapi sekiranya wakaf tersebut ditujukan kepada pihak tertentu, maka terdapat perbezaan pendapat antara ulama fiqh. Imam Hanafi dan Hanbali berpendapat, wakaf tersebut tidak memerlukan kepada lafaz penerimaan (*qabūl*).<sup>52</sup> Manakala imam Syafi'i dan Maliki berpendapat bahawa wakaf tersebut memerlukan lafaz penerimaan (*qabūl*).<sup>53</sup>

#### iv) Jenis-Jenis Wakaf

Dalam kitab-kitab fiqh terdahulu, wakaf terbahagi kepada dua iaitu wakaf keluarga (*waqf al-ahlī*) dan wakaf kebajikan (*waqf al-khayrī*). Namun, Sarjana semasa membezakan wakaf menjadi empat iaitu:

---

<sup>47</sup> *Ibid.*

<sup>48</sup> Syaikh Muḥammad Ṣalīḥ al-Utsaimin (2008), *Panduan Wakaf, Hibah Dan Wasiat Menurut Al-Quran Dan Al-Sunnah*. (terj.) Abū Hudzaifah. Indonesia: Pustaka Imam Asy-Shāfi'i, h. 26.

<sup>49</sup> Khalil Ishāq al-Mālikī (t.t), *Jawahir al-Iklil*, j.2. Dār Ihya' Kutub al-'Arābīyah, h. 205.

<sup>50</sup> Sayyid Aḥmad Dardīr (t.t), *Sharah al-Kabīr*, j. 4, no. 47

<sup>51</sup> Al-Waqf fi al-Sharī'ah al-Islāmiyyah, *op.cit.*, hh.25-28.

<sup>52</sup> Ibn Qudāmah, Muwāfiq al-Dīn Abū Muḥammad 'Abd Allāh bin Aḥmad (1972), *al-Mughni*, j.6, c.4. Beirut: Dār al-Kutub al-'Arābī, h.189; Ibn Abidīn (1966), *op.cit.*, h.342.

<sup>53</sup> Al-Nawawī (1996), *op.cit.*, h.324.

a) Wakaf keluarga (*waqf al-ahlī*)

Dalam wakaf jenis ini, manfaat harta wakaf ditujukan kepada keturunan pewakaf seperti anak, cucu dan sebagainya. Biasanya penerima wakaf telah ditetapkan mengikut lafaz-lafaz pewakaf dan mereka yang berhak ke atas harta tersebut. Dari segi syarak wakaf jenis ini dianggap sah.<sup>54</sup>

b) Wakaf kebajikan (*waqf al-khairī*)

Wakaf kebajikan adalah wakaf yang sememangnya telah diberikan untuk amal kebajikan, seperti wakaf tanah untuk kegunaan hospital atau madrasah.<sup>55</sup> Wakaf jenis ini digalakkan dalam Islam kerana wakaf ini ditujukan untuk kepentingan umum atau orang ramai. Pahala wakaf kebajikan akan diterima terus oleh pewakaf walaupun sesudah ia meninggal dunia kerana manfaat daripadanya dapat dinikmati secara meluas oleh masyarakat.<sup>56</sup> Wakaf kebajikan ini sesuai sebagai salah satu sumber pembiayaan aktiviti-aktiviti pembangunan umat sama ada dalam bidang sosial, ekonomi, pendidikan dan sebagainya.<sup>57</sup> Hal ini kerna harta wakaf jenis ini dapat dijadikan modal pembangunan bagi mencapai kesejahteraan masyarakat. Wakaf *khairī* terbahagi kepada dua iaitu wakaf am dan wakaf khas.<sup>58</sup> Wakaf am ialah wakaf yang tidak dikhaskan oleh pewakaf kepada pihak tertentu. Contohnya seperti seorang mewakafkan sebidang tanah untuk kebajikan am. Dalam wakaf ini, Nazir Wakaf (Pemegang Amanah) mentadbirkan tanah tersebut untuk apa jua bentuk pembangunan yang boleh memberikan hasil sebaik mungkin tanpa terikat dengan jenis kebajikan/bentuk pembangunan tertentu. Manakala

---

<sup>54</sup> Murtadho Ridwan (2006), "Peranan Wakaf Dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan: Kajian di Jawa Tengah, Indonesia" (Tesis Sarjana Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur), h.78.

<sup>55</sup> Al-Zuhaylī, Wahbah (1987), *al-Waṣāyā wa al-Waqf al-Fiqh al-Islāmī*. Damshiq: Dār al-Fikr, h.161.

<sup>56</sup> Murtadho Ridwan (2006), *op.cit.*, h.78

<sup>57</sup> Syed Othman al-Habshi (1987), *op.cit.*

<sup>58</sup> JAWHAR, [http://www.jawhar.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=78&Itemid=122&lang=ms](http://www.jawhar.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=78&Itemid=122&lang=ms), 15 April 2011.

manfaatnya pula diagihkan kepada apa juga bentuk kebajikan am yang mana pahalanya berterusan kembali kepada pewakaf.

Manakala wakaf khas pula wakaf yang manfaatnya dikhaskan kepada pihak tertentu sebagaimana yang di tentukan oleh pewakaf. Contohnya, wakaf rumah khas untuk anak-anak yatim, wakaf kedai hasilnya dikhaskan kepada masjid atau surau atau madrasah tertentu sahaja dan wakaf untuk masjid, surau, madrasah, tanah perkuburan dan sebagainya.

c) Wakaf bersama (*waqf al-Mushtarak*)

Wakaf ini merupakan campuran antara wakaf keluarga (*waqf al-ahlī*) dan wakaf kebajikan (*waqf al-khayrī*). Ia berlaku apabila pewakaf mewakafkan sebahagian daripada hartanya untuk kebajikan dan sebahagian lagi untuk individu tertentu. Daripada segi manfaatnya, ia berdasarkan kepada kadar yang telah ditetapkan oleh pewakaf. Antara contoh, wakaf tanah pertanian di mana sebahagian daripada hasil tanah tersebut ditujukan kepada anak cucu sementara sebahagian yang lain ditujukan untuk kepentingan umum.<sup>59</sup>

d) Wakaf kaki

Wakaf kaki ialah mewakafkan harta bagi tujuan kebajikan dengan cara pengurus wakaf membeli keseluruhan harta dan pewakaf membayar harga sukatan tertentu yang dikehendaki<sup>60</sup> atau dengan kata lain mewakafkan tanah mengikut kaki persegi secara perkongsian. Contohnya, pihak Majlis membeli beberapa bidang tanah untuk

---

<sup>59</sup> *Ibid.*

<sup>60</sup> Mohd Saharudin Shakrani *et al.*, (2003), "Tinjauan Isu-Isu yang Membataskan Penggunaan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil.11 Bil.2, Julai 2003, h.78.

diwakafkan dan membuka peluang orang ramai membeli tanah tersebut mengikut kemampuan untuk diwakafkan.<sup>61</sup>

Wakaf jenis ini banyak diamalkan di kawasan Asia, kerana wakaf kaki merupakan usaha yang bertujuan untuk memperbanyakkan tanah-tanah wakaf.<sup>62</sup> Di samping itu, ia juga bertujuan agar amalan wakaf dapat diikuti oleh setiap individu Muslim. Ia bukan sahaja diamalkan oleh orang kaya yang mempunyai tanah, namun dapat juga diamalkan oleh orang yang mempunyai pendapatan rendah dengan membeli tanah melalui skim wakaf kaki.

#### v) Aplikasi Wakaf Dalam Pelaksanaan Bank Makanan

Bagi mekanisme wakaf, ia boleh dilakukan melalui harta berupa bangunan, tanah dan benda yang bermanfaat dan bersifat kekal. Amalan ini merupakan suatu kaedah untuk mendapatkan prasarana dan harta untuk membangunkan bank makanan di Malaysia khususnya. Mekanisme wakaf boleh digunakan selain dana daripada kerajaan dan industri yang berasaskan makanan. Manakala wakaf dalam bentuk makanan adalah tidak dibenarkan oleh jumhur ulama' kerana ia adalah bahan yang tidak kekal dan tidak tahan lama. Namun, masyarakat boleh mewakafkan ladang tanaman atau kebun buah-buahan yang menghasilkan buah-buahan dan tanaman di mana manfaat tersebut boleh digunakan. Dalam konteks ini, hasil tanaman tersebut boleh dimanfaatkan oleh bank makanan untuk diagihkan kepada masyarakat miskin dan memerlukan.

Bagi memastikan bank makanan sentiasa mempunyai sumber dana yang mencukupi, satu skim saham wakaf boleh diwujudkan yang bertujuan untuk memberi bantuan makanan kepada masyarakat yang memerlukan. Hasil yang diperolehi daripada

---

<sup>61</sup> Kamarudin Ngah (1992), *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.84.

<sup>62</sup> *Ibid.*

dana wakaf tersebut boleh dilaburkan. Kemudian, keuntungan daripada dana tersebut akan digunakan untuk membeli makanan. Makanan tersebut akan diagihkan kepada penerima-penerima bantuan yang layak.

#### 4.3.4 Korban

##### i) Definisi Korban

Korban daripada sudut bahasa bererti dekat<sup>63</sup> atau diambil daripada perkataan Arab iaitu *al-Uḍiyah* (الأضحية) yang membawa nama bagi sesuatu yang dikorbankan atau nama bagi binatang yang disembelih pada hari raya Aidiladha.<sup>64</sup> Manakala daripada segi istilah korban bermaksud menyembelih binatang ternakan daripada unta, lembu dan kambing pada hari raya korban dan hari-hari tasyrik iaitu pada 10 hingga 13 Zulhijjah untuk mendekati diri kepada Allah SWT<sup>65</sup>

##### ii) Hukum dan Dalil Korban

Ibadat korban telah disyariatkan pada tahun kedua Hijrah. Ia dinyatakan dalam al-Quran, antaranya melalui surah al-Kauthar dan surah al-Hajj:

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ﴿١﴾ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ ﴿٢﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (Wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat). Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur).

Surah al-Kauthar (108): 2

<sup>63</sup> Idris Ahmad (1982), *Fiqh Syafi'i*, j.1, c.1. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h. 563.

<sup>64</sup> Al-Zuhayli, Wahbah (1994), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, (Terj.) Syed Ahmad Syed Hussain *et al.*, j.3, c.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 687.

<sup>65</sup> Ahmad Fuad Said (1985), *Korban dan Akikah*, c. 1. Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan Sdn. Bhd., h.1.

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا لِيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِّنْ بَهِيمَةٍ  
 الْأَنْعَامِ ۖ فَالْيَهُمُّ إِلَهُهُ وَاحِدٌ ۚ فَلَهُ أَسْلَمُوا ۗ وَبَشِّرِ الْمُخْبِتِينَ ﴿٣٤﴾

Maksudnya: “Dan bagi tiap-tiap umat, Kami syariatkan Ibadat menyembelih korban (atau lain-lainnya) supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurniaanNya kepada mereka; binatang-binatang ternak yang disembelih itu. kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka hendaklah kamu tunduk taat kepadanya; dan sampaikanlah berita gembira (Wahai Muhammad) kepada orang-orang Yang tunduk taat”

Surah al-Hajj (22): 34

Ayat ini menunjukkan bahawa manusia hendaklah sentiasa bersyukur di atas segala nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah SWT dengan menunaikan solat dan melakukan korban untuk mendekati diri kepada Allah SWT. Nabi SAW telah bersabda:

Maksudnya: “Tiada yang dikerjakan oleh manusia pada hari raya yang lebih dicintai Allah dari mengalirkan darah. Dan ia akan datang pada hari kiamat nanti dengan tanduk-tanduknya dan kuku-kukunya dan darahnya yang terjatuh dari Allah di suatu tempat mulia sebelum jatuh ke bumi maka ikhlaskan hati berkorban”.<sup>66</sup>

(Riwayat Ibn Mājah)

Hikmah disyariatkan korban ialah sebagai tanda bersyukur kepada Allah SWT di atas segala nikmat yang diberikan. Malah, orang yang mengerjakannya akan memperoleh satu kebajikan dari setiap helai bulu binatang yang dikorbankannya.<sup>67</sup> Hukum melakukan korban ialah sunnah mu’akkadah bagi sesiapa yang mampu melakukannya. Sabda Nabi Muhammad SAW:

Maksudnya: “Aku diperintahkan agar menyembelih qurban dan ia sunat bagi kamu”.

(Riwayat Tirmizi)

<sup>66</sup> Ibn Mājah, Abī ‘ Abd al-lah Muḥammad ibn Yazīd al-Qazwīnī (t.t), *Sunan Ibn Mājah*. j. 2. T.k: Ihyā al-Turāth al-‘ Arabī, h.1045.

<sup>67</sup> Ismail Ali (1996), *Panduan Korban dan Akikah*. Kuala Lumpur: al-Hidayah, h. 17

### iii) Syarat-syarat Ibadah Korban

Bagi syarat-syarat binatang korban pula, para ulama' sependapat bahawa ibadah korban tidak sah kecuali dengan menggunakan binatang *an'am*, iaitu binatang jinak yang berkaki empat seperti unta, lembu dan kerbau, kambing biri-biri dan semua yang termasuk dalam jenisnya, sama ada jantan atau betina.<sup>68</sup> Oleh itu, tidak sah berkorban dengan menggunakan binatang yang lain daripada binatang *an'am* ini seperti kerbau liar dan kijang.

Waktu bagi menyembelih korban bermula setelah selesai sembahyang Hari Raya dan bacaan khutbahnya iaitu setelah naik matahari sekadar segalah. Masanya berterusan siang dan malam sehingga Hari Tasyrik yang akhir iaitu sebelum terbenam matahari pada hari tersebut. Ini berdasarkan hadith Nabi yang diriwayatkan oleh Al-Barra' bin 'Azib:

Maksudnya: “Perkara pertama yang kita mulakan pada hari ini ialah bersembahyang, kemudian kita balik dan melakukan penyembelihan korban. Sesiapa yang melakukan demikian maka dia telah menepati sunnah kami. Sesiapa yang menyembelih sebelum itu, maka ia merupakan daging yang disediakan untuk ahli keluarganya. Ia tidak dikira sebagai ibadah khas (korban) ini sedikit pun.”<sup>69</sup>

### iv) Jenis Ibadah Korban

Terdapat dua jenis korban iaitu korban wajib dan korban sunat. Korban menjadi wajib apabila dia bernazar seperti menyebut “kerana Allah wajib ke atasku berkorban seekor kambing atau seekor unta ini” ataupun dengan menyebut, “aku jadikan kambing ini sebagai korban”. Maka apabila seseorang membeli seekor kambing dengan niat untuk dikorbankan, maka ia menjadi wajib. Ini kerana membeli dengan tujuan berkorban oleh seseorang yang tidak wajib melakukannya dikira wajib kerana perbuatan ini dikira sebagai satu nazar. Korban sunat ialah korban yang dilakukan oleh seseorang yang

<sup>68</sup> Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Abī al-Abbas Aḥmad Ibn Hamzah *et al.* (1993), *Nihāyah al-Muḥtāj ilā Syarḥ al-Minḥāj*, j.8. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, h.131.

<sup>69</sup> Islam Grid, <http://www.islamgrid.gov.my/articles/ibadah/qurban.php>, 1 Mei 2012.



berkemampuan melakukannya sama ada miskin ataupun yang bermusafir, yang tidak berniat nazar atau membeli dengan tujuan korban.<sup>70</sup>

Bagi daging korban kerana sembelihan wajib seperti nazar maka hukumnya wajib disedekahkan kesemuanya. Haram ke atas orang yang berkorban itu memakan daging tersebut. Jika telah dimakan daging itu maka wajib diganti kadar yang dimakan itu tetapi tidak wajib dia menyembelih semula yang lain.<sup>71</sup> Bagi daging korban sunat pula, adalah sunat bagi orang yang empunya korban memakan sebahagian daripadanya sebagaimana firman Allah Ta'ala dalam Surah al-Hajj ayat 28:

لِيَشْهَدُوا مَنَفِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ  
مِّنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: “Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara Yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari Yang tertentu, kerana pengurniaanNya kepada mereka Dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban); Dengan Yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang Yang susah, Yang fakir miskin”.

Surah al-Hajj (22): 28

#### v) Aplikasi Korban dalam Pelaksanaan Bank Makanan

Amalan korban telah menjadi kebiasaan bagi masyarakat di seluruh negara termasuklah di Malaysia. Bagi masyarakat di Malaysia, ibadah korban yang dilakukan bukan hanya disalurkan kepada penduduk yang miskin di Malaysia, malah disalurkan kepada golongan fakir miskin di negara luar seperti di Somalia. Ianya dilakukan melalui wakil-wakil seperti Muslim Aid Malaysia. Terdapat sesetengah masyarakat menggunakan wakil untuk menguruskan daging korban kerana kesukaran untuk mencari golongan fakir miskin. Dalam konteks ini, masyarakat boleh menggunakan bank makanan sebagai

<sup>70</sup> *Ibid.*

<sup>71</sup> Masjid al-Azim, <http://www.al-azim.com/haji/qurban/hukum.htm>, 1 Mei 2012.

wakil untuk menguruskannya atau terus menyalurkan daging korban kepada bank makanan sekiranya mereka mempunyai kesukaran untuk mencari masyarakat miskin. Bank makanan akan menguruskan ibadat korban tersebut bagi pihak penyumbang dan seterusnya makanan tersebut akan diagihkan kepada golongan yang memerlukan berdasarkan maklumat penerima fakir miskin yang mereka ada.

#### 4.3.5 Aqiqah

##### i) Definisi Aqiqah

Aqiqah dari sudut bahasa ialah rambut yang di atas kepala bayi yang dilahirkan. Aqiqah juga dikatakan sebagai binatang sembelihan yang disembelih untuk seorang bayi yang baru dilahirkan. Aqiqah pada istilah syarak pula ialah binatang sembelihan yang disembelih untuk seorang bayi yang baru dilahirkan.<sup>72</sup>

##### ii) Hukum dan Dalil Aqiqah

Hukum melakukan aqiqah ialah sunnah mu'akkadah bagi orang yang menanggung sara hidup kanak-kanak tersebut. Jika anak itu lelaki disunatkan menyembelih dua ekor kambing, manakala jika anak itu perempuan disunatkan menyembelih seekor kambing. Binatang seperti lembu, kerbau atau unta boleh dibahagikan kepada tujuh bahagian. Aqiqah telah disyariatkan berdasarkan kepada sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Maksudnya: “Bersama setiap anak itu satu aqiqah. Oleh itu hendaklah kamu alirkan darah baginya dan elakkan daripadanya segala keburukan.”<sup>73</sup>

(Riwayat Abū Dāwud)

---

<sup>72</sup> Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad Abd Allāh bin Aḥmad (1997), *Al-Mughnī*, j.4. Riyadh: Dār ‘Alam al-Kutub, h.393.

<sup>73</sup> Abū Dāwud Sulaymān Ibn al-Asy’at (t.t), *Sunan Abī Dāwud*, Jil.3, Kitāb al-Dihāyā, Bāb al-Aqīqah. Dār Iḥya al-Summah al-Nabawiyah, h.106.

Waktu melakukan aqiqah adalah dari hari kelahiran kanak-kanak itu sehinggalah ia baligh. Masa yang paling afdhal untuk melakukan aqiqah adalah pada hari ketujuh kelahiran kanak-kanak tersebut.<sup>74</sup> Daripada segi pengagihan daging tersebut, ia harus diberikan kepada orang miskin dan daging yang disedekahkan telah dimasak.

#### **4.3.6 Kifarah**

##### **i) Definisi Kifarah**

Daripada segi bahasa kifarah bermakna menutup. Manakala daripada segi istilah ialah menebus kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan dengan cara-cara tertentu yang telah ditetapkan oleh syarak. Terdapat beberapa jenis kifarah iaitu kifarah bersetubuh siang hari di bulan Ramadhan, kifarah sumpah, kifarah zihar dan kifarah illa'.

Kifarah bersetubuh di bulan Ramadhan adalah denda yang dikenakan ke atas seorang yang membatalkan puasanya dengan bersetubuh di siang hari di bulan Ramadhan dengan sengaja. Orang yang sengaja melakukan persetubuhan di siang hari pada bulan Ramadhan di samping ia wajib menggantikan puasanya yang terbatal itu. Kifarah sumpah ialah denda yang dikenakan oleh seseorang yang bersumpah di atas nama Allah SWT dan kemudian melaggarnya maka dia dikenakan kifarah.

Kifarah zihar ialah denda yang dikenakan ke atas seorang suami yang menyamakan isterinya atau mana-mana bahagian anggotanya dengan ibunya atau dengan mana-mana perempuan yang boleh dikahwini olehnya. Hukum zihar adalah haram dan berdosa besar. Walau bagaimanapun syara' telah menetapkan tindakan terhadap suami yang melakukannya iaitu diwajibkan membayar kifarah untuk

---

<sup>74</sup> Masjid al-Azim, <http://www.al-azim.com/masjid/infoislam/ibadat/qiqah.htm>, 13 April 2012.

mengelakkan daripada mengulangi perbuatan tersebut. Selepas membayar kifarah, suami boleh kembali semula seperti biasa.

Illa' ialah sumpah seorang suami yang tidak mahu melakukan persetubuhan dengan isterinya dalam masa lebih dari empat bulan atau pun ia bersumpah dengan tidak menyatakan tempoh masa. Apabila suami mensetubuhi semula isteri yang diilla'nya itu sebelum sampai empat bulan dari tarikh illa'nya, maka suami wajiblah membayar kifarah sumpahnya itu, kerana ia dianggap telah melanggar sumpah yang dibuatnya.

## ii) Syarat Kifarah

Kifarah adalah denda yang ditetapkan oleh syara' atas kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan sebagaimana urutan dalam Jadual 4.1:

Jadual 4.1:  
Urutan Kifarah Sumpah, Illa', Zihar dan Bersetubuh Siang Hari di Bulan Ramadhan

<b>Kifarah sumpah dan 'illa</b>	<b>Kifarah berjunub di siang hari Ramadhan dan zihar</b>
1. Merdekakan seorang hamba, atau;	1. Membebaskan seorang hamba mukmin sama ada lelaki atau wanita;
2. Memberi pakaian sepuluh orang miskin, atau;	2. Jika tidak didapati atau tidak mampu, hendaklah ia berpuasa dua bulan berturut-turut;
3. Memberi makan sepuluh orang miskin, atau;	3. Jika tidak mampu, hendaklah ia memberi makan 60 orang miskin dengan setiap orang satu cupak makanan asasi penduduk setempat.
4. Berpuasa tiga hari berturut-turut.	

Sumber: Asmak (2011)<sup>75</sup>

Bagi kifarah sumpah dan 'illa, seorang itu diwajibkan ke atasnya kifarah dengan memberi makan kepada fakir miskin apabila ia tidak mampu melakukan urutan denda yang sebelumnya iaitu memerdekakan seorang hamba dan memberi pakainan kepada orang miskin. Manakala kifarah bersetubuh siang hari di bulan Ramadhan dan kifarah

<sup>75</sup> Asmak Ab Rahman (2011), *op.cit.*

zahir, seseorang itu wajib memberi makan kepada 60 orang miskin dengan setiap orang satu cupak makanan asasi penduduk setempat setelah tidak mampu untuk melakukan dua denda yang sebelumnya iaitu membebaskan seorang hamba dan berpuasa selama dua bulan berturut-turut. Bagi penduduk di Malaysia, makanan asasi yang harus diberikan adalah beras. Dengan adanya kifarah ini, ia bukan sahaja dapat memberi pengajaran kepada pihak yang telah membuat kesalahan, malah secara tidak langsung dapat membantu golongan fakir miskin dengan pemberian bantuan makanan yang telah ditetapkan.

### iii) Aplikasi Kifarah Dalam Pelaksanaan Bank Makanan

Bagi pembayaran kifarah, ia tidak mempunyai institusi khas sebagai tempat untuk menguruskannya. Ia mendatangkan kesukaran kepada masyarakat yang ingin melaksanakan denda tersebut bagi mencari golongan fakir miskin sebagai penerima. Oleh itu dengan adanya bank makanan, mereka boleh menggunakan khidmat bank makanan untuk mencari dan menyalurkan makanan tersebut kepada golongan fakir miskin bagi menyempurnakan kifarah tersebut.

## **4.3.7 Fidyah**

### i) Definisi

Fidyah berasal daripada kosa kata Arab yang bermaksud menebus. Fidyah merupakan bayaran denda yang dikenakan kepada seseorang yang tidak dapat mengganti puasanya di bulan Ramadhan pada sesuatu tahun sehinggalah tibanya bulan Ramadhan tahun berikutnya. Denda dikeluarkan dengan kadar tertentu daripada makanan asasi setempat

bagi setiap hari yang ditinggalkan dan diberikan kepada orang miskin. Mereka juga boleh menggantikan makanan dengan nilai wang bagi harga makanan tersebut.<sup>76</sup>

## ii) Hukum dan Dalil Fidyah

Dalil-dalil fidyah yang terdapat dalam al-Quran adalah seperti berikut:

أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ ۚ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ  
وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مَسْكِينٍ ۖ فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ  
لَّهُ ۚ وَأَنْ تَصُومُوا خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٤﴾

Maksudnya: “(Puasa Yang Diwajibkan itu ialah beberapa hari Yang tertentu; maka sesiapa di antara kamu Yang sakit, atau Dalam musafir, (bolehlah ia berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari Yang dibuka) itu pada hari-hari Yang lain; dan wajib atas orang-orang Yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah Iaitu memberi makan orang miskin. maka sesiapa Yang Dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari Yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya; dan (Walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu daripada memberi fidyah), kalau kamu mengetahui”.

Surah al-Baqarah (2): 184

Kelonggaran meninggalkan puasa adalah bagi mereka yang tidak mampu untuk berpuasa seperti orang tua, orang menghidapi sakit kronik, wanita yang mengandung dan menyusukan anak serta orang yang menta'khirkan puasa iaitu orang yang menangguhkan qadha' puasanya sehingga tiba bulan Ramadhan berikutnya, maka dia akan dikenakan fidyah bagi setiap hari yang ditangguhkan.<sup>77</sup> Kadar fidyah bagi sehari puasa yang ditinggalkan ialah satu mudd (cupak) iaitu ¼ gantang atau suku gantang. Menurut taksiran ulama' hari ini, kadar satu mudd menyamai lebih-kurang 600 gram

<sup>76</sup> Al-Kāsānī, 'Ala' al-Din Abi Bakr bin Mas'ūd (1998), *Badā'i al-Ṣanā'i*, j.2. Lubnan: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arābī, h. 252.

<sup>77</sup> Al-Zuḥaylī, Wahbah (1985), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillātuḥu*, Jil.8. Damsyik: Dār al-Fikr, hh.688-689.

mengikut timbangan gandum.<sup>78</sup> Syarat makanan yang hendak dikeluarkan fidyah ialah makanan asasi setempat. Bagi penduduk Malaysia, makanan tersebut adalah beras. Kadar fidyah dikira berdasarkan kadar harga beras (makanan asasi penduduk) semasa iaitu sebanyak secupak. Kadar tersebut berubah mengikut harga yang ditetapkan pemerintah di sesuatu tempat. Beras tersebut hendaklah diberi makan kepada fakir dan miskin dan bukan berbentuk wang tunai, pakaian dan sebagainya.<sup>79</sup>

Hukum membayar fidyah adalah wajib. Dengan membayar fidyah tidak bermaksud mereka tidak perlu lagi menggantikan puasanya kerana puasa tersebut tetap wajib digantikan mengikut bilangan hari yang telah ditinggalkannya. Sekiranya bilangan hari tersebut telah melangkaui tahun, maka kadar fidyah bagi hari tersebut akan digandakan.

### iii) Aplikasi Fidyah Dalam Pelaksanaan Bank Makanan

Begitu juga dengan pembayaran fidyah di Malaysia, ia tidak mempunyai institusi khas sebagai tempat untuk menguruskannya. Ia mendatangkan kesukaran kepada masyarakat yang ingin melaksanakan denda tersebut bagi mencari golongan fakir miskin sebagai penerima. Kebanyakan individu akan memberi sumbangan kepada pihak masjid untuk menguruskannya. Oleh itu dengan adanya bank makanan, ia dapat menambahkan saluran kepada mereka untuk membayar fidyah kerana bank makanan mempunyai senarai penerima bantuan yang terdiri daripada golongan fakir miskin.

---

<sup>78</sup> Al-Khinn, Muṣṭāfa Sa`id (2005), *al-Fiqh al-Manḥajī*, j. 2. Pustaka Salam, h. 92.

<sup>79</sup> Lembaga Zakat Selangor, <http://www.e-zakat.com.my/kalkulator-zakat/fidyah/>, 10 Mei 2012.

### 4.3.8 Dam Haji

#### i) Definisi Dam Haji

Pengertian dam daripada segi bahasa ialah darah atau dilumuri dengan darah. Definisi dam daripada sudut fiqh pula ialah ibadat dalam bentuk penyempurnaan (fidyah atau kifarah) yang wajib dilakukan dengan syarat dan sebab-sebab tertentu. Ia adalah ibadah gantian yang berbentuk binatang ternakan yang disembelih atau digantikan dengan makanan atau berpuasa. Dam dikenakan akibat melanggar pantang larang dalam Ihram atau meninggalkan perkara-perkara yang wajib dalam ibadat haji atau umrah. Denda yang dikenakan ialah dengan menyembelih binatang ternakan seperti seekor kibasy, kambing atau satu pertujuh daripada lembu, unta atau kerbau.<sup>80</sup>

#### ii) Dalil Pensyariatian Dam Haji

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ فَإِنْ أُحْصِرْتُمْ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ وَلَا تَحْلِقُوا رُءُوسَكُمْ حَتَّىٰ يَبْلُغَ الْهَدْيُ مَحَلَّهُ ۚ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ بِهِ أَذًى مِّن رَّأْسِهِ ۖ فَفِدْيَةٌ مِّن صِيَامٍ أَوْ صَدَقَةٍ أَوْ نُسُكٍ ۚ فَإِذَا أَمِنْتُمْ فَمَنْ تَمَتَّعَ بِالْعُمْرَةِ إِلَى الْحَجِّ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ ۚ فَمَنْ لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامٌ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ فِي الْحَجِّ وَسَبْعَةٍ إِذَا رَجَعْتُمْ ۚ تِلْكَ عَشْرَةٌ كَامِلَةٌ ۚ ذَٰلِكَ لِمَنْ لَّمْ يَكُنْ أَهْلُهُ حَاضِرِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿١١٦﴾

Maksudnya: “Dan sempurnakanlah Ibadat Haji dan Umrah kerana Allah; maka sekiranya kamu dikepong (dan dihalang daripada menyempurnakannya ketika kamu sudah berhram, maka kamu bolehlah bertahallul serta) sembelihlah dam yang mudah didapati; dan janganlah kamu mencukur kepala kamu (untuk bertahallul), sebelum binatang dam itu

<sup>80</sup> JAWHAR (2009), *Manual Pengurusan Dam Haji*. Putrajaya: JAWHAR, h.5.



sampai (dan disembelih) di tempatnya. maka sesiapa di antara kamu sakit atau terdapat sesuatu yang menyakiti di kepalanya (lalu ia mencukur rambutnya), hendaklah ia membayar fidyah. Iaitu berpuasa, atau bersedekah, atau menyembelih dam. kemudian apabila kamu berada kembali dalam keadaan aman, maka sesiapa yang mahu menikmati kemudahan dengan mengerjakan Umrah, (dan terus menikmati kemudahan itu) hingga masa (mengerjakan) Ibadat Haji, (bolehlah ia melakukannya kemudian wajiblah ia) menyembelih dam yang mudah didapati. kalau ia tidak dapat (mengadakan dam), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari dalam masa mengerjakan haji dan tujuh hari lagi apabila kamu kembali (ke tempat masing-masing); semuanya itu sepuluh (hari) cukup sempurna. hukum ini ialah bagi orang yang tidak tinggal menetap (di sekitar) Masjid Al-Haraam (Makkah). dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan ketahuilah bahawasanya Allah Maha berat balasan seksaNya (terhadap orang-orang yang melanggar perintahNya).”

Surah al-Baqarah (2): 196

Pensyariatan dam hendaklah dilihat sebagai satu anugerah kepada umat Nabi Muhammad SAW kerana ia bukan sahaja dapat menyempurnakan kekurangan ketika melakukan ibadat haji malah dapat membantu golongan fakir miskin dengan adanya denda melalui pemberian makanan.

Secara kesimpulannya, konsep-konsep syariah yang terlibat dengan kegiatan ekonomi kemasyarakatan seperti derma/ sedekah, waqaf, zakat serta lain-lain sumber kebajikan<sup>81</sup> merupakan sektor *ijtima'i* (sosial/kemasyarakatan) yang melibatkan soal kebajikan dan pembelaan nasib anggota masyarakat melalui bantuan dari sumber-sumber tertentu. Semua golongan dalam masyarakat Islam adalah terlibat dengan ekonomi kemasyarakatan. Golongan yang kaya dan berkemampuan adalah bertanggungjawab membela golongan yang kurang bernasib baik dan miskin. Matlamat ekonomi kemasyarakatan dalam Islam ialah jaminan kesejahteraan dan kebahagiaan hidup anggota masyarakat (*al-ḍaman al-Ijtima'i*) untuk mencapai perpaduan ummah (*al-Taḍaman al-Ijtima'i*).<sup>82</sup>

---

<sup>81</sup> Ahmad Tajudin Abdul Rahman (2004), “Pengurusan Waqaf Berkesan: Ke Arah Pemantapan Ekonomi Ummah” (Kertas Kerja Konvensyen Sistem Ekonomi Islam 2004 di Kuala Lumpur, 3 Ogos 2004), h. 4.

<sup>82</sup> *Ibid.*

Melalui mekanisme agihan makanan yang telah digariskan dalam Islam, bank makanan dilihat berperanan untuk menghubungkan antara lebih makanan dengan golongan yang kekurangan bekalan makanan. Dengan adanya bantuan makanan tersebut maka ia telah membantu golongan fakir miskin yang tidak berkeupayaan untuk mendapatkan makanan. Bantuan makanan tersebut telah membantu mewujudkan akses kepada makanan dan seterusnya dapat memperbaiki tahap sekuriti makanan ke arah yang lebih baik bagi golongan tersebut.

Bagi mengaplikasikan mekanisme tersebut dalam pelaksanaan bank makanan, masyarakat yang ingin menyumbang kepada bank makanan boleh menghubungi bank makanan untuk memberikan sumbangan sama ada dalam bentuk sedekah, wakaf, aqiqah, korban dan sebagainya. Seterusnya pihak bank makanan akan menguruskan sumbangan tersebut untuk ditukarkan kepada bentuk makanan. Pihak bank makanan akan mencari penerima bantuan yang layak berdasarkan maklumat-maklumat penerima yang sedia ada. Kemudian, makanan tersebut akan diagihkan kepada penerima-penerima yang telah dikenalpasti kelayakan mereka.

#### **4.4 PENGURUSAN BANK MAKANAN**

##### **4.4.1 Khidmat Sukarelawan**

Aktiviti kebajikan dalam Islam tidak terhad kepada masa atau wang ringgit sebaliknya ia boleh dilakukan dengan pelbagai cara sama ada melalui harta, tenaga, buah fikiran dan sebagainya. Namun demikian apa yang dititikberatkan oleh Islam ketika melakukan amal kebajikan ialah ianya dilakukan dengan ikhlas untuk mendapatkan keredhaan

Allah SWT. Tanpa niat yang betul, amalan tersebut akan tersasar daripada matlamat sebenar ibadah di dalam Islam.<sup>83</sup>

Daripada segi pengurusan dan tenaga kerja, bank makanan banyak menggunakan khidmat sukarelawan. Dalam Islam, semua orang dituntut untuk membantu sesama manusia dalam perkara kebaikan. Konsep sukarelawan secara tidak langsung telah menggunakan prinsip-prinsip yang telah digariskan dalam Islam iaitu prinsip *ta'āwun* (tolong-menolong) sebagaimana firman Allah:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ  
إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Maksudnya: “...dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. dan bertaqwalah kepada Allah, kerana Sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa Yang melanggar perintahNya).”

Surah al-Māidah (5): 2

Dalam menguruskan dana sumbangan daripada orang awam, maka pihak pengurusan mestilah adil dan amanah supaya bantuan tersebut akan betul-betul sampai kepada golongan yang disasarkan.

#### 4.4.2 Prinsip *al-Wakālah*

Jika dilihat daripada sudut pengurusan bank makanan, bank makanan menjadi wakil kepada pemberi derma untuk menguruskan makanan yang disumbangkan untuk diagihkan kepada penerima bantuan. Dalam Islam, konsep ini dikenali sebagai *al-wakālah*. Perkataan *wakālah* adalah diambil daripada perkataan bahasa Arab yang

<sup>83</sup> Sabitha Marican *et al.* (2008), *op.cit.*, h.258.

membawa maksud perwakilan. Dari segi bahasa *wakālah* bermakna memelihara, menjaga, menjamin, menyerahkan dan mengganti. Daripada segi pengertian syarak, ia merujuk kepada satu pihak menyerahkan sesuatu urusan yang boleh diwakilkan mengikut syarak kepada pihak lain untuk menguruskannya.<sup>84</sup>

Para fuqaha bersepakat bahawa akad perwakilan adalah harus berdasarkan dalil al-Quran, hadith dan juga ijmak.<sup>85</sup> Menurut Ibnu Qudāmah, ijmak ulama menerima perwakilan sebagai satu akad yang diharuskan kerana akad *wakālah* ini adalah akad sangat diperlukan oleh pelbagai lapisan masyarakat untuk pelbagai bentuk aktiviti.<sup>86</sup> Pensiaryatan kontrak *wakālah* ini adalah bukti bahawa manusia itu sifatnya lemah, tidak boleh hidup bersendirian dan memerlukan antara satu sama lain untuk menguruskan hal ehwal kehidupannya. Islam mengharuskan prinsip *wakālah* untuk digunapakai dalam pelbagai lapangan aktiviti asalkan tidak bercanggah dengan syariat Islam. Di antara dalil yang menjadi sumber bahawa prinsip perwakilan ini adalah suatu yang diharuskan ialah:

فَابْعَثُوا أَحَدَكُمْ بِوَرِقِكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلْيَنْظُرْ أَيُّهَا أَزْكَى طَعَامًا  
فَلْيَأْتِكُمْ بِرِزْقٍ مِنْهُ

“...sekarang utuslah salah seorang dari kamu, membawa wang perak kamu ini ke bandar; kemudian biarlah dia mencari dan memilih mana-mana jenis makanan yang lebih baik lagi halal (yang dijual di situ); kemudian hendaklah ia membawa untuk kamu sedikit habuan daripadanya...”

Surah al- Kahfi (18): 19

Keharusan *wakālah* turut dinyatakan oleh Rasulullah SAW seperti yang diriwayatkan dalam hadith berikut:

<sup>84</sup> JAWHAR (2009), *op.cit.*, h.26.

<sup>85</sup> Ibn Qudāmah, Muwāfiq al-Dīn Abū Muḥammad ‘Abd Allah & Syams al-Dīn Abū Farjī ‘Abd Raḥman bin Abū ‘Umar Muḥammad bin Aḥmad (t.t), *al-Mughnī wa al-Sharḥ al-Kabīr*, j.5. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabī, h. 201; Ibn Qudāmah, Muwāfiq al-Dīn Abū Muḥammad ‘Abd Allāh (1981), *al-Mughnī li Ibn Qudāmah*. Riyād: Maktabah al-Riyāḍ al-Ḥadīthah, h.87.

<sup>86</sup> Ibn Qudāmah, Muwāfiq al-Dīn Abū Muḥammad ‘Abd Allah & Syams al-Dīn Abū Farjī ‘Abd Raḥman bin Abū ‘Umar Muḥammad bin Aḥmad (t.t), *op.cit.*, h.202.

Maksudnya: “Daripada ‘Uqbah ibn ‘Amir menceritakan bahawa Rasulullah SAW memberinya beberapa ekor kambing dan biri-biri untuk diagihkan kepada para sahabat baginda dan seekor anak kambing biri-biri jantan tertinggal selepas pengagihan tersebut. Beliau memaklumkan Rasulullah SAW mengenainya, dan baginda berkata: korbannya bagi pihakku”<sup>87</sup>

(Riwayat al-Bukhārī)

Maksudnya: “(Urusan) orang Islam adalah berasaskan kepada syarat-syarat (yang dipersetujui) oleh mereka, kecuali syarat-syarat menghalalkan apa yang haram atau mengharamkan apa yang halal”<sup>88</sup>

(Riwayat Abū Dāwud)

Untuk memastikan kontrak *wakālah* ini suatu kontrak yang sah maka ia perlu memenuhi rukun dan syarat yang tertentu. Rukun-rukunnya ialah pewakil (*al-muwakkil*), penerima wakil (*al-wākil*), urusan yang diwakilkan (*al-muwakkal fīhi*) dan ijab dan qabul (*sighah*). Perbincangan tentang kontrak perwakilan di dalam Islam semestinya dikaitkan dengan empat sifat utama, *ṣiddiq* (jujur), amanah, *tablīgh* (menyampaikan) dan *faṭānah* (bijaksana). Keempat-empat sifat ini mestilah ditanam, dijiwai dan diterjemahkan dalam urusan perwakilan oleh setiap wakil demi mencapai kehidupan yang berkualiti di dunia dan akhirat.

#### 4.5 PENGAGIHAN BANTUAN MAKANAN

Walaupun lebih makanan yang diterima oleh pihak bank makanan melalui proses tapisan untuk mengasingkan makanan yang berkualiti dan sebaliknya, namun terdapat juga sebahagian daripada penerima bantuan makanan menerima makanan yang dipercayai tidak selamat untuk dimakan. Oleh itu, jika dilihat daripada perspektif ini Islam telah menggariskan supaya makanan yang hendak dimakan mestilah baik dan berkualiti. Ini kerana makanan yang tidak elok boleh membawa kepada kemudaratan kepada kesihatan penerima. Makanan yang hendak diagihkan juga mestilah dalam

---

<sup>87</sup> Al-Bukhārī (1982), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith 2500.al-Matba’ah al-Salafīyyah, j.2, h. 207.

<sup>88</sup> Abū Dāwud (1999), *Sunan Abī Dāwud*, no hadith 3594, Beirūt: Bayt al-Afkār al-Dauliyyah, h.398.

keadaan baik dan mempunyai nutrisi yang diperlukan bersesuaian dengan peringkat umur masing-masing untuk pertumbuhan yang sihat dan sempurna.

Pihak bank makanan mestilah memastikan supaya golongan yang memohon bantuan tersebut daripada golongan yang betul-betul layak supaya tidak ada yang mengambil kesempatan. Islam menegah umatnya meminta-minta sedangkan mereka mempunyai kemampuan untuk mendapatkannya. Ini berdasarkan hadith:

Maksudnya: “Sesiapa meminta-minta kepada orang lain kerana ingin memperoleh lebih banyak padahal dia bercukupan, maka sesungguhnya dia memperbanyakkan bara api (neraka) Jahanam. Lalu bertanya orang: Apakah yang dikatakan sebagai melebihi kecukupan? Jawab Rasulullah: Keperluan makan sehingga malam.”<sup>89</sup>

(Riwayat al-Ṭabarani)

Keutamaan agihan bantuan makanan hendaklah diberikan kepada kaum fakir miskin dan mereka yang lebih memerlukan. Ini kerana kemiskinan boleh mengundang kepada masalah kekufuran sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya: “Hampir-hampir kemiskinan itu menyebabkan kekufuran.”<sup>90</sup>

(Riwayat Abū Nuaim)

Pemberian bantuan makanan hendaklah diberikan secara adil kepada setiap penerima yang layak serta mempermudah urusan pengagihan bantuan makanan tersebut. Ia selaras dengan ajaran Islam di mana kita digalakkan memudahkan urusan sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya: “Hendaklah kalian mempermudah dan jangan mempersulit, berikanlah khabar gembira dan jangan membuat lari, saling membantu dan jangan berselisih.”

(Riwayat Bukhārī dan Muslim)

---

<sup>89</sup> Al-Mūnzirī, *al-Tarḥīb wa al-Tarḥīb*, no. hadith 1188.

<sup>90</sup> Al-Munawī, *Faidh al-Qadir Syarḥ Jami' al-Sagheir*, no. hadith 6199.

Oleh itu, pihak bank makanan mestilah menyediakan satu garis panduan untuk menentukan kelayakan penerima bagi mendapatkan bantuan daripada bank makanan supaya ia tidak disalahgunakan oleh pihak yang berkemampuan. Penyalahgunaan bantuan oleh golongan yang tidak sepatutnya bukan sahaja memberi kesan kepada penerima yang layak malah menyebabkan masyarakat yang menyumbang menjadi tidak yakin dengan pengurusan bank makanan. Bagi memastikan penerima bantuan terdiri daripada golongan yang benar-benar layak, pemeriksaan dan pemantauan mestilah dilakukan. Namun, setiap urusan tersebut mestilah dipermudahkan supaya tidak menyusahkan masyarakat yang betul-betul memerlukan bantuan makanan.

#### **4.6 ISU-ISU SYARIAH DALAM PELAKSANAAN BANK MAKANAN**

Terdapat beberapa isu syariah yang timbul dalam pelaksanaan bank makanan seperti berikut:

##### **4.6.1 Kualiti Makanan**

Antara faktor penubuhan bank makanan adalah untuk mengelakkan berlakunya pembaziran. Ini kerana terdapat berbilion-bilion pound lebih makanan yang dibazirkan sedangkan dalam masa yang sama terdapat masyarakat yang tidak mempunyai makanan yang mencukupi untuk dimakan. Oleh itu, pihak-pihak pengeluar makanan seperti pemborong, pengedar dan peruncit telah menyumbangkan lebih makanan kepada bank makanan bagi mengelakkan pembaziran. Walaubagaimanapun, kebanyakan lebih makanan yang disumbangkan adalah lebih makanan yang tidak dapat dijual di pasaran disebabkan terdapat kerosakan pada barangan tersebut sama ada daripada segi pembungkusan ataupun telah menghampiri tarikh luput. Jika dilihat

daripada aspek pembaziran, Islam sememangnya melarang kita melakukan pembaziran sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ط وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴿٢٧﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya”.

Surah Al-Isrā (17): 27

Namun untuk memberi sumbangan, Allah mengalakkan hambaNya memberikan sedekah barang yang menjadi kesayangan dan kesukaan tidak kira dalam kuantiti yang banyak atau sedikit. Allah SWT melarang bersedekah barang yang tidak elok kerana sedekah adalah ibadat dan sebagai tanda mensyukuri nikmat Allah. Buktinya Allah SWT telah nyatakan dalam surah al- Baqarah ayat 267 dan surah al-Imran ayat 92:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِغَاخِذِيهِ إِلَّا أَنْ تُغْمِضُوا فِيهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ﴿٢٦٧﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu Yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali Dengan memejamkan mata padanya. dan ketahuilah, Sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji.”

Surah al-Baqarah (2): 267

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا حُبُّونَ ۗ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ

عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾



Maksudnya: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka Sesungguhnya Allah mengetahuinya.”

Surah al-Imran (3): 92

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh Valerie S. Terasuk, terdapat penerima bantuan makanan daripada Bank Makanan Kanada menerima bantuan makanan yang tidak selamat untuk dimakan.<sup>91</sup> Pemberian barangan yang tidak elok terutamanya makanan adalah dilarang kerana boleh mendatangkan kemudaratan yang lebih besar seperti keracunan makanan yang boleh membawa maut. Sekiranya dengan memberi makanan boleh membawa mudarat yang lebih besar maka ia perlu dielakkan.

#### **4.6.2 Status Halal**

Bagi pelaksanaan bank makanan di negara-negara maju, status halal tidak dijadikan sebagai ukuran untuk menerima dan mengagihkan makanan kerana ia dilaksanakan oleh orang bukan Islam. Oleh itu, makanan yang disumbangkan kepada bank makanan tidak semestinya makanan yang halal. Bagi mencapai sekuriti makanan Islam, ia bukan sahaja mengambilkira kecukupan dan keupayaan untuk mendapatkan makanan malah makanan tersebut mestilah halal dan baik. Ia bukan mengambilkira aspek halal semata-mata malah mestilah makanan yang baik kerana kedua-dua elemen ini disebut secara bersama di dalam al-Quran. Aspek baik dilihat daripada sudut kualiti dan nutrisi pemakanan yang baik. Oleh itu, makanan yang hendak disumbangkan kepada bank makanan mestilah makanan yang halal dan baik untuk mencapai sekuriti makanan dalam Islam.

Konsep *ḥalalan ṭoyyiban* (halal dan baik) bukan hanya digunakan untuk melihat sumber asal sesuatu makanan sahaja malah merangkumi semua proses pengendalian

---

<sup>91</sup> Valerie S. Terasuk & Joan. M. Ekin (2005), “Food Assistant Through “Surplus” Food: Insights From An Ethnographic Study of Food Bank Work”, *Journal of Agricultural and Human Values*, Vol. 22, hh. 177-186.

makanan tersebut. Daripada sudut fiqh, penggunaan mestilah menggunakan barang-barang yang diharamkan dan memastikan barang-barang tersebut suci dan bersih dan diproses mengikut cara yang betul. Barang yang tidak elok, kotor, bercampur najis, basi dan barang-barang yang mudarat tidak boleh digunakan atau dimakan. Bekas yang digunakan untuk penyediaan makanan mestilah bersih dan suci daripada sebarang kotoran dan najis. Ini kerana barangan, makanan dan bekas yang kotor akan memberi kesan kepada hati.<sup>92</sup> Melalui konsep *halālan ṭoyyiban*, kaedah pengeluaran mestilah mengikut ciri-ciri tertentu seperti kebersihan, kesucian dan mutu barangan. Halal semata-mata tidak memadai kerana kemungkinan barangan yang disediakan halal tetapi tidak baik seperti boleh membahayakan kesihatan ataupun keselamatan. Sebarang barangan yang halal daripada segi penggunaannya, cara mendapatkannya dan tidak dilarang dalam Islam membawa kepada kebaikan untuk kesihatan adalah barangan halal. Maka penggunaannya mendatangkan pahala.<sup>93</sup> Oleh itu, pihak bank makanan mestilah memantau sesuatu produk yang diterima dan yang diagihkan kepada penerima supaya dapat menjamin kebersihan dan keselamatan sesuatu produk makanan walaupun ia diberikan secara percuma.

## **4.7 BANTUAN MAKANAN DARIPADA PERSPEKTIF SEJARAH ISLAM**

### **4.7.1 Zaman Rasulullah SAW**

Sejarah bantuan makanan bermula pada zaman Rasulullah SAW lagi. Rasulullah SAW dan para sahabat pernah mengalami masalah kekurangan bekalan semasa di Mekah kerana kafir Quraisy melakukan dasar sekatan dan pemuluan ekonomi. Rasulullah SAW dan para sahabat tidak dibenarkan berdagang sehingga ramai sahabat kebuluran.

---

<sup>92</sup> Sarimah Hanim Aman Shah (2005), *op.cit.*, h. 58.

<sup>93</sup> *Ibid.*, h. 55.

Pemulauan itu berjalan dan berkuatkuasa selama tiga tahun dan selama itu pula Nabi Muhammad SAW dan puak Bani Hashim terkepung di dalam satu lembah di luar Kota Mekah. Mereka tidak dibenarkan keluar dari lembah itu dan tidak boleh berjual-beli dengan puak-puak Quraish yang lain walaupun dengan pedagang-pedagang asing. Mereka yang ingin keluar daripada lembah tersebut ataupun yang cuba membeli barang-barang makanan akan dipukul dengan sekejam-kejarnya. Pemulauan tersebut telah mengakibatkan puak Bani Hashim menghadapi masalah kebuluran. Walaubagaimanapun, puak lelaki Quraish yang telah berkahwin dengan wanita-wanita Bani Hashim telah memberikan bantuan makanan dengan menyeludup keluar sedikit makanan untuk diberikan kepada puak Bani Hashim. Mereka bersama-sama membantu untuk meringankan kesusahan yang dialami oleh puak Bani Hashim.<sup>94</sup>

Rasulullah SAW sekali lagi berdepan dengan krisis dan cabaran ekonomi yang sangat berat apabila berhijrah ke Madinah, yang merangkumi kemelut ekonomi dalam keluarga baginda sendiri yang serba daif setelah hijrah. Ditambah pula krisis ekonomi yang lebih besar iaitu kemelut ekonomi di Madinah sebagai sebuah negara Islam yang baru bertapak ketika itu. Rasulullah SAW menghadapi pelbagai cabaran dan krisis ekonomi di Madinah disebabkan faktor kemiskinan, kurangnya sumber asli bumi dan pertambahan penduduk serta belenggu sistem kapitalisme yang dipelopori Yahudi bagi mendominasi kegiatan ekonomi sebelum Hijrah lagi. Walaubagaimanapun mereka telah dibantu oleh kaum Ansar iaitu penduduk di Madinah. Puak tersebut telah memberikan bantuan sama ada makanan, pakaian dan tempat tinggal.<sup>95</sup> Ini menunjukkan amalan pemberian bantuan makanan telah dilaksanakan sejak zaman Rasulullah SAW lagi bagi membantu sesama mereka tanpa mengira kaum dan agama.

---

<sup>94</sup> Fadila Grine, Pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Temubual pada 21 Februari 2011 pukul 11.30 pagi di Universiti Malaya.

<sup>95</sup> *Ibid.*

#### 4.7.2 Zaman Pertengahan

Antara sejarah bantuan makanan pada zaman pertengahan adalah seperti yang dilaksanakan pada zaman Zaman Kerajaan Uthmaniyyah. Pada zaman tersebut, terdapat program bantuan makanan yang disediakan kepada golongan miskin dan memerlukan melalui *Soup Kitchen*. *Soup kitchen* merupakan konsep penyediaan makanan secara percuma kepada masyarakat miskin dan memerlukan melalui sumbangan dana wakaf. *Soup kitchen* Uthmaniyyah dikenali sebagai *'imaret, ashane, daru'l-it'am*, atau *daru'z-ziyafe*. *Imaret* merujuk kepada satu dapur besar yang memberi makanan secara percuma kepada golongan-golongan tertentu dan individu yang memerlukan. Antaranya ialah golongan miskin, pelajar-pelajar, pengembara dan pekerja kompleks tersebut.<sup>96</sup> Ia merupakan salah satu unit daripada kompleks wakaf yang turut mengandungi masjid, kolej, hospital dan *caravansari*. Pembiayaan kompleks ini adalah daripada hasil sewaan kedai, cukai-cukai yang dikenakan dan hasil pendapatan daripada kilang-kilang.<sup>97</sup>

*Soup kitchen* telah dibina sepanjang empayar kerajaan Uthmaniyyah bermula dari kurun ke-14 hingga kurun ke-19. Sebelum era Uthmaniyyah, tiada petunjuk bahawa *soup kitchen* akan dibina dalam skala yang luas kepada masyarakat Islam.<sup>98</sup> Institusi pertama dikatakan telah dibangunkan pada 1336 oleh Sultan Orhan 1 di Iznik, Anatolia. Semenjak itu, *imaret* tersebut telah menjadi satu bahagian yang tidak dapat dipisahkan daripada landskap bandar dalam kebanyakan bandar-bandar Islam empayar Uthmaniyyah.<sup>99</sup>

---

<sup>96</sup> Mansor Ibrahim *et al.* (2007), "Virtual Reality In Heritage Studies And Historical Reconstruction Through Animation: A Case Study Of A 16th Century University Complex In The Ottoman World" (7th International Conference on Construction Applications of Virtual Reality, 22-23 October 2007), h. 236

<sup>97</sup> *Ibid.*, h.485.

<sup>98</sup> Singer, A. (2005), "Serving Up Charity: The Ottoman Public Kitchen", *Journal of Interdisciplinary History*, Vol. 35, No. 3, h.481.

<sup>99</sup> Oded, P. (1992), "Waqf and Ottoman Welfare Policy: The Poor Kitchen of Hasseki Sultan in Eighteenth-Century Jerusalem", *Journal of The Economic and Sosial History of the Orient*, Vol. 35, No.2, h.2.

Pada dekad yang pertama *imaret* terus berkembang maju dengan jumlah yang semakin meningkat atas sokongan dan bantuan golongan kaya dan kuasa pemerintah empayar Uthmaniyyah ketika itu. Sehingga tahun 1530M tidak kurang daripada 83 buah *imaret* telah dibangunkan di sekitar negeri Uthmaniyyah. Walaupun banyak *imaret* yang dibangunkan dengan begitu cepat merentasi empayar dalam 1336, namun terdapat satu daripadanya yang paling terkenal iaitu Sultan Hurrem isteri kepada Sultan Suleiman 1. Ia ditubuhkan di Bandar Jerusalem pada akhir abad ke-16. *Imaret* ini mengagihkan makanan iaitu hampir 1000 buku roti setiap hari. Dianggarkan seramai 1500 orang yang mendapat makanan setiap hari di *imaret* berkenaan.<sup>100</sup> Penerima-penerima terdiri daripada pekerja, orang yang tinggal dalam *caravansary* di *imaret*, pengikut sufi dan 400 orang yang miskin, lemah dan tidak berdaya. *Imaret* ini akhirnya menjadi salah satu *imaret* terbesar yang dikenali sepanjang empayar kerana telah memberi sumbangan kepada ramai orang termasuklah ulama, orang miskin, jemaah-jemaah dan orang kaya serta ahli-ahli penting di Jerusalem.<sup>101</sup>

Antara institusi lain ialah kompleks Fatih yang dibina di Istanbul antara 1463 dan 1471 oleh Mehmed 1. *Imaret* yang terdapat di dalam kompleks ini menyediakan makanan kepada rakyat daripada pelbagai kumpulan termasuk pembesar-pembesar, pengembara, sarjana dan pelajar-pelajar daripada maktab Fatih.<sup>102</sup> Selepas makanan diagihkan kepada kumpulan tersebut, seterusnya baki makanan akan diagihkan kepada orang miskin. Sebagaimana *imaret* yang lain, *Fatih Imaret* menghidangkan sup nasi pada waktu pagi dan sup gandum pada waktu petang. Istanbul mempunyai *imaret* yang banyak, tambahan selepas *Imaret Fatih* dan *Imaret Suleymaniye*. Sehingga tahun 1530 terdapat tidak kurang daripada lapan puluh tiga buah *imaret* telah dibina di bawah kerajaan Uthmaniyyah. Di Erdine pula *imaret* yang dibina telah menyediakan makanan

---

<sup>100</sup> Singer, A. (2005), *op.cit.*, h. 487.

<sup>101</sup> Oded, P. (1992), *op.cit.*, h.173.

<sup>102</sup> Singer, A. (2005), *op.cit.*, h.487.

percuma kepada 2600 orang daripada 22000 orang penduduknya setiap hari secara percuma. Jumlah *imaret* ini tidak mengambil kira bilangan yang sedia ada di Istanbul, Egypt dan Hijaz serta ribuan projek lagi yang sedang dibina selepas tahun berkenaan<sup>103</sup>.

Bagi menggambarkan sistem operasi pemberian bantuan makanan beberapa *imaret* pada zaman kerajaan Uthmaniyyah, ia diringkaskan melalui Jadual 4.2:

Jadual 4.2: Sistem Operasi *Imaret* pada Zaman Kerajaan Uthmaniyyah

Sistem Operasi	Jenis <i>Imaret</i>		
	<i>Hasseki Sultan Imaret</i>	<i>Fatih Imaret</i>	<i>Sulaymaniye Imaret</i>
Jumlah hidangan	Dua kali sehari	Dua kali sehari	Dua kali sehari
Masa hidangan	Hari biasa: Pagi dan tengah hari Bulan ramadhan: petang	Hari biasa: Pagi dan tengah hari Bulan ramadhan: petang	Pagi dan tengah hari
Jenis hidangan	<u>Hari biasa</u> -Pagi: Bubur sup -Petang: Bubur gandum	<u>Hari biasa</u> -Pagi: Bubur sup -Petang: Bubur gandum	<u>Hari biasa</u> -Pagi: Bubur sup -Petang: Bubur gandum
Jenis hidangan	<u>Hari istimewa</u> -Hari Jumaat dan bulan Ramadhan: <i>dane, zerde</i> , dan roti -Hari 'Asyura: sup <i>kazan</i> dan roti	<u>Hari istimewa</u> -Hari Jumaat: bubur gandum waktu pagi dan <i>dane, zerde</i> , dan <i>zirbac</i> waktu petang -Ramadhan: <i>dane, zerde</i> dan <i>zirbac</i> .	<u>Hari istimewa</u> -Malam Jumaat dan bulan Ramadhan: <i>dane</i> dan <i>zerde</i>
Kriteria penerima dan jenis agihan makanan	<u>Pekerja</u> -satu senduk sup dan dua buku roti	<u>Pelajar dan kakitangan imaret</u> -sepotong daging rebus, satu senduk sup dan dua buku roti	<u>Pelajar, pengajar dan kakitangan</u> -Semangkuk sup, sepotong daging dan sebuku roti
	<u>Tetamu</u> -satu senduk sup dan sebuku roti		
	<u>Pengikut-pengikut sufi dan golongan miskin</u> -setengah senduk sup dan sebuku roti	<u>Pengajar</u> -sepotong daging rebus, dua senduk sup dan dua buku roti	<u>Golongan miskin</u> -Semangkuk sup, sebahagian daging dan dua buku roti bagi setiap dua kanak-kanak

<sup>103</sup> Singer, A. (2005), *op.cit.*, h. 494.

---

<u>Golongan miskin</u> -semangkuk sup, sepotong daging dan sebuku roti bagi setiap dua orang.	<u>Tetamu</u> Pagi: <i>Dane</i> Petang; <i>zade</i> dan dua buku roti
<u>Tetamu</u> -roti, madu dan acar	

---

Sumber: Singer, A. (2005); Oded, P. (1992).

Konsep dapur wakaf merupakan salah satu lambang kekuatan empayar Uthmaniyyah sebagai negara Islam yang mempertahankan serta membangunkan amalan-amalan kebajikan yang dituntut oleh syariat. Dapur wakaf telah menggambarkan bagaimana institusi wakaf pada empayar Uthmaniyyah mampu memberi manfaat dan kebaikan kepada semua rakyatnya dari pelbagai sudut.

Sejarah pemberian bantuan makanan menunjukkan bahawa penekanan terhadap isu sekuriti makanan di peringkat mikro telah ditekankan sejak dari dahulu lagi bagi memastikan semua masyarakat dapat menikmati kehidupan yang sihat dan aktif.

#### **4.8 KESIMPULAN**

Berdasarkan kepada pelaksanaan bank makanan yang telah dilaksanakan di negara-negara maju ia dilihat mampu untuk memenuhi jaminan sekuriti makanan bagi golongan miskin. Analisis pelaksanaan bank makanan daripada perspektif Islam menunjukkan terdapat beberapa isu yang timbul dalam operasi bank makanan dan ia perlu ditangani supaya dapat menjamin sekuriti makanan Islam. Dalam konteks ini, terdapat pelbagai garis panduan yang telah disediakan dalam al-Quran dan as-Sunnah untuk menangani isu tersebut. Beberapa prinsip syariah dilihat berpotensi untuk diaplikasikan dalam pelaksanaan bank makanan bagi memenuhi jaminan sekuriti makanan dalam Islam. Sejarah juga telah membuktikan bahawa program bantuan

makanan telah lama wujud dalam tamadun Islam. Ini menunjukkan bahawa sekuriti makanan mikro telah ditekankan sejak dari dahulu lagi. Sistem wakaf yang dilaksanakan oleh pemerintah dalam pengurusan *imaret* telah terbukti memainkan peranan penting dalam membangunkan ekonomi pada zaman tersebut.



**PROGRAM BANTUAN MAKANAN DI  
MALAYSIA: KAJIAN DI PERTUBUHAN  
BUKAN KERAJAAN (NGO) TERPILIH**

**BAB  
LIMA**

## **BAB LIMA**

### **PROGRAM BANTUAN MAKANAN DI MALAYSIA: KAJIAN DI PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO) TERPILIH**

#### **5.1 PENDAHULUAN**

Di Malaysia, pemberian bantuan makanan melibatkan pelbagai pihak sama ada yang disalurkan melalui institusi formal ataupun tidak formal. Ia bukan sahaja melibatkan badan kerajaan malah turut melibatkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), badan-badan korporat, institusi masjid dan juga dilakukan secara persendirian. Terdapat bantuan makanan yang diberikan secara berterusan dan terdapat juga bantuan yang diberikan semasa kecemasan sahaja seperti semasa berlaku bencana banjir, tanah runtuh, kebakaran dan sebagainya. Program-program pemberian bantuan makanan seperti ‘*soup kitchen*’ banyak dilakukan oleh pihak NGO. Oleh itu, bab ini mengkaji program bantuan makanan yang telah dilaksanakan oleh pihak NGO dengan memberi tumpuan kepada program bantuan makanan PERTIWI *Soup Kitchen* dan Pusat Makan Percuma Pertubuhan Membela Miskin Tegar Malaysia (BELAMISKIN). Dalam bab ini juga penulis turut mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada penerima bantuan makanan itu sendiri dan pandangan daripada masyarakat awam tentang program bantuan. Data tersebut dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan berdasarkan tema-tema yang berkaitan. Antaranya sistem operasi bantuan makanan, keadaan sosioekonomi penerima bantuan makanan, faktor pergantungan terhadap bantuan makanan serta tahap kesedaran masyarakat terhadap tanggungjawab sosial.

## **5.2 PELAKSANA PROGRAM BANTUAN MAKANAN DI MALAYSIA**

Pelaksana program bantuan makanan merujuk kepada responden kajian iaitu PERTIWI *Soup Kitchen* dan Pertubuhan Membela Miskin Tegar Malaysia (BELAMISKIN). Kedua-dua pertubuhan merupakan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang menyediakan bantuan makanan kepada golongan miskin dan golongan-golongan lain yang memerlukan. Program bantuan makanan tersebut dilihat daripada pelbagai sudut bermula dengan sejarah dan faktor penubuhan, sumber dana, sistem pengagihan makanan dan golongan penerima bantuan makanan.

### **5.2.1 Sejarah Penubuhan**

#### *i) PERTIWI Soup Kitchen*

*PERTIWI Soup Kitchen* adalah projek bantuan makanan yang telah diasaskan oleh Puan Munirah Abdul Hamid iaitu seorang ahli perniagaan yang bekerja sepenuh masa. Projek *soup kitchen* ini mendapat kerjasama daripada NGO yang lain iaitu Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI). PERTIWI ialah pertubuhan sukarela yang telah ditubuhkan pada tahun 1967 yang bertujuan untuk menangani isu-isu yang berkaitan wanita dan kanak-kanak dengan menyediakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan, kebajikan sosial dan keagamaan. Melalui kerjasama yang diberikan oleh PERTIWI, maka projek ini dinamakan *PERTIWI Soup Kitchen*. *PERTIWI Soup Kitchen* telah ditubuhkan pada 11 Mac 2010 dengan tujuan untuk memberi bantuan makanan kepada golongan miskin dan memerlukan terutamanya daripada golongan gelandangan. Projek ini telah mendapat sokongan awal daripada Kelab Rotary Diraja Kuala Lumpur di mana mereka telah menderma sebuah van jenis Nissan Vanette C22 bagi memulakan projek

*soup kitchen*. Van tersebut dijadikan sebagai ‘*mobile soup kitchen*’ di mana segala aktiviti pemberian makanan diagihkan secara bergerak di beberapa kawasan terpilih sekitar Kuala Lumpur.<sup>1</sup>

ii) Pertubuhan Membela Miskin Malaysia (BELAMISKIN)

Pertubuhan Membela Miskin Tegar Malaysia (BELAMISKIN) pada asalnya dikenali sebagai Pertubuhan Kebajikan 1 Malaysia. Ia merupakan sebuah NGO yang ditubuhkan pada 12 Februari 2010 bagi membantu golongan miskin tegar dengan pemberian bantuan makanan bermasak, barangan makanan kering, bantuan pakaian dan tuisyen. Pertubuhan ini lebih dikenali dengan nama “Pusat Makan Percuma” kerana di sinilah pusat penyediaan makanan, pakaian dan tuisyen beroperasi di samping menjadi tempat pentadbiran pertubuhan. Pertubuhan ini diasaskan oleh Encik Mohammad Sauffi bin Hamzah yang merupakan seorang bekas pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia dan kini adalah seorang ahli perniagaan. Keunikan pertubuhan ini ialah ia melibatkan ahli keluarga pengasas sendiri yang terlibat secara aktif dalam semua aktiviti yang dijalankan. Selain itu, mereka juga dibantu oleh sukarelawan yang mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Puan Munirah Abdul Hamid, Pengasas dan Pengurus PERTIWI *Soup Kitchen*. Temubual pada 20 September 2011, pukul 2 petang di Neuramatix Sdn. Bhd, Midvalley.

<sup>2</sup> Puan Khairunnisa Khirrudin, Pengurus Pusat Makan Percuma, Pertubuhan Membela Miskin Tegar Malaysia (BELAMISKIN). Temubual pada 27 Disember 2011, pukul 10 pagi di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN, Seksyen 16 Shah Alam.

## 5.2.2 Faktor Pendorong

### i) PERTIWI *Soup Kitchen*

Memberi makan kepada orang miskin dan golongan yang kurang berkemampuan telah menjadi legasi dalam keluarga Puan Munirah di mana ia telah dilakukan sejak dahulu lagi, namun bukanlah secara tetap. Puan Munirah mempunyai pengalaman memberi makan kepada orang miskin sejak kecil lagi iaitu bermula pada umur lima tahun. Pengalaman pertama Puan Munirah memberi bantuan makanan adalah semasa di Kedah di mana beliau dan ibunya memberi makanan kepada orang fakir miskin yang datang daripada Thailand untuk solat Jumaat. Mereka telah memberikan bubur susu yang diletakkan dalam mangkuk tingkap sebagaimana yang dinyatakan oleh beliau:

“Saya berasal daripada Kedah, masa kat Kedah, masa petang Jumaat tu ada fakir miskin yang datang daripada Thailand, dia duduk kat masjid untuk solat jumaat. Masa dia datang tu nampak *very poor* kan. So kesian, mak kata marilah masak bagi dia makan *at least some nutritious*. We make bubur susu, bubur susu tu kan kita masuk susu, masuk nasi, kemudian potong pisang letak kat atas, dia ada *complete meal*. Masa tu *i was 5 years old*. So, *that was my early memory of feeding people.*”<sup>3</sup>

Kini, ia telah menjadi kebiasaan bagi dirinya berkongsi kegembiraan dengan masyarakat dengan berkongsi makanan sebagaimana petikan temubual bersamanya:

“Macam saya kalau ada apa-apa yang seronok, *i always share by food and sharing with someone else*. Kalau ada apa yang seronok ke, suke ke, bersyukur ke, saya selalu beli makanan *or* masak makanan dan *share* dengan orang. *So to me, that’s my first thing i always think*, lagi pula saya pun ada banyak *sensitivity, i can not take hot food, i can not take meat*. *So my food is so simple*. So pada saya bila saya bagi orang makan benda-benda yang mungkin saya teringin jadi saya rasa puas la.”<sup>4</sup>

---

<sup>3</sup> Puan Munirah Abdul Hamid, *op.cit.*

<sup>4</sup> *Ibid.*

Walaupun Puan Munirah selalu memberi makanan kepada orang-orang miskin tetapi beliau tidak pernah terfikir untuk membuat *soup kitchen*. Pemberian bantuan makanan tersebut hanya dilakukan secara persendirian. Idea penubuhan *soup kitchen* diberikan oleh seorang kawan baik Puan Munirah, iaitu arwah Puan Saadah yang telah meninggal dunia akibat penyakit kanser sebelum projek ini sempat dilaksanakan. Idea ini dilontarkan sewaktu Puan Munirah ingin membuat satu projek kebajikan yang boleh mendatangkan manfaat kepada masyarakat. Puan Munirah begitu berminat dan bersetuju dengan idea tersebut kerana beliau sememangnya suka memberi makan dan telah didedahkan dengan pengalaman sebegitu sejak daripada kecil lagi.<sup>5</sup>

#### ii) Pertubuhan Membela Miskin Malaysia (BELAMISKIN)

Idea penubuhan Pusat Makan Percuma BELAMISKIN diberikan oleh Encik Sauffi sendiri. Sebelum tertubuhnya Pusat Makan Percuma, Encik Sauffi dan keluarga sudah terlibat secara langsung dengan pemberian bantuan makanan namun ia tidak dilakukan secara berkala.<sup>6</sup> Menurut Puan Khaliza Khalid isteri kepada Encik Sauffi dan merupakan salah seorang pengasas pertubuhan, aktiviti pemberian bantuan makanan telah dilakukan bermula di Johor Bharu lagi semenjak sepuluh tahun yang lepas. Pemberian bantuan makanan diteruskan di Kuala Lumpur di mana pemberian bantuan makanan secara berbungkus diagihkan di hospital sekitar Kuala Lumpur seperti Hospital Kuala Lumpur, Institut Jantung Negara dan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia. Bantuan makanan diagihkan kepada penjaga pesakit yang datang daripada tempat yang jauh seperti Pulau Pinang, Kedah, Terengganu dan lain-lain lagi. Walaubagaimanapun, ia tidak dilakukan setiap hari di mana hanya tiga kali dalam

---

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> Puan Khairunnisa Khirrudin, *op.cit.*

seminggu dan bergantung kepada kelapangan.<sup>7</sup> Ekoran daripada aktiviti inilah maka timbulnya idea untuk menubuhkan satu tempat makan percuma yang mana mereka boleh datang sendiri setiap hari untuk mendapatkan makanan. Maka Encik Sauffi dan keluarga telah membuka sebuah restoren yang dinamakan Pusat Makan Percuma. Idea penubuhan ini dinyatakan melalui petikan temubual bersama Puan Khairunnisa yang merupakan menantu kepada Encik Sauffi dan merangkap sebagai pengurus pertubuhan:

“So, idea nak buka ni daripada ayah mertua akak la dengan mak. So macam *family* sebelum ni diorang ada bagi *charity* macam makanan jugak macam kat hospital, dekat KL tapi bukannya hari-hari, seminggu sekali, 2 minggu sekali, ikut kelapangan la. So sampai satu tahap tu tiba-tiba macam ayah mertua nak buat satu tempat yang orang semua boleh pergi makan-makan kan. So dengan kos yang kitorang dah bajet, kira kita salurkan untuk buka pusat makan ni la.”<sup>8</sup>

Faktor pendorong Encik Sauffi dan keluarga membantu masyarakat dengan pemberian bantuan makanan adalah disebabkan oleh pengalaman mereka sendiri melihat keadaan masyarakat yang masih hidup dalam kemiskinan dan kesusahan sebagaimana yang dinyatakan oleh Puan Khaliza Khaltom:

“Kita suka berjalan *survey* tempat-tempat, kampung-kampung. Jadi masa dalam perjalanan tu kita nampak banyak keadaan yang berbagai-bagai la. Macam di Kuala Lumpur dekat Chow Kit, kat Selayang, bila kita berjalan sebelah malam, ramai yang kita jumpa tu diorang ni tidur di tepi jalan dekat tempat bas. Kadang-kadang kita bertanya kenapa diorang buat macam tu kan, tak ada pekerjaan ke apa? Ada yang mengorek tong sampah terutama tempat makanan KFC atau restoren-restoren kat mana-mana la. Ada orang cuma cakap ala apa benda la diorang ni. Tapi sebenarnya dia terpaksa buat kerana kelaparan, *no money*. Nak mitak-mintak dia malu, dan pekerjaan semua tak ada. So dari situ saya sendiri pergi bertanya dan tengok keadaan diorang.”<sup>9</sup>

Pengalaman tersebut menyebabkan mereka terdorong untuk membantu golongan tersebut dengan memberikan bantuan makanan. Selain itu, galakan-galakan memberi

---

<sup>7</sup> Puan Khaliza Khaltom, Penasihat Pertubuhan Membela Miskin Tegar Malaysia. Temubual pada 13 Januari 2012 pukul 11 pagi di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN, Seksyen 16 Shah Alam.

<sup>8</sup> Puan Khairunnisa Khirrudin, *op.cit.*

<sup>9</sup> Puan Khaliza Khaltom, *op.cit.*

makanan yang terdapat dalam al-Quran juga telah menjadi motivasi untuk mereka menubuhkan Pusat Makan Percuma dan intipati daripada Surah al-Mā'ūn telah menjadi falsafah pertubuhan BELAMISKIN.

### 5.2.3 Pihak Yang Terlibat

Bagi PERTIWI *Soup Kitchen*, ia diuruskan sendiri oleh Puan Munirah sebagai penggerak projek. Walaubagaimanapun segala sumbangan yang diberikan kepada pihak PERTIWI *Soup Kitchen* diuruskan oleh pihak PERTIWI di mana sumbangan tersebut disalurkan secara terus ke dalam akaun PERTIWI. Bagi penyediaan makanan bermasak, PERTIWI *Soup Kitchen* menggunakan khidmat dua pihak katering. Salah satu pihak katering adalah untuk memasak nasi lemak manakala katering yang satu lagi adalah untuk memasak nasi goreng dan nasi berlauk. Manakala bagi aktiviti pemberian makanan kepada penerima, ia banyak dibantu oleh sukarelawan daripada pemandu van hinggalah kepada orang yang mengagihkan makanan. Jika dilihat daripada aspek sukarelawan, PERTIWI *Soup Kitchen* mendapat sambutan yang sangat baik daripada masyarakat di mana ramai yang datang untuk menjadi sukarelawan sehingga mencecah kepada 60 orang pada setiap malam.<sup>10</sup>

Kebanyakan sukarelawan yang datang adalah secara individu, kumpulan ataupun melalui syarikat. Mereka terdiri daripada pelajar universiti yang melakukan tugas dan latihan, pelajar-pelajar sekolah yang menjalankan kerja kebajikan, pihak syarikat yang melakukan *Corporate Social Responsibility* (CSR) atau dilakukan secara sukarela bagi membantu. Sukarelawan terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan bangsa, malah terdapat juga sukarelawan daripada warga asing yang turut membantu mengagihkan bantuan makanan. Antara bidang kerja yang dilakukan oleh sukarelawan ialah

---

<sup>10</sup> Puan Munirah Abdul Hamid, *op.cit.*



menyediakan makanan, membuat minuman, membungkus makanan, mengagihkan makanan dan minuman kepada penerima serta memantau barisan.<sup>11</sup>

Manakala pengurusan di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN pula ditadbir oleh Encik Sauffi Hamzah dan ahli keluarganya sendiri. Bagi urusan penyediaan makanan, pihak BELAMISKIN menggunakan khidmat dua orang pekerja iaitu seorang tukang masak dan seorang pembantu bagi menyediakan hidangan kepada penerima. Terdapat juga sukarelawan yang membantu di Pusat Makan Percuma seperti mengelap meja, menyapu lantai dan mencuci pinggan. Namun jumlah sukarelawan yang membantu di Pusat Makan Percuma tidak seramai di PERTIWI *Soup Kitchen* kerana penerima bantuan di Pusat Makan Percuma diterapkan dengan nilai murni supaya mencuci sendiri pinggan dan gelas yang digunakan. Selain daripada sukarelawan tersebut, terdapat juga sukarelawan yang membantu dari aspek lain iaitu membantu mengajar tuisyen kepada pelajar sekolah, menjadi wakil untuk memantau sesuatu tempat yang memerlukan bantuan seperti kejadian kebakaran, membantu semasa melakukan aktiviti lain seperti semasa Hari Pemeriksaan Kesihatan serta aktiviti-aktiviti lain yang diadakan.<sup>12</sup>

Secara kesimpulannya, bagi PERTIWI *Soup Kitchen*, selain pengurus iaitu Puan Munirah sebagai pelaksana projek, ia juga turut melibatkan pihak PERTIWI sebagai pemegang akaun sumbangan, pihak katering yang menyediakan makanan dan sukarelawan. Manakala pentadbiran di Pusat Makan Percuma diuruskan oleh Encik Sauffi dan ahli keluarga mereka sendiri dengan dibantu oleh pekerja dan sukarelawan. Oleh kerana aktiviti yang dijalankan banyak melibatkan sukarelawan maka bidang kerja sukarelawan bagi kedua-dua pertubuhan ditunjukkan melalui Jadual 5.1.

---

<sup>11</sup> *Ibid.*

<sup>12</sup> Puan Khairunnisa Khirrudin, *op.cit.*

Jadual 5.1: Sukarelawan

<b>Sukarelawan</b>	<b>PERTIWI <i>Soup Kitchen</i></b>	<b>BELAMISKIN</b>
Bangsa	Sukarelawan terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama termasuklah warga asing yang turut membantu.	Sukarelawan terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama.
Jumlah	Tidak kurang daripada 14 orang dan tidak melebihi 60 orang pada setiap malam operasi.	Tidak tentu, bergantung kepada program dan aktiviti yang dijalankan.
Bidang tugas	Menyediakan makanan, membuat minuman, membungkus makanan, mengagihkan makanan dan minuman kepada penerima, memantau barisan.	Membersihkan kedai makan seperti mengelap meja, menyapu lantai dan mencuci pinggan. Selain itu, sukarelawan juga mengajar tuisyen kepada pelajar.

Sumber: Temubual bersama Puan Munirah Abdul Hamid, Pengasas dan Pengurus *PERTIWI Soup Kitchen* dan Puan Khairunnisa Khirrudin, Pengurus BELAMISKIN.

#### 5.2.4 Sumber Dana

Sumber dana untuk membiayai operasi kedua-dua badan pelaksana diperolehi daripada pelbagai pihak seperti yang ditunjukkan melalui Jadual 5.2:

Jadual 5.2: Sumber Dana Pertubuhan

<b>Sistem Operasi</b>	<b>PERTIWI <i>Soup Kitchen</i></b>	<b>BELAMISKIN</b>
Sumber Dana	Syarikat, individu, badan-badan kerajaan	Persendirian, syarikat, individu, badan-badan kerajaan
Bentuk dana yang diterima	Wang, bekalan makanan dalam bentuk hidangan dan barangan kering, barangan kelengkapan diri.	Wang, makanan dalam bentuk hidangan dan barangan kering, pinggan mangkuk, pakaian terpakai, buku-buku latihan dan teks.

Sumber: Temubual bersama Puan Munirah Abdul Hamid, Pengasas dan Pengurus *PERTIWI Soup Kitchen* dan Puan Khairunnisa Khirrudin, Pengurus BELAMISKIN.

Pada awal penubuhan *PERTIWI Soup Kitchen*, Puan Munirah menggunakan dana persendirian untuk menggerakkan projek ini setelah mendapat sumbangan van daripada

Kelab Rotary Diraja Kuala Lumpur untuk memulakan projek. Namun setelah projek berjalan, banyak pihak yang mula memberi sumbangan sama ada yang diberikan secara individu ataupun melalui syarikat. Walaubagaimanapun Puan Munirah masih lagi menyalurkan dana persendirian sebagai sumbangan peribadi bagi menyediakan makanan tambahan lain seperti mee dan kuih-muih.<sup>13</sup>

Kebanyakan sumbangan yang diberikan adalah dalam bentuk makanan dan kewangan. Antara pihak yang memberi bantuan ialah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dengan memberikan sumbangan makanan sebanyak 250 bungkus pada setiap malam operasi iaitu hari Ahad, Isnin, Rabu dan 200 bungkus pada hari Jumaat. JAWI mula memberi sumbangan bermula pada bulan Julai 2011. Terdapat juga penderma tetap yang mendermakan minuman sirup dan bun pada setiap malam operasi. Selain itu, terdapat juga pihak syarikat yang menderma peralatan kelengkapan diri seperti mandian, syampu, berus gigi dan ubat gigi. Segala sumbangan yang diberikan dimasukkan terus ke dalam akaun pihak PERTWI dan akan diberikan pengecualiaan cukai. Pihak PERTWI *Soup Kitchen* memerlukan dana sebanyak RM19000 sebulan untuk menyediakan 300 bungkus makanan yang mengandungi nasi, lauk, sayur dan buah-buahan selama 4 kali dalam seminggu.<sup>14</sup>

Bagi pihak BELAMISKIN, mereka menggunakan dana persendirian untuk memulakan operasi Pusat Makan Percuma. Dana tersebut diperolehi daripada keuntungan perniagaan yang dijalankan oleh syarikat milik keluarga mereka di mana terdapat peruntukan khas yang telah disediakan untuk membiayai operasi tersebut. Ia diterangkan oleh Puan Khairunnisa sebagaimana dalam petikan temubual:

---

<sup>13</sup> Puan Munirah Abdul Hamid, *op.cit.*

<sup>14</sup> *Ibid.*

“So, dana tu mula-mula daripada persendirian, kita ada perniagaan sendiri. *So profit* daripada situ, daripada separuh kot kita dah letakkan kat sini. *So* maknanya ada la dana sikit kan untuk kita bagi orang makan percuma sambil kita menderma sambil kita membantu apa-apa untuk orang miskin la”<sup>15</sup>

Mereka memperuntukkan sekitar RM30,000 sebulan untuk membiayai operasi pusat makan tersebut. Pembiayaan tersebut termasuk sewa sebanyak RM2000 sebulan, bil air dan elektrik yang dianggarkan sebanyak RM500 sebulan, gaji dua orang pekerja iaitu sebanyak RM1400 dan selebihnya adalah untuk membeli bekalan makanan.<sup>16</sup> Selain menggunakan dana sendiri, mereka juga telah mendapat sumbangan daripada masyarakat awam sama ada yang diberikan secara individu ataupun melalui syarikat. Namun, dana yang diperolehi daripada masyarakat awam hanya dapat menampung sebanyak 30 peratus dan keluarga mereka masih menggunakan dana mereka sendiri sebanyak 70 peratus.<sup>17</sup> Berdasarkan kenyataan Puan Khairunnisa dan Puan Khaliza Khaltom, pihak mereka memerlukan sumbangan daripada masyarakat awam untuk terus menggerakkan Pusat Makan Percuma. Ini kerana menurut Puan Khairunnisa pusat makan tersebut hampir ditutup kerana kekurangan dana sebagaimana kata beliau:

“Kita masih lagi cari mana-mana sumber yang boleh tampung. Kalau boleh kita tak nak tutup sini, tapi hampir-hampir nak tutup jugak la sini tapi kita yakinlah selagi kita derma kat orang InsyaAllah rezeki tu ada kan.”<sup>18</sup>

Kenyataan ini turut disokong oleh Puan Khaliza Khaltom:

“Kita tak ada sumber lain, kita melalui kita punya syarikat, kalau syarikat kita naik tinggi, banyak la kita punya dana kita. Dulu saya pun tak pernah minta sumbangan cuma atas dasar ihsan orang bagi. *Now*, *i* memang memerlukan sebab tak mahu tutup tempat ni. Ni dah dua tahun lebih, bila keadaan ni berlaku sekarang kalau nak tutup kesian diorang. Sekarang ni berapa ratus yang bergantung kepada tempat kita. *So*, kalau kita tutup apa

---

<sup>15</sup> Puan Khairunnisa Khirruddin, *op.cit.*

<sup>16</sup> Puan Khaliza Khaltom, *op.cit.*

<sup>17</sup> Puan Khairunnisa Khirruddin, *op.cit.*

<sup>18</sup> *Ibid.*

yang terjadi pada diorang. Kita pun perlukan kewangan untuk *support* pekerja-pekerja, mereka bukan *volunteer* tetap.”<sup>19</sup>

Antara sumbangan yang diberikan oleh masyarakat adalah dalam bentuk kewangan, makanan kering dan bermasak serta perkakasan seperti pinggan dan mangkuk. Kebanyakan bekalan makanan kering seperti beras, bihun adalah daripada sumbangan oleh orang ramai. Oleh kerana BELAMISKIN turut mempunyai program lain selain bantuan makanan, maka terdapat juga sumbangan lain yang diterima dalam bentuk pakaian-pakaian terpakai, buku-buku latihan dan teks.<sup>20</sup>

### **5.2.5 Pengurusan dan Penyimpanan Sumbangan**

Bagi PERTIWI *Soup Kitchen*, segala sumbangan yang diberikan kepada mereka disalurkan secara terus kepada pihak PERTIWI.<sup>21</sup> Manakala Di BELAMISKIN sumbangan disalurkan terus ke dalam akaun mereka atau dihantar sendiri ke Pusat Makan Percuma. Bagi bekalan makanan kering, ia disimpan di Pusat Makan Percuma dan kebiasaannya mereka akan memastikan stok makanan sentiasa mencukupi. Oleh itu, hanya barang-barang basah sahaja yang akan dibeli untuk dimasak pada hari tersebut. Manakala pemberian dalam bentuk makanan bermasak akan diagihkan secara terus kepada penerima. Namun sekiranya makanan pada hari tersebut telah mencukupi, maka pihak BELAMISKIN akan menyimpan makanan tersebut di dalam peti sejuk dan kemudian dipanaskan pada hari berikutnya bagi mengelakkan pembaziran.<sup>22</sup>

---

<sup>19</sup> Puan Khaliza Khaltom, *op.cit.*

<sup>20</sup> *Ibid.*

<sup>21</sup> Puan Munirah Abdul Hamid, *op.cit.*

<sup>22</sup> Puan Khairunnisa Khirruddin, *op.cit.*

## 5.2.6 Pengagihan Bantuan Makanan

Proses pengagihan makanan kepada penerima bantuan di PERTIWI *Soup Kitchen* dan Pusat Makan Percuma BELAMISKIN digambarkan melalui Jadual 5.3:

Jadual 5.3: Proses Pengagihan Bantuan Makanan

Pengagihan	PERTIWI <i>Soup Kitchen</i>	BELAMISKIN
Cara Pengagihan	Dilakukan secara bergerak dengan menggunakan van	Berpusat di Pusat Makan Percuma
Lokasi Agihan Makanan	Belakang Tune Hotel KL, Kota Raya, Masjid India	Pusat Makan Percuma di Shah Alam
Waktu Pengagihan	Secara berkala 4 kali dalam seminggu iaitu pada setiap malam Isnin, Rabu, Jumaat dan Ahad bermula jam 9.00 malam.	Makanan bermasak diberikan pada setiap hari Isnin hingga Jumaat bermula pukul 10.30 pagi hingga 5 petang.  Makanan kering diberikan secara bulanan.

Sumber: Temubual bersama Puan Munirah Abdul Hamid, Pengasas dan Pengurus PERTIWI *Soup Kitchen* dan Puan Khairunnisa Khirrudin, Pengurus BELAMISKIN.

Jadual 5.3 menunjukkan proses pengagihan makanan yang dilakukan oleh PERTIWI *Soup Kitchen* dan Pusat Makan Percuma BELAMISKIN. Bagi PERTIWI *Soup Kitchen*, makanan diagihkan secara bergerak dengan menggunakan van di tiga lokasi iaitu di belakang Tune Hotel KL, Kota Raya dan Masjid India. Makanan tersebut hanya diagihkan pada malam tertentu sahaja iaitu pada malam Isnin, Rabu, Jumaat dan Ahad bermula pukul 9.00 malam sehingga semua makanan selesai diagihkan.<sup>23</sup> Manakala pengagihan makanan di Pusat Makan Percuma pula dilakukan secara berpusat di mana makanan diagihkan kepada penerima di Pusat Makan Percuma. Ia diagihkan pada setiap hari Isnin hingga Jumaat kecuali cuti umum bermula dari pukul 10.30 pagi hingga pukul 5 petang. Walaubagaimanapun ia bergantung kepada bekalan makanan pada hari tersebut. Sekiranya makanan habis awal maka ia akan ditutup awal kerana

<sup>23</sup> Puan Munirah Abdul Hamid, *op.cit.*

jumlah bekalan yang dimasak adalah terhad iaitu dianggarkan untuk 200 hingga 300 orang sahaja setiap hari. Selain bantuan makanan bermasak, BELAMISKIN juga turut menyediakan bantuan makanan kering secara bulanan yang diagihkan kepada 50 keluarga yang terpilih. Penerima bantuan yang terpilih akan datang sendiri ke Pusat Makan Percuma untuk mendapatkan bekalan makanan tersebut.<sup>24</sup>

### 5.2.7 Jenis Bantuan Makanan

Jenis dan bentuk bantuan makanan yang diberikan oleh kedua-dua pertubuhan diringkaskan dalam Jadual 5.4:

Jadual 5.4: Jenis Bantuan Makanan

Bantuan Makanan	PERTIWI <i>Soup Kitchen</i>	BELAMISKIN
Bentuk Makanan	Hidangan bermasak	Hidangan bermasak dan barangan kering
Jenis Hidangan	Ahad: Nasi lemak dengan telur dan ikan bilis, pisang dan air Isnin: Nasi putih dengan lauk ayam dan sayur, pisang dan air Rabu: Nasi goreng, pisang dan air Jumaat: Nasi putih dengan lauk ikan dan sayur, pisang dan air Minuman: Sejuk; air sirap Panas; kopi 0 Makanan tambahan seperti kuih dan roti diberi bergantung kepada sumbangan orang ramai.	Hanya satu menu sahaja disediakan pada setiap hari dan ia tidak ditetapkan mengikut hari. Antara hidangan yang disediakan ialah nasi ayam, nasi kerabu, mee sup, mee kari, mee goreng, bihun goreng dan banyak lagi. Pemilihan menu bergantung kepada kos dan situasi.
Barangan Kering	Tiada peruntukan untuk barangan kering.	Makanan kering diberikan secara bulanan. Peruntukan bagi barangan kering adalah sebanyak RM150 untuk setiap keluarga.
Jumlah Makanan	Setiap penerima diberikan satu hidangan makanan. Peruntukan makanan yang diberi	Satu hingga dua hidangan yang sama untuk setiap penerima (bergantung kepada keadaan

<sup>24</sup> Puan Khairunnisa Khirruddin, *op.cit.*

tidak lebih daripada RM3.50 bagi setiap hidangan termasuk nasi, lauk, sayur dan air. Sebanyak 550 bungkusan makanan diagihkan pada setiap malam Ahad, Isnin dan Rabu. Manakala 500 bungkus pada hari Jumaat.	penerima). Makanan disediakan untuk 200-300 orang pada setiap hari. Barangan kering diberikan kepada 50 keluarga setiap bulan.
--	--

Sumber: Temubual bersama Puan Munirah Abdul Hamid, Pengasas dan Pengurus PERTIWI *Soup Kitchen* dan Puan Khairunnisa Khirrudin, Pengurus BELAMISKIN.

Jadual 5.4 menunjukkan jenis bantuan makanan yang diagihkan kepada penerima di Pertiwi *Soup Kitchen* dan Pusat Makan Percuma BELAMISKIN. Bantuan makanan yang diberikan oleh PERTIWI *Soup Kitchen* adalah dalam bentuk hidangan makanan yang telah dimasak. Hidangan yang dimasak adalah mengikut menu yang telah ditetapkan mengikut hari. Penetapan menu dilakukan bagi memudahkan pihak katering yang menyediakan hidangan tersebut. Tambahan pula menurut Puan Munirah, penerima bantuan suka dan selasa dengan menu yang telah ditetapkan. Menu hidangan tersebut mengandungi nasi, lauk, sayur, buah dan air serta makanan tambahan seperti kuih dan roti. Makanan tambahan hanya diberikan sekiranya terdapat pihak yang memberi sumbangan makanan pada hari tersebut.<sup>25</sup> Berdasarkan menu yang diberikan, ia menunjukkan satu hidangan yang lengkap dalam pemakanan seseorang individu yang mempunyai nutrisi yang mencukupi iaitu mengandungi karbohidrat, protein dan vitamin untuk memenuhi diet yang seimbang. Namun, untuk mencapai sekuriti makanan Islam, makanan yang diberikan bukan hanya sekadar mencukupi dan berkhasiat malah mestilah halal. Dalam konteks ini, Puan Munirah sangat menitikberatkan pemilihan makanan yang bukan sahaja mengambilkira status halal sebagai kriteria utama malah turut menjaga sensitiviti kaum lain. Sebagai contoh, sekiranya terdapat menu hidangan daripada daging lembu, maka pihak PERTIWI *Soup Kitchen* akan menyediakan lauk lain kepada penerima kaum India bagi menjaga sensitiviti kaum tersebut kerana lembu

<sup>25</sup> Puan Munirah Abdul Hamid, *op.cit.*



dianggap sebagai tuhan mereka. Berdasarkan kepada jenis dan kriteria makanan yang diagihkan kepada penerima, ia dilihat memenuhi sekuriti makanan Islam.

PERTIWI *Soup Kitchen* tidak mempunyai peruntukan untuk pemberian barangan kering kerana kebanyakan penerima bantuan adalah daripada golongan gelandangan yang tidak mempunyai tempat tinggal. Oleh itu menurut Puan Munirah, adalah tidak relevan sekiranya memberikan mereka barangan kering kerana mereka tiada tempat untuk memasak. Sekiranya pihak mereka menerima sumbangan dalam bentuk barangan kering seperti bihun, mee, manggi dan sebagainya, maka Puan Munirah akan menyediakannya dalam bentuk hidangan yang telah dimasak untuk diagihkan kepada penerima. Makanan tersebut akan dimasak di rumah beliau sendiri dengan dibantu oleh pembantu rumahnya dan sukarelawan. Pihak PERTIWI *Soup Kitchen* menyediakan makanan sebanyak 300 bungkus pada setiap malam operasi dan pihak JAWI pula memberi bantuan makanan sebanyak 250 bungkus pada malam Ahad, Isnin dan Rabu manakala 200 bungkus pada hari Jumaat. Ini menjadikan jumlah makanan yang diagihkan pada setiap malam Ahad, Isnin dan Rabu adalah sebanyak 550 bungkus dan pada malam Jumaat sebanyak 500 bungkus. Kos bagi setiap bungkus makanan yang disediakan oleh PERTIWI *Soup Kitchen* adalah sebanyak RM3.50. Menu yang disediakan oleh pihak JAWI adalah hampir sama dengan menu yang telah ditetapkan oleh PERTIWI *Soup Kitchen*.<sup>26</sup>

Manakala bantuan makanan di Pusat Makan Percuma pula diberikan dalam bentuk hidangan yang telah dimasak dan barangan kering. Walaubagaimanapun bantuan makanan utama yang diberikan adalah dalam bentuk hidangan. Manakala bantuan barangan kering pula diberikan bergantung kepada dana mereka pada bulan tersebut. Bagi bantuan makanan dalam bentuk hidangan yang telah dimasak, ia diperuntukkan untuk 200 hingga 300 orang setiap hari. Pemberian bantuan makanan tersebut terbuka

---

<sup>26</sup> *Ibid.*

kepada semua golongan miskin yang memerlukan tanpa melalui sebarang proses pendaftaran dan sebagainya bagi memudahkan pihak penerima mendapatkan bantuan. Ia dinyatakan oleh Puan Khairunnisa melalui petikan temubual berikut:<sup>27</sup>

“Kita kat sini bukannya kena *register* dulu baru makan ke ataupun tunjuk kad dulu atau slip gaji ke takde. Kita galakkan siapa yang rasa dirinya memerlukan bantuan makanan hari tu diorang datang.”

Ia selaras dengan ajaran Islam di mana kita digalakkan memudahkan urusan sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

يَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا وَبَشِّرُوا وَلَا تُنْفِرُوا

Maksudnya: “Hendaklah kalian mempermudah dan jangan menyusahkan, berikanlah khabar gembira dan jangan membosankan”.<sup>28</sup>

(Riwayat al-Bukhārī)

Bagi bantuan hidangan makanan, setiap penerima diberikan satu hidangan makanan sahaja. Walaubagaimanapun, bagi kes-kes tertentu seperti golongan miskin yang tidak berkemampuan dan mempunyai masalah seperti kesihatan, mereka dibenarkan untuk mengambil sehingga dua hidangan pada setiap hari iaitu pada waktu tengahari dan petang. Terdapat juga penerima yang membungkus makanan untuk ahli keluarga yang sakit. Kebanyakan kes begini adalah bagi penerima tetap yang dikenali dan telah dikenalpasti oleh pihak BELAMISKIN.<sup>29</sup>

Manakala bagi bantuan barangan kering pula, ia tidak diberikan kepada semua penerima bantuan makanan yang menerima dalam bentuk hidangan. Ia hanya diberikan kepada 50 keluarga yang layak sahaja pada setiap bulan setelah melakukan pemeriksaan terhadap keluarga tersebut. Peruntukan bantuan barangan kering adalah sebanyak

<sup>27</sup> Puan Khairunnisa Khirrudin, *op.cit.*

<sup>28</sup> Al-Bukhārī, Abū ‘Abdillāh Muḥammad Ismā‘īl (2006), *Ṣaḥīḥ Bukhārī*. Syed Ahmad Semait (terj.), jil 1, no. hadith 70. Singapura: Pustaka Nasional Singapura, h. 154

<sup>29</sup> Puan Khairunnisa Khirrudin, *op.cit.*

RM150 untuk setiap keluarga yang mengandungi barangan keperluan asas seperti beras, gula, minyak, kicap dan lain-lain lagi. Namun pemberian bantuan barangan kering bergantung kepada dana pertubuhan. Sekiranya jumlah dana tidak mencukupi, maka mereka akan mengurangkan bilangan penerima bantuan barangan kering. Bagi bantuan makanan bermasak, Pusat Makan Percuma mengamalkan konsep satu hari satu menu. Ini bermakna hanya satu menu sahaja disediakan pada setiap hari untuk penerima bantuan. Walaubagaimanapun menu tersebut tidak ditetapkan mengikut hari seperti yang dilakukan oleh pihak PERTIWI *Soup Kitchen*. Makanan yang dimasak bergantung kepada pihak pengurusan dan mengikut selera tempatan. Antara hidangan yang disediakan ialah nasi ayam, nasi kerabu, mee sup, mee kari, mee goreng, bihun goreng dan banyak lagi. Makanan tambahan seperti kuih dan buah-buahan diberi bergantung kepada sumbangan masyarakat awam pada hari tersebut. Konsep satu hari satu menu dilakukan supaya tidak mewujudkan persaingan di antara restoren-restoren berhampiran.<sup>30</sup> Dengan adanya pemberian bantuan makanan ini, ia dilihat banyak membantu penerima bantuan terutamanya daripada masyarakat miskin dan seterusnya dapat meningkatkan tahap sekuriti makanan mereka.

### **5.2.8 Penerima Bantuan Makanan**

Pemberian bantuan makanan diberikan kepada golongan-golongan tertentu sahaja. Kriteria dan golongan yang menerima bantuan makanan di PERTIWI *Soup Kitchen* dan Pusat Makan Percuma BELAMISKIN ditunjukkan dalam Jadual 5.5:

---

<sup>30</sup> *Ibid.*

Jadual 5.5: Kriteria dan Golongan Penerima Bantuan Makanan

<b>Penerima Bantuan</b>	<b>PERTIWI <i>Soup Kitchen</i></b>	<b>BELAMISKIN</b>
Kriteria Penerima	Golongan miskin, tidak mempunyai tempat tinggal, tidak bekerja, tidak mempunyai telefon bimbit	Barangan kering: Golongan miskin yang berpendapatan RM1000 ke bawah dan mempunyai tanggungan 4 orang ke atas.  Hidangan: Terbuka kepada semua golongan masyarakat yang miskin dan kurang mampu.
Golongan penerima	Golongan gelandangan, orang miskin, orang yang tidak bekerja, mempunyai masalah mental, musafir, warga tua, ibu tunggal dan kanak-kanak.	Golongan yang berpendapatan rendah, orang kurang upaya, warga tua, ibu tunggal, pelajar, pesara, golongan bapa yang bekerja.

Sumber: Temubual bersama Puan Munirah Abdul Hamid, Pengasas dan Pengurus *PERTIWI Soup Kitchen* dan Puan Khairunnisa Khirrudin, Pengurus BELAMISKIN.

Jadual 5.5 menunjukkan golongan yang menerima bantuan makanan dan kriteria yang diambil kira terhadap penerima bantuan di kedua-dua pertubuhan. Bagi *PERTIWI Soup Kitchen*, sasaran utama penerima bantuan makanan adalah golongan gelandangan iaitu golongan yang tidak mempunyai tempat tinggal. Walaubagaimanapun, terdapat juga golongan lain yang turut menerima bantuan makanan yang diagihkan oleh *PERTIWI Soup Kitchen*. Antaranya ialah musafir dan golongan yang berpendapatan rendah. Kriteria penerima dilihat berdasarkan penampilan di mana penerima bantuan yang mempunyai pekerjaan dan telefon bimbit tidak dibenarkan mengambil makanan. Ini kerana ia adalah terhad dan khusus untuk mereka yang memerlukan sahaja. Jumlah penerima bantuan dianggarkan seramai 550 hingga 600 orang. Menurut Puan Munirah, 50 peratus daripada mereka adalah penerima bantuan yang sama, manakala 50 peratus lagi adalah penerima bantuan yang baru. Di Masjid India kebanyakan penerima bantuan adalah daripada kaum Melayu dan beberapa orang India. Penerima bantuan di Kotaraya

pula kebanyakannya adalah daripada kaum Melayu dan Cina. Manakala di belakang Tune Hotel, kebanyakannya adalah kaum Melayu dan selebihnya daripada kaum Cina.<sup>31</sup>

Kebanyakan daripada penerima mempunyai pelbagai masalah menyebabkan mereka terpaksa bergantung kepada bantuan makanan. Antaranya mempunyai masalah mental, masalah keluarga hingga menyebabkan mereka lari daripada rumah dan tiada tempat pergantungan, tidak mendapat peluang pekerjaan menyebabkan mereka terpaksa merempat dan ada juga yang tidak mampu untuk menyewa disebabkan baru bekerja dan lain-lain lagi.<sup>32</sup> Kenyataan Puan Munirah turut disokong oleh hasil kajian dan temuramah bersama gelandangan yang dilakukan oleh sukarelawan sendiri yang mendapati bahawa ketiadaan pekerjaan merupakan faktor utama masalah ini menjadi semakin serius walaupun mereka merupakan daripada golongan yang sihat tubuh badan. Antara lain, masalah keluarga seperti remaja yang dihalau daripada rumah kerana mengandung luar nikah juga antara punca peningkatan jumlah gelandangan di Malaysia. Kemiskinan, umur yang tua, sebatang kara, penagihan dadah, lari dari rumah dan kemurungan telah menjadi faktor ramai yang memilih untuk tidur di jalanan.<sup>33</sup>

Menurut Puan Munirah, kebanyakan daripada mereka bukan malas untuk bekerja namun tidak mendapat peluang untuk mendapatkan pekerjaan. Menurutnya lagi, ramai orang menyalahkan gelandangan kerana mereka tidak mahu bekerja, namun berapa ramai yang mahu memberikan pekerjaan kepada golongan tersebut. Ia mungkin hanya diberikan pada yang benar-benar berkelayakan saja, tetapi bagaimana bagi yang langsung tidak berpelajaran, penagih dadah atau pernah melakukan kesalahan lain yang menyukarkan untuk mereka bersama-sama dalam masyarakat.<sup>34</sup> Ekoran kesukaran mendapatkan pekerjaan, terdapat juga di kalangan mereka yang mengutip barangan

---

<sup>31</sup> Puan Munirah Abdul Hamid, *op.cit.*

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> ABIM, <http://www.abim.org.my/component/content/article/11-beritautama/586-ngo-islam-perlu-santuni-golongan-gelandangan.html>, 14 Mei 2012.

<sup>34</sup> Harian Metro, <http://www.hmetro.com.my/articles/Hidupgelandanganditengahkota/Article>, 15 Mei 2012.

terbuang seperti tin dan plastik untuk dijual bagi menampung keperluan hidup.<sup>35</sup> Walaubagaimanapun dengan bergantung kepada hasil itu sahaja, mereka masih tidak mampu untuk menyara hidup menyebabkan mereka terpaksa bergantung kepada bantuan lain. Keadaan ini menunjukkan bahawa terdapat sesetengah daripada mereka yang masih berusaha mencari pendapatan walaupun tidak mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik.

Justeru, bagi masalah gelandangan, kerajaan Malaysia telah menyediakan Anjung Singgah bagi memberikan khidmat bantuan pekerjaan, kemudahan tempat tinggal, dan makanan. Anjung Singgah yang bukan sahaja menyediakan tempat tinggal dan makanan ini amat membantu golongan gelandangan dalam mencari pekerjaan kerana mana-mana agensi yang memerlukan pekerja akan menghubungi Anjung Singgah dan mengambil pekerja mengikut kelulusan dan kemahiran yang diperlukan.<sup>36</sup>

Manakala bagi pihak BELAMISKIN, kriteria yang ditetapkan untuk penerima bantuan adalah berbeza untuk penerima bantuan makanan bermasak dan penerima bantuan barangan kering. Bagi bantuan hidangan bermasak, ia adalah terbuka untuk golongan miskin dan berpendapatan rendah. Ini bermakna sesiapa sahaja yang tidak berkemampuan untuk membeli makanan boleh mendapatkan bantuan makanan di Pusat Makan Percuma.<sup>37</sup>

Menurut Puan Khairunnisa, pada awal penubuhan penggunaan bantuan makanan di Pusat Makan Percuma dianggarkan seramai 400 hingga 500 orang sehari sehingga pihak mereka terpaksa memasak sebanyak dua kali dalam sehari. Namun, semakin lama jumlah penerima semakin berkurang kerana masyarakat mula faham tentang konsep Pusat Makan Percuma yang dikhususkan kepada golongan miskin dan yang

---

<sup>35</sup> Puan Munirah Abdul Hamid, *op.cit.*

<sup>36</sup> ABIM, <http://www.abim.org.my/component/content/article/11-beritautama/586-ngo-islam-perlu-santuni-golongan-gelandangan.html>, 14 Mei 2012.

<sup>37</sup> Khairunnisa Khirruddin, *op.cit.*

memerlukan sahaja. Lama kelamaan, hanya daripada golongan yang betul-betul memerlukan sahaja yang datang makan di tempat tersebut. Ini berdasarkan petikan temubual Puan Khairunnisa:

“So, dulu dalam 400-500 orang sehari tapi jumlah tu makin lama makin berkurang mengikut orang yang betul-betul memerlukan la. Daripada situ kita dah nampak dah, dah nak masuk dua tahun ni kan kita dah nampak orang yang betul-betul miskin yang kerap datang dia memang perlukan makanan la. Ada yang sekali sekala, ada yang hujung-hujung bulan ke dah kering ke apa kan datang sini la.”<sup>38</sup>

Hasil temubual secara tidak langsung dengan salah seorang penduduk di kawasan tersebut juga menunjukkan bahawa mereka faham tentang konsep pusat makan tersebut yang dikhususkan untuk orang miskin dan kurang berkemampuan sahaja. Menurut beliau, dia tidak akan mengambil hak orang miskin selagimana dia masih mampu untuk menampung keperluan hidup sendiri. Kebanyakan penerima bantuan yang datang ke Pusat Makan Percuma adalah terdiri daripada golongan bapa yang bekerja, warga emas, ibu tunggal dan pelajar-pelajar sekolah. Terdapat penerima yang datang mendapatkan makanan setiap hari dan ada juga yang datang pada hujung bulan sahaja kerana sumber pendapatan yang tidak mencukupi.<sup>39</sup> Ia dibuktikan melalui pemerhatian yang dilakukan, kebanyakan penerima bantuan makanan terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah, ibu-ibu tunggal dan warga emas daripada pelbagai kaum. Kebanyakan yang mendapatkan bantuan mempunyai masalah yang tersendiri dan kebanyakannya disebabkan mempunyai masalah kesihatan.

Manakala bagi bantuan makanan barangan kering, pemilihan penerima adalah lebih ketat kerana tidak diagihkan kepada semua penerima bantuan makanan. Ia hanya diberikan kepada 50 buah keluarga sahaja setelah melakukan penelitian seperti pendapatan, bilangan isi rumah dan sebagainya. Kebanyakan penerima adalah golongan

---

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> *Ibid.*

miskin yang berpendapatan RM1000 dan ke bawah yang mempunyai tanggungan empat orang ke atas. Walaubagaimanapun menurut Puan Khairunnisa, ini tidak bermakna golongan yang berpendapatan melebihi RM1000 tidak dibantu. Sekiranya golongan tersebut mempunyai tanggungan yang ramai serta mempunyai masalah lain yang memerlukan kepada bantuan, maka pihak BELAMISKIN akan memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada mereka.<sup>40</sup>

### **5.2.9 Pemantauan**

Bagi memastikan sistem operasi berjalan dengan lancar, maka pemantauan akan dilakukan. Bagi pihak PERTIWI *Soup Kitchen* pemantauan dilakukan dalam aspek penyediaan makanan, pengagihan makanan dan penerima bantuan. Bagi memastikan makanan yang disediakan adalah selamat, Puan Munirah telah melakukan pemantauan di tempat pihak katering memasak makanan. Ia dilihat dari aspek kebersihan dan kualiti makanan yang dimasak supaya makanan tersebut bukan sahaja terjamin dari segi keselamatan malahan mestilah mempunyai rasa yang enak dan sedap untuk dimakan. Ini kerana menurut beliau, sekiranya kita ingin memberi sesuatu kepada orang lain, benda tersebut mestilah dalam keadaan yang baik. Selain itu, proses pemantauan juga turut dilakukan kepada penerima bantuan supaya bantuan makanan dapat diberikan kepada golongan yang betul-betul memerlukan sahaja. Pemantauan tersebut dilakukan dengan melihat kepada pakaian dan penampilan mereka. Ini kerana terdapat juga golongan yang mengambil kesempatan untuk mendapatkan makanan secara percuma. Selain itu, Puan Munirah juga turut memantau sukarelawan yang membantu supaya kerja yang dilakukan berjalan lancar dan sempurna.<sup>41</sup>

---

<sup>40</sup> *Ibid.*

<sup>41</sup> Puan Munirah Abdul Hamid, *op.cit.*



Bagi pihak BELAMISKIN pula, pemantauan juga dilihat dari aspek yang sama. Pihak mereka memantau sistem agihan makanan yang diberikan kepada penerima. Pendekatan bagi pemantauan para penerima bantuan makanan di BELAMISKIN dilakukan dengan mendekati dan mengenali penerima dengan lebih rapat supaya dapat mengenalpasti taraf hidup dan masalah mereka.<sup>42</sup>

### 5.2.10 Bantuan-bantuan Lain

Selain bantuan dalam bentuk makanan, terdapat juga bantuan-bantuan lain yang turut diberikan kepada golongan miskin. Bantuan-bantuan lain yang turut diberikan oleh kedua-dua badan pelaksana ditunjukkan melalui Jadual 5.6:

Jadual 5.6: Bantuan-bantuan Lain

Sistem Operasi	PERTIWI <i>Soup Kitchen</i>	BELAMISKIN
Jenis Bantuan	Bantuan utama adalah dalam bentuk hidangan makanan, namun bantuan ubat-ubatan asas turut diberikan seperti panadol dan plaster.	Bantuan utama adalah dalam bentuk hidangan makanan dan bantuan makanan kering secara bulanan. Terdapat juga bantuan-bantuan sampingan yang lain seperti bantuan pakaian terpakai, buku-buku latihan, khidmat tuisyen, mengiklankan pekerjaan kosong, bantuan pengurusan bagi mendapatkan bantuan zakat dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Sumber: Temubual bersama Puan Munirah Abdul Hamid, Pengasas dan Pengurus PERTIWI *Soup Kitchen* dan Puan Khairunnisa Khirrudin, Pengurus BELAMISKIN

Jadual 5.6 menunjukkan bantuan-bantuan lain yang turut disediakan oleh pihak PERTIWI *Soup Kitchen* dan BELAMISKIN di samping bantuan makanan. Bagi PERTIWI *Soup Kitchen* bantuan lain seperti ubatan asas sahaja yang diberikan kepada

<sup>42</sup> Puan Khairunnisa Khirrudin, *op.cit.*

penerima sekiranya mereka sakit.<sup>43</sup> Manakala bagi pihak BELAMISKIN, selain bantuan makanan, mereka juga turut menjadikan Pusat Makan Percuma sebagai pusat tuisyen yang dikendalikan oleh sukarelawan yang terdiri daripada guru-guru dan golongan yang berpendidikan tinggi. Antara subjek yang diajar ialah Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin, Matematik dan Sains. Kelas tuisyen ini bukan sahaja dibuka untuk pelajar-pelajar sekolah malah untuk orang awam khususnya bagi kelas bahasa seperti Bahasa Mandarin. Di samping itu, penerima juga turut diberikan buku latihan dan teks secara percuma. Kelas tuisyen ini diadakan supaya dapat membantu meningkatkan ilmu pengetahuan terutamanya bagi pelajar-pelajar miskin yang tidak mampu untuk mendapatkan tuisyen berbayar. Ilmu bukan sahaja penting sebagai aset untuk meningkatkan ekonomi dan taraf hidup malah untuk membangunkan modal insan. Oleh sebab itulah menuntut ilmu menjadi kefardhuan bagi setiap muslim yang merupakan satu tuntutan dalam Islam sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

طلب العلم فريضة على كل مسلم

Maksudnya: “Menuntut ilmu adalah wajib bagi setiap muslim”.

(Riwayat Ibn Mājah)

Islam mewajibkan umatnya agar menjadi orang yang berilmu, berpengetahuan sama ada dalam soal akidah dan ibadat, serta soal-soal keduniaan dan segala keperluan hidup. Islam mewajibkan umatnya menuntut ilmu-ilmu dunia yang memberi manfaat dan berguna dalam hal-hal yang berhubungan dengan kehidupan di dunia, agar setiap muslim tidak dikategorikan sebagai terkebelakang dan dapat mengikuti perkembangan ilmu pengetahuan yang membawa kemajuan dalam batas-batas yang diredhai Allah SWT. Malah Allah akan mengangkat darjat orang yang berilmu sebagaimana firmanNya:

---

<sup>43</sup> Puan Munirah Abdul Hamid, *op.cit.*

...يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ...

Maksudnya: “Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat”.

Surah al-Mujādilah (58): 11

Islam juga mengutamakan orang-orang yang mempunyai ilmu kerana terdapat perbezaan antara orang yang berilmu dan tidak berilmu. Orang yang berilmu dipandang mulia di sisi Islam. Hal ini dapat kita lihat melalui banyak ayat Al-Qur’an antaranya:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ<sup>٤٤</sup>

Maksudnya: “Katakanlah: adakah sama orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu”.

Surah Az-Zumar (39): 9

Ini kerana suatu pekerjaan atau amalan yang tidak berdasarkan ilmu itu seringkali menghadapi kebuntuan atau kegagalan. Islam meletakkan ilmu sebagai asas dalam pembangunan diri manusia dan alam seluruhnya. Tuntutan pertama dan utama terhadap manusia ialah saranan menuntut ilmu, kerana ianya merupakan asas pemikiran dan pembuka minda. Ini telah diperkukuhkan dengan turunnya wahyu pertama yang diterima oleh Rasulullah SAW dalam surah al-‘Alaq.

Mencari ilmu pengetahuan merupakan dasar utama bagi membangunkan modal insan. Modal insan ialah pengetahuan yang dimiliki oleh sumber manusia atau pekerja iaitu pengetahuan inovasi, kemahiran, keupayaan penyelidikan dan pembangunan dan keupayaan mempelajari sesuatu.<sup>44</sup> Dengan adanya ilmu ia boleh meningkatkan kemahiran dan pengetahuan yang membawa kepada peningkatan pendapatan dan

---

<sup>44</sup> Azmi Shah Suratman & Nurazmallail Marni (2006), “Sumbangan Ilmuan Islam dalam Psikologi dan Kesannya Terhadap Pembangunan Modal Insan” Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan Peringkat Kebangsaan 2006, 26-27 Julai 2006), h. 368.

pembangunan ekonomi. Sekiranya masyarakat berilmu secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan dan mengukuhkan ekonomi isi rumah dan seterusnya dapat mengurangkan pergantungan kepada bantuan makanan.

BELAMISKIN ini juga turut mengagihkan pakaian terpakai kepada mereka yang memerlukan seperti orang miskin atau mangsa-mangsa bencana. Ini kerana pakaian juga merupakan salah satu keperluan asas (*ḍarūriyyah*) yang perlu dipenuhi bagi meneruskan kehidupan. Selain itu, pihak BELAMISKIN juga turut membantu menguruskan permohonan untuk mendapatkan bantuan daripada institusi zakat dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi penerima yang layak memohon. Bantuan ini diberikan kerana menyedari terdapat sesetengah daripada masyarakat yang layak untuk mendapatkan bantuan sama ada melalui zakat atau JKM namun tidak tahu saluran yang sepatutnya digunakan bagi mendapatkan hak mereka. Di samping itu, pihak mereka juga turut memberikan khidmat kaunseling kepada penerima yang mempunyai masalah sama ada masalah keluarga, kewangan ataupun pekerjaan. Untuk membantu golongan yang tidak mempunyai pekerjaan, pihak BELAMISKIN juga turut menyediakan iklan pekerjaan kosong yang ditulis di papan notis Pusat Makan Percuma bagi memudahkan golongan tersebut mendapat info tentang pekerjaan yang diperlukan.

#### **5.2.11 Pandangan Pelaksana Tentang Program Bantuan Makanan**

Mengikut pelaksana program bantuan makanan, bantuan makanan diberikan bukan bertujuan untuk menggalakkan masyarakat malas untuk bekerja dan hanya bergantung kepada bantuan seperti yang dikatakan oleh sesetengah masyarakat. Namun, bantuan makanan diberikan adalah untuk meringankan beban golongan miskin kerana menyedari masih lagi terdapat golongan yang kurang berkemampuan untuk membeli makanan yang mencukupi yang disebabkan oleh kemiskinan. Tanpa makanan seseorang

boleh akan menjadi lemah, tidak bertenaga dan akhirnya boleh menyebabkan jatuh sakit. Oleh itu, bantuan makanan adalah perkara yang sangat penting untuk mencukupkan keperluan asas. Dengan adanya bantuan makanan, ia dapat membantu pelajar memberi tumpuan dalam pembelajaran dan dapat membantu menambahkan tenaga bagi golongan yang bekerja.

Menurut Puan Munirah, bantuan makanan yang diberikan kepada gelandangan di sekitar Kuala Lumpur menerusi Pertiwi *Soup Kitchen* adalah atas dasar kemanusiaan dan tidak mahu melihat mereka kelaparan. Dengan adanya bantuan makanan, sekurang-kurangnya dapat membantu meringankan beban mereka dan dapat mengurangkan kes-kes jenayah. Ini berdasarkan kata-kata beliau yang dipetik daripada akhbar:<sup>45</sup>

“Sesiapa juga apabila lapar dan tidak mempunyai duit untuk membeli makanan pasti tidak dapat tidur lena. Lebih buruk apabila ada antaranya melakukan jenayah seperti mencuri atau merompak semata-mata untuk mengisi perut”.

Oleh sebab itulah Islam melihat makanan sebagai keperluan *ḍarūriyyah* iaitu keperluan yang paling asas yang perlu dipenuhi bagi menjaga nyawa yang merupakan salah satu daripada *maqāsid syarīah*. Sekiranya keperluan asas tidak dipenuhi maka ia boleh mendatangkan kemudaratan yang lebih besar seperti membuka ruang kepada aktiviti jenayah seperti mencuri, merompak, meragut dan sebagainya bagi memenuhi keperluan tersebut.

---

<sup>45</sup> Harian Metro, <http://www.hmetro.com.my/articles/Hidupgelandanganditengahkota/Article>, 15 Mei 2012.

## 5.3 PERSPEKTIF PENERIMA BANTUAN MAKANAN

### 5.3.1 Profil Sosioekonomi Penerima Bantuan Makanan

Profil sosioekonomi penerima bantuan yang telah ditemubual ditunjukkan melalui Jadual 5.7:

Jadual 5.7: Profil Sosioekonomi Penerima Bantuan Makanan

Perkara	Penerima Bantuan				
	Responden A	Responden B	Responden C	Responden D	Responden E
Jantina	Lelaki	Perempuan	Perempuan	Perempuan	Lelaki
Bangsa	Cina	Melayu	Melayu	Melayu	India
Agama	Buddha	Islam	Islam	Islam	Hindu
Umur (tahun)	62	45	43	59	52
Taraf perkahwinan	Berkahwin	Bujang	Janda	Janda	Duda
Taraf pendidikan	Tingkatan 5	Tingkatan 5	Darjah 2	Tidak bersekolah	Tingkatan 3
Pekerjaan	Tidak bekerja	Berniaga	Tukang Sapu	Tukang Sapu	Pesara Telekom
Pendapatan	Tiada	RM500	RM800	RM800	RM162
Saiz isi rumah	4	1	3	1	1
Simpanan bulanan	Tiada	Tiada	Tidak tentu	RM50	Tiada
Penyakit	Kanser	Darah tinggi, kencing manis	Tiada	Tiada	Patah tangan
Pemilikan rumah	Sewa	Sewa (bilik)	Sewa	Sewa	Sendiri
Kadar sewa	-	RM150	RM200	RM150	-
Tempat tinggal	Puchong	Syeksen 20 Shah Alam	Padang Jawa	Padang Jawa	Seksyen 18 Shah Alam

Sumber: Temubual bersama Puan Intan, Puan Junaidah, Encik Peter Lam Aming, Encik Raja Singham dan Puan Sarimah Arshad.

Jadual 5.7 menunjukkan profil lima penerima bantuan makanan yang telah ditemubual di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN. Berdasarkan jadual tersebut,

temubual telah dijalankan bersama dua orang penerima bantuan lelaki dan tiga orang perempuan. Mereka terdiri daripada bangsa Melayu, Cina dan India di mana 3 orang Melayu dan masing-masing seorang Cina dan India. Kesemua penerima berumur 40 tahun ke atas di mana seorang berkahwin, seorang bujang, dua orang ibu tunggal dan seorang duda.

Taraf hidup penerima dilihat melalui tingkat pendapatan, tanggungan dan kos sara hidup. Taraf pendidikan tertinggi responden adalah di peringkat menengah tinggi. Dua orang daripada mereka tidak bekerja disebabkan oleh faktor umur dan kesihatan, manakala tiga orang lagi bekerja sebagai tukang sapu dan berniaga kecil-kecilan. Kebanyakan daripada mereka memperolehi pendapatan kurang daripada RM1000 yang dikategorikan dalam golongan miskin dan mudah miskin. Taraf pendidikan dilihat sebagai faktor yang mempengaruhi pekerjaan dan pendapatan mereka yang menyebabkan mereka terpaksa bergantung kepada bantuan makanan. Manakala dari aspek kesihatan pula, kebanyakan responden mempunyai masalah kesihatan di mana 3 daripada 5 orang mempunyai penyakit seperti kanser, darah tinggi, kencing manis dan kecacatan pada tangan. Kebanyakan daripada mereka tinggal di rumah sewa dengan sewa bulanan daripada RM150 hingga RM300. Berdasarkan temubual tersebut, kebanyakan daripada mereka tidak mendapat sebarang bantuan lain yang diberikan secara berterusan sama ada daripada institusi zakat ataupun JKM. Hanya seorang sahaja responden yang mendapat bantuan barangan kering untuk hari raya.

Bagi responden A, beliau tidak bekerja disebabkan oleh faktor umur yang sudah berusia dan masalah kesihatan di mana beliau menghidap kanser. Responden B pula bekerja sebagai peniaga kecil-kecilan yang menjual air dan goreng pisang. Pendapatannya tidak menentu dan dianggarkan sebanyak RM500 sebulan. Beliau juga menghadapi masalah kesihatan iaitu penyakit kencing manis dan darah tinggi di peringkat yang agak serius. Responden C dan D pula bekerja sebagai tukang sapu di

tempat yang sama dan kedua-duanya adalah ibu tunggal. Pendapatan bulanan mereka adalah sebanyak RM800. Bagi responden C, beliau mempunyai 2 orang anak yang masih di bawah tanggungannya yang masih belajar dalam tingkatan empat dan anak lelakinya yang masih mencari pekerjaan. Manakala responden D pula hanya tinggal seorang dan tidak mempunyai tanggungan yang lain. Oleh itu, dia mampu untuk menyimpan dalam RM50 sebulan. Bagi responden E, dia tidak bekerja kerana tangannya patah disebabkan jatuh semasa bekerja. Kini, sumber kewangannya hanya bergantung kepada pencen semata-mata tanpa sebarang bantuan kewangan daripada sumber lain.

### 5.3.2 Penggunaan Bantuan Makanan

Jadual 5.8: Penggunaan Bantuan Makanan

Perkara	Penerima Bantuan				
	Responden A	Responden B	Responden C	Responden D	Responden E
Mula menerima bantuan	2011	2011	2012	2012	2010
Cara mengetahui	Sendiri	Orang ramai	Kawan	Kawan	Sendiri
Bentuk bantuan	Hidangan, barangan kering	Hidangan	Hidangan	Hidangan	Hidangan
Jumlah makanan	2 hidangan	1 hidangan	1 hidangan	1 hidangan	2 hidangan
Penerimaan Waktu	Setiap hari Tengahari dan petang	Tidak tentu Tengahari	Setiap hari Tengahari	Setiap hari Tengahari	Setiap hari Tengahari dan petang
Penggunaan	Termasuk keluarga	Diri Sendiri	Diri Sendiri	Diri Sendiri	Diri Sendiri
Kualiti makanan	Sangat bagus	Baik	Bagus	Bagus	Baik
Jarak dengan rumah	Jauh	Dekat	Dekat	Dekat	Dekat
Pengangkutan	Motor	Kereta	Bas	Basikal	Jalan kaki

Sumber: Temubual bersama Puan Intan, Puan Junaidah, Encik Peter Lam Aming, Encik Raja Singham dan Puan Sarimah Arshad.



Berdasarkan temubual bersama penerima bantuan makanan di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN, mereka mula mendapatkan bantuan makanan di tempat tersebut pada tahun 2010, dua orang mula pada tahun 2011 manakala dua orang lagi mula mendapatkan bantuan makanan pada tahun 2011. Mereka mendapat pendedahan mengenai Pusat Makan Percuma melalui kawan-kawan, orang ramai dan mengetahuinya dengan sendiri.

Kesemua responden menerima bantuan makanan dalam bentuk hidangan dan hanya seorang sahaja yang mendapat bantuan dalam kedua-dua bentuk iaitu hidangan dan barangan makanan kering. Kebiasaannya bantuan dalam bentuk hidangan hanya diberikan sekali sahaja dalam sehari namun dalam kes-kes tertentu ia dibenarkan sehingga dua kali iaitu pada waktu tengahari dan petang. Terdapat tiga orang responden mendapatkan bantuan makanan sekali sehari iaitu pada waktu tengahari. Manakala dua orang lagi mendapatkan bantuan makanan sebanyak dua kali sehari. Terdapat responden yang datang mendapatkan bantuan makanan pada setiap hari dan terdapat juga yang datang bukan setiap hari bergantung kepada keperluan mereka. Kebanyakannya daripada mereka menerima bantuan makanan hanya untuk keperluan diri sendiri sahaja. Hanya seorang yang mendapat bantuan makanan untuk dirinya beserta dengan keluarga. Kebanyakan daripada mereka berpuas hati dengan kualiti makanan yang diberikan dan makanan tersebut diterima dalam keadaan baik.

Menurut Puan Khairunnisa, responden datang daripada pelbagai tempat. Ada yang datang dari tempat yang dekat seperti Shah Alam dan Padang Jawa dan ada juga yang datang daripada tempat yang jauh seperti Damansara.<sup>46</sup> Puan Khaliza menyatakan pandangannya bahawa sekiranya mereka berkemampuan mereka tidak akan datang dari tempat yang jauh semata-mata untuk makan. Bagi responden yang ditemubual pula, mereka datang daripada pelbagai tempat antaranya dari Puchong, Shah Alam dan

---

<sup>46</sup> Puan Khairunnisa Khirruddin, *op.cit.*

Padang Jawa. Ada yang datang dengan hanya berjalan kaki dan ada juga yang datang dengan menggunakan motosikal serta pengangkutan awam seperti bas.

### **5.3.3 Faktor Pergantungan Kepada Bantuan Makanan**

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan mereka mendapatkan bantuan makanan di Pusat Makan Percuma. Antara faktor utama yang menyebabkan mereka terpaksa bergantung kepada bantuan makanan adalah kerana jumlah pendapatan yang tidak mencukupi ataupun dikaitkan dengan faktor kemiskinan. Tambahan pula kos hidup yang semakin meningkat ekoran peningkatan harga makanan turut memberi kesan kepada mereka. Walaupun secara teorinya golongan miskin membelanjakan hampir keseluruhan pendapatannya untuk makanan, namun kebanyakan daripada mereka tinggal di rumah sewa menyebabkan pendapatan yang diperolehi perlu dibelanjakan untuk tujuan tersebut dan secara tidak langsung mengurangkan peruntukan untuk makanan. Tiga daripadanya pula mempunyai masalah kesihatan yang mempengaruhi kemampuan mereka untuk bekerja dan menyebabkan mereka perlu bergantung kepada bantuan lain. Antaranya Peter Lam Aming<sup>47</sup> yang menghidap kanser dan faktor usia tidak membolehkannya bekerja menyebabkan dia terpaksa bergantung pada bantuan makanan. Beliau hanya bergantung kepada pendapatan isterinya yang bekerja sebagai jurujual di Jusco dengan pendapatan RM1500 sebulan. Mereka juga terpaksa menanggung 2 orang anaknya yang tidak bekerja di mana salah seorang daripadanya adalah orang kelainan upaya (OKU). Dia mula mendapatkan bantuan makanan pada tahun 2011 serta merupakan salah seorang sukarelawan di tempat tersebut. Beliau menerima bantuan makanan di Pusat Makan Percuma sebanyak dua kali sehari iaitu pada waktu tengahari dan petang. Selain itu, beliau juga turut menerima bantuan

---

<sup>47</sup> Encik Peter Lam Aming, penerima bantuan makanan di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN. Temubual pada 27 Disember 2011 pukul 1.00 tengah hari di Shah Alam.

barangan makanan kering seperti beras, gula, minyak, kicap dan sebagainya. Dengan adanya bantuan makanan, beliau dapat mengurangkan belanja untuk makanan seterusnya dapat membantu melengkapi barangan keperluan lain.

Manakala bagi Puan Sarimah<sup>48</sup>, faktor kesihatan telah mempengaruhi waktu bekerjanya yang menyebabkan pendapatannya juga menjadi tidak menentu. Walaupun beliau tidak mempunyai sebarang tanggungan, namun kos hidup yang tinggi di bandar menyebabkannya terpaksa bergantung kepada bantuan makanan apabila sumber kewangannya tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup. Ia dinyatakan melalui petikan temubual tersebut:

“Saya dengar daripada orang ramai pasal tempat makan *free* ni. Kalau saya saja-saja nak pergi, malas la kan, tapi berniaga ni pendapatan tak tetap. Saya dapat sikit sebab saya kerja seorang, kalau saya pergi sembahyang, tak ada orang jaga gerai. Ada penyakit lagi tak larat nak kerja, 4 bulan sekali pergi hospital. Tapi tiap-tiap bulan kena datang ambil ubat. Kencing manis saya tinggi tahap suntik dah. Kalau pendapatan bulanan bersih tu tak ada langsung. Sehari dapat RM30 lebih, sebelum ni nak dapat RM30 pun susah.”

Bagi Puan Junaidah<sup>49</sup> dan Puan Intan<sup>50</sup>, mereka mendapatkan bantuan makanan di Pusat Makan Percuma kerana berdekatan dengan tempat kerja mereka. Jika sebelum ini, mereka hanya membawa bekal makanan daripada rumah kerana jarang membeli makanan untuk makan tengah hari di kedai. Kebanyakan daripada mereka bergantung kepada bantuan makanan kerana pendapatan yang rendah dan kos hidup yang tinggi di bandar. Tambahan pula, mereka juga tidak menerima sebarang bantuan lain sama ada bantuan zakat atau daripada JKM. Ada di antara mereka pernah memohon untuk

---

<sup>48</sup> Puan Sarimah Arshad, penerima bantuan makanan di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN. Temubual pada 13 Januari 2012 pukul 11.00 tengah hari di Shah Alam.

<sup>49</sup> Puan Junaidah, penerima bantuan makanan di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN. Temubual pada 13 Januari 2012 pukul 1.30 tengah hari di Shah Alam.

<sup>50</sup> Puan Intan, penerima bantuan makanan di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN. Temubual pada 13 Januari 2012 pukul 1.00 tengah hari di Shah Alam.

mendapatkan bantuan daripada JKM namun tidak berjaya. Antaranya yang dinyatakan melalui petikan temubual tersebut:

“Makcik nak dapatkan bantuan kebajikan masyarakat, masalahnya bila dapat borang tu, penghulu tu tak nak *sign*. Itu masalahnya. Kawan makcik pulak sampai nangis-nagis, dah meninggal dia sekarang, kesian.”

Berdasarkan kepada temubual tersebut, dapat disimpulkan bahawa secara keseluruhan pendapatan mereka banyak dibelanjakan untuk mendapatkan barangan keperluan asas yang dikategorikan sebagai barangan *darūriyyah* seperti membeli makanan, bayaran sewa rumah dan keperluan perubatan.

#### **5.3.4 Pandangan Penerima Bantuan Tentang Program Bantuan Makanan**

Berdasarkan pengalaman mereka sebagai penerima bantuan makanan, mereka berpuas hati dengan hidangan makanan yang diterima. Program bantuan makanan sedikit sebanyak dapat meringankan beban mereka kerana dengan adanya bantuan makanan ia membantu mereka terutamanya di saat mereka kekurangan sumber pendapatan dan hilang punca untuk mendapatkan makanan. Tambahan pula, kebanyakan daripada mereka mempunyai masalah kesihatan yang menyebabkan kerja yang dilakukan terhad dan terbatas dan seterusnya memberi kesan kepada sumber pendapatan mereka.

## 5.4 PERSPEKTIF MASYARAKAT AWAM TERHADAP PROGRAM BANTUAN MAKANAN

### 5.4.1 Profil Sosioekonomi Masyarakat Awam

Jadual 5.9: Profil Sosioekonomi Masyarakat Awam

Perkara	Masyarakat Awam				
	Responden A	Responden B	Responden C	Responden D	Responden E
Jantina	Perempuan	Lelaki	Lelaki	Lelaki	Perempuan
Bangsa	Melayu	Melayu	Melayu	India	Melayu
Umur (tahun)	40	38	34	45	26
Taraf perkahwinan	Berkahwin	Berkahwin	Berkahwin	Duda	Berkahwin
Saiz isi rumah	7 orang	3 orang	3 orang	2 orang	2 orang
Taraf pendidikan	Diploma	Sijil	Sijil	Ijazah	Ijazah
Pekerjaan	Penolong Pegawai Farmasi	Pengajar IKBN	Pengajar IKBN	Penolong Pengarah Kastam	Eksekutif Bank
Pendapatan Bulanan	RM 2903	RM 1800	RM2274	RM3500-4000	RM2700

Sumber: Temubual bersama Encik Ghani Abdullah, Puan Raja Razimah Raja Semail, Puan Shahirah Saliha Aipin, Encik Yusni Abd Rahman dan Encik Zulhairul Omar.

Berdasarkan Jadual 5.9, temubual dilakukan bersama lima orang masyarakat awam di kalangan yang berkemampuan dengan mengambil kira kriteria mereka sebagai pembayar zakat. Responden yang ditemubual terdiri daripada dua orang perempuan dan tiga orang lelaki. Mereka terdiri daripada pelbagai peringkat umur iaitu dalam lingkungan 20-an, 30-an dan 40-an. Kesemua responden telah berkahwin dan seorang daripadanya adalah duda. Daripada aspek saiz isi rumah, mereka mempunyai ahli isi rumah daripada 2 orang hingga 7 orang. Manakala taraf pendidikan tertinggi di kalangan mereka adalah di peringkat ijazah. Kesemua responden dilihat mempunyai pekerjaan yang agak stabil di mana 4 orang daripadanya bekerja dalam sektor kerajaan dan seorang lagi dalam sektor swasta. Pendapatan bulanan yang paling rendah di

kalangan responden adalah sebanyak RM1800 dan pendapatan yang paling tinggi diperoleh oleh Responden D iaitu sebanyak RM3500-RM4000.

#### **5.4.2 Tahap Kesedaran Masyarakat Awam Terhadap Tanggungjawab Sosial**

Berdasarkan kepada temubual yang dijalankan bersama lima orang masyarakat awam, kesemua responden mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap kebajikan sosial. Hasil temubual menunjukkan bahawa kesemua responden memberi sumbangan sama ada melalui suruhan yang wajib ataupun sunat. Sumbangan yang diberikan adalah dalam bentuk sedekah, wakaf, aqiqah dan korban. Bagi pembayaran zakat, kesemua responden membayar zakat di mana empat daripada mereka membayar zakat pendapatan manakala seorang lagi membayar zakat simpanan. Kesemua pembayar zakat pendapatan membayar zakat melalui pemotongan gaji. Manakala bagi Responden C iaitu pembayar zakat simpanan, beliau membayar zakat di kaunter Majlis Agama Islam Johor. Walaupun jika dilihat secara kasarnya tidak semua responden mempunyai pendapatan yang tinggi namun kesemuanya mempunyai peruntukan khas daripada pendapatan untuk menunaikan kewajipan membayar zakat. Ini menunjukkan bahawa mereka mempunyai kesedaran tentang tanggungjawab mereka kepada agama dan masyarakat.

Manakala bagi amalan sedekah pula ia dilihat seperti telah sebatu dalam masyarakat Islam. Hasil temubual menunjukkan kesemua responden memberi sedekah namun bergantung kepada pendapatan dan keperluan masyarakat di sekeliling. Bagi Puan Raja Razimah Raja Semail,<sup>51</sup> sedekah hanya diberikan kepada saudara maranya yang miskin seperti bantuan kewangan untuk membaiki rumah dan sebagainya.

---

<sup>51</sup> Puan Raja Razimah Raja Semail, Penolong Pegawai Farmasi. Temubual pada 2 Februari 2012 pukul 2.30 petang di Institut Kemahiran Belia Negara Dusun Tua.

Manakala bagi Encik Zulkhairul Omar<sup>52</sup> pula, beliau mempunyai peruntukan khas daripada pendapatan bulanan untuk bersedekah di mana beliau akan memberi sumbangan kepada masjid pada setiap hari Jumaat. Walaubagaimanapun, beliau mempunyai prinsip bahawa beliau tidak akan sewenang-wenangnya memberi sedekah kepada golongan yang meminta-minta seperti peminta sedekah. Ini kerana beliau pernah menyaksikan sendiri peminta sedekah menaiki kereta mewah selepas meminta sedekah daripada masyarakat awam. Atas faktor inilah beliau lebih suka bersedekah kepada pihak masjid kerana beliau tahu ke mana duit tersebut akan digunakan.

Bagi sumbangan wakaf, hanya dua orang responden iaitu Responden A dan Responden D yang berwakaf melalui saham wakaf dan wakaf tunai. Responden A membayar wakaf melalui potongan gaji setiap bulan sebanyak RM5 kepada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM). Manakala responden D pula berwakaf melalui wakaf tunai untuk pembangunan masjid, surau dan sekolah-sekolah agama. Manakala ibadat akikah dan korban hanya dilaksanakan oleh Responden A dan B sahaja. Menurut mereka ibadat akikah dilaksanakan untuk setiap anak dan ibadat korban pula dilakukan pada setiap tahun di kampung halaman mereka. Namun pada tahun 2011, responden B melakukan ibadat korban yang disalurkan kepada masyarakat miskin di Kemboja.

Pemberian sumbangan tersebut menunjukkan mereka mempunyai kesedaran terhadap kewajipan membayar zakat bagi mereka yang cukup syarat-syaratnya. Malah mereka juga sedar tentang tanggungjawab terhadap masyarakat lain dengan pemberian sedekah sama ada yang diberikan dalam bentuk wang ringgit atau barangan lain.

---

<sup>52</sup> Encik Zulkhairul Omar, Pengajar Institut Kemahiran Belia Negara. Temubual pada 2 Februari 2012 pukul 4.00 petang di Institut Kemahiran Belia Negara Dusun Tua.

### 5.4.3 Faktor Pendorong

Antara faktor yang mendorong mereka untuk melaksanakan ibadat tersebut adalah kerana kesedaran tentang kewajipan mereka serta tanggungjawab mereka sebagai umat Islam bagi membantu masyarakat yang kurang bernasib baik tanpa mengira kaum dan agama. Menurut Encik Zulkhairul,<sup>53</sup> ia menjadi fardhu kifayah kepada umat Islam untuk membantu masyarakat yang kurang berkemampuan. Tambah Encik Ghani, ia salah satu cara untuk kita menunjukkan rasa syukur kepada Allah atas nikmat yang telah diberikan olehNya. Ia juga adalah amal jariah sebagai bekalan mereka selepas mati. Menurut Puan Raja Razimah<sup>54</sup> dan Encik Yusni,<sup>55</sup> bantuan tersebut bukan sahaja dapat meringankan beban penerima malah dapat memberi kegembiraan kepada mereka. Secara tidak langsung, mereka sebagai pemberi turut merasai kegembiraan tersebut.

### 5.4.4 Pandangan Masyarakat Awam Tentang Program Bantuan Makanan

Berdasarkan kepada lima orang responden yang ditemubual, mereka memberikan pandangan bahawa bantuan makanan adalah sesuatu yang bagus kerana masih lagi terdapat masyarakat yang miskin tidak mampu untuk mendapatkan makanan yang mencukupi terutamanya yang tinggal di kawasan bandar. Walaubagaimanapun, menurut Raja Razimah dan Encik Zulkhairul, mereka tidak setuju sekiranya bantuan makanan tersebut diberikan kepada golongan gelandangan kerana boleh menyebabkan mereka menjadi semakin malas. Namun, mereka bersetuju sekiranya golongan tersebut adalah

---

<sup>53</sup> *Ibid.*

<sup>54</sup> Puan Raja Razimah Raja Semail, *op.cit.*

<sup>55</sup> Encik Yusni Abd Rahman, Pengajar Institut Kemahiran Belia Negara. Temubual pada 2 Februari 2012 pukul 3.15 petang di Institut Kemahiran Belia Negara Dusun Tua.



golongan gelandangan yang tidak mempunyai tempat tinggal sementara mendapatkan pekerjaan. Ini berdasarkan petikan temubual Puan Raja Razimah<sup>56</sup>:

“Bagus la, tapi kalau bagi kat gelandangan tu tak berapa ok sebab menggalakkan dia untuk tidak bekerja. Kalau untuk orang miskin tu, bagus la kalau kita bagi bantuan.”

Kenyataan ini disokong oleh Encik Zulhairul sebagaimana kata beliau:<sup>57</sup>

“Saya tak berapa setuju dengan Anjung Singgah. Kalau golongan gelandangan yang datang sementara untuk menumpang cari kerja wajar la. Tapi dia lebih banyak kepada penagih. Selain Anjung Singgah ada juga kat tempat lain yang dalam seminggu 2, 3 kali dia hantar makanan kat kawasan masjid Jamek rasanya, kan ada bagi makan. Maknanya golongan gelandangan ni dah tahu ada tempat-tempat tertentu setiap hari apa ada makanan percuma yang dibungkus. Niat dia nak membantu betul, tapi *make sure* sasaran dia betul la.”

Walaupun bagaimanapun, bagi Puan Shahirah Saliha beliau berpandangan bahawa bantuan makanan yang diberikan kepada golongan tersebut bukan untuk menggalakkan supaya mereka tidak bekerja, namun bagi membantu mereka mengeluarkan daripada keadaan kelaparan berdasarkan kepada petikan temubual bersamanya:

“Kita bukan menggalakkan tapi kita cuma membantu. Diorang bukan nak jugak sebenarnya tapi sampai ada yang kita bagi makanan tu dia kata dia pernah kerja tapi dia kena buang. Dia terpaksa sebab dia kata kos untuk hidup kat KL ni tinggi”.

Dalam konteks ini, menurut Puan Munirah yang terlibat secara langsung dalam pengagihan makanan kepada golongan gelandangan, beliau menyatakan bahawa tidak semua golongan gelandangan adalah pemalas. Kebanyakan daripada mereka sanggup untuk bekerja namun tidak mempunyai peluang untuk mendapatkan pekerjaan disebabkan oleh faktor pendidikan yang rendah, penampilan diri yang kurang

---

<sup>56</sup> Puan Raja Razimah Raja Semail, *op.cit.*

<sup>57</sup> Encik Zulhairul Omar, *op.cit.*

memuaskan dan sebagainya. Dengan adanya program bantuan makanan ini, ia bukan sahaja dapat membantu golongan tersebut daripada kelaparan, malah dapat mengelakkan berlakunya jenayah seperti mencuri, meragut, merompak dan lain-lain. Kenyataan ini turut disokong oleh Encik Yusni sebagaimana kata beliau<sup>58</sup>:

“Elok la bantuan makanan ni. Kadang-kadang dia boleh membantu orang yang susah macam masyarakat yang terpinggir. *So* dia boleh dapatkan makanan daripada situ la. Daripada dia duk mencuri ke apa kan. *At least* dapat mengelakkan daripada mereka melakukan jenayah.”

Di sini menunjukkan bahawa bantuan makanan bukan sahaja membantu masyarakat yang kelaparan, malah dalam masa yang sama ia dapat mengurangkan masalah jenayah seperti mencuri, merompak dan sebagainya.

## **5.5 KESIMPULAN**

Berdasarkan kajian yang dilakukan, ia jelas menunjukkan bahawa faktor kemiskinan mempunyai perkaitan yang rapat dengan ketiadaan sekuriti makanan. Ini kerana kebanyakan penerima bantuan makanan yang bergantung kepada bantuan makanan adalah disebabkan oleh pendapatan yang tidak mencukupi. Bantuan makanan dikatakan sebagai salah satu strategi untuk menangani masalah kelaparan dan ketiadaan sekuriti makanan khususnya di peringkat individu dan isi rumah bagi golongan tersebut. Kajian yang dilakukan jelas menunjukkan bahawa bantuan makanan yang diberikan dapat membantu memperbaiki sekuriti makanan masyarakat miskin dan golongan yang memerlukan ke tahap yang lebih baik.

---

<sup>58</sup> Encik Yusni Abd Rahman, *op.cit.*

**DAPATAN KAJIAN:  
POTENSI PELAKSANAAN BANK  
MAKANAN DI MALAYSIA**

**BAB  
ENAM**

## **BAB ENAM**

### **DAPATAN KAJIAN:**

#### **POTENSI PELAKSANAAN BANK MAKANAN DI MALAYSIA**

##### **6.1 PENDAHULUAN**

Bab ini membincangkan sejauhmana bank makanan mempunyai potensi untuk dilaksanakan di Malaysia sebagai salah satu saluran bantuan makanan bagi golongan miskin. Potensi pelaksanaan bank makanan di Malaysia dianalisis dengan menggunakan data temubual daripada lima pihak iaitu pakar akademik, badan pelaksana dasar, badan pelaksana program bantuan makanan, penerima bantuan makanan dan masyarakat awam. Analisis temubual ini dilakukan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) berdasarkan kepada tema-tema yang berkaitan. Potensi pelaksanaan bank makanan dilihat berdasarkan situasi dan amalan masyarakat di Malaysia dengan mengambil kira pelaksanaan program bantuan makanan yang sedia ada di Malaysia, pandangan, penerimaan dan sambutan daripada masyarakat, situasi masyarakat miskin serta tahap kesedaran masyarakat awam terhadap kebajikan sosial.

##### **6.2 PANDANGAN RESPONDEN TENTANG PROGRAM BANTUAN MAKANAN**

Kebanyakan responden memberikan pandangan yang positif terhadap bantuan makanan.

Menurut Prof. Dato' Dr. Hj. Mohammad Hj. Alias<sup>1</sup> dan Dr. Luqman Hj. Abdullah,<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Prof. Dato' Dr. Hj. Mohammad Alias, Timbalan Pengarah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Temubual pada 16 Mac 2012.

<sup>2</sup> Dr. Luqman Hj. Abdullah, Pensyarah Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Temubual pada 21 Disember 2011.

program-program bantuan makanan sememangnya mempunyai hajat dan keperluan. Ini kerana makanan merupakan keperluan paling utama yang perlu dipenuhi bagi menjaga nyawa yang merupakan salah satu daripada *maqāsid al-syarāh*. Oleh sebab itulah Islam sendiri menggalakkan masyarakat supaya membantu golongan miskin dan kurang berkemampuan sama ada melalui suruhan di peringkat wajib atau sunat.<sup>3</sup>

Menurut Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah,<sup>4</sup> Prof. Dato' Dr. Hj. Mohammad Hj. Alias,<sup>5</sup> Dr. Luqman Hj. Abdullah<sup>6</sup> dan Puan Roziah Abudin,<sup>7</sup> Malaysia mempunyai program bantuan makanan sama ada yang dilakukan oleh pihak kerajaan, swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) ataupun yang dilakukan secara persendirian. Kesemuanya dilakukan bertujuan untuk membantu dan meringankan beban golongan yang miskin dan memerlukan. Namun, menurut pandangan Dr. Luqman Abdullah, program bantuan makanan yang dilakukan di Malaysia adalah dalam skala yang kecil sebagaimana kata beliau:

“Secara amalannya sudah ada bantuan makanan cuma dalam skala yang kecil. Kebanyakannya hanya inisiatif individu dan NGO. Kerajaan pun ada tapi bukan dalam bentuk yang berkala.”<sup>8</sup>

Dengan mengambil contoh bantuan makanan yang dijalankan oleh pihak NGO seperti PERTIWI *Soup Kitchen* dan Pusat Makan Percuma BELAMISKIN, ia ternyata dilakukan dalam skala yang kecil sahaja di mana jumlah bantuan makanan yang disediakan adalah terhad dan diagihkan di kawasan tertentu sahaja secara berkala. Menurut Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah,<sup>9</sup> program yang dijalankan oleh

---

<sup>3</sup> Dr. Luqman Hj. Abdullah, *op.cit.*

<sup>4</sup> Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah, Professor Madya Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Temubual pada 16 November 2011.

<sup>5</sup> Prof. Dato' Dr. Hj. Mohammad Hj. Alias, *op.cit.*

<sup>6</sup> Dr. Luqman Hj. Abdullah, *op.cit.*

<sup>7</sup> Puan Roziah Abudin, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA). Temubual pada 15 Mac 2012.

<sup>8</sup> Dr. Luqman Hj. Abdullah, *op.cit.*

<sup>9</sup> Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah, *op.cit.*

pihak NGO dilihat sebagai program yang sangat baik kerana bukan sahaja membantu golongan yang memerlukan malah ia melibatkan sukarelawan secara langsung dalam operasi pengagihan makanan.

Dalam Islam, kita sememangnya digalakkan untuk membantu golongan miskin terutamanya dengan pemberian makanan sebagaimana firman Allah:

أَرَأَيْتَ الَّذِي يُكَذِّبُ بِالدِّينِ ﴿١﴾ فَذَلِكَ الَّذِي يَدْعُ الْيَتِيمَ ﴿٢﴾ وَلَا  
تَحْضُ عَلَىٰ طَعَامِ الْمِسْكِينِ ﴿٣﴾

Maksudnya: “Tahukah Engkau akan orang yang mendustakan agama (meliputi hari pembalasan)?. Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim, Dan ia tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin.”

Surah al-Mā‘ūn (107): 1-3

Dalam konteks ini, selain badan-badan rasmi seperti PERTIWI *Soup Kitchen* dan Pusat Makan Percuma yang menyediakan bantuan makanan, ia juga turut didokong oleh institusi masjid yang memberikan bantuan makanan melalui program-program yang diadakan seperti aqiqah, korban, majlis perayaan dan sebagainya yang mana makanan tersebut turut diagihkan kepada golongan fakir miskin. Di Malaysia, pemberian bantuan makanan banyak dilakukan oleh pihak masjid terutamanya semasa bulan Ramadhan dengan menyediakan juadah berbuka puasa dan sahur yang telah menjadi tradisi di mana-mana tempat. Antaranya seperti Masjid Negara, Masjid Wilayah Persekutuan dan Masjid As-Salam,<sup>10</sup> yang menyediakan juadah berbuka puasa dan sahur kepada para jemaah setiap hari. Hasil kajian yang dilakukan di Masjid Al-Ghufran Pinggir Taman Tun Dr Ismail (PTTDI) menunjukkan bahawa pihak masjid telah memperuntukkan sebanyak RM4000 sehari untuk menyediakan juadah berbuka puasa dan sahur kepada

---

<sup>10</sup> Masjid al-Salam, <http://masjidas-salam.blogspot.com/2010/08/suasana-majlis-berbuka-puasa-di-masjid.html>, 12 Mei 2012.

jemaah menerusi hasil sumbangan orang ramai. Dengan adanya program sebegini, sesiapa saja boleh menikmati makanan yang disediakan kerana ia terbuka kepada setiap umat Islam sama ada miskin, kaya, tua atau muda. Bagi golongan miskin, inilah bulan yang mereka boleh menikmati makanan lazat secara percuma. Aktiviti-aktiviti tersebut sinonim dengan institusi masjid dan surau yang menjadi tempat ibadat dan tempat untuk umat Islam berkumpul.

Hasil kajian yang dibuat di Masjid Al-Ghufran juga menunjukkan bahawa bantuan makanan bukan sahaja disalurkan melalui ibadat qurban, aqiqah dan juadah berbuka pada bulan Ramadhan, malah pihak masjid juga turut mengagihkan bantuan makanan kepada golongan gelandangan di sekitar Kuala Lumpur.<sup>11</sup> Ia dilakukan atas kesedaran bahawa masih lagi terdapat golongan yang tidak mampu untuk mendapatkan makanan disebabkan oleh pendapatan yang tidak mencukupi terutamanya bagi masyarakat yang tinggal di kawasan bandar. Tambahan pula, menurut Datuk Hj. Hassanuddin Ali, kebanyakan bantuan makanan yang diagihkan kepada golongan gelandangan diberikan oleh pihak bukan Islam. Maka, pihak masjid terdorong untuk membantu golongan tersebut atas dasar tanggungjawab sesama umat Islam dan sebagai salah satu cara menyampaikan dakwah kepada mereka.<sup>12</sup>

Program bantuan makanan kepada golongan gelandangan ini mula dijalankan pada bulan Ramadhan 2011. Pada awalnya, bantuan makanan hanya diagihkan pada waktu sahur pada bulan Ramadhan sahaja. Ini kerana menurut mereka pada waktu sahur golongan tersebut lebih sukar mendapatkan makanan berbanding waktu berbuka puasa kerana banyak masjid yang menyediakan juadah berbuka. Namun selepas itu, aktiviti pengagihan bantuan makanan telah diteruskan pada bulan-bulan lain juga dengan

---

<sup>11</sup> Datuk Hj. Hassanuddin Ali, Pengerusi Masjid Al-Ghufran Pinggir Taman Tun Dr Ismail (PTTDI). Temubual pada 27 Mac 2012.

<sup>12</sup> *Ibid.*; Encik Kamal Amir Osman, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (Imam), Masjid Al-Ghufran Pinggir Taman Tun Dr Ismail (PTTDI). Temubual pada 27 Mac 2012.

kekerapan sebulan sekali. Bagi bulan-bulan lain, bantuan makanan mula diagihkan selepas waktu maghrib.<sup>13</sup>

Menurut Datuk Hj. Hassanuddin Ali,<sup>14</sup> program-program sebegini banyak membantu golongan yang kurang berkemampuan. Golongan penerima bukan sahaja daripada orang Islam malah terdapat juga daripada masyarakat bukan Islam. Bantuan makanan juga merupakan salah satu cara untuk mereka menyampaikan dakwah kepada orang bukan Islam sebagaimana yang dikatakan oleh beliau:

“Kalau masjid ni kita buat dari segi ihsan dan dorongan kita Islam kena tolong orang Islam. Tapi dalam masa yang sama, kita nak berdakwah juga, kita nak tarik orang bukan Islam pun masuk Islam. Jadi kita beri makan tu kalau yang bukan Islam pun kita beri. Jadi dia tengok orang Islam ni baik bagi makan, jadi dia boleh tertarik hati”.

Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah<sup>15</sup> dan Encik Zulkhairul Omar<sup>16</sup> mempunyai pandangan yang sama dengan Datuk Hj. Hassanuddin Ali<sup>17</sup> mengenai aktiviti pemberian makanan yang dilakukan oleh orang bukan Islam. Menurut mereka, kebanyakan program-program bantuan makanan banyak dilakukan oleh NGO-NGO yang bukan Islam sebagaimana yang ditekankan oleh Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah:

“*Interm of private* NGO punya program bantuan makanan kan kita ada Kechara Soup Kitchen, kita ada banyak tempat-tempat di mana *private* NGO, *volunteer organisations appoint a place for the volunteers come giving food for the poor and needy* kan, yang itu bagus i tengok *because full involvement, volunteers* tu betul-betul terlibat dan beri makanan kan, *but most of them* bukan Muslim pulak, kebanyakan yang NGO tu *cristian based* pastu *companies* yang bukan *Malay based*”<sup>18</sup>

---

<sup>13</sup> *Ibid.* ; Kamal Amir Osman, *op.cit.*

<sup>14</sup> Datuk Hj. Hassanuddin Ali, *op.cit.*

<sup>15</sup> Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah, *op.cit.*

<sup>16</sup> Encik Zulkhairul Omar, Pengajar Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Temubual pada 2 Februari 2012.

<sup>17</sup> Datuk Hj. Hassanuddin Ali, *op.cit.*

<sup>18</sup> Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah, *op.cit.*



Antara program bantuan makanan yang dikendalikan oleh NGO bukan Islam ialah seperti *Kechara Soup Kitchen*<sup>19</sup> yang memberikan bantuan makanan kepada golongan gelandangan dan golongan miskin. Encik Raimi iaitu Setiausaha Agung Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) memberikan pandangan bahawa NGO Islam kurang kehadapan dalam isu gelandangan berbanding golongan Kristian yang dinyatakan oleh beliau dalam satu Diskusi Isu Sosial (DIKSI) yang diadakan oleh ABIM pada 17 Februari 2012.<sup>20</sup> Menurut Datuk Hj. Hassanuddin Ali,<sup>21</sup> bantuan makanan yang disediakan oleh badan bukan Islam boleh mendatangkan keraguan kerana tiada kepastian sama ada sumber makanan tersebut halal atau sebaliknya. Kenyataan ini turut disokong oleh Encik ZulKhairul Omar dan beliau berpendapat sekiranya masyarakat Muslim bergantung kepada bantuan makanan yang diberikan oleh pihak bukan Islam dikhuatiri akan menggugat akidah penerima itu sendiri khususnya bagi yang beragama Islam. Menurutnya lagi, antara faktor yang menyebabkan golongan miskin mendapatkan bantuan daripada masyarakat bukan Islam adalah disebabkan oleh karenah birokrasi sebagaimana yang ditekankan oleh beliau:<sup>22</sup>

“Kalau agihan zakat mengikut media massa sekarang ni kita tengok sendiri masih wujud kepincangan la. Kerana benda tu tak sampai kepada golongan fakir. Bermakna wujudnya kerenah birokrasi, sebab itulah wujudnya masalah murtad.”

Hasil temubual bersama penerima bantuan makanan juga menunjukkan masih lagi terdapat golongan yang mempunyai pendapatan di bawah garis kemiskinan, namun tidak mendapat sebarang bantuan lain. Malah terdapat beberapa penerima bantuan makanan yang pernah memohon untuk mendapatkan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan pusat zakat namun tidak berjaya. Menurut Puan

---

<sup>19</sup> *Kechara Soup Kitchen*, <http://www.kechara.com/soup-kitchen/>, 5 Mei 2012.

<sup>20</sup> Angkatan Belia Islam Malaysia, <http://www.abim.org.my/component/content/article/11-beritautama/586-ngo-islam-perlu-santuni-golongan-gelandangan.html>, 14 Mei 2012.

<sup>21</sup> Hassanuddin Ali, *op.cit.*

<sup>22</sup> Encik ZulKhairul Omar, *op.cit.*

Sarimah Arshad,<sup>23</sup> beliau pernah meminta bantuan zakat dan bantuan perumahan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) namun tidak berjaya disebabkan bukan warganegeri tempat yang beliau membuat permohonan tersebut. Menurutnya, beliau dilahirkan di Perak namun menetap di Selangor sejak dari kecil lagi. Beliau tidak dapat membuat akuan sumpah bahawa telah bermastautin di Selangor kerana ibunya yang diperlukan sebagai saksi telah meninggal dunia. Keadaan ini menyukarkan beliau untuk memohon mana-mana bantuan.

Berdasarkan temubual yang dijalankan bersama pelaksana program bantuan makanan daripada PERTIWI *Soup Kitchen* dan BELAMISKIN, bantuan makanan yang disediakan ternyata banyak membantu masyarakat miskin. Ia turut disokong melalui hasil temubual yang dijalankan bersama penerima bantuan makanan. Kesemua penerima bantuan makanan memberikan respon yang positif terhadap program bantuan makanan. Dengan adanya bantuan tersebut, ia dapat meringankan sedikit sebanyak beban yang ditanggung oleh mereka. Ini kerana kebiasaannya orang miskin akan menggunakan hampir kesemua pendapatannya untuk mendapatkan makanan kerana makanan adalah barangan asas yang paling utama untuk dipenuhi bagi meneruskan kehidupan.<sup>24</sup> Ia dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Mohd Alias Idris yang menunjukkan golongan miskin membelanjakan 43.4 peratus daripada pendapatan mereka untuk makanan.<sup>25</sup> Dengan kos makanan yang tinggi pada masa kini, golongan tersebut hanya mampu membeli bahan makanan asas sahaja seperti beras, gula, minyak masak, kopi dan teh. Oleh itu, dengan adanya bantuan makanan ia sedikit sebanyak dapat membantu mereka dengan mengurangkan perbelanjaan terhadap makanan seterusnya dapat digunakan untuk memenuhi keperluan asasi yang lain.

---

<sup>23</sup> Puan Sarimah Arshad, Penerima bantuan makanan Pusat Makan Percuma BELAMISKIN. Temubual pada 13 Januari 2012.

<sup>24</sup> Nurizan Yahaya, Tengku Aizan Hamid & Siti Farra Zillah Abdullah (2010), "Pendapatan dan Kepuasan Hidup Golongan Tua Termiskin dalam Laily Paim, *Kemiskinan di Malaysia: Isu Fundamental dan Paparan Realiti*. Serdang, Selangor: Penerbit UPM, h. 139.

<sup>25</sup> Mohammad Alias (1995), "Kemiskinan di Daerah Kuala Pilah" dalam *Daerah-daerah Kemiskinan*. H. Osman Rani (ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.160.

Menurut pelaksana program, bantuan makanan diberikan bukan bertujuan untuk membuat masyarakat malas dan hanya bergantung kepada bantuan tetapi hanya untuk membantu meringankan beban masyarakat terutamanya yang tinggal di kawasan bandar sebagaimana yang diterangkan oleh Puan Khairunnisa Khirrudin:

“Kat sini just kita bagi makan untuk alas perut la kita tak nak bagi orang lapar la. Kalau lapar nak buat kerja pun susah. So kita pun tak tahu budak-budak yang gi sekolah ni makan ke tak makan ke. Sekurang-kurangnya bila mereka dapat makan, mereka boleh fokus dalam kelas.”<sup>26</sup>

Menurut Puan Khaliza Khalid,<sup>27</sup> sebelum pusat makan tersebut ditubuhkan, terdapat kanak-kanak yang tinggal di kawasan tersebut meminta-minta wang daripada orang ramai untuk membeli makanan. Faktor kelaparan menyebabkan mereka terpaksa meminta-minta kerana kebanyakan ibu bapa mereka tidak mampu untuk memberi makanan yang mencukupi. Dengan adanya pusat makan percuma, sekurang-kurangnya kanak-kanak tersebut mempunyai tempat untuk dituju sekiranya mereka berada dalam keadaan kelaparan. Secara tidak langsung ia dapat mengurangkan golongan peminta sedekah. Berdasarkan pandangan Puan Munirah Abdul Hamid,<sup>28</sup> Puan Syahirah Saliha<sup>29</sup> dan Datuk Hj. Hassanuddin Ali,<sup>30</sup> golongan tersebut juga tidak mahu berkeadaan begitu tetapi berlaku disebabkan oleh keadaan yang memaksa sebagaimana yang diutarakan oleh Puan Syahirah Saliha melalui petikan temubual:

“Banyak program bantuan makanan yang ada contohnya Pertiwi *Soup Kitchen*, memang bagus. Sebab sebenarnya ramai yang ada masalah. Kita bukannya menggalakkan tapi untuk membantu. Mereka juga tak nak jadi macam tu tapi keadaan yang memaksa.”<sup>31</sup>

---

<sup>26</sup> Puan Khairunnisa Khirrudin, Pengurus Pertubuhan Membela Miskin Tegar Malaysia. Temubual pada 27 Disember 2011.

<sup>27</sup> Puan Khaliza Khalid, Penasihat Pertubuhan Membela Miskin Tegar Malaysia. Temubual pada 13 Januari 2012.

<sup>28</sup> Puan Munirah Abdul Hamid, Pengasas dan Pengurus PERTIWI *Soup Kitchen*. Temubual pada 20 September 2011.

<sup>29</sup> Puan Syahirah Saliha Aipin, Eksekutif Bank. Temubual pada 15 Februari 2012.

<sup>30</sup> Datuk Hj. Hassanuddin Ali, *op.cit.*

<sup>31</sup> Puan Syahirah Saliha Aipin, *op.cit.*

Menurut beliau, bantuan yang diberikan dalam bentuk makanan adalah lebih baik kerana ia bukan sahaja dapat mengenyangkan orang yang kelaparan malah dapat mengelakkan sindiket penipuan sebagaimana yang dijelaskan oleh beliau:

“Pada saya, bantuan dari segi makanan tu lagi perlu la. Sebab apa yang saya nampak melalui bantuan makanan ni bila saya nampak orang minta sedekah, pada saya saya lagi suka bagi makanan sebab tepi-tepi jalan orang yang minta sedekah tu kita tak tahu itu sindiket mana ataupun kita tak tahu tu sebenarnya ada orang hantar ke. *So, better* kita bagi makanan bagi kenyang perut dia.”<sup>32</sup>

Tambahan pula, sedekah dalam bentuk makanan adalah paling utama berbanding sedekah yang lain berdasarkan hadith daripada Rasulullah SAW:

Maksudnya: “Sedekah yang paling utama iaitu engkau boleh memberikan makanan yang mengenyangkan kepada hati (perut) yang sedang kelaparan”.

(Riwayat Baihaki)

Menurut Prof. Dato’ Dr. Hj. Mohammad Hj. Alias,<sup>33</sup> Encik Yusni Abdul Rahman,<sup>34</sup> Encik Mohd Asyran Safwan,<sup>35</sup> Datuk Hj. Hassanuddin Ali,<sup>36</sup> Puan Khaliza Khaltom<sup>37</sup> dan Puan Roziah Abudin,<sup>38</sup> bantuan makanan adalah diperlukan terutamanya di kawasan bandar untuk membantu masyarakat yang terpinggir ekoran kos hidup yang tinggi. Dengan adanya bantuan makanan, ia bukan sahaja dapat membantu memenuhi salah satu keperluan asas yang paling utama bagi seseorang malah secara tidak langsung dapat menghindarkan masalah jenayah seperti mencuri, merompak dan sebagainya. Ini kerana apabila sesuatu keperluan itu tidak mencukupi maka ia akan mendorong mereka untuk mencuri bagi memenuhi keperluan tersebut.

---

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> Prof. Dato’ Dr. Hj. Mohammad Hj. Alias, *op.cit.*

<sup>34</sup> Encik Yusni Abdul Rahman, Pengajar Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Temubual pada 2 Februari 2012.

<sup>35</sup> Encik Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman, Pegawai Bahagian Penyelidikan dan Produk Wakaf. Temubual melalui telefon pada 15 Februari 2012.

<sup>36</sup> Datuk Hj. Hassanuddin Ali, *op.cit.*

<sup>37</sup> Puan Khaliza Khaltom, *op.cit.*

<sup>38</sup> Puan Roziah Abudin, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA). Temubual pada 15 Mac 2012.

Program bantuan makanan yang dijalankan oleh pihak NGO menampakkan kejayaan walaupun ia dilakukan dalam skala yang kecil. Ini kerana bantuan makanan yang diberikan banyak membantu masyarakat yang kurang berkemampuan. Walaubagaimanapun, mereka menghadapi masalah kekurangan dana terutamanya bagi pihak BELAMISKIN di mana mereka masih menggunakan dana persendirian sebanyak 70 peratus daripada kos operasi yang dianggarkan sebanyak RM30,000 sebulan sebagaimana yang dinyatakan oleh Puan Khairunnisa:<sup>39</sup>

“Kita tengah cari lagi mana-mana sumber yang boleh tampung. Kalau boleh kita tak nak tutup sini, tapi hampir-hampir nak tutup jugak la sini”

Kenyataan ini disokong oleh Puan Khaliza Khaltom yang dinyatakan dalam petikan temubual beliau:<sup>40</sup>

“Kita tak ada sumber lain, kita melalui kita punya syarikat, kalau syarikat kita naik tinggi, banyak la kita punya dana kita. Dulu saya pun tak pernah minta sumbangan cuma atas dasar ihsan orang bagi. *Now, i* memang memerlukan sebab tak mahu tutup tempat ni. Ni dah 2 tahun lebih, bila keadaan ni berlaku sekarang kalau nak tutup kesian diorang. Sekarang ni berapa ratus yang bergantung kepada tempat kita. So, kalau kita tutup apa yang terjadi pada diorang. Kita pun perlukan kewangan untuk *support* pekerja-pekerja.”

Di Malaysia, antara institusi yang memainkan peranan untuk menjaga kebajikan sosial masyarakat adalah JKM, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK) dan institusi-institusi zakat. Institusi tersebut menyediakan pelbagai bantuan kepada golongan fakir miskin seperti bantuan dalam bentuk kewangan, bantuan perubatan, bantuan membaiki rumah serta bantuan makanan. Jika dilihat daripada sudut pemberian bantuan makanan, bantuan tersebut diberikan secara berkala iaitu hanya sekali dalam tempoh sebulan.<sup>41</sup> Pemberian bantuan secara berkala

---

<sup>39</sup> Puan Khairunnisa Khirrudin, *op.cit.*

<sup>40</sup> Puan Khaliza Khaltom, *op.cit.*

<sup>41</sup> Lembaga Zakat Selangor, <http://www.e-zakat.com.my/jenis-bantuan/>, 8 Mac 2012.

tidak mampu menampung keperluan harian kerana makanan diperlukan setiap hari bagi meneruskan kelangsungan hidup. Tambahan pula, bantuan makanan yang diberikan hanya dalam skala yang kecil. Oleh itu, bantuan-bantuan sokongan yang lain diperlukan untuk mengisi lompong yang ada bagi menampung kekurangan yang ada. Dalam konteks ini, ia memerlukan satu institusi atau bahagian khas yang boleh mengendalikannya supaya bantuan makanan dapat dikembangkan dan diselaraskan dengan lebih sistematik.

Pemberian bantuan makanan juga turut dilakukan oleh badan-badan korporat seperti Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). BIMB mengadakan kerjasama dengan NGO, *Reach Out Malaysia*, untuk memberi bantuan makanan kepada golongan gelandangan di sekitar ibu kota. Pihak BIMB mengagihkan kira-kira 500 bungkus makanan setiap bulan kepada golongan tersebut. Pengagihan makanan panas dan barangan keperluan kepada golongan gelandangan itu diagihkan di kawasan sekitar Pudu Sentral, Pasar Seni, Pasar Pudu, Jalan Petaling, Masjid Jamek, Masjid India, Masjid Negara dan Bangunan Daya Bumi.<sup>42</sup>

Berdasarkan pandangan yang diberikan oleh responden, dapat disimpulkan bahawa bantuan makanan adalah sesuatu yang penting bagi membantu golongan miskin yang tidak mempunyai kemampuan untuk mendapatkan makanan. Namun dalam konteks Malaysia, program bantuan makanan hanya dilakukan dalam skala yang kecil berbanding di luar negara sedangkan masih lagi terdapat individu dan masyarakat yang miskin dan kurang berkemampuan. Oleh itu, sekiranya bank makanan diwujudkan ia bukan sahaja dapat memberi bantuan makanan kepada golongan miskin dan memerlukan malah dapat menyalurkan sumbangan makanan kepada badan-badan kebajikan yang kekurangan sumber dana untuk menyediakan bantuan makanan seperti

---

<sup>42</sup> BIMB, <http://www.bankislam.com.my/bm/news/Pages/Bank%20Islam%20Bantu%20Golongan%20Gelandangan.aspx>, 14 Mei 2012.

yang dialami oleh pihak BELAMISKIN. Dengan adanya sumbangan tersebut, ia dapat menstabilkan sumber kewangan badan-badan kebajikan seperti yang telah dilakukan di negara-negara maju.

### **6.3 PANDANGAN RESPONDEN TENTANG PELAKSANAAN BANK MAKANAN DI MALAYSIA**

Menurut kebanyakan responden, bank makanan merupakan satu inisiatif yang baik sebagai salah satu langkah untuk membantu masyarakat miskin dan memerlukan lebih-lebih lagi dalam situasi kenaikan harga makanan global. Walaubagaimanapun ia bukan mudah untuk dilaksanakan kerana memerlukan satu organisasi yang khusus bagi menguruskan dengan baik dan sistematik kerana ia melibatkan makanan yang tidak boleh disimpan lama. Selain itu, konsep ‘lebih makanan’ iaitu sumbangan makanan yang diberikan disebabkan tidak boleh dijual kerana menghampiri tarikh luput atau mengalami kerosakan perlu diteliti dan dinilai semula supaya hanya lebihan yang baik dan berkualiti sahaja diagihkan kepada penerima supaya tidak mendatangkan kemudaratan yang lebih besar. Antara maklum balas yang diberikan oleh responden tentang pelaksanaan bank makanan di Malaysia ditunjukkan melalui beberapa petikan temubual berikut:

“Bila saya dengar pasal bank makanan ni, saya rasa macam satu inisiatif yang baik la untuk kita mengadakan satu bank makanan kat Malaysia memandangkan macam kita lihat keadaan di Malaysia ni kita sangat kaya raya dengan makanan, restoren banyak, makanan melimpah ruah, lepas tu makanan tak habis kita buang je. Daripada membazir tu kenapa kita tak membantu orang-orang yang susah daripada diorang korek tong sampah, *better* kita buat satu bank makanan yang boleh *manage* makanan-makanan yang akan *expired*, macam lebihan dekat restoren-restoren.” - Puan Shahirah Saliha<sup>43</sup>

---

<sup>43</sup> Puan Shahirah Saliha, *op.cit.*

Tambahnya lagi:

“Sebenarnya kita kaya dengan makanan tapi kita membazir. Contoh macam KFC, McDonald ada juga makanan yang tidak habis tapi dibuang. Bila ada satu pusat yang menguruskan makanan ni dia dapat mengelakkan pembaziran dan boleh diberi pada mereka yang memerlukan sebab ramai lagi masyarakat kita yang susah. Bagus la ada bank makanan boleh kerjasama dengan semua NGO untuk *centralize* bantuan makanan.”- Puan Shahirah Saliha<sup>44</sup>

Encik Yusni juga turut memberikan pandangan yang positif iaitu:

“Elok la, kadang-kadang dia boleh membantu macam orang yang susah macam masyarakat terpinggir. Kalau kita tengok kat kampung mungkin tak timbul la isu macam ni. Tapi kalau di bandar-bandar besar benda tu patut diperluaskan lagi la. Sebab sebenarnya di bandar besar la wujud masalah masyarakat terpinggir macam ni sebab kos sara hidup yang tinggi. So dia boleh dapatkan makanan daripada situ la. Daripada dia duk mencuri ke apa kan. At least dapat mengelakkan daripada mereka melakukan jenayah”.- Encik Yusni<sup>45</sup>

Tambahnya lagi:

“Wajar juga sebenarnya benda tu sebab jika berlaku sebarang krisis maknanya benda tu dah ada sebagai persediaan, ni sebagai langkah berjaga-jaga.”- Encik Yusni<sup>46</sup>

Dr. Luqman Hj. Abdullah dan Puan Munirah memberikan pandangan bahawa pelaksanaannya memerlukan kajian yang teliti kerana melibatkan makanan yang tidak tahan lama dan tertakluk kepada tarikh luput sebagaimana yang dinyatakan dalam petikan temubual:

“Idea tu bagus la sebab dia boleh banyak membantu. Saya sokong la idea tu cuma tinggal dari segi pelaksanaan macam mana sebab makanan ni tertakluk kepada *expired date*, benda yang tak tahan lama.”- Dr Luqman<sup>47</sup>

---

<sup>44</sup> *Ibid*

<sup>45</sup> Encik Yusni Abdul Rahman, *op.cit.*

<sup>46</sup> *Ibid.*

<sup>47</sup> Dr. Luqman Hj. Abdullah, *op.cit.*



“Bank makanan boleh dilaksanakan. Tapi, dari segi pemberian makanan daripada lebih makanan yang hampir *expired*, ia perlu dinilai semula. Ini kerana makanan yang hendak diberikan kepada penerima mestilah makanan yang berkhasiat dan berkualiti.”- Puan Munirah<sup>48</sup>

Cadangan pelaksanaan bank makanan turut disokong oleh Puan Khairunnisa sebagaimana yang diterangkan oleh beliau:

“Saya setuju dengan bank makanan ni sebab bukan sahaja dapat mengelakkan daripada pembaziran tapi dapat membantu masyarakat yang memerlukan. Kalau ia dilaksanakan mengikut cara yang betul, tak mustahil dapat membantu negara-negara lain pulak.”- Puan Khairunnisa<sup>49</sup>

Menurut Puan Roziah Abudin,<sup>50</sup> fungsi bank makanan perlu fokus kepada golongan yang betul-betul yang tidak mempunyai kemampuan untuk mendapatkan makanan seperti golongan gelandangan, warga tua yang tidak mempunyai keluarga dan orang miskin yang sudah tidak produktif iaitu golongan yang tidak boleh bekerja. Pemilihan penerima daripada golongan yang tepat adalah sangat penting bagi memastikan masyarakat tidak hanya bergantung kepada bantuan semata-mata. Menurut Datuk Hj. Hassanuddin Ali,<sup>51</sup> dalam masa yang sama bank makanan juga boleh menjadi saluran tambahan yang menyediakan bantuan makanan ketika berlaku bencana alam seperti banjir, kemarau dan sebagainya.

#### **6.4 PANDANGAN RESPONDEN TENTANG SITUASI KEMISKINAN DAN KEBAJIKAN SOSIAL DI MALAYSIA**

Menurut Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah, secara umumnya, gambaran situasi kebajikan sosial di Malaysia adalah pada tahap yang baik. Malaysia adalah antara negara

---

<sup>48</sup> Puan Munirah Abdul Hamid, *op.cit.*

<sup>49</sup> Puan Khairunnisa Khirrudin, *op.cit.*

<sup>50</sup> Puan Roziah Abudin, *op.cit.*

<sup>51</sup> Datuk Hj. Hassanuddin Ali, *op.cit.*

di Asia Tenggara yang mempunyai sistem kebajikan yang bagus. Antaranya dilihat melalui bajet yang dibentangkan oleh pihak kerajaan di mana peruntukan untuk program-program pembangunan sosial sentiasa meningkat setiap tahun terutamanya untuk kebajikan masyarakat miskin. Statistik bilangan dan kadar kemiskinan juga semakin menurun setiap tahun. Menurut beliau, keadaan ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan polisi-polisi, program-program sosial dan bantuan-bantuan sosial yang disediakan untuk membantu masyarakat yang tidak berkemampuan. Dalam konteks ini, masyarakat Malaysia dilihat hidup sejahtera berbanding dengan masyarakat di negara-negara miskin seperti di Indonesia, Myanmar dan lain-lain. Namun terdapat kes-kes terpencil yang menunjukkan situasi yang berbeza di mana berlaku peningkatan peminta sedekah, golongan gelandangan di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan lain-lain. Berdasarkan pandangan beliau, keadaan ini berlaku kerana kebanyakan golongan yang meminta sedekah, kanak-kanak yang mengemis adalah daripada warga asing dan bukannya daripada rakyat tempatan.<sup>52</sup> Kenyataan ini disokong melalui laporan di keratan-keratan akhbar yang menunjukkan bahawa kebanyakan golongan peminta sedekah terdiri daripada pendatang asing terutama dari Myanmar, Bangladesh dan Pakistan.<sup>53</sup>

Namun, secara keseluruhannya jika dilihat daripada statistik jumlah tangkapan pengemis yang dilaporkan oleh JKM menunjukkan terdapat 82% atau 1181 orang pengemis adalah warganegara Malaysia manakala sebanyak 18% adalah bukan warganegara.<sup>54</sup> Manakala bagi kes gelandangan pula, pada tahun 2011, terdapat hampir

---

<sup>52</sup> Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah, *op.cit.*

<sup>53</sup> MStar, [http://mstar.com.my/variasi/manusia\\_peristiwa/cerita.asp?file=/2010/6/14/mstar\\_manusia\\_peristiwa/20100614102448&sec=mstar\\_manusia\\_peristiwa](http://mstar.com.my/variasi/manusia_peristiwa/cerita.asp?file=/2010/6/14/mstar_manusia_peristiwa/20100614102448&sec=mstar_manusia_peristiwa), 14 April 2012; [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0928&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0928&pub=Utusan_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke_01.htm), 14 April 2012; [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0112&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Kota&pg=wk\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0112&pub=Utusan_Malaysia&sec=Kota&pg=wk_01.htm), 14 April 2012.

<sup>54</sup> Jabatan Kebajikan Masyarakat, [http://www.jkm.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=646&Itemid=1002&lang=ms](http://www.jkm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=646&Itemid=1002&lang=ms), 3 Mei 2012.

1,400 orang gelandangan di Kuala Lumpur yang mendaftar dengan JKM.<sup>55</sup> Menurut Puan Munirah Abdul Hamid,<sup>56</sup> Datuk Hj. Hassanuddin Ali<sup>57</sup> dan Encik Kamal Amir Osman<sup>58</sup> selaku pelaksana program bantuan makanan yang terlibat secara langsung dengan golongan tersebut, mereka tidak menafikan bahawa terdapat juga gelandangan daripada warga asing namun berdasarkan pengamatan mereka kebanyakannya terdiri daripada warga tempatan. Antaranya individu yang datang daripada Kedah, Terengganu, Kelantan, Pulau Pinang dan lain-lain lagi. Kebanyakan daripada mereka datang ke bandar bertujuan untuk mendapatkan kerja bagi meningkatkan taraf hidup mereka, walaubagaimanapun tidak semua mempunyai nasib yang baik dalam mendapatkan pekerjaan. Kegagalan mendapatkan pekerjaan dan ekoran kos hidup yang tinggi di bandar menyebabkan mereka tidak mampu untuk menyewa dan akhirnya mereka terpaksa merempat di perhentian bas dan tepi-tepi jalan sebagai tempat untuk mereka berteduh.

Menurut pandangan Datuk Hj. Hassanuddin Ali,<sup>59</sup> Prof. Dato' Dr. Hj. Mohammad Hj. Alias,<sup>60</sup> Puan Khaliza Khaltom,<sup>61</sup> Encik Mohd Asyran Safwan<sup>62</sup> dan Encik Yusni,<sup>63</sup> masalah ketidakcukupan dan ketidakmampuan untuk mendapatkan makanan kebiasaannya wujud bagi masyarakat yang tinggal di kawasan bandar. Ini kerana berlaku peningkatan kos sara hidup yang disebabkan oleh kenaikan harga petrol dan bekalan makanan. Kenaikan harga makanan telah membebankan masyarakat terutamanya golongan miskin dan berpendapatan rendah. Pihak kerajaan telah mengambil langkah bagi membantu golongan tersebut khususnya yang tinggal di

---

<sup>55</sup> Berita Harian, <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/UcapanBelanjawan2012/belanjawan/belanjawan2012/article.html>, 20 Mei 2012.

<sup>56</sup> Puan Munirah Abdul Hamid, *op.cit.*

<sup>57</sup> Datuk Hj. Hassanuddin Ali, *op.cit.*

<sup>58</sup> Encik Kamal Amir Osman, *op.cit.*

<sup>59</sup> Datuk Hj. Hassanuddin Ali, *op.cit.*

<sup>60</sup> Prof. Dato' Dr. Hj. Mohammad Hj. Alias, *op.cit.*

<sup>61</sup> Puan Khaliza Khaltom, *op.cit.*

<sup>62</sup> Encik Mohd Asyran Safwan Kamaruzzaman, *op.cit.*

<sup>63</sup> Encik Yusni Abdul Rahman, *op.cit.*

kawasan bandar dengan mewujudkan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan Menu Rakyat 1Malaysia dengan harga yang lebih murah daripada harga pasaran. Namun tidak semua orang dapat menikmati bantuan tersebut kerana sumber kewangan yang masih tidak mencukupi untuk mendapatkannya.

Berdasarkan pengalaman Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah yang banyak terlibat dengan kerja-kerja sosial bersama orang miskin, masih lagi terdapat golongan yang terpaksa membeli makanan yang kurang kualitinya seperti beras hancur walaupun kerajaan telah memberikan subsidi sebagaimana yang dijelaskan olehnya melalui petikan temubual di bawah:<sup>64</sup>

“*Government* dah bagi subsidi beras, tapi orang miskin masih lagi susah nak beli beras, masih lagi beli beras hancur dan yang kita tahu secara teorinya orang miskin ni akan gunakan hampir semua pendapatannya untuk makanan kan. Saya banyak bekerja dengan orang miskin jadi saya tahu macam mana keadaan mereka”

Manakala hasil temubual yang dijalankan bersama beberapa orang penerima bantuan makanan di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN menunjukkan bahawa kebanyakan penerima sememangnya berada dalam kemiskinan di mana mereka berada dalam ketiga-tiga kategori kemiskinan iaitu miskin tegar, miskin dan mudah miskin. Kebanyakan daripada mereka tinggal di rumah sewa dan mempunyai pelbagai masalah kesihatan menyebabkan pendapatan yang diperolehi terpaksa digunakan untuk memenuhi pelbagai keperluan dari segi makanan, pakaian, sewa rumah, kos perubatan dan sebagainya yang merupakan keperluan daruriyyat. Namun, kebanyakan daripada mereka tidak mendapat sebarang bantuan lain sama ada daripada pihak JKM ataupun pusat zakat. Keadaan ini menunjukkan bahawa masih lagi terdapat golongan miskin yang tercicir daripada bantuan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan sama ada

---

<sup>64</sup> Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah, *op.cit.*

disebabkan oleh karenah birokrasi ataupun mereka kurang pengetahuan tentang saluran yang disediakan bagi golongan yang layak mendapatkannya.

## **6.5 TAHAP KESEDARAN MASYARAKAT TERHADAP KEBAJIKAN SOSIAL**

Tahap kesedaran masyarakat terhadap kebajikan sosial dilihat daripada segi penglibatan tenaga kerja sukarela dan pemberian sumbangan sama ada melalui suruhan wajib atau sunat. Ini kerana bank makanan banyak bergantung kepada khidmat sukarelawan dan sumbangan derma daripada masyarakat awam untuk menggerakkan operasinya.

### **6.5.1 Penglibatan Kerja Sukarela**

Berdasarkan kepada pengalaman Puan Munirah mengendalikan projek *PERTIWI Soup Kitchen* yang melibatkan sukarelawan dalam operasinya, beliau menyatakan penglibatan masyarakat awam amat memberangsangkan sebagaimana yang ditekankan oleh beliau:

*“I have amazing number of volunteers, sampai kadang-kadang i have to turn away people sebab ramai sangat”*<sup>65</sup>

Tenaga kerja sukarela terdiri daripada masyarakat yang datang secara individu, berkumpulan ataupun melalui institusi tertentu. Antaranya yang datang membuat tugas, membuat *Corporate Sosial Responsibility (CSR)* dan sebagainya. Sukarelawan yang terlibat terdiri daripada pelbagai peringkat umur, kaum, bangsa dan agama. Malah terdapat juga warga asing yang turut melibatkan diri dalam aktiviti kebajikan sosial tersebut. Situasi ini membantu melancarkan program pengagihan bantuan makanan

---

<sup>65</sup> Puan Munirah Abdul Hamid, *op.cit.*

walaupun pada mana-mana musim perayaan kerana mempunyai sukarelawan daripada pelbagai agama dan bangsa.<sup>66</sup>

### 6.5.2 Pemberian Sumbangan

Menurut kebanyakan responden, masyarakat Malaysia adalah pemurah dan mempunyai kesedaran yang tinggi untuk membantu masyarakat yang kurang bernasib baik. Berdasarkan kepada temubual bersama masyarakat awam, selain melalui ibadat wajib seperti zakat, mereka juga turut menyalurkan sumbangan lain dalam bentuk sedekah dan wakaf bagi membantu masyarakat yang memerlukan. Manakala pandangan yang diberikan tentang kesedaran masyarakat Malaysia secara umum dalam membantu golongan yang kurang berkemampuan dinyatakan melalui petikan-petikan temubual tersebut:

“Masyarakat Malaysia ni pemurah dan mempunyai hati yang lembut. Kita juga mempunyai banyak makanan. Kesedaran untuk membantu tu ada. Bila ada bank makanan dan kita war-warkan menggunakan media dan sebagainya, mungkin mereka akan menyumbang. Kadang ada juga nak meyumbang tapi tidak tahu nak salurkan ke mana”.<sup>67</sup>

Pandangan tersebut diutarakan oleh Puan Shahirah Saliha dan ia disokong oleh Encik Zulhairul Omar sebagaimana kata beliau:<sup>68</sup>

“Rakyat Malaysia memang pemurah. Tak percaya pergi kedai makan mesti akan ada orang bagi *at least* RM1”

Bagi bantuan makanan, ia banyak diberikan terutamanya pada bulan Ramadhan sebagaimana yang dinyatakan oleh Datuk Hj. Hassanuddin Ali yang merupakan pengerusi Masjid Al-Ghufran berdasarkan kepada pengalamannya sendiri:<sup>69</sup>

---

<sup>66</sup> *Ibid.*

<sup>67</sup> Puan Shahirah Saliha Aipin, *op.cit.*

<sup>68</sup> Encik Zulhairul Omar, *op.cit.*

“Sehingga hari ini (27.03.2012) untuk Ramadhan akan datang bulan Julai ni, dah habis 50 %, orang *book* untuk berbuka dan moreh. Daripada awal tahun dulu, lepas habis je Ramadhan, dia dah cakap dah “datuk, tahun depan saya nak lagi satu malam, jangan lupa”. Sebab apa? sebab dia seronok tengok orang makan, dia derma tu tidak membazir. Dia dapat pahala puasa dan pahala orang yang makan nasi dia. Dua kali pahala la.”

Berdasarkan petikan temubual tersebut, golongan tersebut bukan membuat tempahan untuk berbuka puasa, namun mereka membuat tempahan untuk menderma bagi menyediakan juadah berbuka puasa. Menurut Datuk Hj. Hassanuddin Ali, kos juadah makanan untuk satu malam adalah sebanyak RM4000. Bagi masyarakat yang tidak mampu untuk menderma sebanyak RM4000 untuk satu malam, maka mereka berkongsi antara satu sama lain untuk turut menyumbang. Keadaan ini menunjukkan bahawa kesedaran menderma begitu tinggi di kalangan masyarakat sama ada golongan kaya ataupun sederhana.<sup>70</sup> Ia didorong oleh galakan-galakan bersedekah terutamanya pada bulan Ramadhan sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

“Barang siapa memberikan makanan untuk berbuka kepada orang yang berpuasa, maka ia memperoleh pahala sama dengan orang yang berpuasa; sedangkan pahala orang yang berpuasa itu sendiri tidak berkurang sedikit pun.”

(Riwayat At-Tirmidzi)

Kenyataan Datuk Hj. Hassanuddin Ali turut disokong oleh Encik Mohd Asyran Safwan.<sup>71</sup> Beliau menyatakan bahawa tahap kesedaran masyarakat tinggi untuk membantu bukan sahaja melalui mekanisme sedekah, malah melalui mekanisme zakat, wakaf, aqiqah dan korban. Walaubagaimanapun, tahap kesedaran membantu melalui mekanisme wakaf tunai masih lagi berada di tahap yang rendah. Ini kerana ia masih

---

<sup>69</sup> Datuk Hj. Hassanuddin Ali, *op.cit.*

<sup>70</sup> *Ibid.*

<sup>71</sup> Encik Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman, *op.cit.*

baru lagi dilaksanakan di Malaysia dan memerlukan kepada kempen kesedaran dan penyampaian secara berterusan kepada masyarakat.

Berdasarkan kepada maklumat dan maklum balas yang diperolehi daripada responden, ia menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia mempunyai tahap kesedaran yang tinggi untuk menyumbang. Oleh itu, daripada segi sumber dana untuk pembiayaan bank makanan, ia dilihat berpotensi untuk dikumpul bagi merealisasikan pelaksanaan bank makanan di Malaysia.

## **6.6 ANALISIS POTENSI PELAKSANAAN BANK MAKANAN DI MALAYSIA**

Berdasarkan kepada hasil temubual yang dijalankan bersama pihak pelaksana program, pihak kerajaan, pihak penerima, pakar akademik dan masyarakat awam, bank makanan dilihat mempunyai potensi untuk dilaksanakan di Malaysia. Kebanyakan pihak memberikan pandangan yang positif terhadap penubuhan bank makanan di Malaysia. Walaubagaimanapun, ia memerlukan penelitian yang terperinci untuk merealisasikannya terutamanya dari segi pengumpulan dana, pihak pengurusan dan sasaran penerima.

Secara umumnya, Malaysia mempunyai bekalan makanan yang mencukupi untuk keperluan semua penduduk,<sup>72</sup> namun masih lagi terdapat golongan yang tidak mempunyai kemampuan untuk mendapatkan bekalan makanan yang mencukupi bagi keperluan diri sendiri dan ahli isi rumah terutamanya bagi masyarakat yang tinggal di kawasan bandar. Keadaan ini turut dipengaruhi oleh peningkatan kos sara hidup yang disebabkan oleh kenaikan harga minyak dan bekalan makanan. Kenyataan ini turut

---

<sup>72</sup> Puan Roziah Abudin, *op.cit.*



diakui oleh penerima bantuan makanan yang ditemubual di mana kenaikan harga makanan turut dirasai dan semakin membebankan mereka.

Hasil temubual yang dijalankan bersama lima orang penerima bantuan makanan mendapati bahawa kebanyakan daripada mereka memperoleh pendapatan di bawah RM1000 dan mempunyai pelbagai masalah kesihatan. Pendapatan tersebut terpaksa digunakan untuk memenuhi pelbagai keperluan dari segi makanan, pakaian, sewa rumah dan sebagainya. Dengan adanya bantuan makanan ia sedikit sebanyak dapat membantu mereka dengan mengurangkan perbelanjaan untuk makanan seterusnya dapat digunakan untuk memenuhi keperluan asasi yang lain. Daripada aspek pandangan penerima, mereka sangat bersetuju dengan penubuhan bank makanan kerana sekurang-kurangnya dapat membantu golongan yang betul-betul memerlukan khususnya bagi golongan yang tercicir daripada mendapat sebarang bantuan yang telah diperuntukkan untuk golongan tersebut.

Terdapat pelbagai program yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan, NGO dan bantuan yang diberikan secara persendirian untuk membantu golongan tersebut. Namun, jika dilihat daripada aspek bantuan kerajaan, masih ada lagi golongan yang tercicir sama ada disebabkan oleh mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang saluran bantuan tersebut ataupun disebabkan oleh kerenah birokrasi. Ini dibuktikan melalui temubual yang dijalankan bersama penerima bantuan makanan. Kebanyakan daripada mereka berpendapatan rendah namun tidak mendapat sebarang bantuan lain malah ada daripadanya pernah memohon bantuan daripada JKM namun tidak berjaya disebabkan oleh masalah pengurusan.

Manakala daripada aspek bantuan makanan yang diberikan oleh pihak NGO, ia menampakkan kejayaan namun dilakukan dalam skala yang kecil dan tidak mempunyai sumber dana yang tetap kerana bergantung kepada sumbangan masyarakat semata-mata.

Hal ini turut diakui oleh Puan Khairunnisa sendiri di mana Pusat Makan Percuma hampir ditutup disebabkan oleh dana yang tidak mencukupi.<sup>73</sup> Keadaan ini menunjukkan bahawa mereka memerlukan dana tambahan yang tetap bagi mengukuhkan pertubuhan tersebut. Di negara-negara maju, bank makanan menjadi salah satu saluran utama yang membekalkan sumber makanan kepada badan-badan kebajikan yang menyediakan bantuan makanan. Kebanyakan badan-badan kebajikan yang berkaitan banyak bergantung kepada bank makanan. Oleh itu, sekiranya bank makanan dilaksanakan di Malaysia, ia dapat membantu membekalkan sumber makanan kepada badan-badan kebajikan yang berkaitan.

Bagi pihak pelaksana program bantuan makanan, mereka sangat bersetuju dengan adanya penubuhan bank makanan yang menjadi pusat pengumpulan makanan, ia dapat memudahkan untuk mengumpul pemberian bantuan makanan sebelum diagihkan kepada badan-badan kebajikan yang lain. Ini kerana menurut Puan Khairunnisa Khirrudin,<sup>74</sup> pihak industri tidak mempunyai tempat yang khusus untuk menderma. Tambahnya lagi, sumbangan diperlukan daripada pihak pengeluar itu sendiri untuk menderma tanpa perlu dibeli. Secara tidak langsung ia membantu pihak NGO untuk menampung dana perbelanjaan mereka. Oleh itu, dari aspek ini bank makanan dilihat sebagai alternatif yang baik untuk digunakan bagi menangani masalah tersebut yang mana bukan hanya memberi bantuan makanan secara terus kepada golongan yang memerlukan malah boleh menjadi salah satu saluran bagi NGO-NGO mendapatkan dana untuk program-program bantuan makanan mereka.<sup>75</sup>

Berdasarkan kepada pandangan Puan Khairunnisa Khirrudin<sup>76</sup> dan Encik Mohd Asyran Safwan,<sup>77</sup> dengan adanya bank makanan ini, ia bukan sahaja dapat dapat

---

<sup>73</sup> Puan Khairunnisa Khirrudin, *op.cit.*

<sup>74</sup> *Ibid.*

<sup>75</sup> *Ibid.*

<sup>76</sup> *Ibid.*

membantu masyarakat yang kekurangan bekalan makanan malah dapat mengelakkan daripada berlakunya pembaziran. Pembaziran di Malaysia dapat dilihat melalui data sisa pepejal di Semenanjung Malaysia yang menunjukkan peningkatan daripada 16,200 tan metrik sehari pada tahun 2001 kepada 19,100 tan metrik sehari pada 2005 atau secara puratanya 0.8 kilogram per kapita sehari. Berdasarkan data tersebut, sisa pepejal daripada makanan menunjukkan peratusan yang paling tinggi iaitu secara purata 45.0 peratus berbanding dengan bahan-bahan lain.<sup>78</sup> Ia dikukuhkan lagi melalui kenyataan Puan Roziah Abudin<sup>79</sup> di mana berdasarkan penyelidikan yang dilakukan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA), terdapat sebanyak 40 peratus daripada pengeluaran yang dihasilkan telah dibazirkan dan di antaranya adalah daripada makanan. Berdasarkan laporan daripada akhbar, sejumlah 930 tan makanan dibazirkan setiap hari kerana tidak dimakan. Ia dilihat berdasarkan kenyataan Prof. Dr. P. Agamuthu, pakar dalam bidang pengurusan bahan buangan pepejal dari Universiti Malaya yang menyatakan:

“Penduduk Malaysia membuang lebih kurang 930 tan makanan yang tidak dimakan setiap hari. Pembaziran makanan sahaja telah meningkat sekali ganda sejak tiga tahun lepas dan ia tidak termasuk jumlah baki makanan yang tidak dihabiskan.”<sup>80</sup>

Pembaziran makanan banyak berlaku terutamanya pada bulan Ramadhan.<sup>81</sup> Amalan membazir ini amat dilarang Allah hingga orang yang membazir itu disamakan dengan saudara syaitan. Ini kerana terdapat antara sisa atau lebihan makanan tersebut yang masih elok dan berkualiti untuk dimakan. Oleh itu, sekiranya lebihan makanan tersebut diserahkan kepada bank makanan ia bukan sahaja dapat mengelakkan

---

<sup>77</sup> Encik Asyran Safwan Kamaruzaman, *op.cit.*

<sup>78</sup> Jabatan Sisa Pepejal Malaysia, <http://www.kpkt.gov.my/jpspn/main.php?Content=sections&SectionID=55&IID=>, 20 Januari 2012.

<sup>79</sup> Roziah Abudin, *op.cit.*

<sup>80</sup> Mstar Online, [http://mstar.com.my/cerita.asp?sec=mstar\\_berita&file=/2011/6/10/mstar\\_berita/20110610125635](http://mstar.com.my/cerita.asp?sec=mstar_berita&file=/2011/6/10/mstar_berita/20110610125635), 24 April 2012.

<sup>81</sup> Berita Harian Online, [http://www.bharian.com.my/articles/Ramadanbulanibadat\\_bukanpepamakanan/Article/print\\_html](http://www.bharian.com.my/articles/Ramadanbulanibadat_bukanpepamakanan/Article/print_html), 25 April 2012.

pembaziran yang sememangnya ditegah dalam Islam malah dapat membantu masyarakat yang memerlukan.

Daripada perspektif negara, adalah menjadi tanggungjawab sesebuah negara menyediakan bantuan kepada masyarakat yang kurang berkemampuan sebagaimana yang telah dilaksanakan pada zaman Rasulullah SAW melalui Piagam Madinah yang membincangkan hubungan sesama Islam dan hubungan Islam dengan bukan Islam. Antara perjanjian dalam piagam tersebut ialah hendaklah bekerjasama dalam masalah ekonomi. Mereka tidak boleh membiarkan sebarang masalah di antara mereka sendiri bahkan mestilah sama-sama bertanggungjawab memberi sumbangan kebajikan. Piagam tersebut adalah untuk membentuk peraturan-peraturan yang berasaskan syariat bagi membentuk negara yang menempatkan penduduk yang berbilang kaum dan bangsa.<sup>82</sup> Oleh itu, perlunya kepada satu badan khas yang dapat melaksanakan program bantuan tersebut bukan sahaja bagi membantu sesama umat Islam malah golongan bukan Islam.

Menurut Dr. Luqman Abdullah<sup>83</sup> dan Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah,<sup>84</sup> walaupun bank makanan dilihat sesuai untuk dilaksanakan bagi membantu masyarakat, namun ia juga perlu dilihat kepada sambutan dan penerimaan daripada masyarakat awam. Ini kerana sumbangan besar dana bank makanan adalah daripada sumbangan masyarakat awam. Oleh itu, temubual telah dijalankan bersama lima orang masyarakat awam untuk mendapatkan pandangan mereka. Berdasarkan kepada temubual tersebut, mereka menunjukkan respon yang positif terhadap cadangan penubuhan makanan di Malaysia. Kebanyakan daripada mereka berkesanggupan untuk menyumbang kepada bank makanan sekiranya dilaksanakan. Walaubagaimanapun, ia mestilah menampakkan hasil supaya masyarakat bertambah yakin untuk memberikan sumbangan. Kenyataan ini

---

<sup>82</sup> Abd. Jalil Borham (2002), *Pengantar Perundangan Islam*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia, hh.60-63.

<sup>83</sup> Dr. Luqman Hj. Abdullah, *op.cit.*

<sup>84</sup> Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah, *op.cit.*

turut dipersetujui oleh Encik Yusni Abdul Rahman sebagai salah seorang masyarakat awam melalui kenyataan yang dipetik daripada temubual bersamanya:

“Sebenarnya ia bergantung kepada pihak pelaksana iaitu pihak pemerintah. Kalau kena cara, masyarakat akan bantu sebenarnya. Tapi kalau cara tu tak kena mungkin masyarakat bagi pandangan negatif la pada mereka. Maknanya dia tak akan bantu la.”<sup>85</sup>

Kenyataan ini turut disokong oleh Datuk Hj. Hassanuddin Ali<sup>86</sup> kerana berdasarkan pengalamannya yang menguruskan Masjid Al-Ghufran, beliau mendapati masyarakat akan menyumbang sekiranya sesuatu program itu menampakkan hasil. Tambahan pula masyarakat Malaysia adalah pemurah dan mempunyai kesedaran yang tinggi untuk membantu masyarakat yang tidak bernasib baik. Ia dibuktikan melalui data kutipan wakaf tunai, zakat, sedekah, fidyah, kifarah dan lain-lain lagi yang ditunjukkan dalam Jadual 6.1:

Jadual 6.1: Jumlah Kutipan Dana Mengikut Tahun 2005-2010

Jenis Kutipan	Tahun					
	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Wakaf Tunai	-	-	-	-	75,052.00	399,478.85
Zakat	573106305.7	670636172.7	793205633.5	1006521514	1169822837	1363772681
Sedekah	406,896.05	312,109.52	331,743.09	233,263.04	476,298.65	391,108.97
Fidyah	428,866.73	428,690.93	241,886.01	460,902.57	945,771.43	1,651,098.53
Kifarah	4,018.00	2,698.00	2,332.00	6,108.00	15,114.30	700.00
Korban (SR)	3,000,900.00	1,925,000.00	2,354,450.00	0.00	4,000,000.00	n.a
Dam (SR)	7,620,250.00	5,824,750.00	6,413,400.00	7,738,830.00	7,000,000.00	n.a

Nota: SR= Saudi Riyal<sup>87</sup>

Sumber: Sistem e-Bayanat@JAWHAR & Yayasan Wakaf Malaysia

Jadual 6.1 menunjukkan kutipan pelbagai jenis dana yang direkodkan oleh pihak JAWHAR dari tahun 2005 hingga 2010. Data tersebut menunjukkan sumbangan wakaf tunai dan zakat mempunyai peningkatan yang berterusan dari tahun 2005 hingga 2010. Manakala sumbangan yang lain adalah tidak konsisten kerana berlaku peningkatan dan

<sup>85</sup> Encik Yusni Abdul Rahman, *op.cit.*

<sup>86</sup> Datuk Hj. Hassanuddin Ali, *op.cit.*

<sup>87</sup> Korban dan dam adalah dalam Saudi Riyal (SR). Jumlah korban dan dam yang dibayar oleh Jemaah haji Malaysia semasa mengerjakan haji. Data sebenar mungkin lebih tinggi kerana korban yang dilaksanakan di Malaysia tidak direkodkan.


penurunan dalam tempoh tersebut. Ini mungkin disebabkan oleh terdapat individu yang memberikan sumbangan tanpa melalui institusi tersebut. Oleh itu, data sebenar kutipan dianggarkan lebih tinggi daripada jumlah yang direkodkan kerana terdapat juga masyarakat Malaysia yang mengeluarkan zakat, sedekah dan lain-lain lagi secara persendirian tanpa melalui institusi. Situasi ini menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia sememangnya pemurah dan mempunyai kesedaran tentang tanggungjawab sosial mereka terhadap masyarakat yang kurang bernasib baik.

Oleh itu, sekiranya masyarakat Malaysia mempunyai kesedaran yang tinggi seperti yang ditunjukkan oleh masyarakat awam yang ditemubual dan berkesanggupan untuk turut sama-sama memberikan dana kepada bank makanan, maka tidak mustahil bank makanan mampu dilaksanakan di Malaysia sebagai saluran tambahan penyediaan bantuan makanan untuk membantu golongan miskin dan golongan-golongan lain yang memerlukan.

## **6.7 APLIKASI PRINSIP SYARIAH DALAM OPERASI BANK MAKANAN**

Terdapat beberapa prinsip syariah yang berpotensi untuk diaplikasikan dalam operasi bank makanan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6.1:

Rajah 6.1: Cadangan Prinsip Syariah Dalam Operasi Bank Makanan



Rajah 6.1 menunjukkan prinsip-prinsip syariah yang berpotensi untuk diaplikasikan dalam pelaksanaan bank makanan. Prinsip syariah tersebut merangkumi tiga aspek yang berkaitan dalam pelaksanaan bank makanan iaitu daripada segi pengumpulan dana, pengurusan dan pengagihan.

### 6.7.1 Pengumpulan Dana Bank Makanan

#### i- Sumber Dana

Bank makanan yang telah dilaksanakan di negara-negara mendapat sumbangan melalui mekanisme derma untuk kebajikan semata-mata. Dalam Islam, terdapat beberapa mekanisme lain yang disediakan untuk membantu masyarakat miskin dan kurang berkemampuan, antaranya melalui mekanisme sedekah, wakaf, aqiqah, korban, kifarah, dam, fidyah dan zakat. Dalam konteks bank makanan di Malaysia, semua mekanisme tersebut adalah berpotensi untuk dijadikan sebagai sumber dana bagi pembiayaan bank makanan. Mekanisme bantuan tersebut boleh diberikan dalam bentuk kewangan atau makanan. Bagi bentuk bekalan makanan, mekanisme yang boleh diaplikasikan adalah

melalui sedekah, aqiqah, qurban, zakat dan kifarrah. Walaubagaimanapun, ibadat aqiqah, korban, zakat dan kifarrah adalah dilakukan secara berkala sedangkan keperluan kepada makanan diperlukan secara berterusan. Manakala sumber zakat pula terhad kepada lapan asnaf sahaja yang tidak merangkumi golongan bukan Islam, sedangkan masalah kelaparan melibatkan semua kaum dan agama. Oleh itu, menurut pandangan Dr. Luqman Abdullah<sup>88</sup>, mekanisme yang paling sesuai dan berpotensi untuk diaplikasikan dalam bank makanan adalah melalui mekanisme sedekah. Mekanisme sedekah adalah paling sesuai untuk dilaksanakan kerana ia tidak terikat kepada syarat-syarat tertentu seperti jenis barangan, jumlah sumbangan atau masa untuk melaksanakannya. Ia memudahkan masyarakat dan pihak industri untuk memberi sumbangan tanpa mengira bentuk dan jumlah sumbangan tersebut.

Oleh kerana makanan adalah bahan yang tidak tahan lama, maka Dr Luqman Abdullah mencadangkan supaya memberi sedekah dalam bentuk tunai kemudian ia ditukar kepada bentuk makanan. Untuk tujuan itu, beliau mencadangkan supaya membuka satu akaun khas bagi memudahkan orang ramai menderma. Pihak yang menguruskan bank makanan mestilah memaklumkan kepada masyarakat tujuan tabung tersebut diwujudkan supaya masyarakat jelas dan faham dengan fungsi sebenar bank makanan sebagaimana kata beliau:<sup>89</sup>

“Saya rasa benda-benda bank makanan ni dia fokus kepada derma orang ramai. Bagitahu secara jelas bahawasanya ini satu organisasi yang akan membekalkan makanan kepada orang ramai. Jadi barangsiapa yang ingin menderma untuk tujuan itu maka buka akaun tu, buat satu dana. Jadi terserah kepada badan tu la nak gi beli sardin ke, ikan kering ke apa semua tu untuk dia bagi. Soalnya duit je”.

Daripada dana tersebut, maka pihak bank makanan perlu menguruskan pembelian makanan yang bersesuaian dengan keperluan untuk diagihkan kepada golongan yang

---

<sup>88</sup> Dr. Luqman Hj. Abdullah, *op.cit.*

<sup>89</sup> *Ibid.*



memerlukan. Walaupun sumber utama yang diperlukan dalam bentuk makanan namun sumber kewangan juga penting kerana sekiranya bekalan makanan yang didermakan tidak mencukupi, pihak bank makanan boleh mendapatkannya melalui pembelian.

Selain itu, konsep wakaf juga boleh digunakan dalam bank makanan. Menurut Dr. Luqman Abdullah<sup>90</sup> dan Encik Mohd Asyran Safwan<sup>91</sup>, ia boleh dilakukan dengan mewujudkan satu skim saham wakaf atau wakaf tunai. Melalui pengaplikasian konsep wakaf dalam bank makanan, ia bukan sahaja dapat membantu masyarakat yang memerlukan malah dapat mengembangkan harta dan peranan wakaf seperti yang telah dilaksanakan pada zaman kerajaan Uthmaniyyah melalui dapur wakaf atau dikenali sebagai ‘*imaret*’. Ini kerana berdasarkan temubual bersama Encik Mohd Asyran Safwan, pembangunan wakaf di Malaysia banyak dilakukan untuk kebajikan dalam bentuk pendidikan (sekolah-sekolah), agama (surau/ masjid), kesihatan (klinik wakaf, pusat dialisis), ekonomi (pembinaan bazaar dan hotel wakaf). Namun, kebajikan dalam bentuk bantuan makanan masih belum ada lagi. Oleh itu, cadangan penubuhan bank makanan adalah satu inisiatif yang sangat baik. Ia bukan sekadar membantu masyarakat yang memerlukan, malah dapat mengembangkan peranan harta wakaf itu sendiri.<sup>92</sup>

Manakala mekanisme-mekanisme bantuan makanan yang lain seperti aqiqah, korban, kifarrah dan sebagainya juga boleh disalurkan kepada bank makanan sebagai sumber tambahan kerana ia hanya dilakukan secara berkala dan dalam bentuk makanan yang tertentu sahaja. Bagi mekanisme zakat pula, ia memerlukan satu bahagian yang khusus untuk menguruskan dana tersebut kerana pengagihannya terhad kepada lapan golongan asnaf yang telah ditetapkan.

## ii- Penjanaan Dana

---

<sup>90</sup> *Ibid.*

<sup>91</sup> Encik Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman, *op.cit.*

<sup>92</sup> *Ibid.*

Islam juga menggalakkan supaya harta itu dikembangkan dan antara cara untuk mengembangkan harta adalah melalui pelaburan. Oleh itu, Encik Mohd Asyran Safwan<sup>93</sup> dan Dr. Luqman Hj. Abdullah mencadangkan supaya dana yang diperolehi dilaburkan supaya dapat mengembangkan harta tersebut sebagaimana yang diterangkan oleh Dr Luqman Abdullah:<sup>94</sup>

“Melabur duit, itu yang dikatakan wakaf tu. Dia laburkan keuntungan daripada tu digunakan untuk agihan yang mana modal asal tak hilang. Buat satu skim wakaf untuk tujuan beli makanan, tapi konsepnya orang bagi duit laburkan duit tu, keuntungan beli makanan untuk diagihkan, ha boleh la, konsep dia begitu”.

Bagi memastikan pelaburan tersebut menepati prinsip-prinsip syariah yang telah digariskan dalam Islam, maka ia mestilah dilaburkan di tempat-tempat yang patuh syariah yang tidak mengandungi unsur riba, judi dan *gharar* (ketidakpastian). Antara prinsip syariah yang boleh digunakan dalam pelaburan tersebut adalah prinsip *muḍārabah* iaitu perkongsian untung rugi di antara pemodal dan pengusaha projek mengikut nisbah yang telah dipersetujui. Dalam konteks ini, bank makanan menjadi pemodal dan keuntungan daripada pelaburan tersebut boleh digunakan untuk pembiayaan bank makanan.

Perlaksanaan wakaf yang berkesan amat diperlukan sebagai wadah bagi memantapkan ekonomi ummah secara berterusan dan untuk jangka masa yang panjang. Sumbangan dan peranan wakaf dapat menjadi tulang belakang kepada pengukuhan sektor ekonomi. Wakaf bukan sekadar sedekah untuk memenuhi keperluan hidup seharian semata-mata, bahkan ianya merupakan strategi ekonomi makro yang

---

<sup>93</sup> *Ibid.*

<sup>94</sup> Dr. Luqman Hj. Abdullah, *op.cit.*

menggabungkan aktiviti simpanan, pelaburan dan pembangunan jangka panjang untuk dimanfaatkan umat Islam keseluruhannya.<sup>95</sup>

### 6.7.2 Pengurusan Bank Makanan

Bank makanan melibatkan pengurusan makanan yang tidak boleh tahan lama seperti barangan yang lain. Oleh itu ia memerlukan pengurusan yang sistematik bagi memastikan ia berjalan dengan lancar dan berkesan. Bagi memastikan tidak berlaku penyelewengan, maka pihak yang menguruskan mestilah daripada orang yang adil dan amanah serta dapat mempamerkan imej yang bersih. Ini penting supaya dapat meningkatkan kepercayaan dan keyakinan kepada masyarakat awam kerana bank makanan bergantung kepada sumbangan orang ramai.

Bank makanan adalah sebagai pihak yang menguruskan dana dan sumbangan daripada masyarakat awam untuk diagihkan kepada penerima bantuan. Oleh itu, prinsip *al-wakālah* boleh digunakan dalam operasi bank makanan. *Wakālah* merujuk kepada penyerahan urusan seseorang kepada orang lain atas sesuatu yang dapat diwakilkan. Islam mensyariatkan *wakālah* kerana tidak semua orang memiliki kemampuan secara langsung untuk menguruskan sesuatu perkara, sehingga ia memerlukan seseorang sebagai wakilnya. Perwakilan tersebut boleh dilakukan secara sukarela atau dengan pembayaran upah. Dalam konteks ini, kontrak *wakālah* berlaku antara penyumbang dengan pihak bank makanan. Melalui kontrak *wakālah*, pihak bank makanan menjadi wakil kepada pemberi sumbangan untuk menguruskan dana dan sumbangan tersebut sama ada yang diberikan melalui sedekah, wakaf, korban dan lain-lain untuk diagihkan

---

<sup>95</sup> Ahmad Tajudin Abdul Rahman (2004), "Pengurusan Wakaf Berkesan: Ke Arah Pemantapan Ekonomi Ummah". (Konvensyen Sistem Ekonomi Islam 2004 di Hotel Istana, Kuala Lumpur pada 3 Ogos 2004), h. 5.

kepada penerima bantuan. Pengendalian dana tersebut merangkumi pengurusan pelaburan, pembayaran kos pengurusan, pembelian makanan dan pengagihan makanan.


### **6.7.3 Pengagihan Bantuan Makanan**

Dalam konteks Malaysia yang mempunyai penduduk majoritinya adalah beragama Islam, isu makanan halal adalah perkara yang paling dititikberatkan. Aspek halal tersebut adalah mengambil kira pengeluaran, penyimpanan, pengendalian dan penyediaan makanan tersebut. Oleh itu, bank makanan bukan sahaja perlu memastikan makanan yang disumbangkan adalah makanan yang halal dan berkualiti malah proses pengendalian dan penyediaan juga harus dipantau supaya menepati garis panduan yang dibenarkan. Manakala daripada segi pengagihan pula, makanan yang diagihkan mestilah dilakukan dengan adil dan saksama supaya bantuan tersebut sampai kepada golongan yang sepatutnya tanpa sebarang karenah birokrasi. Keadilan Islam adalah keadilan yang mutlak tanpa batasan di mana hak seseorang harus ditunaikan tanpa mengira kedudukan, bangsa, warna kulit mahupun kepercayaan. Prinsip keadilan ekonomi menekankan kewajipan untuk memastikan pengagihan kekayaan ekonomi yang wujud dalam sesebuah sistem ekonomi Islam itu dilakukan dengan penuh adil dan saksama. Ia menekankan tentang setiap yang berhak itu mendapat haknya secara adil dan saksama. Bank makanan adalah salah satu saluran pengagihan kekayaan melalui bantuan makanan. Oleh itu, dalam konteks pengurusan di bank makanan, pekerja dan sukarelawan mestilah adil, jujur dan amanah dalam mengendalikan dana dan mengagihkan makanan kepada penerima supaya makanan tidak hanya berkumpul di bank makanan sahaja.

## 6.8 CADANGAN MODEL BANK MAKANAN

Bagi pelaksanaan bank makanan di Malaysia, pengkaji mencadangkan satu model bank seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6.2:

Rajah 6.2: Model Bank Makanan



Sumber: Diubahsuai daripada *Global Food Banking Network* dan hasil temubual daripada responden.

Rajah 6.2 menunjukkan model bank makanan yang dicadangkan untuk dilaksanakan di Malaysia. Model ini diubahsuai daripada model bank makanan yang telah dilaksanakan di negara-negara maju mengikut kesesuaian situasi di Malaysia. Rajah tersebut menunjukkan terdapat tiga proses dalam operasi bank makanan iaitu proses pengumpulan, pengurusan dan pengagihan makanan. Dalam model ini, penulis akan mengemukakan beberapa prinsip syariah yang sesuai untuk diaplikasikan dalam pelaksanaan bank makanan.

### 6.8.1 Pengumpulan Dana Bank Makanan

Dana untuk bank makanan boleh disalurkan dalam bentuk makanan, wang tunai, khidmat tenaga ataupun peralatan. Dalam konteks Malaysia, sumbangan untuk bank makanan boleh diperolehi melalui pihak kerajaan, badan swasta, pihak industri berasaskan makanan dan masyarakat awam. Pengumpulan makanan melibatkan jaringan bekalan makanan yang merujuk kepada jaringan (*network*) yang menggabungkan sistem peruncitan, pemborongan, pengagihan, pengangkutan, penyimpanan serta para pembekal yang terlibat dalam industri jual beli, penghantaran, pembuatan atau pemprosesan produk berasaskan makanan.<sup>96</sup> Oleh itu, pemberian sumbangan makanan boleh melibatkan semua pihak yang berkaitan. Pihak industri juga boleh memberikan sumbangan dalam bentuk barangan makanan ataupun kewangan. Sumbangan kepada bank makanan bukan hanya diperlukan melalui industri makanan yang besar sahaja, malah melibatkan sumbangan daripada pihak hotel, pasaraya, kedai-kedai runcit, peniaga pasar malam dan sebagainya. Lebihan makanan yang tidak boleh dijual boleh disalurkan kepada bank makanan kerana terdapat juga lebihan makanan tersebut yang masih elok dan berkualiti. Sebagai contoh, sekiranya sesebuah hotel mengadakan sesuatu acara yang turut menyediakan makanan tetapi makanan tersebut tidak habis maka ia boleh menghantarnya kepada bank makanan supaya dapat diberikan kepada golongan miskin dan memerlukan. Situasi ini dapat mengubah daripada amalan pembaziran kepada amalan kebajikan dengan menggalakkan amalan bersedekah yang memberikan pahala kepada penyumbang. Selain itu, bagi memastikan bank makanan mempunyai sumber yang berterusan, pengecualian cukai boleh diberikan kepada pihak penyumbang sebagai insentif dan galakan untuk menderma seperti yang dilakukan di negara-negara maju.

---

<sup>96</sup> Mahathir Amin (2011), "Sistem Pengurusan Halal Global", (Seminar Keselamatan Halal Global Pulau Pinang), h. 22, <http://www.halalpinang.com/download/Sistem-Pengurusan-Halal-Global-Seminar-Keselamatan-Makanan-PPinang.pdf>, 4 April 2012.

Sumbangan bank makanan di negara luar hanya menggunakan mekanisme derma semata-mata. Namun, dalam konteks Malaysia, mekanisme-mekanisme lain juga boleh digunakan. Dalam konteks ini, sumbangan juga boleh diberikan melalui mekanisme sedekah, wakaf, zakat, aqiqah, korban dan kifarah. Bagi sumbangan dalam bentuk bekalan makanan, mekanisme yang boleh diaplikasikan adalah melalui sedekah, zakat, kifarah, aqiqah dan qurban. Walaubagaimanapun, zakat, kifarah, aqiqah dan korban dilakukan secara berkala pada waktu-waktu tertentu sahaja sedangkan makanan diperlukan secara berterusan. Oleh itu, mekanisme sedekah adalah paling sesuai untuk dilaksanakan kerana tidak terikat kepada waktu, jumlah dan bentuk sumbangan. Selain sedekah, sumber kewangan juga boleh diperolehi melalui wakaf dengan mewujudkan skim saham wakaf untuk tujuan bantuan makanan. Dengan pengaplikasian mekanisme wakaf dalam bank makanan ia dapat membangunkan harta wakaf dan mengembangkan peranan wakaf ke tahap yang lebih tinggi.

### **6.8.2 Pengurusan Bank Makanan**

Bank makanan bertindak sebagai pusat pengumpulan bekalan makanan sebelum diagihkan kepada badan-badan kebajikan dan penerima bantuan. Ia memerlukan pengurusan yang sistematik bagi memastikan ia dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Oleh itu, bank makanan mestilah diletakkan di bawah satu organisasi yang khusus dan berlainan dengan institusi-institusi yang sedia ada. Berdasarkan hasil temubual, bank makanan dilihat lebih sesuai diuruskan oleh NGO dengan mendapatkan sokongan daripada pihak kerajaan. Pihak NGO dilihat lebih sesuai untuk menguruskan bank makanan kerana cara bekerja golongan yang bekerja secara sukarela adalah berbeza dengan golongan yang bekerja untuk mendapatkan ganjaran. Masyarakat juga lebih yakin sekiranya NGO selaku badan sukarela yang menguruskannya disebabkan

oleh isu ketelusan dan kepercayaan masyarakat terhadap keikhlasan mereka untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik. Ini kerana kebanyakan program yang dilaksanakan oleh NGO menampakkan hasil dan kejayaan, namun mereka mempunyai dana yang kecil. Tambahan pula pihak NGO biasanya menggunakan khidmat sukarelawan yang terlibat secara langsung bagi menguruskan operasi tersebut.

Walaupun pihak NGO dilihat lebih sesuai untuk menguruskan bank makanan, namun ia memerlukan kerjasama daripada pihak kerajaan, industri makanan dan juga institusi masjid. Dalam konteks ini, pihak yang boleh bekerjasama dengan organisasi bank makanan adalah KPWKM berdasarkan kepada fungsinya untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui perkhidmatan kebajikan dan pembangunan sosial. Selain itu, kerjasama diperlukan daripada pihak-pihak lain seperti Jabatan Wakaf, Zakat, Haji dan Mal (JAWHAR), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) kerana mekanisme zakat dan wakaf di bawah kuasa MAIN sebagai pemegang amanah tunggal. Selain itu, kerjasama daripada restoren-restoren seperti Restoren KFC, Pizza Hut, McDonald dan sebagainya bagi memastikan ia sentiasa mempunyai dana dan makanan yang mencukupi serta dapat dilaksanakan dengan lancar. Pihak NGO tidak dapat membangunkannya sendiri tanpa pertolongan dan kerjasama daripada pihak lain kerana biasanya mempunyai sumber kewangan yang tidak tetap dan banyak bergantung kepada sumbangan daripada masyarakat berbanding dengan pihak kerajaan yang mempunyai peruntukan khas untuk program-program kebajikan dan sokongan-sokongan bantuan lain.

Daripada aspek pengurusan, ia boleh mengaplikasikan prinsip *al-wakālah* di mana bank makanan bertindak sebagai wakil kepada pemberi sumbangan sama ada yang diberikan melalui mekanisme sedekah, wakaf, zakat, kifarah, korban, aqiqah dan sebagainya untuk diagihkan kepada golongan yang layak.



### 6.8.3 Pengagihan Bantuan Makanan

Isu makanan halal adalah perkara yang paling dititikberatkan dalam pengagihan makanan kepada penerima. Oleh itu, bank makanan perlu memastikan makanan yang hendak diagihkan kepada penerima bantuan adalah makanan yang halal, berkualiti dan mempunyai nutrisi. Makanan yang diberikan mestilah mengikut keperluan nutrisi yang diperlukan mengikut kumpulan umur supaya masyarakat betul-betul mendapat makanan yang berkhasiat bagi mencapai sekuriti makanan yang digariskan oleh Islam.

Proses pengagihan boleh dilakukan berdasarkan amalan yang telah dilaksanakan di negara maju. Bank makanan boleh mengagihkan makanan secara terus kepada golongan yang memerlukan ataupun melalui badan-badan kebajikan. Dalam konteks Malaysia, badan-badan kebajikan yang boleh disalurkan adalah seperti rumah anak yatim, Anjung Singgah, *soup kitchen*, pusat-pusat pemulihan dan lain-lain lagi. Dengan adanya bank makanan, sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan perbelanjaan badan-badan kebajikan tersebut. Bagi proses pengagihan makanan, badan-badan kebajikan mestilah mendaftar dengan bank makanan dan mengambil makanan tersebut untuk diagihkan kepada penerima bantuan yang layak. Daripada segi jenis makanan, bantuan makanan mestilah mengutamakan makanan ruji seperti beras dan makanan yang berkhasiat.

Bank makanan juga boleh menjadi salah satu strategi dan persediaan awal bagi menghadapi sebarang bencana yang boleh menyebabkan berlakunya ketiadaan sekuriti makanan sementara. Dalam konteks Malaysia, ia boleh menjadi respon bantuan makanan kecemasan semasa berlaku banjir, tanah runtuh, tsunami dan sebagainya yang memerlukan saluran bantuan makanan dengan segera yang diuruskan dengan lebih efisien dan sistematik.

Oleh kerana bantuan makanan dilihat sebagai langkah jangka pendek bagi masyarakat yang miskin dan kurang berkemampuan, maka ia memerlukan langkah jangka panjang sebagai penyelesaian kepada punca masalah tersebut bagi mengurangkan pergantungan masyarakat terhadap bantuan makanan. Kebanyakan masalah kekurangan dan ketidakcukupan makanan disebabkan oleh kemiskinan. Oleh itu dalam konteks ini, bank makanan boleh menyediakan kemahiran dan latihan kepada penerima bantuan sepertimana yang telah diaplikasikan di negara-negara yang telah melaksanakan bank makanan. Dengan adanya kemahiran tersebut, ia bukan sahaja membantu menambah ilmu dan kemahiran malah dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada penerima bantuan. Secara tidak langsung ia dapat mengurangkan pengangguran dan pergantungan terhadap bank makanan. Pengangguran yang semakin berkurangan dapat memberikan impak yang positif kepada ekonomi negara kerana secara tidak langsung dapat menangani masalah kemiskinan walaupun tidak secara menyeluruh.

## **6.9 CABARAN DAN HALANGAN PELAKSANAAN BANK MAKANAN DI MALAYSIA**

Antara cabaran untuk utama melaksanakan bank makanan di Malaysia adalah untuk mendapatkan dana kerana bank makanan adalah organisasi kebajikan yang bukan bermotifkan keuntungan. Bank makanan memerlukan dana yang besar berdasarkan fungsinya sebagai pusat pengumpulan utama bantuan makanan dan salah satu saluran untuk memberi sumbangan kepada badan-badan kebajikan yang lain. Di negara maju, bank makanan banyak bergantung kepada sumbangan masyarakat awam. Oleh itu, adalah menjadi cabaran bagi pihak bank makanan untuk mendapatkan kepercayaan daripada masyarakat untuk menyumbang kepada bank makanan. Antara cabaran lain

seperti yang dikemukakan oleh Puan Khairunnisa Khirrudin<sup>97</sup> adalah untuk mendapatkan kerjasama daripada pihak-pihak industri yang berasaskan kepada makanan dan minuman untuk menyumbang kepada bank makanan. Ini kerana pihak industri tersebut menjalankan perniagaan yang bermatlamatkan keuntungan.

Selain itu, persoalan yang timbul untuk melaksanakan bank makanan adalah dari segi logistik yang melibatkan lokasi, pengangkutan dan sebagainya bagi menggerakkan operasi bank makanan. Persoalannya, di manakah lokasi yang strategik untuk membina bank makanan. Daripada segi pengangkutan pula, timbulnya persoalan sekiranya pihak industri ingin menyumbangkan makanan, pihak manakah yang sepatutnya menghantar dan sebagainya.

Manakala dari segi pengurusan pula, ia memerlukan sistem pengurusan yang sistematik kerana melibatkan makanan yang tidak tahan lama dan untuk memastikan makanan tersebut tidak hanya berkumpul di bank makanan sahaja. Pengagihan makanan pula melibatkan pengagihan makanan dalam skala yang besar dan perlu dipastikan bahawa makanan tersebut dapat diuruskan dengan betul dan sistematik supaya betul-betul sampai kepada penerima yang layak. Dalam konteks ini, cabarannya adalah daripada segi untuk mewujudkan koordinasi pihak yang terlibat supaya tidak berlaku pertindihan fungsi dan tugas.

Menurut Puan Roziah Abudin,<sup>98</sup> cabaran lain adalah untuk mengenalpasti golongan sasaran supaya bantuan makanan tidak disalah guna. Sekiranya bantuan makanan tersebut diberikan kepada pihak yang tidak sepatutnya maka ia boleh menyebabkan masyarakat menjadi malas dan hanya bergantung kepada bantuan yang diberikan. Oleh itu ia memerlukan satu garis panduan ebagai piawai untuk menentukan golongan yang layak.

---

<sup>97</sup> Puan Khairunnisa Khirrudin, *op.cit.*

<sup>98</sup> Puan Roziah Abudin, *op.cit.*

## **6.10 KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, berdasarkan kepada hasil temubual yang dijalankan, bank makanan dilihat mempunyai potensi untuk dilaksanakan di Malaysia. Dalam konteks Malaysia, pelaksanaan bank makanan boleh dilakukan dengan merujuk kepada bank-bank makanan di negara maju dan mengaplikasikan prinsip-prinsip syariah dalam operasinya. Walaubagaimanapun, terdapat pelbagai perkara yang perlu dinilai dengan lebih terperinci supaya ia dapat dilaksanakan dengan berkesan. Oleh itu, ia memerlukan kajian lanjutan secara menyeluruh yang mengambil kira tentang golongan sasaran, penjana dana yang berterusan serta mendapatkan pandangan daripada pelaksana bank makanan sendiri untuk mengetahui bagaimana bank makanan telah diaplikasikan di negara mereka.

**KESIMPULAN DAN CADANGAN**

**BAB  
TUJUH**

## **BAB TUJUH**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **7.1 PENDAHULUAN**

Bab ini akan membincangkan tentang rumusan kajian dan juga beberapa cadangan berdasarkan perbincangan di dalam bab-bab yang terdahulu. Cadangan-cadangan yang dikemukakan adalah bagi pelaksanaan bank makanan di Malaysia yang meliputi kepada pihak pelaksana program bantuan makanan, pihak kerajaan, pihak industri makanan serta masyarakat awam. Selain itu, penulis juga memberikan beberapa cadangan untuk kajian yang akan datang.

#### **7.2 RUMUSAN**

Masalah kelaparan dan kebuluran yang berlaku menunjukkan wujudnya ketiadaan sekuriti makanan. Kebanyakan masalah ketiadaan sekuriti makanan berlaku disebabkan oleh ketiadaan akses untuk mendapatkan makanan dan bukannya disebabkan oleh ketiadaan bekalan makanan dalam pasaran. Kebanyakan masalah ketiadaan sekuriti makanan di peringkat individu dan isi rumah disebabkan oleh masalah kemiskinan dan pendapatan yang rendah. Berdasarkan kajian yang dilakukan, ia jelas menunjukkan bahawa faktor kemiskinan mempunyai perkaitan yang rapat dengan ketiadaan sekuriti makanan. Ini kerana kebanyakan penerima bantuan makanan yang bergantung kepada bantuan makanan adalah disebabkan oleh pendapatan yang tidak mencukupi. Situasi ini telah membataskan kemampuan mereka untuk mendapatkan makanan yang mencukupi untuk keperluan tubuh badan yang sihat.

Bagi mengatasi masalah kelaparan dan ketiadaan sekuriti makanan dalam kalangan masyarakat miskin dan kurang berkemampuan, mekanisme bantuan makanan telah diwujudkan. Ia merupakan salah satu strategi untuk meningkatkan sekuriti makanan dengan mewujudkan akses terhadap makanan bagi golongan yang tidak berkemampuan untuk mendapatkannya melalui pembelian. Pelbagai program bantuan makanan telah muncul sebagai respon kepada masalah kelaparan dan ketiadaan sekuriti makanan. Ia memberi sumbangan yang besar dalam menangani masalah ketiadaan sekuriti makanan di peringkat individu dan isi rumah. Di Malaysia, semua pihak terlibat dalam pemberian bantuan makanan kepada golongan yang memerlukan sama ada yang disalurkan melalui institusi formal atau tidak formal. Antaranya pihak yang terlibat ialah pihak kerajaan, pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), institusi masjid dan juga masyarakat awam. Hasil kajian yang dilakukan di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN dan PERTIWI *Soup Kitchen* jelas menunjukkan bahawa bantuan makanan yang diberikan dapat membantu meningkatkan sekuriti makanan masyarakat miskin dan golongan yang memerlukan.

Manakala di negara maju, terdapat organisasi khas yang menguruskan bantuan makanan yang dikenali sebagai bank makanan. Bank makanan telah ditubuhkan bagi mengatasi masalah kebuluran dan ketiadaan sekuriti makanan di kalangan masyarakat miskin dan kurang berkemampuan. Ia dilihat sebagai salah satu mekanisme bantuan makanan untuk membantu golongan yang terdedah kepada ketiadaan sekuriti makanan sama ada yang bersifat sementara atau kronik. Berdasarkan kepada pelaksanaan bank makanan yang telah dilaksanakan di negara-negara maju, ia dilihat sangat berkesan dalam membantu masyarakat yang kelaparan dan secara tidak langsung dapat membantu memperbaiki tahap sekuriti makanan ke arah yang lebih baik. Ini kerana bank makanan telah membantu mewujudkan salah satu komponen utama dalam sekuriti makanan iaitu akses kepada makanan melalui pemberian bantuan makanan secara

percuma kepada golongan yang kelaparan. Namun, untuk mencapai sekuriti makanan dalam Islam, makanan yang diberikan bukan sekadar mencukupi tetapi mestilah makanan yang halal dan tidak membahayakan kesihatan untuk memenuhi jaminan sekuriti makanan dalam Islam. Islam juga telah menyediakan pelbagai cara bagi memastikan semua orang mendapat makanan yang mencukupi. Ia bukan sahaja melalui mekanisme derma atau sedekah seperti yang telah diaplikasikan dalam pelaksanaan bank makanan di negara maju malah terdapat beberapa mekanisme lain yang boleh digunakan.

Bagi potensi pelaksanaan bank makanan di Malaysia, bank makanan dilihat mempunyai potensi untuk dilaksanakan di Malaysia dengan merujuk kepada hasil temubual yang telah dijalankan bersama beberapa pihak yang berkaitan. Ia berpotensi untuk dilaksanakan di Malaysia dengan melihat kepada amalan dan tahap kesedaran masyarakat terhadap kebajikan sosial, realiti program bantuan makanan di Malaysia dan situasi masyarakat miskin. Amalan kebajikan masyarakat di Malaysia yang giat menderma, menyumbang makanan untuk berbuka puasa pada bulan Ramadhan, berwakaf, membayar zakat dan sebagainya menunjukkan terdapat potensi untuk mendapatkan dana bagi membiayai pelaksanaan bank makanan melalui pelbagai saluran yang telah sedia ada.

Bagi cadangan pelaksanaan bank makanan di Malaysia, terdapat beberapa prinsip syariah yang boleh diaplikasikan dalam pelaksanaannya iaitu dengan menggunakan sumber dana daripada wakaf, zakat, sedekah, kifarah, korban, aqiqah dan dam. Mekanisme sedekah dan wakaf dilihat paling sesuai untuk diaplikasikan. Manakala mekanisme-mekanisme lain seperti kifarah, dam, aqiqah dan korban sebagai sumber tambahan bagi menampung perbelanjaan bank makanan kerana mekanisme tersebut dilakukan secara berkala. Bagi pengurusan bank makanan pula, ia boleh menggunakan prinsip *al-wakālah* di mana bank makanan sebagai wakil kepada pemberi sumbangan



untuk mengurus dan mengagihkan makanan kepada penerima. Selain itu pihak pengurusan mestilah diterapkan dengan akhlak-akhlak terpuji seperti amanah, jujur dan adil dalam mengendali dan menguruskan bank makanan supaya ia dapat mencapai matlamat seperti yang telah digariskan.

### **7.3 CADANGAN DAN SARANAN**

Terdapat beberapa langkah yang dicadangkan untuk diambil bagi merealisasikan pelaksanaan bank makanan di Malaysia. Antara langkah yang dicadangkan adalah seperti berikut:

#### **7.3.1 Pengumpulan Dana Bank Makanan**

Daripada aspek pengumpulan dana, antara cadangan yang diutarakan oleh responden untuk mendapatkan dana adalah dengan mendapatkan peruntukan awal daripada pihak kerajaan sebagai modal permulaan untuk menggerakkan bank makanan. Dana tersebut perlu dilaburkan supaya ia semakin berkembang. Sebagai permulaan bagi melaksanakan bank makanan, ia memerlukan modal dan aset seperti tanah, peralatan dan pengangkutan. Bagi aset seperti tanah, kenderaan dan peralatan-peralatan ia boleh diperolehi melalui wakaf dengan memohon sumbangan daripada masyarakat. Manakala bagi bekalan makanan, pihak-pihak industri yang berasaskan kepada makanan boleh turut menjadi penyumbang kepada bank makanan seperti yang dilakukan di negara-negara maju. Dalam konteks ini, bank makanan perlu menjalinkan kerjasama dengan industri-industri yang berasaskan kepada makanan seperti yang dilakukan di negara-negara maju. Antaranya seperti KFC, McDonald's, Nestle, Cadbury dan sebagainya.

Oleh itu, sekiranya pihak tersebut ingin menyumbang ia boleh diberikan kepada bank makanan untuk diagihkan kepada pihak yang berkaitan.

Bank makanan juga banyak bergantung kepada sumbangan masyarakat awam. Cabaran utama adalah untuk bagi menggalakkan masyarakat turut menyumbang kepada bank makanan. Oleh itu, perlunya kempen kesedaran kepada masyarakat awam sama ada pihak individu ataupun industri. Kempen kesedaran dan pendedahan tentang bank makanan boleh dilakukan di masjid atau surau kerana ia adalah tempat yang selalu dikunjungi oleh masyarakat Islam. Pendedahan ini perlu dilakukan untuk memupuk kesedaran dalam masyarakat kerana kebanyakan dana bagi pembiayaan bank makanan adalah bergantung kepada masyarakat awam. Sekiranya masyarakat faham dengan tujuan dan fungsi bank makanan, mereka akan membantu dengan ikhlas. Dalam konteks ini juga, media memainkan peranan penting untuk menyampaikan maklumat yang tepat kepada masyarakat bagi memberi pendedahan yang lebih meluas tentang bank makanan.

### **7.3.2 Logistik Bank Makanan**

Daripada segi pemilihan lokasi, bank makanan mestilah dibina di kawasan yang strategik iaitu tempat yang mempunyai ramai golongan sasaran dan mudah untuk mereka mendapatkan bantuan tersebut. Encik Mohd Asyran Safwan<sup>1</sup> dan Encik Yusni Abdul Hamid<sup>2</sup> mencadangkan supaya bank makanan ditumpukan di kawasan bandar kerana kebanyakan yang kurang mendapat akses kepada makanan adalah masyarakat bandar kerana kos hidup yang tinggi. Kemudian, sekiranya ia berjalan dengan baik, ia

---

<sup>1</sup> Encik Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman, Pegawai Bahagian Penyelidikan dan Produk Wakaf. Temubual melalui telefon pada 15 Februari 2012.

<sup>2</sup> Encik Yusni Abd Rahman, Pengajar Institut Kemahiran Belia Negara. Temubual pada 2 Februari 2012 pukul 3.15 petang di Institut Kemahiran Belia Negara Dusun Tua.

boleh diperluaskan di kawasan-kawasan lain berdasarkan kepada statistik kemiskinan dan kekurangan bekalan makanan.

Sebagai langkah permulaan, institusi masjid boleh dijadikan sebagai lokasi bank makanan. Masjid memainkan peranan yang besar dalam kehidupan sosial umat Islam yang bukan sahaja berfungsi sebagai pusat keagamaan untuk ibadah solat, khutbah, ceramah, kuliyyah malah aktiviti-aktiviti kebajikan sosial juga turut diadakan di masjid seperti kenduri, aqiqah, korban, derma, zakat dan sebagainya. Oleh itu, bank makanan boleh ditempatkan di masjid untuk menggerakkan aktiviti kebajikan dalam bentuk bantuan makanan.

### **7.3.3 Pihak Pengurusan Bank Makanan**

Bagi pengurusan bank makanan, ia perlu diletakkan di bawah satu organisasi yang mampu untuk menguruskannya. Pihak pengurusan bank makanan mestilah dipilih daripada pihak yang mempunyai imej bersih seperti jujur, amanah dan bersih daripada rasuah supaya masyarakat yakin untuk menyumbang kepada bank makanan. Selain itu, ia memerlukan staf-staf yang kompeten untuk menguruskan bank makanan supaya tidak berlaku sebarang penyelewangan atau pecah amanah. Daripada segi pelaksanaan bank makanan, ia memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak sama ada daripada badan kerajaan ataupun NGO. Bank makanan memerlukan pengurusan yang sistematik bagi memastikan ia dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Berdasarkan temubual yang telah dijalankan, kebanyakan responden mencadangkan supaya ia diuruskan oleh NGO dengan kerjasama daripada pihak kerajaan. Di negara maju bank makanan juga

dikendalikan oleh NGO<sup>3</sup> dan banyak bergantung kepada sumbangan derma pihak industri dan masyarakat, namun ia mampu memainkan peranan dengan berkesan dalam menangani isu ketiadaan sekuriti makanan.<sup>4</sup> Pihak NGO merupakan badan yang terbaik untuk menguruskan bank makanan, namun ia tidak mempunyai sistem audit. Oleh itu, Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah<sup>5</sup> mencadangkan supaya mewujudkan satu jawatankuasa khas untuk mengaudit bank makanan bagi memastikan ia betul-betul diuruskan dengan telus dan jujur. Kerjasama diperlukan daripada kerajaan kerana ia mempunyai peruntukan dana yang tersendiri bagi membangunkan sesuatu projek berbanding dengan pihak NGO yang hanya bergantung kepada sumbangan semata. Dalam konteks Malaysia, pihak yang boleh memainkan peranan dalam pelaksanaan bank makanan secara sistematik ialah KPWKMB berdasarkan kepada fungsinya dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui perkhidmatan kebajikan dan pembangunan sosial. Ia juga turut melibatkan badan-badan kerajaan yang lain seperti pihak MAIN, JAWHAR dan YWM berdasarkan kepada peranan mereka iaitu mengawal dan memajukan harta-harta baitulmal, wakaf dan zakat serta bertanggungjawab menjaga kebajikan hal ehwal masyarakat Islam kerana sumber bank makanan turut melibatkan dana wakaf dan zakat.

#### **7.3.4 Golongan Sasaran Penerima Bantuan Makanan**

Sasaran penerima bantuan makanan mestilah dikenalpasti supaya hanya golongan yang layak sahaja menerima bantuan tersebut. Ia bagi mengelakkan bantuan tersebut

---

<sup>3</sup> Riches G., (1986). *Food Bank and The Welfare Crisis*. Ottawa: The Canadian Council on Social Development, h.18.

<sup>4</sup> Whitney Borowko (2008), "Food Insecurity Among Working- Age Canadians With Disabilities" (Master Thesis of Public Policy in the Faculty of Arts and Social Sciences at Simon Fraser University, Vancouver), h. 78.

<sup>5</sup> Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah, Professor Madya Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Temubual pada 16 November 2011.

disalahgunakan oleh golongan yang mampu sedangkan matlamatnya adalah untuk membantu golongan yang tidak berkemampuan untuk membeli makanan. Prof. Madya Dr. Siti Hajar<sup>6</sup> mencadangkan supaya bank makanan menggunakan kaedah selektif yang mengambilkira peraturan kelayakan berdasarkan pendapatan. Pemberian dan pengagihan bantuan atau manfaat sosial awam di bawah prinsip selektif dilakukan dengan berasaskan keperluan individu. Prinsip selektif melihat bantuan bersyarat iaitu memilih individu yang layak diberi bantuan menerusi satu set kriteria sosial, fizikal, pendidikan atau ekonomi paling relevan.<sup>7</sup> Ini bermaksud hanya individu yang benar-benar berkeperluan sahaja layak untuk diberikan bantuan. Keperluan individu pula diukur dengan menggunakan satu atau serangkaian ujian kelayakan atau peraturan terpilih. Ujian kelayakan adalah merujuk kepada prosedur memeriksa, mengukur, menilai dan membuat pertimbangan terhadap kemampuan, kebolehan atau keupayaan individu yang meminta dan membuat tuntutan terhadap sesuatu bantuan sosial. Ini adalah untuk memastikan masyarakat berusaha dan tidak hanya bergantung kepada bantuan semata.<sup>8</sup>

### **7.3.5 Pengagihan Bantuan Makanan**

Daripada segi pengagihan makanan kepada penerima bantuan, Prof. Madya Dr. Siti Hajar mencadangkan supaya bank makanan menggunakan model residual.<sup>9</sup> Residual bermaksud sisa atau baki. Model kebajikan residual tidak memberi bantuan sepenuhnya. Ia hanya memberi bantuan untuk mencukupkan keperluan individu sahaja. Pemberian bantuan hanya setakat secukup hidup oleh model residual ini mempunyai perkaitan rapat dengan nilai moral yang dipegang oleh model residual berkaitan negara kebajikan.

---

<sup>6</sup> *Ibid.*

<sup>7</sup> Siti Hajar Abu Bakar Ah (2011), *Kebajikan Sosial: Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 98.

<sup>8</sup> *Ibid.*, h.124.

<sup>9</sup> Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah, *op.cit.*

Ia adalah untuk membentuk masyarakat yang produktif, bermoral, berdaya saing dan mampu menjadi tulang belakang dalam pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara.<sup>10</sup> Aplikasi model residual dalam bank makanan dilakukan dengan memberi bantuan makanan bagi mencukupkan keperluan makanan yang tidak mencukupi sahaja. Sekiranya mereka sudah mampu untuk berdikari dan mampu mendapatkan makanan yang mencukupi maka bantuan makanan akan dihentikan kepada mereka.

Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah<sup>11</sup> juga mencadangkan supaya makanan diagihkan dalam bentuk pemberian setem/ kupon makanan kerana ia dilihat lebih efektif untuk digunakan berbanding dengan bantuan makanan awam. Kupon tersebut diberikan kepada penerima yang layak di mana mereka boleh mendapatkannya sendiri daripada bank makanan pada setiap bulan dan menebusnya dengan makanan daripada bank makanan atau di kedai-kedai yang telah dilantik oleh bank makanan bagi membolehkan penerima mendapatkan makanan mengikut keperluan mereka sendiri. Dalam konteks ini, beliau mencadangkan supaya Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dilantik sebagai cawangan untuk mendapatkan makanan dengan menggunakan kupon yang diberikan.

Walaupun, bantuan makanan yang diberikan kepada golongan miskin tidak boleh diberi secara berterusan kerana bantuan yang bagus adalah bantuan yang mempunyai tempoh masa pemberian bantuan tersebut. Kenyataan ini turut disokong oleh Prof. Dato' Dr. Hj. Mohammad Hj. Alias<sup>12</sup>, kerana bantuan makanan yang diberikan hanyalah sebagai langkah sementara iaitu hanya diberikan semasa mereka tidak berupaya untuk mendapatkan makanan yang mencukupi. Oleh itu dalam tempoh tersebut mestilah ada pemantauan seperti yang dilakukan di negara-negara barat yang dipanggil '*conditional system*'. Dalam tempoh tersebut mereka dilibatkan dengan skim-

---

<sup>10</sup> Siti Hajar Abu Bakar Ah (2011), *op.cit.*, h.84.

<sup>11</sup> Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah, *op.cit.*

<sup>12</sup> Prof. Dato' Dr. Hj. Mohammad Hj. Alias, *op.cit.*

skim vokasional supaya mereka boleh berdikari.<sup>13</sup> Pemberian ilmu dan kemahiran diperlukan supaya mereka dapat menjana pendapatan sendiri dan bagi memastikan golongan tersebut tidak terus bergantung kepada bantuan semata-mata.

#### **7.4 KESIMPULAN**

Cadangan penubuhan bank makanan dilihat bersesuaian sebagai salah satu respon dan penyelesaian bagi fenomena kenaikan harga makanan global yang turut memberi kesan kepada masyarakat di Malaysia khususnya bagi golongan yang berpendapatan rendah dan dilihat bertepatan dengan matlamat Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang ketujuh iaitu untuk memerangi kos kehidupan.

Kerajaan telah menambahkan matlamat NKRA yang ketujuh bagi memerangi kos kehidupan ekoran kenaikan inflasi yang disebabkan oleh kenaikan harga barangan dan perkhidmatan. Objektif utama NKRA ini adalah untuk mengenalpasti langkah bagi membantu dan meringankan beban yang dihadapi oleh rakyat terutamanya bagi golongan yang mudah terjejas dan golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.<sup>14</sup> Oleh itu dengan adanya cadangan bank makanan ini ia dilihat sebagai salah satu langkah untuk membantu golongan tersebut memandangkan kesukaran yang dihadapi oleh rakyat terutamanya bagi golongan miskin dan berpendapatan rendah. Secara tidak langsung ia membantu memperbaiki tahap sekuriti makanan golongan tersebut pada tahap yang lebih baik.

Walaubagaimanapun pelaksanaan bank makanan memerlukan kajian yang lebih mendalam dan terperinci. Ia memerlukan kerjasama daripada semua pihak untuk

---

<sup>13</sup> *Ibid.*,

<sup>14</sup> Laporan Ekonomi 2011/2012, <http://www.treasury.gov.my/pdf/ekonomi/le/1112/bab3.pdf>, 11 April 2012.

merealisasikan bank makanan di Malaysia. Penulis berpendapat bahawa kajian lanjut perlu dilakukan dalam mengisi lompang-lompang yang ada dalam kajian ini bagi merealisasikan pelaksanaan bank makanan di Malaysia. Antara aspek yang perlu diambilkira dalam kajian yang akan datang ialah mengambilkira pandangan Majlis Agama Islam Negeri sendiri kerana pihak Majlis adalah pemegang amanah tunggal bagi harta wakaf, zakat dan mal. Manakala kajian perlu dipanjangkan kepada pihak Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat selaku badan kerajaan yang berperanan menjaga kebajikan masyarakat. Ia juga perlu melibatkan pihak pelaksana bank makanan sendiri untuk mendapatkan pandangan dan tunjuk ajar dalam membangunkan bank makanan. Kesenambungan kajian yang dijalankan oleh penulis dan kajian yang akan dijalankan akan datang dapat membantu mewujudkan perancangan dan pelaksanaan bank makanan yang lebih tersusun.

Penulis mengharapkan analisis dan penemuan dalam kajian ini dapat memberikan impak dan manfaat yang positif kepada pelaksana dasar, penyelidik dan masyarakat awam dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat di Malaysia khususnya kepada golongan miskin dan yang kurang berkemampuan.



## BIBLIOGRAFI

### Buku Bahasa Arab

- Abū Dāwūd Sulaymān Ibn al-Asy'āth (1999), *Sunan Abī Dāwūd*, no hadith 3594. Beirut: Bayt al-Afkār al-Dauliyyah.
- Abū Dāwūd Sulaymān Ibn al-Asy'āth (257H), *Sunan Abī Dāwūd*. Kitāb al-Waṣāyā, Bāb Mā Ja'a fi al-Ṣadaqah 'an al-Mayyit, no. hadith 2880. Beirut: Bayt al-Afkār al-Dauliyyah.
- Abū Dāwūd Sulaymān Ibn al-Asy'āth (t.t), *Sunan Abī Dāwūd*, Jil.3, Kitāb al-Dihāyā, Bāb al-Aqīqah. Dār Ihya al-Summah al-Nabawiyyah.
- Abū Ishāq Ibrāhīm al-Shātībī (1996), *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Jil.2. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Al-Barri, 'Uthmān (t.t), *Siraj al-Salik*, Jil.2. Qāhirah: Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī.
- Al-Bukhārī, Abū 'Abdillāh Muḥammad Ismā'il (1982), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Jil.2, no. hadith 2500, al-Maṭba'ah al-Salāfiyyah.
- Al-Bukhārī, Abū 'Abdillāh Muḥammad Ismā'il (2006), *Ṣaḥīḥ Bukhārī*. Syed Ahmad Semait (terj.). Jil 1, no. hadith 70. Singapura: Pustaka Nasional Singapura.
- Al-Dusūqī, Shams al-Dīn al-Sheikh Muḥammad 'Arfaḥ (t.t), *Ḥāshiyah a-Dusūqī 'alā al-Sharḥ al-Kabīr*, Jil.4. Miṣr: 'Isa al-Bābī al-Ḥalabī.
- Al-Kāsānī, 'Alā' al-Dīn Abī Bakr bin Mas'ūd (1971), *Badā'i al-Ṣanā'i fī Tartīb al-Sharā'i*, Jil.8. Qāhirah: Maṭba'ah al-Imām.
- Al-Kāsānī, 'Alā' al-Dīn Abī Bakr bin Mas'ūd (1998), *Badā'i al-Ṣanā'i*, Jil.2. Lubnan: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arābī
- Al-Kāsānī, 'Alā' al-Dīn Abī Bakr bin Mas'ūd (t.t), *Badā'i al-Ṣanā'i fī Tartīb al-Sharā'i*, Jil.7. Qāhirah: Zakariyya Alī Yūsuf.
- Al-Mālikī, Khalil Ishāq (t.t), *Jawahir al-Iklīl*, Jil.2. Dār Ihya' Kutub al-'Arābiyah.
- Al-Nawāwī, Abū Zakariā Yahya bin Sharaf (1994), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Imām al-Muḥyī al-Dīn al-Nawāwī*, Jil.11. Kitāb al-Waiyyah, Bāb al-Waqf, no hadith 4200. Beirut: Dār al-Ma'rifah
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf (1973), *Fiqh al-Zakah*, Jil.1. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Qazwīnī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad Ibn Yazid (t.t), *Sunan Ibn Mājah*, Jil.1. al-Muqaddimah, Bāb Thawab Mu'allim al-Nas al-Khayr, no. hadith 242. Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Al-Sarakshī, Syams al-Dīn (1986), *al-Mabṣut*. Juz. 2. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Al-Sayyid Sābiq (1985), *Fiqh al-Sunnah*, Jil.2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Arābi.
- Al-Shāfi'ī, Abu 'Abdullāh Muḥammad bin Idris (1968), *Al-Umm*, Jil.3, Qāhirah: Kitāb al-Sya'b.
- Al-Sharbinī, Syams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Sharbinī al-Khaṭīb (t.t), *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhāj*, Jil.4. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Sharbinī, Syams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Sharbinī al-Khaṭīb (1958), *Mughnī al-Muḥtāj*, Jil.2. Miṣr: Syarikah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Al-Sharbinī, Syams al-Dīn Muḥammad bin al-Khaṭīb al-Sharbinī (2001), *Mughnī al-Muḥtāj*, Jil.2. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Shawkānī, Muḥammad 'Alī Muḥammad (t.t), *Nayl al-Awṭār*, Jil.6. Qāhirah: Maṭba'ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih.
- Al-Shīrāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm Ibn 'Alī (1976), *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'ī*, Jil.2. Qāhirah: Maṭba'ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih.

- Al-Syātibī, Abū Ishāq Ibrāhīm (1996), *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Jil. 2. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Al-Zarqā, Aḥmad b. Muḥammad (1993), *Syarḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, Cet.3. Damshik: Dār al- Qalam.
- Al-Zuḥaylī, Wahbah (1985), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adīllatuhu*, Jil.8. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Al-Zuḥaylī, Wahbah (1987), *al-Waṣāya wa al-Waqf fī al-Fiqh al-Islāmī*. Damshiq: Dār al-Fikr.
- Fakhr al-Dīn Muḥammad b. 'Umar b. Ḥusayn b. Ḥasan b. 'Ali al-Tamimī al-Bakrī al-Rāzī (t.t), *Al-Tafsir al-Kabīr*, Jil.11, Cet.2. Tehran: Dār al-Kutub al- 'Ilmiyyah.
- Ibn 'Ābidīn, Muḥammad Amīn (1966), *Hāsiyyah Rad al-Muḥtār*, Jil.8, Cet.2. Qāhirah: Maṭba'ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih.
- Ibn Ḥajar al- 'Asqalānī (1959), *Fatḥ al-Bāri bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Abū 'Abd. Allāh Muḥammad Ibn Ismā'il al-Bukhārī*, Jil.4. Maṭba'ah al-Salāfiyyah.
- Ibn Mājah, Abī 'Abd Allāh Muḥammad (t.t), *Sunan Ibn Mājah*, Jil.2. T.k: Ihyā al-Turāth al-'Arabī.
- Ibn Manzūr Muḥammad Ibn Mukarram (1990), *Lisān Al-'Arab*, Jil.9. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Nujaym, Zayn al-Dīn b. Ibrāhīm, (1980), *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*, Jil.1. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Qudāmah, Muwāfiq al-Dīn Abū Muḥammad 'Abd Allāh & Syams al-Dīn Abū Farjī 'Abd Raḥman bin Abū 'Umar Muḥammad bin Aḥmad (t.t), *al-Mughnī wa al-Sharḥ al-Kabīr*, Jil.5. Beirut: Dār al-Kutub al-'Arabī.
- Ibn Qudāmah, Muwāfiq al-Dīn Abū Muḥammad 'Abd Allāh (1981), *al-Mughnī li Ibn Qudāmah*. Riyāḍ: Maktabah al-Riyāḍ al-Ḥadīthah.
- Ibn Qudāmah, Muwāfiq al-Dīn Abū Muḥammad 'Abd Allāh bin Aḥmad (1997), *Al-Mughnī*, Jil.4. Riyāḍ: Dār 'Alam al-Kutub.
- Ibn Qudāmah, Muwāfiq al-Dīn Abū Muḥammad 'Abd Allāh bin Aḥmad (1972), *al-Mughnī*, Jil.6, Cet.4. Beirut: Dār al-Kutub al-'Arabī.
- Ibn Taymiyyah, Abū al-'Abbas Taqī al-Dīn Aḥmad bin 'Abd Halim (t.t), *Al-Siasah al-Shar'iyyah*, Jil.4. Qāhirah: Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī.
- Monzer Kahf (2000), *al-Waqf al-Islāmī: Tatawwuruh, Idaratuh, Tanmiyatuh*. Lubnan: Dār al-Fikr al-Mū'asir.
- Muḥammad Farid Wajdī (1971), *Da'rah Ma'arif al-Quran al-Isyrīn*, Jil.10, Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Muḥammad Ḥibbān (1987), *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, Jil.7. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Abī al-Abbas Aḥmad Ibn Hamzah *et al.* (1993), *Nihāyah al-Muḥtāj ilā Syarḥ al-Minḥāj*, Jil.8. Dār al-Kutub al-Ilmiyah.

### **Buku Bahasa Inggeris**

- Afzal Ur Rahman (1982), *Muhammad Encyclopedia of Seerah*, Jil II, The Muslim Trust Scolls Trust.
- Amartya Sen (1981), *Poverty and Famines: An Essay on Entitlement and Desperation*. Oxford: Clarendon Press.
- Asbjorn Eide *et al.* (1984), *Food As A Human Right*. Tokyo: The United Nations University.
- Ayalew, M. (1998), *Famine Early Warning System: Ethiopia*. Addis Ababa: Mimeo.
- Braun *et al.* (1992), *Improving Food security of The Poor Concept, Policy and Programme International Food Policy*. Washington: Research Institute.

- Canadian Association of Food Banks (1998), *Hunger Count 1998. Emergency Food Assistance in Canada*. Toronto: Canadian Association of Food Banks.
- Chisholm, Anthony H & Rodney Tyers (1982), *Food Security: Theory, Policy, and Perspective From Asia and The Pacific Rim*. Toronto: Lexington Books.
- Chong, Y.H. (1984), *Status of Community Nutrition in Poverty Kampongs*. Kuala Lumpur: Institute for Medical Research.
- FAO (1983), *World Food Security: A Reappraisal of The Concepts and Approaches*. Director General's Report. Rome.
- FAO (1998), *The Right To Food In Theory And Practis*. Rome: FAO.
- FAO (2009), *The State of Food Insecurity in The World: Economic Crises-Impacts and Lessons Learned*. Rome: FAO.
- Field, G.S. (1980), *Poverty, Inequality and Development*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hamilton W., J. Cook & W. Thompson (1997), *Household Food Security In The United States in 1995: Technical Report on Food Security Measurement Project*. Alexandria VA: United States Department of Agriculture.
- Hasan Fahmi Jumah (1988), "Food Security in Islamic Countries: Opportunities and Integration" dalam Subhi Qasem (ed.), *Food Security in The Muslim World*. Jordan: The Islamic Academy of Sciences.
- James Roumasset (1982), "Rural Food Security" dalam *Food Security: Theory, Policy and Perspectives From Asia and the Pacific Rim*. Massachusetts Toronto: Lexington Books D.C Heath and Company Lexington.
- John W. Mellor (1987), *Food Aid for Food Security and Economic Development*. New York: The Macmillan Press Ltd.
- John, T.R. Nickerson & Louis J. Ronsivalli (1989), *Elementary Food Science*. Westport, Connecticut: AVI Publishing Co.
- Maxwell, S. & Frankenberger, T. (1992), *Household Food Security Concepts, Indicators and Measurement*. New York: UNICEF.
- Maxwell, S. & Smith, M. (1992) "Household Food Security; A Conceptual Review", in S. Maxwell & T.R. Frankenberger (eds.), *Household Food Security: Concepts, Indicators, Measurements: A Technical Review*. New York and Rome: UNICEF and IFAD.
- Mazhar Farhad (1999), "Popular Strategies of Food Security in The Context of Globalisation" in *Food Security The New Millenium*. Penang: Consumers International.
- Micheal Armer & D. Ghirmgham (t.t), *Comparative Social Research: Methodological Problem and Strategies*. New York: John Willen and Son.
- Overseas Development Institute (1997), "Global Hunger and Food Security After The World Food Summit", *ODI Briefing Paper 1997 (1)*. London: Overseas Development Institute.
- Richard, M. Titmuss (1964), *Commitment to Welfare*. London: George Allen and Unwind Ltd.
- Richard, M. Titmuss (1970), *The Gift Relationship: From Human Blood to Social Policy*. London: George Allen and unwind Ltd.
- Riches, G., (1986), *Food Bank and The Welfare Crisis*. Ottawa: The Canadian Council on Social Development.
- Schuh G. Edward (2003), "The Role of The Public Sector in Achieving Food Security" in *Food Security and Environmental Quality in Developing World*. Boca Raton: Lewis Publishers.
- Singer, A. (2002), *Constructing Ottoman Beneficence: An Imperial Soup Kitchen in Jerusalem*. State: University of New York Press.

- Singer, A. (2002). *Constructing Ottoman Beneficence: An Imperial Soup Kitchen in Jerusalem*. State University of New York Press.
- Sophia Murphy & Kathy McAfee (2005), *U.S. Food Aid: Time to Get It Right*. United States: Institute For Agricultural and Trade Policy.
- United Nations (1975), *Report of the World Food Conference, Rome 5-16 November 1974*. New York.
- United Nations (1982), *Disaster Prevention and Mitigation, A Compendium of Current Knowledge*, Vol 8. New York: Sanitation Aspects.
- World Bank (1986), *Poverty and Hunger: Issues and Options for Food Security in Developing Countries*. Washington: World Bank.
- Ziauddin Ahmad (1991), *Islam, Poverty and Income Distribution*. Leicester: The Islamic Foundation Markfield Dawah Centre.
- Zulkifly Mustapha, Chamhuri Siwar & Nik Hashim Nik Mustapha (1986), *Food Economy of Malaysia: Problems and Policies in Food Security*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

### **Buku Bahasa Melayu**

- Abdullah (2009), *Panduan Menyempurnakan Zakat*. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Ahmad Fuad Said (1985), *Korban dan Akikah*, Cet. 1. Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan Sdn. Bhd.
- Al-Zuḥaylī, Wahbah (1994), *Fiqh Perundangan Islam*, Jil 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Zuḥaylī, Wahbah (1994), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adīllatuhu*, (terj.) Syed Ahmad Syed Hussain *et al.*, Jil.3, Cet 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ariffin Omar (2006), *Jaminan Keharmonian Umat Menurut Sunah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Asmak Ab Rahman (2011), *Pertanian Dari Perspektif Ekonomi Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Chamhuri Siwar & Mohd Haflah Piei (1988), *Isu, Konsep dan Dimensi Kemiskinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chamhuri Siwar & Nor Aini Idris (1996), *Kemiskinan Dalam Arus Pembangunan Ekonomi Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chamhuri Siwar & Surtahman Kastin Hasan (2002), *Ekonomi Malaysia*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Chamhuri Siwar (1995), “Latar Belakang Kajian” dalam *Daerah-daerah Kemiskinan*, H. Osman Rani (ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi (2000), *Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan: Pendekatan Islam dan Sains*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), *Kamus Dewan*, Ed. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris Ahmad (1982), *Fiqh Syafi'i*, Jil. 1, Cet. 1. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Ismail Ali (1996), *Panduan Korban dan Akikah*. Kuala Lumpur: al-Hidayah.
- Jabatan Standard Malaysia (DSM) (2009), *Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan- Garis Panduan Umum (Standart Revision)*.
- JAWHAR (2009), *Manual Pengurusan Dam Haji*. Putrajaya: JAWHAR.
- Kamarudin Ngah (1992), *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Laily Paim & Sharifah Azizah Haron (2010), “Konsep dan Pendekatan Mengukur Kemiskinan” dalam Laily Paim, *Kemiskinan Di Malaysia: Isu Fundamental dan Paparan Realiti*. Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Lister R. Brown & Eric P. Eckholm (1985), *Krisis Makanan*. Abdul Wahid Ghazali (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid (1999), “Konsep dan Amalan Wakaf di Malaysia” dalam Nik Mustapha Nik Hassan, *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003), *Pengurusan Zakat*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Mohammad Alias (1995), “Kemiskinan di Daerah Kuala Pilah” dalam *Daerah-daerah Kemiskinan*. H. Osman Rani (ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Azhar Abd. Hamid *et al.* (2001), *Pengenalan Kepada Penulisan Ilmiah*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Majid Konting (1998), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib (1992), *Butir-butir Pedoman Hidup*. Kuala Lumpur: Penerbit Jasmine Enterprise.
- Mohd Radzi Othman & Ghafarullahuddin Din (2005), *Ekonomi Dalam Perspektif al-Quran dan as-Sunnah*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Sheffie Abu Bakar (1987), *Metodologi Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Mustapha Nik Hassan (1999), “Sumbangan Institusi Wakaf kepada Pembangunan Ekonomi: Satu Analisis” dalam Nik Mustapha Nik Hassan, *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Nurizan Yahaya, Tengku Aizan Hamid & Siti Farra Zillah Abdullah (2010), “Pendapatan dan Kepuasan Hidup Golongan Tua Termiskin dalam Laily Paim, *Kemiskinan di Malaysia: Isu Fundamental dan Paparan Realiti*. Serdang, Selangor: Penerbit UPM.
- Sabitha Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Sabitha Marican *et al.* (2008), *Pentadbiran dan Amalan Kerja Sosial*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Sarimah Hanim Aman Shah (2005), *Ekonomi Dari Perspektif Islam*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sheikh Abdullah Basmeih (1980), *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah (2006), *Kebajikan Sosial: Aplikasi dalam Perkhidmatan Manusia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah (2007), *Strategi Kebajikan dan Dasar Sosial di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah (2011), *Kebajikan Sosial: Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sofian Ahmad & Amir Husni Mohd Nor (2002), *Zakat Membangun Ummah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Syaikh Muḥammad Ṣalih al-Utsaimin (2008), *Panduan Wakaf, Hibah Dan Wasiat Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah*. (terj.) Abū Hudzaifah. Indonesia: Pustaka Imam Asy-Shāfi’ī.
- Syeikh Abdullah Basmah (1985), *Panduan Rasulullah Mengenai Zakat, Sedekah dan Khairat*. Kuala Lumpur: Bahagian Jabatan Perdana Menteri.
- Teuku Iskandar (2000), *Kamus Dewan*, Ed. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkifli Mohd Yusoff *et al.* (2009), *Kamus Al-Quran*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.

## **Jurnal**

- AbulHasan M. Sadeq (2002), "Waqf, Perpetual Charity and Poverty Alleviation", *International Journal of Social Economics*, Vol. 29 No. 1, hh. 135-151.
- Adrienne C. Teron & Valerie S. Tarasuk (1999), "Charitable Food Assistance: What are Food Bank Users Receiving?", *Canadian Journal of Public Health*, Vol. 90 No. 6, hh. 382-384.
- Amy Singer (2005), "Serving up Charity: The Ottoman Public Kitchen", *Journal of Interdisciplinary History*, Vol. 35 No. 3, hh. 481-500.
- Asmak Ab Rahman (2009), "Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil. 17 Bil.1, hh.113-152.
- Asmak Ab Rahman (2009), "Sekuriti Makanan dari Persektif Syariah", *Jurnal Syariah*, Jil. 17 Bil. 2, hh. 299-326.
- Bear RD and L. Madrigal (1993), "Intrahousehold Allocation of Resources in Larger and Smaller Mexican Household", *Social Sciences and Medicine*, Vol. 36 No.3, hh.305-310.
- Carlo del Ninno, Paul A. Dorosh & Kalanidhi Subbarao (2007), "Food Aid, Domestic Policy and Food Security: Contrasting Experiences From South Asia and Sub-Saharan Africa", *Food Policy* 32, hh. 413-435.
- Carmen Tse & Valerie Tarasuk (2008), "Nutritional Assessment of Charitable Meal Programmes Serving Homeless People in Toronto", *Public Health Nutrition*, Vol.11 No.12, hh.1296-1305.
- Donna Rae Paulhamus & Nancy Cotugna (1998), "A Computerized Method for Determining Outcomes in a Food Bank Distribution System", *Journal of The American Dietetic Association*, Vol. 98 No. 9, September 1998, hh.1029-1031.
- Frankenberger (1996), "Measuring Household Livelihood Security: An Approach for Reducing Absolute Poverty", *Food Forum*, Vol. 34, hh.1-6.
- Gundersen, Craig, & Victor Oliveira (2001), "The Food Stamp Program and Food Insufficiency," *American Journal of Agricultural Economics* Vol. 83 No. 4, hh. 875-87.
- Jacobs Starkey, L., Kuhnlein, H. & Gray-Donald, K. (1998), "Food Bank Users: Sociodemographic and Nutritional Characteristics", *Canadian Medical Association Journal*, Vol. 158 No. 9, hh. 1143-1149.
- Jennifer D. Irwin *et al.* (2007), "Can Food Banks Sustain Nutrient Requirements?: A Case Study in Southwestern Ontario", *Canadian Journal of Public Health*, Vol. 98 No. 1, hh. 17-20.
- Joseph H. Michalski (2003), "Housing Affordability, Social Policy and Economic Conditions: Food Bank Users in Greater Toronto Area, 1990-2000", *The Canadian Review of Sociology and Anthropology*, Vol. 40 No. 1, hh. 66-92.
- Kendal A, Olson CM & Frongillo EA (1996), "Relationship of Hunger and Food Insecurity to Food Availability and Consumption", *Journal of the American Dietetic Association*, Vol. 96 No. 10, hh. 1019-1024.
- L.C. Smith *et al.* (2000), "The Geography and Causes of Food Insecurity in Developing Countries", *Agriculture Economic*, Vol. 22, hh. 201-202.
- Lena Norme' *et al.* (2005), "Food Insecurity and Hunger Are Prevalent Among HIV-Positive Individuals in British Columbia, Canada", *Journal of Nutrition*, Vol. 135 No. 4, hh. 820-825.

- Linda Jacobs Starkey, Harriet V. Kuhnlein & Katherine Gray-Donald (1998), "Food Bank Users: Sociodemographic and Nutritional Characteristics", *Canadian Medical Association Journal*, Vol. 158 No. 9, hh. 1143-1149.
- Linda Jacobs Starkey, Katherine Gray-Donald dan Harriet V. Kuhnlein (1999), "Nutrient Intake of Food Bank Users Is Related to Frequency of Food Bank Use, Household Size, Smoking, Education and Country of Birth", *Journal of Nutrition*, Vol 129, hh. 883-889.
- Mark Nord, Margaret Andrews & Steven Carlson (2009), "Measuring Food Security in The United States: Household Food Security in the United States, 2008", *Economic Research Report*, No. 83.
- Maureen Berner & Kelley O'Brien (2004), "The Shifting Pattern of Food Security Support: Food Stamp and Food Bank Usage in North Carolina", *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, Vol. 33 No. 4, hh. 655-671.
- Maurice Schiff & Alberto Valdes (1990), "Poverty, Food Intake, and Malnutrition: Implications for Food Security in Developing Countries", *American Journal of Agricultural Economics*, Vol. 72 No. 5, hh.1318-1322.
- Mohd Saharudin Shakrani, Mohd Saifoul Zamzuri Noor & Jamal Ali (2003), "Tinjauan Isu-Isu yang Membataskan Penggunaan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil.11 Bil.2, Julai 2003, hh.73-98.
- Nnakwe, N. & C. Yegamia (2002), "Prevalence of Food Insecurity Among Households With Children in Coimbatore India", *Nutrition Research*, Vol. 22, hh.1009-1016.
- Norhasmah Sulaiman (2010), "Food Security: Concepts and Definition", *Journal of Community Health* 2010, Vol. 16 No. 2, hh. 119-120.
- Nur Annizah Ishak & Pazim @ Fadzim Othman (2005), "Food Security in Malaysia From Islamic Perspective", *Jurnal Syariah*, Jil. 13, Bil. 2, hh. 1-15.
- Oded Peri (1992), "Waqf and Ottoman Welfare Policy: The Poor Kitchen of Hasseki Sultan in Eighteenth-Century Jerusalem", *Journal of the Economic and Social History of the Orient*, Vol. 35 No. 2, hh. 167-186.
- Olson CM, BS Raustschenbach, EA Frongillo dan A. Kendall (1997), "Factors Contributing to Household Food Insecurity in a Rural Upsate New York Country", *Family Economic and Nutrition Review*, Vol. 1 No.2, hh.2-17.
- Piaseu, N. & P. Mitchell (2004), "Household Food Insecurity Among Urban Poor in Thailand", *Journal of Nursing Scholarship*, Vol. 36 No. 2, hh. 115-121.
- Riches G. (2002), "Food Bank and Food Security: Welfare Reforms, Human Rights and Social Policy. Lessons From Canada?", *Social Policy and Administration*, Vol. 36 No. 6, hh. 648-663.
- Sharon I. Kirkpatrick & Valerie Tarasuk (2009), "Food Insecurity and Participation in Community Food Programs Among Low-income Toronto Families", *Canadian Journal Public Health*, Vol. 100 No. 2, hh. 135-39.
- Singer, A. (2005), "Serving Up Charity: The Ottoman Public Kitchen", *Journal of Interdisciplinary History*, Vol. 35, No. 3., hh. 481-500.
- Studdert L.J., E.A Fronggilo & P. Valois (2001), "Household Food Insecurity Was Prevelent in Java During Indonesia's Economic Crisis", *Journal Of Nutrition*, Vol. 131, hh. 2685-2691.
- Syahnaz Sulaiman (2008), "Hukum Pembangunan Tanah Wakaf Khas Menurut Perspektif Syarak", *Jurnal Muamalat*, Bil.1, hh. 45-64.
- Takashi Yamano, Harold Alderman, Luc Christiaensen (2005), "Child Growth, Shocks, and Food Aid in Rural Ethiopia", *American Journal of Agricultural Economics*, Vol. 87 No. 2, hh. 273-288.
- Uzma Iram & Muhammad S. Butt (2004), "Determinants of Household Food Security: An Empirical Analysis for Pakistan", *International Journal of Social Economics*, Vol. 31 No. 8, hh. 753-766.

- Valerie S. Terasuk (2001), "Household Food Insecurity With Hunger Is Associated With Women's Food Intakes, Health and Household Circumstances", *Journal of Nutrition*, Vol.131 No.10, hh. 2670-2676.
- Valerie S. Terasuk (2005), "Household Food Insecurity In Canada", *Topics in Clinical Nutrition*, Vol. 20 No.4, hh. 299-312.
- Valerie S. Terasuk & Beaton G. H. (1999), "Household Food Insecurity and Hunger Among Families Using Food Banks", *Canadian Journal of Public Health*, Vol. 90 No.2, hh. 109-113.
- Valerie S. Terasuk & Joan M. Ekin (2005), "Food Assistant Through "Surplus" Food: Insights From An Ethnographic Study of Food Bank Work", *Journal of Agricultural and Human Values*, Vol. 22, hh. 177-186.
- Wilde, Parke, & Mark Nord. (2005), "The Effect of Food Stamps on Food Security: A Panel Data Approach", *Review of Agricultural Economics*, Vol. 27 No. 3, hh. 425-432.
- Zalilah Mohd Shariff & Khor Geok Lin (2004), "Indicators and Nutritional Outcomes of Household Food Insecurity Among a Sample of Rural Malaysia Women", *Pakistan Journal of Nutrition*, Vol. 3 No. 1, hh. 50-55.
- Zalilah Mohd Shariff & M. Ang (2001), "Assessment of Food Insecurity Among Low Income Households in Kuala Lumpur", *Malaysian Journal Nutrition*, Vol. 6, hh.17-32.
- Zalilah Mohd. Sharif & M. Ang (2001), "Assessment of Food Insecurity Among Low Income Households in Kuala Lumpur Using the Radimer/Cornell Food Insecurity Instrument – A Validation Study" *Malaysian Journal of Nutrition*, Vol. 7 No. 1&2, hh. 15-32.
- Zalilah Mohd. Shariff & Geok Lin Khor (2008), "Household Food Insecurity and Coping Strategies in a Poor Rural Community in Malaysia", *Nutrition Research and Practice*, Vol. 2 No. 1, hh. 26-34.

### **Kertas Persidangan**

- Abdul Halim Ramli & Kamarulzaman Sulaiman (2006), "Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Negara-negara Islam" (Kertas Kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Kuala Lumpur, 14-16 September 2006).
- Abdul Monir Yaacob (2004), "Pengurusan Wakaf: Prinsip dan Amalan Menurut Perspektif Islam" (Kertas Kerja Konvensyen Sistem Ekonomi Islam 2004 di Kuala Lumpur, 3 Ogos 2004).
- Ahmad Tajudin Abdul Rahman (2004), "Pengurusan Waqaf Berkesan: Ke Arah Pemantapan Ekonomi Ummah" (Kertas Kerja Konvensyen Sistem Ekonomi Islam 2004 di Kuala Lumpur, 3 Ogos 2004).
- Asmak Abd Rahman (2005), "Ekonomi Pertanian Dari Perspektif Al-Quran dan Amalannya di Malaysia" (International Seminar on Al-Quran di Kuala Lumpur, 19-20 September 2005).
- Azmi Mat Akhir, Roziah Omar dan Hamidin Abd Hamid (2009), "Food Security- A National Responsibility of Regional Concern: Malaysia's Case" (Conference on Food Security and Sustainable Development at Rome, 11-13 November 2009).
- Azmi Shah Suratman & Nurazmallail Marni (2006), "Sumbangan Ilmuan Islam dalam Psikologi dan Kesannya Terhadap Pembangunan Modal Insan" (Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan Peringkat Kebangsaan 2006, 26-27 Julai 2006).



- Che Muhammad Rafizi *et al.* (2006), “Makanan dan Produk Halal: Apa Pentingnya”. (Seminar Kebangsaan Produk Halal Makanan dan Barang Gunaan Islam di USM, 13-14 Julai 2006).
- Christopher B. Barrett (2006), “Food Aid as Part of a Coherent Strategy to Advance Food Security Objectives”. (ESA Working Paper No. 06-09), <ftp://ftp.fao.org/es/esa/esawp/ESAWP-06-09.pdf>.
- Dusuki Ahmad (2004), “Pengurusan Wakaf Secara Profesional: Pendekatan Amanah Raya Berhad” (Konvensyen Sistem Ekonomi Islam 2004 di Hotel Istana, Kuala Lumpur, 3 Ogos 2004).
- ERA Consumers Malaysia & DHRRA Network Malaysia, “Assessing Food Security: A Micro-Study of 24 Villages in Malaysia”, G.Umakanthan (ed.), <http://www.dhrramalaysia.org.my/dhrramalaysia/images/stories/pub/assessingfoodsecurity.pdf>, 25 Oktober 2011.
- Fatimah Mohamed Arshad *et al.* (2010), “Agenda Polisi Sekuriti Makanan Malaysia” (Kertas kerja yang dibentangkan dalam Bengkel Mengarusperdana Pertanian dalam Model Baru Ekonomi Malaysia di Bangi, 9-10 November 2010).
- Fatimah Mohamed Arshad, Mohd Fauzi Jani & Mohd Khanif Yusop (2010), “Agenda Polisi Sekuriti Makanan Malaysia” (Kertas Kerja Bengkel Mengarusperdana Pertanian dalam Model Baru Ekonomi Malaysia di Bangi, 9-10 November 2010).
- Fatimah Mohd Arshad (1997), “Sekuriti Makanan dan Isu Tanah Pertanian” (Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan tentang Land, Emerging Issues and Challenges di Pulau Pinang, 12-15 Disember 1997).
- Mahathir Amin (2011), “Sistem Pengurusan Halal Global” (Seminar Keselamatan Halal Global Pulau Pinang), <http://www.halalpenang.com/download/Sistem-Pengurusan-Halal-Global-Seminar-Keselamatan-Makanan-PPinang.pdf>, 4 April 2012.
- Mansor Ibrahim, *et al.* (2007), “Virtual Reality In Heritage Studies And Historical Reconstruction Through Animation: A Case Study Of A 16th Century University Complex In The Ottoman World” (7th International Conference on Construction Applications of Virtual Reality, 22-23 October 2007).
- Minah Dibok & Noraini Ismail (2010), “Konsep Halalan Tayyiban Dalam Pemakanan dan Kesannya kepada Pembinaan Peribadi Muslim” (Prosiding Seminar Pengurusan Perhotelan & Pelancongan Islam 2010, 22-23 Jun 2010).
- Mohamad Akram Laldin, Mek Wok Mahmud & Mohd. Fuad Sawari (2006), “Maqasid Syariah Dalam Perlaksanaan Wakaf” (Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Kuala Lumpur, 14-16 September 2006).
- Mohamad Salleh Abdullah (2009), “Pengkopratan Institusi Wakaf di Malaysia: Satu Cadangan Awal” (Kertas Kerja Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan 2009 di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 10 dan 11 Februari 2009).
- Mohd Effendi Norwawi (2001), “Food Security from The Malaysian Perspective” (Proceeding of Seminar Food Security From The Islamic Perspective at Kuala Lumpur, 29-30 May 2001).
- Mohd Ghazali Mohayidin & Ismail Abd Latif (2001), “Food Security in Malaysia’s Economic Development” (Proceeding of Seminar Food Security From The Islamic Perspective at Kuala Lumpur, 29-30 May 2001).
- Nik Mustapha Nik Hassan (2001), “The Concept of Food Security in Islam” (Proceeding of Seminar Food Security From The Islamic Perspective at Kuala Lumpur, 29-30 May 2001).
- Paizah Ismail (2003), “Keperluan Memahami Maqasid al-Syariah dalam Membina Fiqh Semasa” (Prosiding Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003, Bangi, UKM).
- Razali Othman & Rohayu Abdul Ghani (2007), “Penggunaan Institusi Wakaf Sebagai Mekanisme Untuk Membasmi Masalah Kemiskinan” (Prosiding Seminar

- Kebangsaan Sains Sosial: Sains Sosial Teras Pembangunan Modal Insan di Universiti Putra Malaysia Serdang, 20-21 November 2007).
- Razali Othman (2005), “Pembasmian Kemiskinan: Peranan dan Sumbangan Institusi Wakaf” (Kertas Kerja Persidangan Siswazah ISDEV I (2005) anjuran Projek Pengurusan Pembangunan Islam, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan dan Institut Pengajian Siswazah, 29-30 Ogos 2005).
- Safiah Mohamed, *et al.* (2006), “Ke Arah Pelaksanaan Sistem Perakaunan Wakaf yang Piawai” (Konvenseyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Kuala Lumpur, 14-16 September 2006).
- Siti Mashitoh Mahamood (2006), “Perundangan Wakaf dan Isu-Isu Berbangkit” (Kertas Kerja dibentangkan di Konvenseyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Kuala Lumpur, 14-16 September 2006).
- Syed Othman al-Habsi (1987), “Baitulmal dan Institusi Wakaf” (Kertas Kerja Seminar Pembangunan Wakaf dan Baitulmal Negeri Johor, di Johor Bahru, 24-27 Oktober 1987).
- T. Indrani (1998), “Majlis Rundingan Kebangsaan Mengenai Jaminan Makanan Di Malaysia” (Majlis Rundingan Kebangsaan di Hotel Furama, Kompleks Selangor, Kuala Lumpur, 24 – 26 Julai 1998).

## **Temubual**

- Datuk Hj. Hassanuddin Ali, Pengerusi Masjid Al-Ghufran Pinggir Taman Tun Dr Ismail PTTDI. Temubual pada 27 Mac 2012 pukul 11 pagi di Masjid Al-Ghufran, Pinggir Taman Tun Dr Ismail.
- Dr. Fadila Grine, Pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Temubual pada 21 Februari 2011 pukul 11.30 pagi di Universiti Malaya.
- Dr. Luqman Abdullah, Pensyarah Kanan di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Temubual pada 21 Disember 2011 pukul 10 pagi di Universiti Malaya.
- Encik Ghani Abdullah, Penolong Pengarah Kastam Diraja Malaysia. Temubual pada 11 Februari 2012 pukul 10.30 pagi di Universiti Malaya.
- Encik Kamal Amir Osman, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (Imam), Masjid Al-Ghufran Pinggir Taman Tun Dr Ismail (PTTDI). Temubual pada 27 Mac 2012 pukul 11.30 pagi di Masjid Al-Ghufran, Pinggir Taman Tun Dr Ismail.
- Encik Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman, Pegawai Bahagian Penyelidikan dan Produk Wakaf, Yayasan Wakaf Malaysia. Temubual melalui telefon pada 15 Februari 2012 pukul 3.30 petang.
- Encik Peter Lam Aming, penerima bantuan makanan di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN. Temubual pada 27 Disember 2011 pukul 1.00 tengah hari di Shah Alam.
- Encik Raja Singham, penerima bantuan makanan di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN. Temubual pada 13 Januari 2012 pukul 2.00 tengah hari di Shah Alam.
- Encik Yusni Abd Rahman, Pengajar Institut Kemahiran Belia Negara. Temubual pada 2 Februari 2012 pukul 3.15 petang di Institut Kemahiran Belia Negara Dusun Tua.
- Encik Zulkhairul Omar, Pengajar Institut Kemahiran Belia Negara. Temubual pada 2 Februari 2012 pukul 4.00 petang di Institut Kemahiran Belia Negara Dusun Tua.
- Puan Intan, penerima bantuan makanan di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN. Temubual pada 13 Januari 2012 pukul 1.00 tengah hari di Shah Alam.

- Puan Junaidah, penerima bantuan makanan di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN. Temubual pada 13 Januari 2012 pukul 1.30 tengah hari di Shah Alam.
- Puan Khairunnisa Khirrudin, Pengurus Pertubuhan Membela Miskin Tegar Malaysia (BELAMISKIN). Temubual pada 27 Disember 2011, pukul 10 pagi di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN, Seksyen 16 Shah Alam.
- Puan Khaliza Khaltom, Penasihat Pertubuhan Membela Miskin Tegar Malaysia. Temubual pada 13 Januari 2012 pukul 11 pagi di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN, Seksyen 16 Shah Alam.
- Puan Munirah Abdul Hamid, Pengasas dan Pengurus PERTIWI *Soup Kitchen*. Temubual pada 20 September 2011, pukul 2 petang di Neuramatix Sdn. Bhd, Midvalley.
- Puan Raja Razimah Raja Semail, Penolong Pegawai Farmasi. Temubual pada 2 Februari 2012 pukul 2.30 petang di Institut Kemahiran Belia Negara Dusun Tua.
- Puan Roziah Abudin, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA). Temubual pada 15 Mac 2012 pukul 8.30 pagi di MOA, Putrajaya.
- Puan Sarimah Arshad, penerima bantuan makanan di Pusat Makan Percuma BELAMISKIN. Temubual pada 13 Januari 2012 pukul 11.00 tengah hari di Shah Alam.
- Puan Shahirah Saliha Aipin, Eksekutif Bank. Temubual pada 15 Februari 2012 pukul 12 tengah hari di Pantai Dalam, Kuala Lumpur.
- Prof. Dato' Dr. Hj. Mohammad Hj. Alias, Timbalan Pengarah Institut Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD). Temubual pada 16 Mac 2012 pukul 9 pagi di Universiti Sains Islam Malaysia.
- Prof. Madya Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah, Profesor Madya di Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Temubual pada 16 November 2011 pukul 12 tengahari di Universiti Malaya.

## Tesis

- Asmak Ab Rahman (2004), "Pemikiran Ekonomi Islam Dalam Bidang Pertanian dan Amalannya di Malaysia" (Tesis Institut Pengajian Siswazah Universiti Malaya).
- Dayangku Norasyikin Awang Tejuddin (2005), "Keselamatan Makanan di Kawasan Tanduk Afrika" (Disertasi Jabatan Pengajian Strategik dan Pertahanan Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya).
- Dedy Rachmad (2008), "Peranan Wakaf Produktif Dalam Meningkatkan Taraf Hidup Masyarakat Muslim Di Jakarta Selatan, Indonesia" (Disertasi Sarjana Syariah Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Katrina McPherson (2006), "Food Insecurity and The Food Bank Industry: A Geographical Analysis of Food Bank Use in Christchurch" (Thesis for the Degree of Master of Arts in Geography in the University of Canterbury).
- Md Yassin Mustaffa (2000), "Pengurusan Bantuan Bencana Negara: Satu Kajian Kes Ke Atas Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri" (Disertasi Sarjana Fakulti Ekonomi Dan Pentadbiran University Malaya, Kuala Lumpur).
- Mohd. Isa Mohd. Deni (2009), "Perkembangan Sistem Takaful di Malaysia: Keprihatinan di Kalangan Siswazah" (Tesis Program Sarjana Sains Pengurusan, Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia).

- Murtadho Ridwan (2006), “Peranan Wakaf dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan: Kajian di Jawa Tengah Indonesia” (Disertasi Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur).
- Nasseri Taib (1990), “Islam and Eradication of Poverty: an Ethical Dimension of Development with Special Reverence to Malaysia five Years Plants” (Dissertation of Temple University Graduate Board).
- Noor Hashimah Sulaiman (2006), “Aplikasi Prinsip al-Wakalah dalam Sistem Pembrokeran Saham Islam di Malaysia: Kajian Terhadap Operasi BIMB Securities Sdn. Bhd. dan AmSecurities Sdn. Bhd” (Disertasi Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).
- Osman Sabran (1991), “Wakaf: Konsep dan Pengerusannya, Satu Kajian Kes di Negeri Selangor” (Tesis Sarjana Fakulti Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Siti Mardiah (2009), “Polisi Sekuriti Makanan Di Indonesia Dari Perspektif Islam: Kajian pada *PERUM BULOG*” (Disertasi Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).
- Whitney Borowko (2008), “Food Insecurity Among Working- Age Canadians With Disabilities” (Master Thesis of Public Policy in the Faculty of Arts and Social Sciences at Simon Fraser University, Vancouver).

## Laman Web

- ABIM, <http://www.abim.org.my/component/content/article/11-beritautama/586-ngo-islamperlu-santuni-golongan-gelandangan.html>, 14 Mei 2012.
- Alan Boyd, “Asia is Winning the War Against Hunger”, Asia Times. [http://www.atimes.com/atimes/Asian\\_Economy/EL05Dk01.html](http://www.atimes.com/atimes/Asian_Economy/EL05Dk01.html), 20 April 2011.
- Amy Singer, “*The Last Imaret? An Imperial Ottoman Firman from 1308/1890*”, Tel Aviv University, h.19, [http://phildev.iupui.edu/Events/docs/2010\\_WIMPS\\_Singer\\_Cohenfestschrift.pdf](http://phildev.iupui.edu/Events/docs/2010_WIMPS_Singer_Cohenfestschrift.pdf), 20 April 2011.
- Angkatan Belia Islam Malaysia, <http://www.abim.org.my/component/content/article/11-beritautama/586-ngo-islam-perlu-santuni-golongangelandangan.html>, 14 Mei 2012.
- Annual Report, Foodbank An Autralia Without Hunger, <http://www.foodbank.com.au/files/upload/Foodbank%20Annual%20Report%202010.pdf>, h. 4, 11 Ogos 2011.
- Bank Negara Malaysia, [http://www.bnm.gov.my/files/publication/sme/bm/2007/bab\\_8.pdf](http://www.bnm.gov.my/files/publication/sme/bm/2007/bab_8.pdf), 1 Januari 2011.
- Berita Harian Online, [http://www.bharian.com.my/articles/Banjir\\_Perlisjadigudangbekalanbencana/Article/](http://www.bharian.com.my/articles/Banjir_Perlisjadigudangbekalanbencana/Article/), 1 April 2011.
- Berita Harian Online, <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Krisismakanan2030/Article>, 22 November 2010.
- Berita Harian Online, [http://www.bharian.com.my/articles/Ramadanbulanibadatbukanpestamakanan/Article/print\\_html](http://www.bharian.com.my/articles/Ramadanbulanibadatbukanpestamakanan/Article/print_html), 25 April 2012.
- Berita Harian Online, [http://www.bharian.com.my/bharian/articles/TabungBencanaNSTP-MediaPrimadilancar/Article/index\\_html](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/TabungBencanaNSTP-MediaPrimadilancar/Article/index_html), 14 Disember 2010.
- Berita Harian Online, [http://www.bharian.com.my/bharian/articles/UcapanBelanjawan2012/belanjawan/belanjawan2012/article\\_html](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/UcapanBelanjawan2012/belanjawan/belanjawan2012/article_html), 20 Mei 2012.
- BIMB, <http://www.bankislam.com.my/bm/news/Pages/Bank%20Islam%20Bantu%20Golongan%20Gelandangan.aspx>, 14 Mei 2012.
- FAO, <http://www.fao.org/docrep/005/y4671e/y4671e06.htm#TopOfPage>, 26 Jun 2011.

FAO, [http://www.fao.org/es/ess/faostat/foodsecurity/Files?PolicyBrief\\_en.xls](http://www.fao.org/es/ess/faostat/foodsecurity/Files?PolicyBrief_en.xls), 22 April 2011.

FAO, <http://www.fao.org/FOCUS/E/SOFI00/img/sofirep-e.pdf>, 20 April 2011.

Feeding America, <http://feedingamerica.org/get-involved/donate/give-monthly.aspx>, 20 Ogos 2011.

Feeding America, <http://feedingamerica.org/get-involved/donate/planned-giving.aspx>, 12 Julai 2011.

Feeding America, [http://www.americanfoodbank.us/Home\\_Page.php](http://www.americanfoodbank.us/Home_Page.php), 1 November 2010.

Food Bank Australia, <http://www.foodbank.com.au/default.asp?id=1,5,,15>, 23 Ogos 2011.

Food Bank Australia, <http://www.foodbank.com.au/default.asp?id=1,4,,31>, 12 Julai 2011.

Food Bank Australia, <http://www.foodbank.com.au/>, 1 November 2010.

Food Bank Australia, <http://www.foodbank.com.au/default.asp?id=1,107,,76>, 11 Ogos 2011.

Food Bank Australia, <http://www.foodbank.com.au/default.asp?id=1,2,,128>, 5 Julai 2011.

Food Bank Australia. <http://www.foodbank.com.au/default.asp?id=1,109,,77>, 1 Julai 2011.

Food Banks Canada, <http://foodbankscanada.ca/main.cfm>, 1 November 2010.

Food Banks Canada, <http://foodbankscanada.ca/programs.htm>, 15 Ogos 2011.

Food Banks Canada, <http://www.foodbankscanada.ca/Learn-About-Hunger/Food-Banking-in-Canada.aspx>, 15 Ogos 2011.

Food For Thought Online. (2008), <http://www.foodthoughtful.ca/intro.htm>, 23 Mei 2011.

Global FoodBanking Network, [http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=foodbanking\\_history](http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=foodbanking_history), 1 Ogos 2011.

Global FoodBanking Network, [http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=foodbanking\\_find](http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=foodbanking_find), 1 Jun 2011.

Global FoodBanking Network, [http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=about\\_hunger](http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=about_hunger), 1 April 2011.

Global FoodBanking Network, [http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=foodbanking\\_how](http://www.foodbanking.org/site/PageServer?pagename=foodbanking_how), 1 Ogos 2010.

Grace Community Services, <http://www.gracecommunityservices.my/food-bank>, 13 Januari 2011.

Halal Journal, <http://www.halaljournal.com/article/3099/food-security-and-the-paradox-of-muslim-countries>, 18 Disember 2011.

Harian Metro Online, [http://www.hmetro.com.my/articles/Hidupgelandanganditengah\\_kota/Article](http://www.hmetro.com.my/articles/Hidupgelandanganditengah_kota/Article), 15 Mei 2012.

International Risk Management, [http://www.irm.org.my/Upload/waqf\\_BM.pdf](http://www.irm.org.my/Upload/waqf_BM.pdf), 20 Mei 2011.

Islam Grid, <http://www.islamgrid.gov.my/articles/ibadah/qurban.php>, 1 Mei 2012.

The Hunger Site, [http://www.thehungersite.com/clickToGive/aboutthecause/translation.faces?siteId=1&link=ctg\\_ths\\_aboutthecause/translation\\_from\\_ourstory\\_maincolumn#malay](http://www.thehungersite.com/clickToGive/aboutthecause/translation.faces?siteId=1&link=ctg_ths_aboutthecause/translation_from_ourstory_maincolumn#malay), 1 Januari 2011.

IFAD, [http://www.ifad.org/hfs/tools/hfs/hfspub/hfs\\_1.pdf](http://www.ifad.org/hfs/tools/hfs/hfspub/hfs_1.pdf), 5 September 2011.

Institut Kefahaman Islam Malaysia, <http://www.ikim.gov.my/v5/print.php?grp=2&key=383>, 1 Disember 2010.

Jabatan Kebajikan Masyarakat, [http://www.jkm.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=646&Itemid=1002&lang=ms](http://www.jkm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=646&Itemid=1002&lang=ms), 3 Mei 2012.

Jabatan Kerja Raya Malaysia, <http://bencanaalam.jkr.gov.my/content.php?ida=INFO-20080102000821&type=INFO&page=content>, 1 Januari 2011.

Jabatan Sisa Pepejal Malaysia, <http://www.kpkt.gov.my/jpspn/main.php?Content=sections&SectionID=55&IID=>, 20 Januari 2012.

JAWHAR, [http://www.jawhar.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=78&Itemid=122&lang=ms](http://www.jawhar.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=78&Itemid=122&lang=ms), 15 April 2011.

JPHPK, <http://jphpk.gov.my/Malay/formaduan/Malay/Mei%202001%2029a.htm>, 13 Disember 2010.

Kechara Soup Kitchen, <http://www.kechara.com/soup-kitchen/>, 5 Mei 2012.

Kementerian Kesihatan Malaysia, <http://www.nutrition.moh.gov.my/nutrition/pdf/Panduan%20Pemakanan/dasar%20pemakanan.pdf>, 21 Mac 2011.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, [http://www.moa.gov.my/c/document\\_library/get\\_file?uuid=7b92b98e-7937-46b3-a8e7-ec05ddc60624&groupId=10136](http://www.moa.gov.my/c/document_library/get_file?uuid=7b92b98e-7937-46b3-a8e7-ec05ddc60624&groupId=10136), 4 April 2012.

Konsumer Kini, <http://www.konsumerkini.net.my/v1/index.php/berita-terkini/isu-makanan/474-22-negara-hadapi-masalah-kekurangan-makanan>, 8 Oktober 2010.

Konsumer Kini, <http://www.konsumerkini.net.my/v1/index.php/berita-terkini/isu-makanan/474-22-negara-hadapi-masalah-kekurangan-makanan>, 8 Oktober 2010.

Laman Web Rasmi Jabatan Pertanian Malaysia, [http://www.doa.gov.my/web/guest/dasar\\_jaminan\\_bekalan\\_makanan](http://www.doa.gov.my/web/guest/dasar_jaminan_bekalan_makanan), 12 Disember 2010.

Laporan Ekonomi 2010/2011, <http://www.treasury.gov.my/pdf/ekonomi/le/1112/bab3.pdf>, 11 April 2012.

Lembaga Zakat Selangor, <http://www.e-zakat.com.my/jenis-bantuan/>, 8 Mac 2012.

Lembaga Zakat Selangor, <http://www.e-zakat.com.my/kalkulator-zakat/fidyah/>, 10 Mei 2012.

Los Angeles Regional FoodBank, <http://www.lafoodbank.org/programs/programs-for-kids/kids-cafe.aspx>, 18 September 2011.

Masjid Al-Azim, <http://www.al-azim.com/haji/qurban/hukum.htm>, 1 Mei 2012.

Masjid Al-Azim, <http://www.al-azim.com/masjid/infoislam/ibadat/aqiqah.htm>, 1 Mei 2012.

Masjid al-Salam, <http://masjidas-salam.blogspot.com/2010/08/suasana-majlis-berbuka-puasa-di-masjid.html>, 12 Mei 2012.

Mstar Online, [http://mstar.com.my/cerita.asp?sec=mstar\\_berita&file=/2011/6/10/mstar\\_berita/20110610125635](http://mstar.com.my/cerita.asp?sec=mstar_berita&file=/2011/6/10/mstar_berita/20110610125635), 24 April 2012.

Mstar Online, [http://mstar.com.my/variasi/manusia\\_peristiwa/cerita.asp?file=/2010/6/14/mstar\\_manusia\\_peristiwa/20100614102448&sec=mstar\\_manusia\\_peristiwa](http://mstar.com.my/variasi/manusia_peristiwa/cerita.asp?file=/2010/6/14/mstar_manusia_peristiwa/20100614102448&sec=mstar_manusia_peristiwa), 14 April 2012.

Pertubuhan Membela Miskin Tegar Malaysia (BELAMISKIN), <http://www.belamiskin.org/index.html>, 8 Mei 2011.

Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), [http://www.pertiwi.org/index.php?option=com\\_frontpage&Itemid=1](http://www.pertiwi.org/index.php?option=com_frontpage&Itemid=1), 8 Mei 2011.

Portal Rasmi Kementerian Kewangan Malaysia, <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ub10.pdf>, 22 November 2010.

Pusat Pungutan Zakat MAIWP, [http://www.zakat.com.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=104&Itemid=96&lang=ms](http://www.zakat.com.my/index.php?option=com_content&view=article&id=104&Itemid=96&lang=ms), 12 Mei 2012.

Second Harvest Japan, [http://www.2hj.org/index.php/what\\_is/activities](http://www.2hj.org/index.php/what_is/activities), 15 Ogos 2011.

Sistem e-kasih, Unit Penyelaran Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, [http://www.icu.gov.my/v10/pdf/artikel/kenyataan\\_media\\_ekasih.pdf](http://www.icu.gov.my/v10/pdf/artikel/kenyataan_media_ekasih.pdf), 22 September 2011.

St Mary Food Bank, <http://www.firstfoodbank.org/give.html>, 15 Julai 2011.

St. Mary Food Bank, <http://www.firstfoodbank.org/communitykitchen.html>, 15 Ogos 2011.

St. Mary Food Bank, <http://www.firstfoodbank.org/efb.html>, 15 Ogos 2011.

St. Mary Food Bank, <http://www.firstfoodbank.org/kidscafe.html>, 16 Oktober 2011.

St. Mary FoodBank, <http://www.firstfoodbank.org/history.html>, 1 Ogos 2011.

The Love Kitchen, <http://www.thelovekitchen.org/index.php>, 1 Julai 2011.

UNICEF Malaysia, [http://www.unicef.org/malaysia/msl/media\\_7420.html](http://www.unicef.org/malaysia/msl/media_7420.html), akses pada 9 Disember 2010.

Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, <http://www.icu.gov.my/v10/pg/main.php?pg=sokong&type=faq&list=fekasih>, 22 Oktober 2011.

Unit Perancang Ekonomi 2007, [http://www.kpkt.gov.my/kpkt/fileupload/PENDAPATAN\\_GARIS\\_KEMISKINAN2007.pdf](http://www.kpkt.gov.my/kpkt/fileupload/PENDAPATAN_GARIS_KEMISKINAN2007.pdf), 22 September 2011.

Unit Perancang Ekonomi. [http://www.epu.gov.my/html/themes/epu/images/common/pdf/MEIF2011\\_11.pdf](http://www.epu.gov.my/html/themes/epu/images/common/pdf/MEIF2011_11.pdf), 20 September 2011.

Utusan Malaysia Online, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1206&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Agrobiz&pg=ag\\_04.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1206&pub=Utusan_Malaysia&sec=Agrobiz&pg=ag_04.htm), 1 Januari 2011.

Utusan Malaysia Online, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0112&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Kota&pg=wk\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0112&pub=Utusan_Malaysia&sec=Kota&pg=wk_01.htm), 14 April 2012.

Utusan Malaysia Online, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0928&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0928&pub=Utusan_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke_01.htm), 14 April 2012

Utusan Malaysia Online, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0920&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt\\_04.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0920&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_04.htm), 1 Disember 2010.

World Bank, <http://www.worldbank.org/>, 5 Januari 2012.

World Food Program, <http://www.wfp.org/>, 1 April 2011.


# LAMPIRAN



# PUSAT MAKAN PERCUMA PERTUBUHAN MEMBELA MISKIN TEGAR MALAYSIA (BELAMISKIN)



Suasana di Pusat Makan Percuma yang menyediakan makanan, pakaian dan tuisyen secara percuma bagi golongan miskin.



Falsafah BELAMISKIN yang dipamerkan di Pusat Makan Percuma.




Antara penerima bantuan makanan yang datang mendapatkan makanan percuma.



Stok bekalan makanan kering yang dibeli dan yang disumbangkan oleh masyarakat.



Salah seorang sukarelawan yang sedang mengemas meja.



Mengiklankan pekerjaan kosong bagi membantu masyarakat yang memerlukan pekerjaan.

## PERTIWI SOUP KITCHEN



Van yang dijadikan 'mobile soup kitchen'.



Puan Munirah sedang mengagihkan bantuan makanan kepada penerima.



Puan Munirah dan sukarelawan bersama-sama mengagihkan bantuan makanan.



Sukarelawan yang sedang menyediakan minuman dan makanan kepada penerima.



Golongan gelandangan dan masyarakat miskin sedang beratur untuk mendapatkan bungkusan makanan.



Hujan tidak mematahkan semangat mereka untuk beratur mendapatkan makanan bagi mengalas perut.